



KEPELBAGAIAN
HIBURAN

360°



Astro bukan sekadar mengundang keceriaan ke dalam ruang tamu jutaan warga Malaysia.

Kami berusaha melengkapkan/memenuhi setiap sudut kehidupan mereka - daripada memperkasakan pelanggan kami dengan maklumat yang mutakhir serta relevan sehinggalah kepada memperjuangkan pendidikan dengan menghasilkan kandungan pembelajaran yang berkualiti dan memberi peluang yang lebih baik buat anak-anak kita.

Kepada para pelanggan, kami adalah cerminan kepelbagaian dan aspirasi mereka. Melangkah lebih jauh melangkaui tv dan radio kepada penghasilan kandungan, e-dagang dan media digital, kami menawarkan kepada mereka kaedah yang tidak terbatas untuk 'menonton, mendengar, membaca dan membeli-belah' dengan kualiti kandungan yang luar biasa di tv, tablet dan mudah alih - bukan sahaja di setiap sudut rumah mereka, tetapi juga ketika sedang sibuk.

Dengan gabungan bakat kami yang bersifat eklektik, kami menaruh keyakinan terhadap impian mereka, menyediakan ruang bukan sahaja untuk memenuhi potensi mereka, bahkan untuk turut mewarnai kehidupan orang lain. Kami memupuk perkembangan bakat sensasi para penyanyi, pelakon, wira sukan serta raja lawak Malaysia - menjadikan mereka bintang dan malahan turut mendorong mereka melangkah ke pentas dunia.

Di Astro, ia berkisar tentang menghayati pendekatan kepelbagaian media, dimensi serta budaya untuk memperkaya kehidupan semua warga Malaysia.

Semua ini membawa kita melangkaui hiburan untuk menganjak ke suatu tahap serba baharu - 360° kepelbagaian hiburan.

Tahun
Kewangan Berakhir
31 Januari

2015

FAKTA



PERATUSAN PERBELANJAAN IKLAN TV	2015	33%
	2014	31%

PENDAPATAN PENGIKLANAN

2015	2014
RM 589 JUTA	RM 582 JUTA


2015	2014
49%	47%

PERATUSAN PENONTON

SEPINTAS LALU



PENEMBUSAN ISI RUMAH



KANDUNGAN

003

PENGENALAN

- 3 Syarikat Kami
- 6 Bagaimana Kami Mencipta Nilai

008

SOROTAN

- 8 Penyata Pengerusi
- 12 Penyata Ketua Pegawai Eksekutif
- 20 Maklumat Operasi dan Kewangan
- 22 Analisis Berseghmen dan Prestasi Kewangan Suku Tahunan
- 23 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan
- 24 Penyata Nilai Tambah
- 25 Pencapaian Utama
- 26 Sorotan Acara 2014
- 30 Maklumat Korporat
- 31 Struktur Korporat
- 32 Struktur Organisasi
- 33 Kalendar Kewangan
- 34 Perhubungan Pelabur
- 36 Anugerah 2014

038

KEPIMPINAN

- 38 Lembaga Pengarah
- 44 Pengurusan Kanan

049

TADBIR URUS KORPORAT

- 49 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 64 Laporan Jawatankuasa Imbuhan
- 65 Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat
- 67 Laporan Jawatankuasa Audit
- 74 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 80 Faktor dan Strategi Pengurangan Risiko

084

GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

- 84 Landskap Pasaran
- 88 Televisyen
- 98 Radio
- 102 Penerbitan Digital
- 106 Go Shop
- 110 Tanggungjawab Korporat
- 120 Meraikan Kepelbagaian

122

PENYATA KEWANGAN

- 122 Penyata Tanggungjawab Pengarah
- 123 Laporan Pengarah
- 129 Laporan Juruaudit Bebas
- 131 Penyata Pendapatan
- 132 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 133 Kunci Kira-Kira Disatukan
- 136 Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan
- 140 Penyata Aliran Tunai
- 143 Nota Penyata Kewangan
- 231 Maklumat Tambahan Menurut Keperluan Penyenaaraian Bursa Malaysia Securities Berhad

232

MAKLUMAT LAIN

- 232 Analisis Pemegangan Saham
- 236 Senarai Pegangan Hartanah
- 237 Pendedahan Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan
- 247 Pendedahan Tambahan
- 252 Glosari

254

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- 254 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 260 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan
 - Borang Proksi

Nota:

Kami ingin memaklumkan bahawa Astro Malaysia Holdings Berhad mempunyai tahun kewangan yang berakhir pada 31 Januari. Untuk memudahkan, kami merujuk kepada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Januari 2015 sebagai "2014" dan tahun kewangan yang berakhir pada 31 Januari 2014 sebagai "2013" di seluruh Laporan Tahunan ini.



MAKLUM BALAS

Maklum balas anda dapat membantu kami memberikan anda khidmat yang lebih baik. Untuk mengakses borang maklum balas kami atas talian, anda hanya perlu muat turun pembaca kod QR pada telefon pintar anda dan imbas imej di sebelah kiri. Sebagai pilihan lain, anda boleh menghantar maklum balas anda melalui e-mel ke ir@astromalaysia.com.my.

SYARIKAT KAMI

ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD
MERUPAKAN SEBUAH KUMPULAN PEMBEKAL
KANDUNGAN DAN PENGGUNA YANG
TERKEMUKA DI MALAYSIA SERTA ASEAN,
DENGAN TUMPUAN TERHADAP EMPAT ASAS
UTAMA, IAITU MENONTON, MENDENGAR,
MEMBACA DAN MEMBELI-BELAH



Syarikat Kami

184

SALURAN TV

50

SALURAN HD

73

SALURAN JENAMA ASTRO

4.4

JUTA PELANGGAN

20


STESEN RADIO

12.9

JUTA PENDENGAR

17

E-MAJALAH



Kami menawarkan 184 saluran TV menerusi platform TV satelit DTH, IPTV dan OTT, yang mana 73 daripadanya adalah jenama Astro dan 50 adalah dalam HD, kepada 4.4 juta pelanggan kami yang membentuk 63% daripada isi rumah TV Malaysia. Kami menyediakan pelbagai cara untuk menikmati kandungan kami termasuk HD, SD, PVR, VOD, catch-up TV serta perkhidmatan IPTV menerusi Astro Beyond; dan juga NJOI, iaitu perkhidmatan yang bukan berdasarkan langganan dengan menawarkan 25 saluran TV dan 20 stesen radio percuma. Penawaran OTT kami pula, melalui Astro on the Go ("AOTG"), memberi peluang kepada pelanggan kami menikmati kandungan yang kami sediakan pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja.

Astro merupakan penerbit, pengumpul dan pengedar program bertaraf dunia di ASEAN. Harta Intelek ("IP") kandungan, rancangan dan filem kami yang telah meraih anugerah menepati citarasa masyarakat Malaysia yang berbilang budaya dan berbilang bahasa, serta berupaya menjelajah dan merentasi pasaran serantau. Selama beberapa tahun, kami telah membina sebuah perpustakaan kandungan yang menempatkan lebih 67,000 jam kandungan. Astro juga menjalinkan kerjasama dengan Pinewood Iskandar Malaysia Studios untuk menawarkan perkhidmatan penerbitan kandungan televisyen yang terbaik di dalam kelasnya.

Harta Intelekt (“IP”) kandungan, rancangan dan filem kami yang telah meraih anugerah menepati citarasa **masyarakat Malaysia yang berbilang budaya dan berbilang bahasa**, serta berupaya menjelajah dan merentasi pasaran serantau

Selain daripada perniagaan TV, Astro Radio telah meraih kedudukan sebagai stesen berbahasa Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris yang paling digemari dalam negara, menjangkau 12.9 juta pendengar setiap minggu serta 3.9 juta pelawat unik setiap bulan, masing-masing menerusi platform terestrial dan digital. Raku merupakan perintis dalam perkhidmatan penstriman muzik yang mengumpul set perbincangan (talkset) serta muzik bagi membolehkan penstriman kandungan radio kami dilakukan atas talian. Di samping itu, perkembangan pesat Astro di saluran YouTube di Malaysia (Astro Gempak) dianggap sebagai antara pendekatan untuk penggunaan digital. Aplikasi kami terus mencatatkan kejayaan baharu dari segi jangkauan dan relevansi.

Astro turut menzahirkan kehadiran dalam e-dagang menerusi Go Shop, iaitu proposisi membeli-belah dari rumah dengan menggunakan platform agnostik. Astro Digital pula adalah penerbit mudah alih tempatan yang terkemuka dan terus menyinar dalam kedua-dua aspek gaya hidup serta hiburan dengan menarik sehingga 44 juta paparan halaman dalam atas talian setiap bulan.

Selama lima tahun berturut-turut dari 2010 sehingga 2014, Astro telah memenangi Anugerah ‘Gold’ dalam kategori Media dan Hiburan pada majlis ‘Putra Brand Awards’ di samping merangkul anugerah ‘Brand of the Year’ pada 2012 dan ‘Brand Icon’ pada 2013. Astro turut menjulang ‘CASBAA Chairman’s Award’ semasa berlangsungnya di Konvensyen CASBAA 2014, ‘Silver Stevie Award’ pada majlis ‘2014 International Business Awards’, menjuarai kategori ‘Masterclass in ASEAN Leading Broadcast Satellite’ pada acara ‘ASEAN Outstanding Business Awards 2014’ serta dinobatkan sebagai ‘Organisation of the Year’ ketika berlangsungnya majlis ‘2014 National Award for Management Accounting’. Kesemua anugerah ini memperlihatkan kedudukan syarikat sebagai peneraju pasaran serantau, memiliki proposisi pelanggan yang teguh serta iltizam yang cemerlang terhadap tanggungjawab korporat dalam usaha kami untuk menjadi jenama media pilihan No. 1 ASEAN.



Bagaimana Kami Mencipta Nilai

Kami mensasarkan matlamat untuk menjadi sumber keperluan hiburan pengguna yang utama dan mencipta nilai para pemegang saham dengan memacu kecekapan serta inovasi bagi setiap perniagaan kami.

Segmen berikut mewakili komponen utama dalam rantai nilai kami:

PENGHASILAN DAN PENGUMPULAN

KELUASAN DAN KEDALAMAN KANDUNGAN

MENDAPATKAN TANGGAPAN PENGGUNA BAGI MENGENAL PASTI TREND MASA DEPAN

MEMIMPIN PENERBITAN KANDUNGAN TEMPATAN

- 10,000 jam penerbitan TV setahun
- Penyedia eksklusif kelengkapan dan perkhidmatan untuk penerbitan kandungan TV di Pinewood Iskandar Malaysia Studios
- Memupuk bakat generasi seterusnya di dalam siaran dan di luar siaran

MELABUR DALAM KANDUNGAN BERTARAF DUNIA

- Menghasilkan saluran TV jenama Astro dengan menggabungkan program dalaman serta pihak ketiga
- Hari/Tarikh tawaran kandungan

184
JUMLAH
SALURAN

50
SALURAN
HD

73
SALURAN
JENAMA
ASTRO

20
STESEN
RADIO

17
E-MAJALAH

PEMPAKEJAN

PRODUK DAN PERKHIDMATAN INOVATIF

MENGHASILKAN JENAMA YANG TEGUH DAN SEBATI DENGAN PENGGUNA

TV BERTAYAR

Produk-produk yang berbeza agar menepati semua belanjawan dan segmen

- PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH

GO HD PVR VOD iptv

- PAKEJ KELUARGA



- PAKEJ NILAI



- PAKEJ SUPER

SUPERPACK SUPERPACK PLUS

nJOI

TV SATELIT PERCUMA



STESEN RADIO



PENERBITAN DIGITAL

Bagaimana Kami **Mencipta Nilai****JUALAN DAN PENGEDARAN****PELBAGAI SALURAN DAN PLATFORM AGNOSTIK****TEKNOLOGI DAN PRODUK**

- Pendekatan pelbagai platform untuk memastikan pengalaman pengguna yang terhebat

**PENJUALAN STRATEGIK DAN INISIATIF PEMASARAN**

- Pelbagai interaksi dengan pelanggan
- Pusat Gaya Hidup Astro
- Acara turun padang bersama pelanggan
- Program ganjaran kesetiaan Astro Circle

PROPOSISI PENGIKLANAN YANG MENARIK

- TV
- Radio
- Cetak
- Digital

PELESENAN KANDUNGAN**MEMBELI-BELAH DI RUMAH**

- Mudah Alih
- Tablet
- PC
- TV

**LOGISTIK DAN KEPRIHATINAN TERHADAP PELANGGAN DI SELURUH NEGARA**

- Rangkaian pemasangan, pengedar dan peruncit di serata Malaysia
- Pusat panggilan dan keprihatinan pelanggan atas talian 24/7

PELANGGAN DAN KOMUNITI**PANGKALAN PELANGGAN YANG LUAS, BERKEMBANG DAN PELBAGAI****4.4J**

Pelanggan

63%

Penembusan Isi Rumah

RM99

ARPU

49%

Jumlah Penonton

12.9J

Jumlah Pendengar

77

Indeks Kepuasan Pelanggan

RM0.11

Dividen sesaham

Jangkauan yang luas membolehkan kami mencapai faedah skala

Rangkaian pakej dan nilai tambah produk dan perkhidmatan yang memacu pertumbuhan

Populariti merentasi platform meningkatkan daya tarikan pengiklanan

Tumpuan terhadap pelanggan kekal sebagai pendekatan utama

Memberi ganjaran kepada para pemegang saham dengan pulangan yang konsisten

PEMBANGUNAN EKONOMI

- 4,800 kakitangan membentuk kekuatan Pasukan Astro
- Menjalin kerjasama dengan 13,000 PKS
- Peluang pengiklanan untuk 2,000 syarikat
- Menyokong 26,000 pelanggan komersil

PEMBANGUNAN KOMUNITI

- Hostel Astro Kasih
- 1MCC-Astro Kem Bola dan Kem Badminton
- Kampus Astro
- Anugerah Basiswa Astro
- Projek Bantuan Banjir Astro



FTSE4Good

Penyata
Pengerusi

**TUN DATO' SERI
ZAKI BIN TUN AZMI**

Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas



Para Pemegang Saham Sekalian

Tatkala Astro melakarkan tahun ke-19nya sejak memulakan langkah dalam perjalanan yang mengujakan ini pada 1996, kami terus gigih melaksanakan strategi pertumbuhan.

Berlatarkan persekitaran yang penuh bertenaga dan didorong pula oleh perkembangan dalam trend pengguna dan kandungan, kami tetap beriltizam terhadap strategi teras dalam operasi dan kewangan, yang diketengahkan oleh sekian banyak pencapaian penting yang diraih pada tahun ini.

Penyata **Pengerusi**

• Dividen Interim TK15 •

9.0 sen/
sesaham

PENINGKATAN (berbanding TK14)

 **12.5%**• Jumlah Dividen yang Dibayar sejak
Penyenaraian (2012) •**RM 1.25**
B I L I O N**4.4** JUTA
PELANGGAN**4,800**
T E N A G A K E R J A

Pada dasarnya, kami faham bahawa untuk kekal sebagai peneraju pasaran yang selayaknya di Malaysia, di samping memenuhi hasrat jangka panjang kami, maka penambahbaikan yang berterusan terhadap tawaran kandungan dan produk kami adalah suatu kemestian agar dapat berkembang secara progresif dan memberi khidmat kepada 4.4 juta pelanggan. Usaha ini berserta dengan kepelbagaian bakat tenaga kerja kami seramai 4,800 orang, dan menerusi perkongsian yang bermakna dengan pihak berkepentingan, secara kolektifnya membentuk asas bagi perancangan masa depan kami.

ILTIZAM TERHADAP PENCIPTAAN NILAI PEMEGANG SAHAM

Penciptaan nilai yang mampan untuk para pemegang saham kekal menjadi keutamaan buat kami. Sifat penajaan tunai perniagaan membolehkan kami menerima pakai dasar dividen yang progresif. Pada TK15, kami membayar dividen interim sebanyak 9.0 sen sesaham, dan dengan itu meningkatkan jumlah bayar keluar sebanyak 12.5% berbanding tahun sebelumnya. Lembaga Pengarah juga dengan sukacitanya mencadangkan dividen akhir sebanyak 2.0 sen sesaham berhubung dengan TK15 pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, lantas menjadikan jumlah dividen sebanyak 11.0 sen sesaham bagi tahun kewangan ini, yang merupakan pembayaran sebanyak 110%. Sejak penyenaraian kami pada Oktober 2012, kami telah mengisytiharkan dan membayar dividen berjumlah RM1.25 bilion.

Sambil kami terus memacu proposisi nilai pelanggan, mengambil kesempatan terhadap trend industri baharu muncul dan memanfaatkan sebaiknya pelaburan dalam infrastruktur, kami beriltizam untuk memberi ganjaran kepada para pemegang saham dengan meningkatkan keuntungan serta aliran tunai.

ASTRO MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BESAR

Astro menarik penglibatan 4.4 juta isi rumah TV, 12.9 juta pendengar radio dan jutaan lagi di dalam negara serta di peringkat antarabangsa melalui pelbagai platform, di pelbagai skrin serta menerusi acara langsung. Hubungan yang kami miliki, dan impak kami terhadap warga Malaysia, menjadi sumber kebanggaan dan merupakan suatu tanggungjawab.

Kami berusaha memainkan peranan yang signifikan dalam industri media Malaysia, menjalin kerjasama dengan badan kerajaan seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("SKMM"), bagi menggalakkan inovasi serta menyokong pertumbuhan industri media. Tambah pula peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015 akan membuka lebih banyak peluang untuk Astro membentuk kerjasama dengan rakan sejawatnya di kawasan serantau bagi mencipta dan mengumpul kandungan yang bergema dengan kehadiran khalayak yang lebih luas merentasi kawasan serantau.

**Penciptaan nilai
yang mampan
untuk para
pemegang saham
kekal menjadi
keutamaan buat
kami**



Penyata Pengerusi

Kerjasama kami dengan Pinewood Iskandar Malaysia Studios ("PIMS") bagi menawarkan perkhidmatan penerbitan kandungan televisyen yang bersepadu melambangkan iltizam kami ke arah mencapai objektif ini. Matlamat kami adalah untuk memanfaatkan hubungan yang telah lama terjalin dengan para pemilik jaringan kerja dan pembekal kandungan antarabangsa agar PIMS menjadi hab penerbitan serantau.

Kami turut menjalinkan perkongsian dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kastam Diraja Malaysia, dan juga Polis Diraja Malaysia bagi menangani isu kandungan cetak rompak, yang semakin banyak beralih ke atas talian, kerana kami percaya bahawa perlindungan IP merupakan prasyarat untuk Malaysia mewujudkan sebuah industri media yang berkembang maju serta mapan.

Dalam mengendalikan operasi, kami membentuk kerjasama dengan lebih 13,000 PKS tempatan, menyediakan ruang pengiklanan untuk lebih 2,000 syarikat dan meningkatkan proposisi nilai lebih 26,000 perniagaan komersial dan hotel.

BERILTIZAM TERHADAP TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK

Sebagai Lembaga Pengarah, kami menyedari tanggungjawab kami terhadap semua pihak berkepentingan dan menganggap tadbir urus korporat yang baik merupakan suatu keperluan kepada operasi Astro dan keupayaannya untuk bersaing dalam pasaran. Lembaga Pengarah juga menjalin kerjasama yang erat dengan pihak pengurusan bagi menggalakkan pengurusan risiko, tadbir urus dan strategi pematuhan yang proaktif, di samping memastikan bahawa bakat kami di seluruh organisasi mempunyai pemahaman yang baik dan mengguna pakai prinsip tersebut demi memupuk pendekatan yang bertanggungjawab dan mapan dalam menjalankan perniagaan. Sebagai mengiktiraf tumpuan kami dalam mendukung amalan tadbir urus korporat

yang baik, Astro telah dinobatkan sebagai pemenang kategori bagi '2014 Malaysia - ASEAN Corporate Governance Award'.

MEMBALAS BUDI MASYARAKAT

Saya gembira dengan usaha yang dilakukan oleh Astro untuk masyarakat secara amnya. Sepanjang 12 bulan yang lalu, bakat Astro meluangkan lebih 20,000 jam untuk 161 projek berlainan di bawah program sukarela kakitangan kami, Astro Kasih, yang meliputi empat bidang tumpuan iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pembangunan Masyarakat, Alam Sekitar serta Sukan dan Kesejahteraan.

Kami berasa rendah hati dan gembira kerana inisiatif sosial korporat dan kelestarian kami telah diiktiraf oleh rakan industri, lantaran ia memberi ruang kepada kami untuk menyebarkan tanggungjawab kewarganegaraan korporat yang lebih mantap. Astro telah dianugerahkan 'Silver Stevie Award' pada majlis '2014 International Business Awards' dalam kategori 'Corporate Social Responsibility Program of the Year' (Asia, Australia dan New Zealand) untuk projek Hostel

Astro Kasih dan EkoVillage. Penglibatan dalam Projek Hostel Astro Kasih terus menzahirkan peningkatan yang ketara dalam prestasi akademik para pelajar di kesemua tiga buah asrama yang terletak di SK Magandai dan SK Malinsau di Sabah, serta SK Sungai Paku di Sarawak. Menerusi program Astro Kasih EkoVillage kami membantu membentuk aktiviti pertanian untuk masyarakat dengan mengajar para pelajar serta masyarakat teknik yang betul dalam bercucuk tanam dan memelihara ikan serta ternakan. Projek ini merupakan usaha sama dengan PEMANDU (Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri), Angkatan Tentera Malaysia serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah.

Sebagai sebahagian daripada Projek Bantuan Banjir Astro Kasih, kami menghimpunkan bakat serta masyarakat awam bagi membantu mereka yang terjejas akibat banjir paling teruk yang pernah melanda Pantai Timur Malaysia. Bagi meringankan usaha bantuan, hasil kutipan daripada beberapa rancangan Astro, contohnya: hasil kutipan daripada





konser *Maharaja Lawak Mega* dan langgan 'Strawberi & Karipap Sesat Kat Paris' di Astro First, dan daripada pembelian di Go Shop, yang berjumlah hampir RM400,000 telah disumbangkan kepada Majlis Keselamatan Negara. Selain itu, sejumlah 400 tan barangan keperluan telah dikumpulkan daripada orang ramai menerusi kerjasama antara Astro Kasih dan Tesco di seluruh negara. Lebih daripada 200 orang sukarelawan Astro turut bersama turun ke SMK Kampung Laut di Tumpat, Kelantan, yang musnah dilanda banjir bagi membantu usaha membersihkan sekolah tersebut.

Selama tiga tahun berturut-turut, 1MCC-Astro Kem Bola dan Kem Badminton Astro telah memberi peluang kepada ribuan anak muda yang bercita-cita menjadi atlet untuk dibimbing dan berlatih dengan para jurulatih serta pemain profesional. Selepas melalui proses pemilihan yang mengujakan serta tegas, 62 peserta telah dipilih dengan teliti untuk menghadiri latihan di Akademi West Ham United di

England, dan Sekolah Badminton Li Yonbo di Dongguan, China, sebagai dorongan selanjutnya untuk mereka merealisasikan impian menjadi ahli sukan lelaki dan wanita yang terbaik di dunia.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, MCMC, serta setiap badan kerajaan yang lain yang sering menjadi rakan kongsi kami yang memberikan panduan, bantuan dan berkongsi hasrat untuk membawa industri media Malaysia ke peringkat seterusnya.

Kepada pihak berkepentingan kami yang amat dihargai - para pelanggan, pemegang saham, rakan niaga, pembekal kandungan dan vendor - saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang seikhlasnya kerana menyumbang kepada kejayaan kami.

Kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah saya, terima kasih atas sokongan yang tidak ternilai dan khidmat nasihat yang diberikan sepanjang tahun ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada En. Hisham Bin Zainal Mokhtar dan mengakui sumbangannya kepada Astro sepanjang tempoh beliau memegang jawatan sebagai ahli Lembaga. Dengan itu juga, saya menggunakan peluang ini untuk mengalu-alukan Cik Quah Bee Fong sebagai ahli Lembaga Pengarah terbaharu. Cik Quah hadir berbekalkan pengalaman yang luas dalam bidang kewangan dan pelaburan korporat, khususnya dalam industri kreatif dan media.

Akhir kata, saya ingin memuji Pasukan Astro atas kerja keras, dedikasi serta semangat mereka untuk Melangkah Lebih Jauh demi memastikan kami kekal sebagai pemimpin pasaran yang merendah diri namun selayaknya memegang teraju.

TUN DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI

Bagi pihak Lembaga Pengarah

Penyata Ketua Pegawai Eksekutif

**DATO'
ROHANA ROZHAN**

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif




Para Pemegang Saham Sekalian,

Tahun 2014 merupakan tahun yang baik,
namun agak mencabar buat kami, di mana perniagaan kami terus berkembang.

Penyata Ketua Pegawai Eksekutif

Secara khususnya, pencapaian kami adalah seperti berikut:



PELUANG DAN TREND

Kami beroperasi dalam persekitaran yang amat dinamik di mana model perniagaan semasa semakin terancam.

Persaingan

Sepertimana hubungan secara besar-besaran dan model perniagaan digital membolehkan kami memberi khidmat kepada pasaran yang lebih luas, ia juga berpotensi memberi ruang kepada lebih banyak persaingan, sama ada di peringkat tempatan atau global, sehingga mencabar proposisi nilai pelanggan kami, secara sah dan melalui cetak rompak.

Bahkan, apabila pemilik IP meneroka pilihan baharu untuk menyampaikan kandungan terus kepada pengguna, memintas pengumpul dan pengedar pihak ketiga, model perniagaan yang asasnya adalah semata-mata menjadi pemain platform asli, hilang relevansinya.

Justeru itu, tumpuan kami perlu berpusat kepada trend pengguna dan terhadap kandungan yang menepati keperluan penggunaan yang berkembang. Ini termasuklah mengusahakan inisiatif yang dibangunkan secara organik, di samping membentuk kerjasama strategik. Pada masa yang sama, kami turut mengoptimalkan ekonomi kos unit agar kekal berdaya saing dalam mempakejkan produk serta perkhidmatan yang bernilai.

Tonton, Dengar, Baca dan Beli

Para pelanggan kami semakin menuntut arus perubahan kandungan yang lancar. Sehubungan itu, kami menyediakan kandungan pada semua platform yang relevan dan disesuaikan untuk pelbagai pengguna, sementara menawarkan pengalaman yang menambat hati dan mengasyikkan.

Hari ini, perkhidmatan TV linear dilengkapi oleh kandungan atas permintaan, seperti tawaran Astro First, Astro Best, Astro Plus SVOD serta perkhidmatan AOTG kami pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja. Stesen radio kami diperkuatkan oleh Raku, perkhidmatan penstriman muzik kami. Selain itu, penerbitan kami adalah dalam bentuk digital sepenuhnya dengan kehadiran yang mantap atas talian dan di media sosial, manakala proposisi membeli-belah dari rumah pula disokong oleh kedua-dua platform e-dagang dan m-dagang.

Peranti mudah alih dan individu yang terhubung

Kami sedang memperluaskan tumpuan agar bukan sekadar meliputi sekitar tujuh juta isi rumah di Malaysia, tetapi juga 30 juta individu dalam lingkungan isi rumah tersebut. Sungguhpun isi rumah tipikal meluangkan empat jam sehari di hadapan TV, individu lebih muda sentiasa memasang peranti pintar mereka dan ia berada di sisi mereka sepanjang hari, biarpun ketika sedang tidur!

Penyata Ketua Pegawai Eksekutif

Kandungan vernakular semakin dianggap sebagai premium baharu



Ini merupakan generasi pelanggan seterusnya. Dalam memberikan perkhidmatan kepada mereka, kami menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih hebat dari segi personalisasi, mobiliti, interaktiviti dan kebolehsosialan.

TUMPUAN KAMI

Kami sedar bahawa untuk menjadi peneraju pasaran yang selayaknya, kami harus sentiasa melepasi sempadan dan meninggikan tanda aras kami. Berbekalkan penetapan minda sebegini, Pasukan Astro terus berusaha keras melaksanakan aspirasi tersebut sepanjang tahun lalu.

Kandungan sebagai pembeza

Kandungan menjadi pusat DNA Astro, titik penentu tunggal mengapa rakyat Malaysia memilih kami. Kami berusaha mencipta pengalaman yang paling menambat hati dan mengasyikkan merentasi semua genre, format dan platform. Kandungan yang menepati citarasa semua dapat berdiri sebaris dengan kandungan niche, yang secara beransur-ansur mengarah kepada premium. Kesudahannya, akan sentiasa ada tempat untuk cerita yang hebat. Maka, kami beriltizam untuk menghasilkan dan berkongsi cerita yang menarik perhatian dengan para penonton. Pada dasarnya, kami percaya terhadap janji kami untuk menyampaikan sesuatu yang bernilai kepada semua, balik dari segi isi rumah ataupun mengikut kecenderungan individu.

Vernakular

Kandungan vernakular yang berkualiti semakin dianggap sebagai premium baharu dan cabaran kami adalah untuk membentuk suatu ekosistem IP yang kreatif dan berkembang maju, yang menjadi pembeza penting buat kami. Usaha ini memerlukan iltizam yang menyeluruh ke arah proses kreatif daripada asal kepada pengewangan IP menerusi semua tetingkap.

Pada tahun ini, 50 daripada rancangan kami telah melepasi sasaran satu juta penonton, yakni meningkat tiga kali ganda berbanding prestasi tahun lalu. Ini termasuklah IP utama kami seperti *Akademi Fantasia*, *Gegar Vaganza* dan *Maharaja Lawak Mega*, yang bilamana setiap satu daripadanya dapat melepasi sasaran dua juta penonton, ia telah menetapkan tanda aras baharu sebagai program realiti dengan kadar tontonan tertinggi di Malaysia.

IP vernakular kami telah menjangkau jauh melepasi skrin TV secara 360°. Contohnya *Maharaja Lawak Mega 2014* - kandungan atas taliannya mencapai 32 juta tontonan, mencecah 54 juta di media sosial, aplikasi permainan yang digabungkan dengannya telah dimuat turun 940,000 kali dan barang dagangannya habis dijual. Siaran finalnya, juga siaran di Astro, merupakan acara langsung yang dikenakan tiket dengan 90% daripada tiket telah terjual, malah, ia telah disiarkan secara langsung di skrin pawagam.

Antarabangsa

Menyokong proposisi kami bagi penonton premium di kawasan bandar adalah penawaran kandungan antarabangsa kami, di mana iltizam kami adalah untuk menyediakan perkhidmatan global yang terbaik, dan tidak ada duanya. Kami menyampaikan program yang paling diingini di seluruh dunia pada tetingkap terawal mungkin dan dengan pengalaman tontonan terbaik dalam HD, berserta pilihan atas permintaan dan set kekotak terpilih.

Pada 2014, kami telah menyiarkan 22 siri antarabangsa dan rancangan realiti dengan hari/tarikh yang sama seperti di US dan UK, dan pada 2015, para pelanggan kami boleh mengharapkan lebih lagi.

Penyata **Ketua Pegawai Eksekutif**



Kami fokus terhadap usaha menjalin kerjasama strategik bagi memastikan kami dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada para pelanggan dengan membezakan diri kami

Sukan

Kami terus memberikan para pelanggan kami kandungan sukan terbaik. Pada 2014, kami telah menyiarkan kesemua 64 perlawanan Piala Dunia FIFA 2014 secara langsung dalam HD merentasi semua platform, dengan menarik 8.2 juta penonton TV dan 1.9 juta penonton atas talian, suatu peningkatan yang ketara berbanding perlawanan terdahulu. Ia merupakan Piala Dunia terbaik buat kami sehingga kini dan kami amat mengharap untuk menyediakan lebih banyak liputan sukan, di kedua-dua peringkat tempatan dan antarabangsa. Sukan merupakan suatu genre kandungan yang mengujakan buat kami memandangkan ianya secara langsung dan meriah; namun sesuatu yang sama penting adalah keupayaannya untuk menyatu dan memberi inspirasi kepada orang ramai, bahkan sebuah negara.

Kandungan di zaman digital

Kami adalah sebahagian daripada revolusi digital yang didorong oleh percambahan peranti yang berkait, lantas menghasilkan lebih banyak pilihan untuk menikmati kandungan pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja. Peningkatan terhadap permintaan sedemikian menyokong ekonomi dalam menyediakan lebih banyak kandungan atas talian, manakala kemajuan teknologi bermakna bahawa nilai penerbitan serta pengalaman pengguna secara keseluruhannya sedang meningkat. Akibatnya, kami perlu memperluaskan diri dengan gabungan keupayaan kandungan yang tepat agar terus kekal relevan.

Piala Dunia FIFA 2014 memperlihatkan betapa besarnya dinamik perubahan ini. Statistiknya begitu menakjubkan - Piala Dunia menghasilkan penstriman data tertinggi yang pernah berlaku untuk sesebuah acara. Terdapat lebih 40 bilion tontonan bagi kandungan rasmi Piala Dunia FIFA, dan lebih 450 juta peminat dapat dijangkau menerusi kandungan rasmi Facebook FIFA. Telefon pintar telah

digunakan bukan sekadar untuk menonton perlawanan, tetapi juga sebagai skrin kedua semasa berlangsungnya pertandingan, di mana rangkaian sosial dan platform penghantaran mesej seperti Twitter dan WhatsApp rancak dengan perbincangan dan perkongsian klip. Kami menjangkakan tahap perubahan ini akan bergerak lebih pantas melangkah ke masa hadapan.

Kami akan terus berusaha untuk menghasilkan pengalaman 360° yang paling mengasyikkan dan inovatif, memenuhi hasrat pengguna dan para pengiklan di mana sahaja dan dalam apa bentuk sekalipun sesuatu kandungan dinikmati.

Kerjasama kandungan

Kami fokus terhadap usaha menjalinkan kerjasama strategik bagi memastikan kami dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada para pelanggan dengan membezakan diri kami dari segi kandungan serta pengalaman, dan juga memanfaatkan sepenuhnya terhadap pelaburan infrastruktur serta keupayaan perniagaan. Antara lain, pada tahun ini kami telah menandatangani perjanjian dengan Pinewood Iskandar Malaysia Studios yang bertaraf dunia untuk menjadi penyedia perkhidmatan penerbitan televisyen eksklusifnya. Kami turut membentuk usaha sama dengan Spark GmbH, sebuah pengendali saluran fakta antarabangsa serta Moving Visuals, sebuah syarikat penerbitan Singapura yang memiliki kepakaran dalam kandungan fakta, bagi melancarkan saluran dokumentari Asia untuk kedua-dua pasaran Malaysia dan pasaran Asia yang lebih luas.

Pengguna: jangkauan tidak terbatas

Kami mengakhiri tahun dengan berbekalkan 4.4 juta pelanggan yang mewakili 63% penembusan isi rumah. Daripada angka tersebut, 50% merupakan pelanggan TV berbayar manakala 13% adalah pelanggan NJOI. Kami menyaksikan kenaikan yang ketara

Penyata Ketua Pegawai Eksekutif

dalam pangkalan pelanggan, yang meningkat sebanyak 547,000 dan terus beriltizam untuk mencapai 80% penembusan isi rumah dalam beberapa tahun akan datang.

TV berbayar

Kami menumpukan usaha memberi khidmat kepada para pelanggan TV berbayar kami yang memberi maklum balas positif terhadap kualiti dan kepelbagaian tawaran kami. Proposisi nilai pemerkasaan kekal teguh dengan pilihan baharu, seperti *Super Pack Plus* dan *Fans Pack*, yang menawarkan pilihan, kemudahan serta nilai. Penambahan demi penambahan dari segi pelanggan TV berbayar akan muncul daripada generasi kedua isi rumah Astro yang sedia ada apabila mereka membina rumah mereka sendiri, dan juga menerusi naik taraf daripada NJOI.

NJOI

Pangkalan pelanggan NJOI kami terus melangkaui semua jangkaan dengan peningkatan lebih dua kali ganda kepada 920,000. Pelanggan NJOI kini boleh mendapatkan e-baucar prabayar daripada lebih 4,000 pusat pengedaran di seluruh Malaysia, dan melakukan pembelian dengan lancar melalui SMS. Jumlah urus niaga sedemikian pada tahun ini tumbuh lebih dua kali ganda kepada lebih sejuta pembelian. Di samping itu, oleh kerana STB mereka adalah serupa dengan apa yang digunakan oleh pelanggan TV berbayar kami, maka pelanggan NJOI dengan mudah dapat menaik taraf perkhidmatan mereka daripada model percuma kepada langganan. Tambahan pula, NJOI merupakan pemangkin

yang amat hebat dengan membantu pemacuan pertumbuhan pasaran isi rumah kaum Cina.

Tontonan diperibadikan

Di seluruh dan di sekitar rumah, pelanggan kami semakin ramai menikmati kandungan atas permintaan, disokong oleh lebih 8,000 jam kandungan yang tersedia untuk tontonan pada bila-bila masa. Buat masa ini kami mempunyai lebih kurang 715,000 pelanggan dengan PVR STB dan lebih 1.3 juta muat turun untuk aplikasi AOTG kami, di mana pengguna aktif menonton hampir 100 minit kandungan setiap minggu. Ini memperlihatkan strategi sasaran dan bersegi kami yang berjaya meraih perkongsian penggunaan, langganan dan pengiklanan secara menguntungkan.

B2B

Walaupun kandungan kami sebelum ini memberi khidmat terutamanya untuk tujuan B2C, namun setelah beberapa lama, kami telah membina kemampuan merentasi seluruh rantaian nilai kandungan, seperti dalam IP, penerbitan, pengedaran, acara langsung dan pemarkahan, yang boleh menjana kewangan secara B2B. Kami akan beransur-ansur menghalakan dan memacu perniagaan kandungan kami bagi memenuhi peluang ini.

ASEAN

Bagi melengkapi tawaran *Pay* dan *NJOI* kami, sebuah model perniagaan OTT sendiri akan membolehkan kami memenuhi pasaran yang lebih luas memandangkan sempadan geografi semakin



Penyata **Ketua Pegawai Eksekutif**



Pelaburan kami dalam teknologi dan platform mengukuhkan kemampuan kami untuk terus memberi khidmat kepada para pelanggan secara lancar

kurang relevan. Kami akan mengejar peluang untuk mendapatkan skala agar dapat bersaing dengan lebih berkesan. Bersandarkan perkongsian mantap yang sedia wujud dengan para pemain global, dilengkapi dengan keluasan dan kedalaman keupayaan kandungan, kami melihat peluang yang berpotensi menjalin kerjasama bagi melancarkan proposisi OTT pan-ASEAN yang mengkhususkan kepada segmen pengguna yang lebih premium.

Tambahan pula, pada 2015, Malaysia mengambil alih sebagai pengerusi ASEAN, sebuah rantau dengan bilangan penduduk melebihi 600 juta. Ini merupakan masa yang sesuai untuk berkongsi cerita yang mengetengahkan persamaan kita serta keindahan dalam kepelbagaian yang kita miliki. Sebagai negara berbeza yang semakin memahami dan membentuk kerjasama antara satu sama lain, kami akan membuka potensi pasaran yang diperluaskan ini.

Cita-cita kami adalah untuk menempatkan Astro sebagai sebuah syarikat kandungan dan pengguna yang utama di rantau ini.

Pengalaman pelanggan

Pelaburan kami dalam teknologi dan platform mengukuhkan kemampuan kami untuk terus memberi khidmat kepada para pelanggan secara lancar.

Pada tahun ini kami telah mengatur pelbagai penambahbaikan terhadap AOTG, terutamanya dari segi pengemudian dan penemuan kandungan dengan produk VOD dan *Multiscreen* kami, mengukuhkan janji kami kepada pelanggan untuk menyediakan pengalaman kandungan yang terbaik di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa, dan merentasi semua peranti.

Kami juga sedang menangani isu tentang peningkatan penggunaan kandungan digital di Malaysia. Dalam hal ini, kami terus menjadi penyepadu kedua-duanya, menerusi aplikasi *Raku* dan *Go Read* kami; dan juga sebagai penghasil kandungan, menerusi jenama digital kami seperti *Astro Gempak*, *Astro Awani* dan *Stadium Astro*. Strategi ini telah membuahkan hasil. Menurut Comscore, setakat Januari 2015, Astro ditempatkan sebagai penerbit #1 Malaysia pada peranti mudah alih dan #5 atas talian.

Inovasi telah diperluaskan merentasi seluruh operasi produk kami. STB kami telah dinaik taraf dengan antara muka pengguna dan EPG, yang menyediakan tayangan fungsi VOD yang lebih jelas serta pilihan vernakular tambahan merentasi Bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil. Kami juga melancarkan *Astro Payment Gateway*, suatu kaedah yang mudah, menyeluruh, dan berkesan dari segi kos untuk mengutip e-bayaran daripada para pelanggan kami.

STB kami yang terhubung kini menyediakan data laluan kembali tentang penggunaan kandungan. Dalam dunia baharu di mana penggunaan kandungan semakin bergerak meninggalkan isi rumah tradisional kepada yang bersifat lebih peribadi, kami kini mempunyai akses kepada pemahaman baharu dan menarik tentang corak penggunaan. Apabila digabungkan dengan analisis pelanggan serta kajian yang dikhususkan, ia bukan sahaja membantu kami mengoptimalkan perancangan kandungan dengan menjumlahkan impak kandungan kami merentasi format dan platform, bahkan ia turut membolehkan kami mengurus perolehan dan pengekalatan pelanggan dengan lebih berkesan. Data sebesar ini juga membolehkan kami merangka dan menyediakan penyelesaian yang lebih berkesan buat agensi media dan rakan niaga pengiklanan kami.

Penyata Ketua Pegawai Eksekutif



Membeli-belah dari rumah, yang menggabungkan nilai kandungan yang menyakinkan dan nilai hiburan dengan jangkauan serta pelaksanaan yang meluas, merupakan perkembangan kepada perniagaan kami

Penglibatan kami dalam e-dagang

Didorong oleh peningkatan dalam kemewahan dan keterkaitan, e-dagang di Malaysia yang dijangka akan mencecah nilai RM5.8 bilion pada 2015, menandakan suatu era baharu dalam industri peruncitan di negara kita.

Membeli-belah dari rumah, yang menggabungkan nilai kandungan yang menyakinkan dan nilai hiburan dengan jangkauan serta pelaksanaan yang meluas, merupakan suatu lanjutan semula jadi kepada perniagaan kami. Selain memanfaatkan pelaburan dalam infrastruktur serta mempergunakan pangkalan pelanggan sedia ada yang semakin berkembang, membeli-belah dari rumah juga membolehkan kami meraih kepakaran yang saling melengkapi dalam pengedaran produk fizikal, pemarkaran dan juga bidang e-pembayaran.

Bersandarkan ini, *Go Shop*, suatu usaha sama antara Astro dan GS Home Shopping Inc, telah dilancarkan secara rasmi pada 30 Januari 2015.

Tiga bulan pertama sebelum pelancaran rasmi, prestasi perniagaan ini telah melangkaui jangkaan dalaman kami. *Go Shop* telah meraih hasil berjumlah RM25 juta, dengan menarik 75,000 pelanggan yang membeli lebih 120,000 produk.

Kami akan terus mengetengahkan kandungan yang menghiburkan, hos yang mesra dan peramah serta demonstrasi yang membantu untuk menjadikan membeli-belah dari rumah suatu amalan yang menyeronokkan dan sering dilakukan, di samping membezakan kami daripada e-dagang tradisional. Malah, kami berhasrat untuk meneroka saluran tambahan untuk pengguna kaum Cina di Malaysia, dan menggalakkan layaran serta membeli-belah di www.goshop.com.my.

BAKAT KAMI

Bakat dalam siaran dan di luar siaran, berjumlah lebih 4,800 orang kekal sebagai aset tunggal kami yang terbesar.

Kami terus-menerus memupuk budaya berprestasi tinggi dengan mencontohi nilai Melangkah Lebih Jauh di samping menyediakan bakat kami dengan program latihan komprehensif dan peluang yang secukupnya untuk memajukan diri mereka. Kami menyedari bahawa kepelbagaian menyumbang kepada prestasi pasukan yang lebih unggul, dan dengan itu berusaha menggalakkannya di tempat kerja kami. Usaha ini terzahir menerusi hakikat bahawa hampir separuh daripada bakat kami berusia 30 tahun atau lebih muda, komposisi etnik tenaga kerja kami adalah gambaran negara Malaysia dan lebih 50% merupakan wanita. Aspirasi kami adalah untuk membolehkan bakat kami, dalam siaran dan di luar siaran, untuk mengejar dan mencapai potensi mereka secara individu supaya Astro menjadi sebuah jenama yang wajar untuk bakat mereka.

Pada 2014, Astro telah dipilih sebagai majikan siswazah ke-6 paling popular bagi '100 Leading Graduate Employers Award' di Malaysia, meningkat dari #17 pada 2013 dan #25 pada 2012, dan juga merupakan pilihan utama dalam industri kami, serta #2 di kalangan siswazah tempatan.

Penyata Ketua Pegawai Eksekutif

Kami juga berada dalam perniagaan mengenal pasti, menjadi mentor dan memupuk bakat dalam siaran. Pelawak seperti Zizan, Johan dan Nabil mengecapi kemasyhuran melalui rancangan realiti Raja Lawak, dan mereka kini merupakan bintang di filem, TV dan radio. Pengarah seperti Chiu Keng Guan telah menemui platform di Astro untuk menyampaikan cerita yang benar-benar berjiwa tempatan, dengan penghasilan filem seperti *'The Journey'*, filem tempatan yang telah memperolehi kutipan tertinggi, berjaya menyentuh hati rakyat Malaysia daripada setiap lapisan masyarakat.

Pasukan muda bahagian berita kami telah membuktikan kecekalan serta iltizam mereka yang tiada tandingannya semasa membuat liputan tentang tragedi penerbangan dan bencana banjir pada tahun ini. Bagi pihak Pasukan Astro, kami mengucapkan takziah dan melahirkan rasa simpati ini kepada semua yang terjejas oleh peristiwa tersebut.

MASYARAKAT KAMI

Teras perniagaan kami adalah penceritaan. Jangkauan kami merupakan suatu keistimewaan dan juga tanggungjawab, dan kami berhasrat untuk menghidangkan cerita yang akan memberi impak positif, yang akan menggegarkan seluruh Malaysia dan kawasan serantau.

Dalam Laporan Tahunan ini, kami berkongsi cerita tentang Emily. Kami bertemu Emily pada 2010 sebagai seorang pelajar daripada Hostel Astro Kasih yang pertama di Kampung Sungai Magandai, Sabah. Sebagai seorang pelajar yang serba boleh, Emily memulakan persekolahan Darjah 1 pada usia enam tahun, bilamana kebanyakan pelajar bermula pada usia tujuh tahun, dan menaruh impian untuk menjadi bintang bola sepak. Sebelum ini, pelajar seperti Emily perlu menempuh perjalanan sehingga sembilan jam menaiki kenderaan pacuan empat roda untuk sampai ke sekolah, SK Magandai, daripada

bandar terdekat di Kota Marudu, atau berjalan kaki selama dua hari apabila hujan yang mencurah-curah memutuskan perjalanannya. Sejak Astro Kasih membina sebuah asrama di SK Magandai, para pelajar berupaya merealisasikan potensi besar mereka. Dalam hal Emily, beliau telah menyertai pemilihan Kem Bola di Kota Kinabalu pada 2013 dan kemudiannya menyertai kem Latihan Lanjutan pada 2014, di mana beliau muncul sebagai salah seorang daripada 32 pelajar utama di Malaysia yang diberi peluang menjalani kem latihan 14 hari bersama jurulatih profesional di Cardiff, UK. Pada tahun berikutnya, Kem Bola kembali ke UK dengan pasukan bakat muda yang lain. Pada kali ini, kemahiran kepimpinan Emily telah menyebabkan beliau terpilih sebagai satu-satunya mentor perempuan kepada para pemain tersebut.

Hari ini, Emily terus mengejar impiannya - baru-baru ini beliau menjadi pelajar pertama SK Magandai yang memperoleh keputusan 5A dalam peperiksaan UPSR, di samping turut mengajar dirinya sendiri bermain gitar! Kini, sebagai pelajar di Sekolah Sukan Malaysia Sabah, satu-satunya sekolah sukan kebangsaan dalam negara yang menempatkan serta melatih pemain bola sepak wanita, beliau akan mewakili Malaysia dalam pertandingan persahabatan serantau di China pada Mei 2015.

Emily, berserta kesemua pelajar kami daripada 1MCC-Astro Kem Bola dan dan Kem Badminton Astro, mengingatkan kita tentang setinggi mana sesuatu keazaman dapat membawa kita, di samping memberi inspirasi kepada kita untuk bertindak sehingga hasrat terlaksana dan menggiatkan usaha dalam masyarakat.

PERKEMBANGAN KAMI

Peluang yang terbentang di hadapan kami adalah amat penting. Selama mana kami terus berpegang dan berpaksikan kepada keperluan pelanggan, melabur dalam pembeza utama kami, serta mengekalkan disiplin yang tegas untuk mencipta nilai, kami akan terus berkongsi perkembangan pertumbuhan kami.

Kami kekal fokus sebagai sebuah syarikat kandungan dan pengguna untuk menawarkan proposisi produk dan perkhidmatan yang diingini oleh pelanggan kami, pada nilai yang mereka mampu, dan mengikut cara yang ingin mereka gunakan.

Kami berhasrat menjadi peneraju pasaran yang selayaknya, menjajarkan pelaburan yang telah dibuat dalam modal, infrastruktur, iltizam terhadap pelanggan, inovasi kandungan serta warga kerja kami yang berbakat.

Kami akan menggalakkan faedah skala dan penambahbaikan margin di serata perniagaan kami. Ini akan memacu pulangan para pemegang saham, serta pelaburan untuk memperoleh peluang baharu.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan Astro; dari para pelabur dan pengawalselia kami, sehinggalah kepada pembekal dan rakan niaga kami, dan yang paling penting buat para pelanggan kami kerana sokongan mereka yang berterusan.

DATO' ROHANA ROZHAN

Bagi pihak Pasukan Astro



Maklumat Operasi dan Kewangan

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari					
	TK15	TK14	TK13	APTK12 ⁽²⁾	APTK11 ⁽²⁾
Hasil Operasi					
Penembusan isi rumah Astro ('000)	4,429	3,884	3,485	3,067	2,931
Tambahan kasar TV berbayar ('000)	411	499	456	334	288
Perpindahan MAT	9.9%	9.9%	7.8%	6.6%	9.5%
Tambahan bersih ('000)	547	400	418	136	1
Tambahan bersih TV berbayar ('000)	69	167	209	136	1
Tambahan bersih NJOI ('000)	478	233	209	N/A	N/A
Gantian Byond STB ('000)	276	802	770	530	330
Kadar penggunaan perkhidmatan HD ('000)	1,939	1,675	1,264	772	304
Pelanggan dengan PVR STB ('000)	715	532	299	84	21
Kadar penggunaan Multiroom ('000)	386	312	218	116	116
ARPU (RM)	99.0	96.0	93.2	89.0	84.7
Peratusan tontonan TV (%)	49%	47%	43%	41%	39%
Pendengar Radio ('000)	12,935	12,193	12,344	11,652	11,532
Perbelanjaan pengiklanan (RM juta)	589	582	504	461	417
Keputusan Kewangan (RM juta)					
Hasil	5,231	4,791	4,265	3,889	3,664
EBITDA	1,808	1,616	1,388	1,415	1,370
EBIT	920	778	785	990	1,067
PBT	721	569	575	864	1,091
PAT	514	448	420	630	828
PATAMI	519	448	418	624	824
Nisbah Kewangan					
Pulangan ke atas modal yang dilaburkan	34%	30%	28%	23%	N/A
Hutang bersih/EBITDA (kali)	1.2	1.3	1.5	2.3	N/A
Pertumbuhan hasil	9%	12%	10%	6%	13%
Margin EBITDA	35%	34%	33%	36%	37%
Margin PBT	14%	12%	13%	22%	30%
Margin PAT	10%	9%	10%	16%	23%
Dividen sesaham (sen) ⁽¹⁾	11.0	9.0	4.0	N/A	N/A
Kedudukan Kewangan (RM juta)					
Ekuiti yang berkaitan dengan pemegang ekuiti Syarikat	714	617	516	491	N/A
Jumlah aset	6,731	7,104	6,518	6,514	N/A
Jumlah pinjaman	3,503	3,664	3,703	3,710	N/A
Hutang bersih	2,150	2,030	2,095	3,232	N/A


Nota:

⁽¹⁾ Dividen sesaham terdiri daripada dividen interim dan akhir selepas pasca IPO diisytiharkan dan dicadangkan bagi tahun kewangan yang ditetapkan


⁽²⁾ Angka proforma ("AP") seperti yang dinyatakan pada muka surat 20 - 21 telah disediakan berdasarkan andaian bahawa Kumpulan AMH telah wujud sepanjang tahun kewangan yang dilaporkan. Ini adalah untuk menyediakan suatu perbandingan yang bermakna untuk prestasi kewangan dan operasi Kumpulan antara tempoh laporan tersebut

Maklumat Operasi dan **Kewangan****HASIL**


Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari (RM juta)

**EBITDA**


Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari (RM juta)

**PATAMI**

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari (RM juta)

**PENEMBUSAN ISI RUMAH ASTRO**


Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari (RM juta)

**ARPU**

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari (RM)

**KADAR PENGGUNAAN PERKHIDMATAN HD**

Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari ('000)



Analisis Bersegmen dan Prestasi Kewangan Suku Tahunan

	TK15		TK14	
	RM juta	%	RM juta	%
Hasil				
Televisyen	4,931	94%	4,529	95%
Radio	261	5%	247	5%
Lain-lain	39	1%	15	~ ⁽¹⁾
	5,231	100%	4,791	100%
PBT				
Televisyen	616	85%	438	77%
Radio	142	20%	133	23%
Lain-lain	(37)	-5%	(2)	~ ⁽²⁾
	721	100%	569	100%

Nota:


⁽¹⁾ Anggaran 0.3%⁽²⁾ Anggaran -0.4%

(dalam RM juta)	TK15				Jumlah
	S1	S2	S3	S4	
Hasil	1,254	1,349	1,280	1,348	5,231
EBITDA	441	462	427	478	1,808
EBIT	212	236	208	264	920
PBT	168	196	155	202	721
PAT	129	137	111	137	514
PATAMI	128	138	113	140	519

Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan


	TK15	TK14
	RM juta	RM juta
Aset		
Hartanah, loji & peralatan	1,881	2,157
Aset tidak ketara	1,956	1,870
Inventori	13	18
Penghutang, deposit & bayaran terdahulu	1,069	1,146
Deposit, tunai & baki bank, & unit amanah	1,354	1,634
Lain-lain	458	278
	6,731	7,103
Ekuiti & Liabiliti		
Modal saham	520	520
Rizab	174	93
Pemiutang & akruan	2,348	2,675
Pinjaman	3,503	3,664
Cukai & liabiliti cukai tertunda	151	135
Lain-lain	35	16
	6,731	7,103

ASET



- Hartanah, Loji & Peralatan
- Aset Tidak Ketara
- Inventori
- Penghutang, Deposit & Bayaran Terdahulu
- Deposit, Tunai & Baki Bank, & Unit Amanah
- Lain-lain

EKUITI & LIABILITI



- Modal Saham
- Rizab
- Pemiutang & Akruan
- Pinjaman
- Cukai & Liabiliti Cukai Tertunda
- Lain-lain

Penyata Nilai Tambah

	TK15	TK14
Nilai Tambah	RM juta	RM juta
Hasil	5,231	4,791
Perbelanjaan operasi	(2,571)	(2,307)
Pendapatan operasi yang lain	104	86
Jumlah nilai tambah	2,764	2,570
Penyesuaian:		
PAT	514	448
Tambah: Susut nilai, kemerosotan dan pelunasan	1210	1,187
Kos kewangan	250	268
Kerajaan	233	142
Kepentingan bukan kawalan	6	~ ⁽¹⁾
Kos kakitangan	551	525
Jumlah nilai tambah (tersedia untuk agihan)	2,764	2,570
Nilai Diagihkan		
Kakitangan		
Kos kakitangan	551	525
Kerajaan		
Cukai	207	120
Kawal selia	26	22
Penyedia modal		
Dividen	507	442
Kos kewangan	250	268
Kepentingan bukan kawalan	6	-
Pelaburan semula dan pertumbuhan masa depan		
Susut nilai, kemerosotan dan pelunasan	1,210	1,187
Perolehan tertahan	7	6
Jumlah Diagihkan	2,764	2,570

Nota:

⁽¹⁾ Anggaran kerugian RM0.2 juta yang berkaitan dengan kepentingan bukan kawalan

Pencapaian Utama

1996

- Melalui pelancaran satelit MEASAT-1, MBNS, salah sebuah subsidiari milik penuh kami, telah memulakan perkhidmatan TV berbayar satelit DTH dengan 22 saluran TV dan 5 stesen radio
- Memperkenalkan format pengaturcaraan radio, penyiar pertama yang memperkenalkan format ini di pasaran Malaysia

1997

- MBNS telah diberi lesen penyiaran selama 25 tahun yang boleh diperbaharui bagi penyediaan perkhidmatan penyiaran di Malaysia, dengan hak eksklusif perkhidmatan TV satelit DTH sehingga tahun 2017 dan hak bukan eksklusif sehingga tahun 2022

2003

- Mengatasi satu juta pelanggan kediaman TV berbayar

2007

- Mengatasi dua juta pelanggan kediaman TV berbayar
- Memperkenalkan *Astro On Demand*, perkhidmatan *Near Video On Demand (NVOD)* TV yang pertama di Malaysia

2009

- Melancarkan inisiatif *Astro Byond* yang terdiri daripada DTH hibrid dan STB yang boleh menggunakan jalur lebar serta platform agihan untuk menyediakan antara lain, perkhidmatan HD
- Melancarkan perkhidmatan *Astro Byond* dengan perkhidmatan HD pertama di Malaysia
- Memenangi "CASBAA Chairman's Award" atas sumbangan cemerlang Astro kepada industri TV berbayar di rantau ini

2010

- Memperkenalkan siaran 3D pertama di Malaysia dan Asia Tenggara untuk Piala Dunia FIFA 2010
- Melancarkan perkhidmatan *Astro Byond PVR*
- Melancarkan *Astro Tutor TV UPSR*, saluran ulangkaji peperiksaan yang inovatif
- Menerima anugerah "Gold" bagi kategori Media dan Hiburan pada majlis "Putra Brands Awards 2010", anugerah jenama pengguna terunggul di Malaysia

2011

- Memperkenalkan *Astro Byond IPTV*, menerusi kerjasama dengan TIME, untuk menyampaikan perkhidmatan IPTV melalui rangkaian jalur lebar gentian optik TIME
- Melancarkan *Astro First*, yang pertama di Malaysia menawarkan tayangan filem dengan membayar setiap tontonan menggunakan tettingkap pawagam hampir, dan disediakan menerusi STB kami
- Melancarkan *Super Pack* yang merangkumi kandungan terbaik kami, termasuk perkhidmatan HD dan PVR, untuk meningkatkan nilai proposisi kami buat para pelanggan
- Melempi tiga juta pelanggan kediaman TV berbayar
- Menerima anugerah "Gold" dalam kategori Media dan Hiburan pada majlis "Putra Brands Awards 2011", anugerah jenama pengguna terunggul di Malaysia

2012

- Melancarkan NJOI, TV satelit DTH berasaskan bukan langganan yang pertama di Malaysia
- Menerima anugerah "Brand of the Year" dan "Gold" dalam kategori Media dan Hiburan pada majlis "Putra Brand Awards 2012", anugerah jenama pengguna terunggul di Malaysia
- Melancarkan AOTG, perkhidmatan hiburan kami untuk telefon pintar, tablet dan PC, serta VOD berasaskan jalur lebar
- Astro Malaysia Holdings Berhad disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities

2013

- Melancarkan AOTG International untuk membolehkan warga Malaysia menonton kandungan TV Astro pada telefon pintar, tablet dan komputer riba di mana-mana sahaja di dunia
- Membentuk perjanjian dengan MEASAT Satellite Systems Sdn Bhd untuk menggunakan kapasiti transponder jenis enam jalur KU pada satelit M3c
- Menandatangani perjanjian dengan TM Net Sdn Bhd untuk siaran HD *Astro SuperSports* dan 2 HD *Astro SuperSports* pada HyppTV
- Terpilih sebagai salah satu *Putra Brand Icon* dan muncul sebagai jenama terkemuka dalam kategori Media dan Hiburan pada majlis 'Putra Brand Awards' 2013
- Melancarkan *Value Pack* yang didatangkan dengan tiga pilihan - *Nilai Pack*, *Namma Pack* dan *Wah Pack*. Ia menawarkan kandungan vernakular dan perkhidmatan HD pada harga yang termampu
- Memperkenalkan IPTV *Astro Byond* bersama Maxis, dengan menawarkan yang terbaik daripada TV Astro, jalur lebar berkelajuan tinggi dan perkhidmatan telefon kediaman

Sorotan Acara 2014



FEBRUARI

- Memperkenalkan Panduan TV pelbagai bahasa generasi berikutnya, yang pertama seumpamanya di Malaysia kepada semua pelanggan Astro Beyond. EPG Pelbagai Bahasa ini memperkayakan pengalaman dan menjadikannya lebih bermakna untuk pelanggan yang lebih gemar mencari dan menonton program kesukaan mereka, sama ada dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Mandarin atau Tamil.

MAC

- Filem blockbuster Astro, *The Journey* telah mencipta rekod baharu jualan terlaris bagi filem Malaysia yang meraih pungutan tertinggi dengan kutipan melebihi RM17 juta dalam masa 56 hari sejak mula ditayangkan pada 30 Januari 2014.
- Sebagai penghormatan yang sewajarnya buat seorang legenda filem dan dermawan, iaitu mendiang Sir Run Run Shaw, Astro telah mendedikasikan sebuah saluran eksklusif yang menampilkan enam filem klasik yang pernah menggondol anugerah daripada Shaw Brothers Studio, bermula dari 28 hingga 30 Mac 2014.

APRIL

- Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Azteca, sebuah penerbit program berbahasa Sepanyol yang terkemuka dan juga Global Station, sebuah syarikat penerbitan program TV yang utama di Malaysia untuk menerbit dan mengedarkan telenovela. Astro dan Global Station akan menjadi penerbit bersama format telenovela Azteca yang disesuaikan untuk warga Malaysia dan khalayak di kawasan serantau manakala Azteca menguruskan pengedaran di peringkat antarabangsa.
- Dipilih sebagai jenama terkemuka dalam kategori Media dan Hiburan pada majlis 'Putra Brand Awards' 2014. Astro muncul sebagai jenama pilihan dalam kategori ini untuk lima tahun berturut-turut.
- Filem tempatan No. 1 Malaysia *The Journey* mengadakan tayangan perdana di Eropah semasa berlangsungnya '16th Udine Far East Film Festival' di Udine, Itali.

MEI

- Melancarkan *Kah Lai Toi*, saluran variasi berbahasa Kantonis dalam *Family Pack*.

JUN

- Astro, penyiar rasmi Piala Dunia FIFA 2014, telah menawarkan kepada warga Malaysia liputan paling komprehensif rancangan terhebat di dunia dengan kesemua 64 perlawanan langsung pada lima saluran HD yang dikhususkan serta lima saluran SD yang dikhususkan di *Astro TV* dan *Astro On the Go*. Buat pertama kalinya, *Astro Go 2014 FIFA World Cup App* telah diperkenalkan, di mana kesemua 64 perlawanan langsung telah disediakan pada komputer tablet, telefon pintar dan PC, dengan enam tayangan multikamera.
- Astro *Wah Lai Toi* menjadi hos *Asian Battleground* yang julung kali diadakan. Ia merupakan pertandingan tarian jalanan yang terbesar di Asia. Krew penari Malaysia 'S-Sticker' muncul sebagai pemenang tempat kedua.

Sorotan Acara 2014



- Astro Radio dan Revive Isotonic melancarkan kempen 'Rev-Kan Padang Anda' bagi menghidupkan kembali permainan bola sepak di padang kawasan perumahan di mana para pemain amatir menguasai padang permainan mereka untuk dipasangkan dengan papan-A, jaring baharu untuk tiang gol dan melukis semula garis padang.

JULAI

- Memperkenalkan saluran *Astro On Demand* ("AOD") untuk pelanggan *Dynasty Pack* tanpa sebarang kos tambahan. Saluran AOD ini menawarkan siaran drama TVB yang terbaharu pada waktu yang sama seperti di Hong Kong.
- Astro Productions Sdn Bhd ("APSB") dan Iskandar Malaysia Studios Sdn Bhd ("IMS") mengumumkan kerjasama mereka untuk menawarkan perkhidmatan penerbitan kandungan televisyen bersepadu bertaraf dunia di IMS. Di bawah perjanjian lima tahun ini, IMS melantik APSB sebagai penyedia kelengkapan dan perkhidmatan eksklusif untuk penerbitan kandungan televisyen bertempat di dua buah studio televisyen HDnya yang berkeluasan 12,000 kaki persegi.

- Melancarkan saluran *HD BollyOne* yang menawarkan filem, rancangan anugerah dan berita hiburan daripada Bollywood.

OGOS

- Menyambut Hari Kemerdekaan ke-57 dengan dua kempen bermula dari 15 Ogos sehingga 16 September 2014. Kempen pertama, *Negaraku*, menyiaran yang terbaik di Malaysia menerusi 48 program baharu merentasi pelbagai saluran TV dengan meraikan keindahan dan kepelbagaian Malaysia. Kempen Kemerdekaan kedua merupakan kempen menderma darah di seluruh negara untuk mengukuhkan mesej 'Semangat Perpaduan Mengalir dalam Diri Kita'.

SEPTEMBER

- Kantar Media, peneraju dunia dalam pengukuran jumlah penonton televisyen, telah dilantik untuk mengatur dan menguruskan perkhidmatan pengukuran jumlah penonton televisyen proprietari, yang bukan sahaja meliputi tontonan saluran SD dan HD linear, tetapi juga mengumpul pengukuran jumlah penonton daripada perkhidmatan seperti PVR, VOD dan Televisyen Interaktif dengan data yang dikumpulkan daripada STB pelanggan menggunakan teknologi Data Laluan Kembali.

- Melancarkan kempen 'Hari yang Sama seperti US' di mana para penonton Astro boleh menonton siri TV US terkini pada hari dan tarikh yang sama seperti siaran perdananya daripada negara asal. Astro menerajui inisiatif ini dan bekerjasama dengan rakan salurannya HBO, FIC, SPE Networks, NBC Universal dan AETN serta banyak lagi, bagi menyediakan sebanyak mungkin siri daripada senarai *Fall TV* hanya beberapa jam selepas siaran pertamanya. Para penonton kini boleh mencari kedua-dua rancangan tempatan dan serantau yang terbaharu di Astro dan juga siri US serta UK yang mutakhir.

Sorotan Acara 2014



OKTOBER

- Menyertai usaha sama dengan Spark GmbH dan Moving Visuals International Pte Ltd yang bertempat di Singapura untuk menerbitkan saluran fakta dan dokumentari HD yang dikhususkan dan yang pertama di Asia, iaitu Spark Asia, yang akan disiarkan secara langsung pada pertengahan tahun 2015.
- WWE LIVE dibawa kembali ke Malaysia selepas terhenti selama 12 tahun. John Cena mengetuai barisan lebih 20 Bintang Handalan dan Diva WWE untuk menampilkan rancangan langsung yang menggegarkan dan menghiburkan selama dua malam di Putra Stadium pada 10 dan 11 Oktober 2014.
- Projek CSR Astro telah diiktiraf oleh *International Business Awards* ("IBA") untuk tiga tahun berturut-turut. Astro telah dinobatkan sebagai pemenang Silver Stevie Award pada IBA 2014 bagi kategori 'Corporate Social Responsibility Program of the Year

(Asia, Australia dan New Zealand) untuk projek Astro Kasih Hostel dan EkoVillage. Pada 2013 dan 2012, projek Astro 'Beautiful Malaysia: Longest Underwater Clean Up' serta projek Hostel Astro Kasih, masing-masing telah dianugerahkan dengan *Silver Stevie Award*.

NOVEMBER

- Melancarkan Sepak Takraw League ("STL"), liga sepak takraw amatir yang julung kali diadakan di Malaysia. STL merupakan perkongsian dengan Persatuan Sepaktakraw Malaysia dan Asia Sports Ventures Pte Ltd, sebuah subsidiari milik penuh Astro bagi mengurus, membangun dan mempromosi sepak takraw di peringkat global. STL berhasrat menjadi platform yang dapat memberi nafas baharu kepada kualiti permainan dalam negara, yang menyalakan kembali semangat kecintaan warga Malaysia terhadap permainan tersebut dan menempatkan sepak takraw sebagai sukan terulung.

- Melancarkan 10 saluran baharu yang merangkumi 8 saluran HD dan 2 saluran SD. Saluran HD yang baharu adalah FOX Family Movies HD, FOX Action Moveis HD, HITS HD, FYI HD, Astro AEC HD, Astro Shuang Xing HD, DIVA HD dan FOX HD, manakala saluran baharu SD adalah ZooMoo serta Celestial Classic Movies.
- Mendapat hak penyiaran dan pengedaran drama Kantonis daripada Hong Kong Television Network Limited ("HKTV"). Para penonton Astro merupakan antara yang pertama di rantau ini menonton drama HKTV di Astro Shuang Xing dan atas permintaan melalui PVR dan AOTG yang terkait.
- Mengetengahkan Astro Plus, perkhidmatan video premium atas permintaan yang mempunyai lebih seribu jam tawaran filem Hollywood, rancangan TV daripada US dengan musim yang lengkap serta rancangan untuk kanak-kanak melalui PVR dan AOTG yang terkait.

Sorotan Acara 2014



- Melancarkan dua pakej baharu - *Fans Pack* dan *Super Pack Plus*, untuk memberikan para pelanggan lebih pilihan dan nilai. *Fans Pack* menarik peminat sukan yang suka menonton dalam HD dan menonton kandungan ketika sibuk dengan penambahan hiburan tempatan dan Asia yang terbaik. Sementara itu, *Super Pack Plus* menawarkan perkhidmatan video atas permintaan yang baharu, melebihi 170 saluran, HD, PVR *Astro Plus* dan juga akses penuh kepada *AOTG*, *Astro Read* serta *Raku*.
- Program Kem Badminton Astro 2014 sampai ke kemuncaknya dengan latihan selama dua minggu untuk 30 peserta terpilih di Sekolah Badminton Li Yongbo yang berprestij di Dongguan, China, dari 15 - 25 November 2014. Para peserta telah dilatih oleh jurulatih sekolah tersebut yang diketuai oleh Tang Xianhu, jurulatih badminton

tersohor yang juga melatih para pemain hebat China. Program ini merupakan kerjasama antara Astro Kasih, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia & Sukan, Persatuan Badminton Malaysia serta Sekolah Badminton Li Yongbo.

- Pertandingan nyanyian Hokien utama *Astro Hua Hee Dai*, iaitu *Hua Hee Karaoke* membuat kemunculan pertamanya di pentas antarabangsa. Bakat Malaysia, Lau Kai Wen telah dijulung sebagai juara.

DISEMBER

- Tersenarai dalam Indeks Bursa Malaysia FTSE4Good yang telah dirangka untuk mengukur prestasi syarikat yang memperlihatkan amalan baik dalam penjagaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus. Setelah memenuhi kriteria kemasukan yang diiktiraf di peringkat global, Astro adalah antara 24 syarikat Malaysia yang terpilih menyertai senarai.
- Memulakan kempen sambutan Tahun Baru Cina dengan memperkenalkan barang mainan mewah Xi Xi, Ha Ha dan Yang Yang serta sebuah album CNY. 50,000 set barang mainan dan 60,000 album berjaya dijual.

Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

TUN DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI

Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

DATUK CHIN KWAI YOONG

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas/
Pengarah Kanan Bebas

DATUK YVONNE CHIA

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

AUGUSTUS RALPH MARSHALL

Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas

DATO' MOHAMED KHADAR BIN MERICAN

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

QUAH BEE FONG

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(dilantik pada 24 April 2015)

DATO' ROHANA ROZHAN

Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif

BERNARD ANTHONY CRAGG

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

HISHAM ZAINAL MOKHTAR

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(meletak jawatan pada 24 April 2015)

LIM GHEE KEONG

Pengarah Silih Ganti kepada Augustus Ralph Marshall

SETIAUSAHA SYARIKAT

Liew Wei Yee Sharon (No. 7908)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 3, Bangunan Pentadbiran
All Asia Broadcast Centre
Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi
Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
Malaysia

No. Telefon : +603 9543 6688

No. Faks : +603 9543 3007

Laman Web : www.astro-malaysia.com.my

PENYENARAIAH BURSA SAHAM

PAPAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

(Disenaraikan sejak 19 Oktober 2012)

Kod Saham : 6399

Sektor : Perdagangan &
Perkhidmatan

PENDAFTAR SAHAM

SYMPHONY SHARE REGISTRARS SDN BHD

Aras 6, Symphony House
Blok D13, Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia

No. Telefon : +603 7841 8000

No. Meja Bantuan : +603 7849 0777

No. Faks : +603 7841 8151/
+603 7841 8152

JURUAUDIT DAN AKAUNTAN MELAPOR

PRICEWATERHOUSECOOPERS

Aras 10, 1 Sentral, Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
50706 Kuala Lumpur
Malaysia

No. Telefon : +603 2173 1188

No. Faks : +603 2173 1288

BANK-BANK UTAMA

CIMB BANK BERHAD

Tingkat 20, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
No. Telefon : +603 2261 8888

CITIBANK BERHAD

Aras 45, Menara Citibank
165 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon : +603 2383 8585

MALAYAN BANKING BERHAD

Tingkat 32, Menara Maybank
100 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon : +603 2070 8833

RHB BANK BERHAD

Aras 7, Tower Three
RHB Centre
Jalan Tun Razak
50450 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon : +603 9287 8888

Struktur Korporat

TV & Radio

MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd 100%

- Astro Radio Sdn Bhd 100% > DVR Player.Com Sdn Bhd 100%
- Perfect Excellence Waves Sdn Bhd 100%
- MEASAT Digicast Sdn Bhd 100%
- Maestra Broadcast Sdn Bhd 100%
- MEASAT Radio Communications Sdn Bhd 100%
- Radio Lebuhraya Sdn Bhd 100%
- Yayasan Astro Kasih 100%

Astro Productions Sdn Bhd 100%

Astro Production Services Sdn Bhd 100% (dahulunya dikenali sebagai Matinee Productions Sdn Bhd)

Jualan Kandungan & Media

Astro Entertainment Sdn Bhd 100%

- Maestro Talent and Management Sdn Bhd 100%
- Astro Arena Sdn Bhd 100%
- Astro Sports Marketing Sdn Bhd 100% > Asia Sports Ventures Pte Ltd 100%
- Astro Awani Network Sdn Bhd 80%
- Spark Asia TV Pte Ltd 30%

Astro Shaw Sdn Bhd 100%

- Tayangan Unggul Sdn Bhd 100%
- Nusantara Films Sdn Bhd 100%
- Karya Anggun Sdn Bhd 100%

Media Digital & Penerbitan

Astro Digital Sdn Bhd 100%

- Astro Digital 5 Sdn Bhd 100%
- Astro Digital Publications Sdn Bhd 100%

Peruncitan

Astro Retail Ventures Sdn Bhd 100%

- Astro GS Shop Sdn Bhd 60%

Lain-lain

Astro Group Services Sdn Bhd 100%

Astro (Brunei) Sdn Bhd 100%

- Kristal-Astro Sdn Bhd 50%


MBNS Multimedia Technologies Sdn Bhd 100%

- Advanced Wireless Technologies Sdn Bhd 25% > UMTS (Malaysia) Sdn Bhd 100%



(Company No. 932533-V)
(Incorporated in Malaysia under the Companies Act, 1965)

Struktur Organisasi



Kalendar Kewangan

18 JUN 2014

- Pengumuman keputusan belum diaudit bagi suku pertama berakhir 30 April 2014
- Pengumuman dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015

17 JULAI 2014

- Tarikh bayaran untuk dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015

18 JULAI 2014

- Tarikh bayaran untuk dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014

19 SEPTEMBER 2014

- Pengumuman keputusan belum diaudit bagi suku kedua berakhir 31 Julai 2014
- Pengumuman dividen interim kedua satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015

20 OKTOBER 2014

- Tarikh bayaran untuk dividen interim kedua satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015

11 DISEMBER 2014

- Pengumuman keputusan belum diaudit bagi suku ketiga berakhir 31 Oktober 2014
- Pengumuman dividen interim ketiga satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015

12 JANUARI 2015

- Tarikh bayaran untuk dividen interim ketiga satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015

30 MAC 2015

- Pengumuman keputusan belum diaudit bagi suku keempat dan tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015
- Pengumuman dividen interim keempat satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham biasa dan cadangan dividen akhir satu peringkat sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015

29 APRIL 2015

- Tarikh bayaran untuk dividen interim keempat satu peringkat sebanyak 2.25 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015


19 MEI 2015

- Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa serta penerbitan Laporan Tahunan dan Pekeliling kepada Para Pemegang Saham

17 JUN 2015

- Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga (selepas penyenaian)

Perhubungan Pelabur



PIAGAM KAMI

Astro beriltizam melaksanakan strategi pertumbuhannya bagi menzahirkan kemampanan jangka panjang dan mencipta nilai untuk para pemegang sahamnya.

Sejak disenaraikan pada Oktober 2012, Astro telah mengisytiharkan dividen interim pada setiap suku tahun dan mengeluarkan dividen akhir setiap tahun, dan dengan itu memberikan pulangan tunai secara konsisten kepada para pemegang saham. Dengan memanfaatkan modal yang telah dilabur dan didorong oleh pertumbuhan berterusan, sasaran kami adalah untuk mengamalkan dasar dividen yang progresif untuk memberi ganjaran kepada para pemegang saham kami yang setia.

Pada tahun ini, kami mengumumkan empat bayaran dividen suku tahunan sebanyak 2.25 sen sesaham, peningkatan sebanyak 12.5% daripada tahun sebelumnya; dan dengan tertakluk kepada kelulusan pemegang saham, bayaran dividen akhir sebanyak 2.0 sen sesaham, iaitu meningkat 100% berbanding dividen akhir tahun lalu sebanyak 1.0 sen sesaham. Jumlah dividen kami sebanyak 11.0 sen sesaham bagi TK15 adalah menyamai kadar hasil dividen kira-kira 3.5%. Kami kekal sebagai sebuah perniagaan penjana tunai yang tinggi, di mana Aliran Tunai Bebas ("FCF") adalah 255% daripada Untung Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti ("PATAMI"), dan jumlah bayar keluar dividen ialah 43% daripada FCF.

PENGLIBATAN PELABUR

Falsafah penglibatan pelabur yang proaktif membolehkan kami berkongsi strategi dan prestasi perniagaan kami, di samping memastikan penyebaran maklumat yang adil serta tepat pada masanya. Kami mengekalkan dialog yang berkesinambungan antara pengurusan kanan dan pihak berkepentingan yang dihargai, terutamanya para pelabur dan penganalisis penyelidikan, agar mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini tentang trend berkaitan syarikat dan industri.

Perhubungan Pelabur

Pada tahun lalu, kami mengendalikan lebih 200 mesyuarat secara bersemuka dan melalui panggilan telesidang dengan bagi kedua-dua pihak pembeli dan penjual. Selain itu, kami turut mendekati masyarakat secara meluas dengan menyertai persidangan serta jerayawara tanpa urus niaga di peringkat tempatan dan antarabangsa. Sepanjang tahun lalu pihak pengurusan kanan kami telah mengambil bahagian dalam persidangan Invest Malaysia, Persidangan Pelaburan Credit Suisse Asia serta Persidangan Telekomunikasi, Media dan Teknologi JP Morgan, di samping turut menghadiri jerayawara bukan urus niaga yang diadakan di beberapa bandar di Asia, Eropah dan Amerika Syarikat. Kami menggunakan wadah ini sebagai suatu peluang untuk berkongsi tesis pelaburan dan hasrat pertumbuhan Astro agar dapat menarik pelaburan kepada organisasi dan dengan itu memperolehi pangkalan pemegang saham yang lebih dipelbagaikan serta menggalakkan tahap kecairan yang lebih tinggi bagi saham kami. Kami berbesar hati mendapat banyak dana dari institusi jangka panjang yang bereputasi baik di peringkat tempatan dan antarabangsa sebagai pemegang saham terbesar kami.

Portal korporat kami, www.astromalaysia.com.my bertindak sebagai platform komunikasi dan sumber maklumat untuk para pemegang saham dan masyarakat umum. Kami mengalu-alukan maklum balas daripada komuniti pelabur untuk terus memperbaiki interaksi kami dengan mereka. Pasukan Perhubungan Pelabur boleh dihubungi melalui ir@astromalaysia.com.my.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Setiap suku tahun, keputusan kewangan kami diumumkan kepada orang ramai menerusi pengumuman kepada Bursa Securities. Pengumuman ini mengandungi penyata kewangan yang terperinci, ringkasan petunjuk kewangan dan operasi serta analisis prestasi.

Dua kali setahun, iaitu sebaik sahaja selepas pengumuman kepada Bursa Securities, satu sidang akhbar diadakan untuk mengemas kini pihak media dan memberi maklum balas kepada sebarang persoalan. Selain itu, panggilan persidangan setiap suku tahun turut dikendalikan untuk penganalisis penyelidikan dan pengurus dana yang menguruskan saham kami, di dalam dan di luar negara. Sesi ini dikendalikan oleh CEO dan dihadiri oleh pasukan pengurusan kanan, yang memperlihatkan iltizam syarikat dalam menyediakan talian komunikasi secara terbuka dengan komuniti pelaburan.

LIPUTAN PENGANALISIS

Setakat 31 Januari 2015, Astro diliputi oleh 28 firma penyelidikan, yang mana sebahagian besarnya mempunyai panggilan 'Beli' atau syor yang setara. Senarai lengkap kesemua firma penyelidikan dan penganalisis utama boleh didapati di portal korporat kami, www.astromalaysia.com.my.

PRESTASI HARGA SAHAM

Pada TK15, saham kami menjana pulangan kira-kira 2.3% di mana dividen setiap suku tahun dilaburkan semula. Sebagai perbandingan, FTSE Bursa Malaysia Indeks KLCI tumbuh 1.9% sepanjang tempoh yang sama.

DIVIDEN

Syarikat berusaha membayar dividen dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengisytiharan (dividen interim) atau kelulusan para pemegang saham (dividen akhir), bergantung kepada keadaan. Pada 2014, syarikat menepati tempoh 30 hari (tidak termasuk cuti am) berhubung dengan dividen yang diisytiharkan dan dibayar bagi empat suku tahun yang lalu:

	Tarikh Pengisytiharan	Tarikh Pemilikan Hak	Tarikh Bayaran
S1 TK15	18 Jun 2014	3 Julai 2014	17 Julai 2014
S2 TK15	19 September 2014	7 Oktober 2014	20 Oktober 2014
S3 TK15	11 Disember 2014	29 Disember 2014	12 Januari 2015
S4 TK15	30 Mac 2015	14 April 2015	29 April 2015

Anugerah 2014



FEBRUARI

7th Edition Edison Awards

- Saluran HD Tamil Terbaik di Asia Tenggara - HD Vinmeen
- Arahkan Terbaik - Sivakumar Subramaniam
- Kumpulan Tarian Terbaik - Astana Arts
- Penyanyi Lelaki Terbaik - Dinesh Ruben (pemenang *Astro Vaanavil Superstar 2013*)
- Penyanyi Wanita Terbaik - Sai Sudha (pemenang tempat kedua *Astro Vaanavil Superstar 2013*)

Anugerah MeleTOP ERA 2014

- Lagu MeleTOP: Hafiz - Bahagiamu Deritaku
- Penyanyi MeleTOP - Hafiz
- Kumpulan/Duo MeleTOP - Hafiz & Dato' Siti Nurhaliza
- Penyampai Radio Baru MeleTOP - Nabil Ahmad
- Bintang Filem MeleTOP - Aaron Aziz
- Bintang Siber MeleTOP - Zizan Razak
- Fesyen MeleTOP - Zizan Razak
- Top Top MeleTOP (Lelaki) - Zizan Razak

APRIL

2014 New York Television & Film Awards

- Anugerah Perak
 - Lagu Tema/Adunan Audio Terbaik - *Fear Factor Selebriti Malaysia Generic*
- Anugerah Gangsa
 - Arahkan: Promosi/Terbuka & ID - *Liga Super Malaysia*
 - Suntingan: Promosi/Terbuka & ID - *Astro Zhi Zun Drama*

- Sijil Peserta Akhir
 - Suntingan: Promosi/Terbuka & ID - *Tayangan Hebat*
 - Promosi Hijau - PSA Penjimatan Tenaga - *The Future Invention*
 - Muzik Asal: Promosi/Terbuka & ID - *Fear Factor Selebriti Malaysia Generic*

Anugerah Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM) - 100PLUS-KBS

- Laporan Berita Sukan Terbaik 2013, Media Elektronik - Astro Arena
- Ulasan Berita Sukan Terbaik 2013, Media Elektronik - Astro Arena

Hadiah Kewartawanan Malaysia MPI - Petronas 2013

- Anugerah Video Berita Terbaik - Astro Awani

The Malaysia Book of Records

- Rancangan Komedi 24 Jam Tanpa Henti Secara Langsung - Astro Warna

Putra Brand Awards 2014

- Anugerah Emas
 - Kategori Media dan Hiburan - Astro
- Anugerah Gangsa
 - Kategori Media dan Hiburan - Astro Radio

MEI

Anugerah Bintang Popular 2013

- Anugerah Bintang Paling Popular & Pelakon Filem Lelaki Popular - Aaron Aziz
- Penyanyi Wanita Popular - Stacy
- Penyanyi Lelaki Popular - Hafiz
- Artis Duo/Berkumpulan Popular - Stacy & Akim
- Penyampai Radio Lelaki Popular - Johan
- Pengacara TV Lelaki Popular - Dato' AC Mizal

The Malaysia Book of Records Awards 2014

- Outstanding Business Award 2014 kerana merupakan Penyedia TV berbayar Terbesar di Malaysia - Astro
- Outstanding Arts and Entertainment Award untuk kutipan pecah panggung tertinggi - filem Astro, *The Journey*

ASEAN Outstanding Business Awards 2014

- Master Class in ASEAN Leading Broadcast Satellite

JUN

Asia Pacific Customer Relationship Excellence Awards

- Customer Experience Centre of the Year (Kategori Hiburan)
- Online Customer Service of the Year (Kategori Hiburan)

Anugerah 2014

OGOS

Loyalty and Engagement Awards 2014

- Pemenang Anugerah Emas - Penggunaan Terbaik Kempen Media Bersepadu

Toastmasters 83rd Annual Intervention Convention

- Golden Gavel Award diberikan kepada CEO Astro, Dato' Rohana Rozhan

The Spark Awards for Media Excellence 2014

- Anugerah Emas
 - Penyelesaian Media Terbaik (Radio untuk Permanis Sandilands)
 - Pasukan Pemerolehan Komersial Terbaik
- Anugerah Perak
 - Penyelesaian Media Terbaik (Mudah Alih untuk *Astro on the Go*)
 - Strategi Langganan Terbaik
- Anugerah Gangsa
 - Promosi Program Terbaik untuk *Fear Factor Selebriti Malaysia*
 - Penyelesaian Media Terbaik (Media Bersepadu untuk - *Master Chef Malaysia*)

SEPTEMBER

2014 National Award for Management Accounting

- Organisation of The Year Award - Astro

Anugerah Lawak Warna 2014

- Siri TV Komedi Terbaik - *Oh My English! S2 (April Fools)*

Malaysian Digital Association (MDA) d Awards

- Pemenang Kategori Mudah Alih - *Oh My English!* Words Mobile Game - Astro Digital Five Sdn Bhd

Anugerah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

- Tempat ketiga
 - Kategori Kewartawanan Media TV - Astro Awani

OKTOBER

Stevie Awards in 2014 International Business Awards

- Silver Stevie Award
 - Corporate Social Responsibility programme of the Year (kategori Asia, Australia dan New Zealand) untuk program Astro Kasih EkoVillage

Anugerah Planet Muzik

- Duo/Kumpulan Terbaik - Hafiz and Dato' Rossa (*Salahkah*)
- Kolaborasi Terbaik - Aisyah Aziz, Faizal Tahir & Omar K (*Mimpi*)

A+M Marketing Excellence Award 2014

- Anugerah Perak
 - Kecemerlangan dalam Pemasaran Viral - Anugerah MeleTOP ERA
 - Kecemerlangan dalam Pemasaran Pengalaman/Acara - Astro on the Go
 - Kecemerlangan dalam Pemasaran Dipacu Data - Menggunakan Data Khlayak untuk Memacu Prestasi E-Dagang
- Anugerah Gangsa
 - Kecemerlangan dalam Pemasaran Media Sosial - *Oh My Ganu: Up Close and Personal*

CASBAA Convention 2014

- CASBAA Chairman's Award

Human Resources Excellence Awards 2014

- Anugerah Emas - Kecemerlangan dalam Penglibatan Pekerja

KL Film Critic Awards 2014

- Filem Terbaik - *The Journey*
- Pengarah Terbaik - Chiu Keng Guan (*The Journey*)
- Aktor Terbaik - Frankie Lee (*The Journey*)
- Sinematografi Terbaik - Eric Yeong (*The Journey*)
- Aktres Pembantu Terbaik - Nur Fazura (*Kami Histeria*)

NOVEMBER

Malam Media Kementerian Kesihatan

- Tempat kedua
 - Kategori Laporan Berita (TV) Terbaik - Khairunnisa Kasnoon and Hakim Rahman untuk laporan bertajuk 'E-Rokok: Dilema Perokok Tegar'
- Tempat ketiga
 - Kategori Laporan Berita (TV) Terbaik - Cynthia Ng untuk laporan bertajuk 'Dadah dan HIV di kalangan nelayan di Kuantan'

Kancil Awards Night 2014

- 4As Chairman's Award untuk CEO Astro, Dato' Rohana Rozhan

Promax BDA Asia 2014

- Anugerah Perak
 - Promo Sukan Terbaik - *BPL How Do You Define*
 - Kempen Sukan Terbaik - *Barclays Premier League*

Festival Filem Malaysia ke-26

- Pelakon Wanita Terbaik - Lisa Surihani

Ulang Tahun Jubli Perak Badan Pelindung Hak Cipta Malaysia (MACP)

- Anugerah Komposer Muda Berpotensi - Akim Ahmad

DISEMBER

Anugerah Industri Muzik 21

- Vokalis Lelaki Terbaik - Akim Ahmad (*Mewangi*)
- Persembahan Vokal Terbaik dalam Lagu (Kumpulan) - Azhael (*Hujung Waktu*)
- Kulit Album Terbaik - Stacy (#1)
- Lagu Melayu Terbaik oleh Artis Antarabangsa: Hafiz Suip and Dato Rossa (*Salahkah*)

Minority Shareholders Watchdog Group (MSWG) – ASEAN Corporate Governance Index Awards 2014

- CG Industry Excellence Awards - Perkhidmatan Pengguna

19th Asian Television Awards

- Program Hiburan Am Terbaik - Astro Wah Lai Toi's *Battleground 2013 - The Space*

Malam Media Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

- Anugerah Media DBP 2014 - Astro Awani
- Anugerah Kewartawanan DBP 2014 (Kategori Media Elektronik) - Mohd Dzulfritri Yusof, Astro Awani
- Anugerah Media Sosial DBP 2014 - Portal Berita Astro Awani

National Excellence OSH Awards 2014

- National Excellence Safety Award 2014

Contact Centre World Awards

- Tempat Kedua - Pelatih Terbaik, Perkhidmatan Terbaik
- Gangsa - Reka Bentuk Terbaik Pusat Panggilan

Lembaga Pengarah



Lembaga Pengarah



Dari Kiri ke Kanan:

- 1 Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi
- 2 Augustus Ralph Marshall
- 3 Datuk Chin Kwai Yoong

- 4 Datuk Yvonne Chia
- 5 Bernard Anthony Cragg
- 6 Quah Bee Fong

- 7 Dato' Mohamed Khadar Bin Merican
- 8 Dato' Rohana Rozhan

Profil Lembaga Pengarah

Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi

Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 69 tahun, telah dilantik sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas kami pada 15 Ogos 2012. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat.

Tun Zaki memiliki kelayakan Barrister-at-Law daripada Lincoln Inn, United Kingdom.

Tun Zaki menyertai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia sebagai seorang Majistret dan kemudiannya dipindahkan ke Jabatan Peguam Negara di mana beliau memegang beberapa jawatan selama 15 tahun sebelum menyertai amalan guaman persendirian. Beliau telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia pada tahun 2007 dan tidak lama kemudian, menjadi Presiden Mahkamah Rayuan Malaysia, iaitu jawatan kehakiman yang kedua tertinggi di negara ini. Pada bulan Oktober 2008, beliau telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara ke-12. Beliau juga diberi penghormatan dan dilantik sebagai pengerusi pertama Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman sehinggalah beliau bersara daripada jawatan Ketua Hakim Negara pada bulan September 2011.

Beliau merupakan pengerusi lembaga pengarah di S P Setia Berhad dan Nationwide Express Courier Services Berhad (keduaduanya tersenarai di Bursa Securities) serta Universiti Malaysia Sabah dan juga sebagai pengarah beberapa syarikat swasta. Beliau merupakan Canselor Universiti Multimedia dan Universiti MAHSA.

Augustus Ralph Marshall

Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 63 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah dan Timbalan Pengerusi Eksekutif kami pada 21 Mac 2011 dan telah dilantik semula sebagai Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 18 September 2012. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Imbuhan kami.

Ralph Marshall mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan kewangan dan pengurusan am. Beliau adalah pengarah eksekutif Usaha Tegas Sdn Bhd ("UTSB"), ketua pegawai eksekutif bagi kumpulan Astro Holdings Sdn Bhd ("AHSB"), dan timbalan pengerusi eksekutif ASTRO Overseas Limited, serta pengarah eksekutif Tanjong Public Limited Company, di mana UTSB mempunyai kepentingan yang ketara. Beliau juga berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif dalam lembaga pengarah di beberapa syarikat lain di mana UTSB turut mempunyai kepentingan yang ketara seperti Maxis Berhad ("Maxis") (tersenarai di Bursa Securities), Maxis Communications Berhad (syarikat induk Maxis) dan Johnston Press plc (tersenarai di London Stock Exchange plc). Di samping itu, beliau merupakan pengarah dengan kapasiti bukan eksekutif bebas serta pengerusi jawatankuasa audit KLCC Property Holdings Berhad (tersenarai di Bursa Securities), pengarah bukan eksekutif MEASAT Global Berhad dan KLCC REIT Management Sdn Bhd (syarikat pengurusan KLCC Real Estate Investment Trust).

Beliau merupakan Ahli Bersekutu Institute of Chartered Accountants di England dan Wales, serta ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

Profil Lembaga Pengarah

Dato' Rohana Rozhan

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif

Warganegara Malaysia, berusia 52 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif kami, masing-masing pada 21 Mac 2011 dan 1 April 2011.

Dato' Rohana Rozhan juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, sebuah subsidiari milik penuh Syarikat, jawatan yang telah disandanginya sejak 2006. Sebelum pelantikannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau merupakan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bagi Astro All Asia Networks Limited ("AAAN"), di mana beliau memainkan peranan penting dalam penyenaraian AAAN di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur pada 2003. Beliau merupakan anggota pengasas kumpulan Astro sejak beliau menyertainya pada 1995.

Dato' Rohana Rozhan menjadi arkitek utama merangka strategi pertumbuhan Syarikat yang menzahirkan pulangan yang mampan untuk para pemegang sahamnya dan memimpin syarikat menempuh pelbagai kejayaan cemerlang dalam industri. Sebagai mengiktiraf peranannya sebagai pemimpin dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat serta pembangunan masyarakat, beliau telah dianugerahkan 'Business Leaders Award' oleh CNBC Asia dan 'Silver Stevie Award' untuk Tanggungjawab Sosial Korporat. Anugerah 'The Toastmasters' Golden Gravel Award' turut menjadi miliknya kerana menghargai pencapaian serta sumbangannya kepada sektor media.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Perakaunan dan Ekonomi daripada University of Kent, Canterbury, United Kingdom. Beliau merupakan Fellow Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom serta Ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga telah menyempurnakan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Amerika Syarikat. Terdahulu beliau pernah berkhidmat dengan kumpulan syarikat Unilever dari 1985 hingga 1995 di UK dan Malaysia, di mana beliau telah memegang pelbagai jawatan peringkat pengurusan kanan dan memperoleh pengalaman yang berharga dalam bidang kewangan, pemasaran, serta pengurusan perniagaan berkaitan perniagaan barangan pengguna multinasional.

Datuk Chin Kwai Yoong

Pengarah Kanan Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 66 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami pada 21 Mac 2011 dan ditetapkan jawatannya sebagai Pengarah Kanan Bebas pada 15 Ogos 2012. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit, ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat, serta ahli Jawatankuasa Imbuhan kami.

Datuk Chin Kwai Yoong merupakan Fellow Institute of Chartered Accountants di England dan Wales serta Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan juga Institut Akauntan Malaysia.

Datuk Chin Kwai Yoong adalah rakan kongsi audit di PricewaterhouseCoopers dari tahun 1982 sehingga beliau bersara pada tahun 2003. Sepanjang tempoh pemegangan sebagai rakan kongsi, beliau merupakan pengarah eksekutif yang bertanggungjawab terhadap Kumpulan Perkhidmatan Pengguna & Produk Industri. Beliau turut berkhidmat sebagai pengarah di Bahagian Audit dan Khidmat Nasihat Perniagaan, serta Bahagian Pengurusan Perkhidmatan Perundingan.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas berkaitan audit syarikat utama dalam industri perbankan, minyak & gas serta automobil dan juga dalam sektor kelengkapan berat, pembuatan, pembinaan dan pembangunan hartanah. Beliau turut terlibat dalam khidmat nasihat korporat yang merangkumi penyiasatan, penggabungan dan pengambilalihan, serta penilaian saham.

Beliau ialah pengarah Deleum Berhad, Genting Berhad dan Fraser and Neave Holdings Berhad (semuanya tersenarai di Bursa Securities). Beliau juga merupakan pengarah Bank Negara Malaysia.

Profil Lembaga Pengarah

Bernard Anthony Cragg

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara British, berusia 60 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami pada 21 Mac 2011, dan telah dilantik semula sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 15 Ogos 2012. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit kami.

Bernard Cragg memiliki ijazah dalam Matematik daripada Liverpool University. Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dan telah berkhidmat selama lebih lapan tahun di Price Waterhouse.

Bernard Cragg adalah pengarah Progressive Digital Media Group plc dan Alternative Networks plc (kedua-duanya tersenarai di London Stock Exchange plc). Sebelum itu beliau pernah memegang pelbagai jawatan peringkat pengurusan kanan di Carlton Communication plc (tersenarai di London Stock Exchange plc) selama lebih 17 tahun, termasuk sebagai pengawal kewangan kumpulan, setiausaha syarikat dan pengarah kewangan kumpulan. Beliau telah berkhidmat sebagai pengerusi lembaga pengarah di Datamonitor plc dan i-mate plc (kedua-duanya tersenarai di London Stock Exchange plc), dan sebelumnya merupakan pengarah di Workspace Group plc, Mothercare plc, Arcadia Group plc dan Bristol & West Plc, yang merupakan sebahagian daripada Bahagian Perkhidmatan Kewangan di Bank of Ireland (UK).

Dato' Mohamed Khadar Bin Merican

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 59 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami pada 21 Mac 2011. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan dan ahli Jawatankuasa Audit kami.

Dato' Mohamed Khadar adalah Ahli Institute of Chartered Accountants di England dan Wales serta Ahli Institut Akauntan Malaysia.

Dato' Mohamed Khadar mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam pengurusan kewangan dan pengurusan am, serta pernah berkhidmat sebagai juruaudit dan perunding di sebuah firma perakaunan antarabangsa sebelum menyertai sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan pada tahun 1986. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan pengurusan kanan di Tradewinds Corporation Bhd (tersenarai di Bursa Securities) antara tahun 1988 dan 2003, termasuk sebagai presiden dan ketua pegawai operasi.

Beliau adalah pengerusi lembaga pengarah RHB Capital Berhad (tersenarai di Bursa Securities). Beliau juga merupakan pengarah Sona Petroleum Berhad (tersenarai di Bursa Securities), RHB Bank Berhad dan RHB Investment Bank Berhad. Beliau telah dinobatkan sebagai "Chairman of the Year" oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti ("MSWG") pada majlis Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat Tahunan MSWG 2013.

Profil Lembaga Pengarah

Datuk Yvonne Chia

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 62 tahun, dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami pada 1 Januari 2014. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pencalonan serta Jawatankuasa Tadbir Urus Korporat.

Datuk Yvonne Chia memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Malaya. Beliau juga merupakan seorang Profesional Risiko Bertauliah (CRP) dan Fellow di Asian Institute of Chartered Bankers (AICB).

Datuk Yvonne Chia berpengalaman lebih 30 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan, dengan memegang pelbagai jawatan utama di kedua-dua institusi luar negara dan tempatan. Beliau memulakan kerjaya di Bank of America dan telah memegang pelbagai jawatan di rantau Asia. Beliau adalah mantan pengarah urusan kumpulan dan ketua pegawai eksekutif RHB Bank Berhad antara tahun 1996 dan 2002. Pada tahun 2003 beliau menyertai Hong Leong Bank Berhad (tersenarai di Bursa Securities) sebagai pengarah urusan kumpulan dan ketua pegawai eksekutif sebelum bersara daripada jawatan tersebut pada Jun 2013. Pada Julai 2014, beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pemegang Amanah Pemandu Corporation, sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri berkenaan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi.

Beliau juga merupakan pengarah bukan eksekutif bebas di Shell Refining Company (Federation of Malaya) Berhad (tersenarai di Bursa Securities) dan Profesor Kehormat University of Nottingham, School of Economics.

Quah Bee Fong

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

Warganegara Malaysia, berusia 44 tahun, dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas kami pada 24 April 2015.

Quah Bee Fong memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian), dengan pengkhususan dalam Ekonomi Pengurusan dan Kewangan daripada University of Guelph, Ontario, Kanada. Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam penyelidikan dan pelaburan ekuiti.

Sebelum menyertai Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") pada 2005, beliau pernah menyertai pelbagai bank pelaburan dan syarikat pembrokeran saham di Malaysia dan kawasan serantau.

Buat masa ini beliau merupakan pengarah di Bahagian Pelaburan Khazanah. Beliau turut menganggotai lembaga pengarah pelbagai syarikat kreatif dan media dalam lingkungan syarikat di bawah portfolio Khazanah.

Lim Ghee Keong

Pengarah Silih Ganti kepada Augustus Ralph Marshall

Warganegara Malaysia, berusia 47, dilantik sebagai pengarah silih ganti kepada Augustus Ralph Marshall pada 21 Mac 2011.


Lim Ghee Keong mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam perbendaharaan dan pengurusan kredit. Sebelum menyertai Kumpulan Usaha Tegas Sdn Bhd ("UTSB") pada tahun 1995, beliau pernah bertugas di General Electric Capital Corporation di Amerika Syarikat dan Ban Hin Lee Bank di Malaysia. Beliau kini adalah ketua pegawai operasi UTSB dan berkhidmat dalam lembaga pengarah beberapa syarikat lain di mana Kumpulan UTSB mempunyai kepentingan, seperti Maxis Berhad (tersenarai di Bursa Securities), Tanjong Public Limited Company dan Bond Pricing Agency Malaysia Sdn Bhd, sebuah agensi penetapan harga bon yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Beliau juga merupakan pengarah Paxys Inc (tersenarai di Bursa Saham Filipina), serta Yu Cai Foundation. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan pengkhususan dalam Kewangan, daripada University of Hawaii, Manoa, Amerika Syarikat.

Nota:

1. Tidak ada Pengarah yang mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat.
2. Tidak ada Pengarah yang telah disabitkan kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu.
3. Tidak ada Pengarah yang dikenakan sebarang sekatan dan/atau penalti ke atas mereka oleh mana-mana badan kawal selia sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015.
4. Tidak ada Pengarah yang mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama Syarikat.

Pengurusan Kanan



Pengurusan **Kanan**

Dari Kiri ke Kanan:

- 1 Dato' Rohana Rozhan**
Pengarah Eksekutif dan
Ketua Pegawai Eksekutif
- 2 Henry Tan Poh Hock**
Ketua Pegawai Operasi
- 3 Liew Swee Lin**
Ketua Pegawai Komersial
- 4 Jake Abdullah**
Ketua Pegawai Eksekutif, Astro Radio
- 5 Rohaizad Mohamed**
Naib Presiden Kanan, Operasi Penyiaran
dan Penerbitan
- 6 Grace Lee Hwee Ling**
Pengawal Kewangan Kumpulan
- 7 Brian Lenz**
Ketua Pegawai Inovasi
- 8 Dato' Rozalila Abdul Rahman**
Ketua Pegawai Eksekutif, Go Shop
- 9 K. Sree Pathmanathan**
Ketua Pegawai Operasi,
Astro Digital Publications
- 10 Paul Thomas Kannimmel**
Naib Presiden Kanan, Modal Insan

Profil Pasukan Pengurusan Kanan

Dato' Rohana Rozhan

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif

Sila rujuk profil beliau di bahagian profil Lembaga Pengarah.

Henry Tan Poh Hock

Ketua Pegawai Operasi

Beliau menyertai Kumpulan kami pada bulan Mei 2008 dan kini beliau bertanggungjawab terhadap kandungan, pemasaran, penjenamaan dan jualan masa siaran Kumpulan.

Beliau mempunyai 26 tahun pengalaman dalam industri media. Sebelum menyertai Kumpulan kami, beliau berkhidmat sebagai ketua pegawai eksekutif dari tahun 2006 hingga 2008 di Group M, Malaysia dan Singapura, sebuah syarikat pengurusan pelaburan media terkemuka di peringkat global, dan sebelum itu, sebagai ketua pegawai eksekutif di Mindshare Malaysia dari tahun 2000 hingga 2006, yang mana kedua-duanya merupakan sebahagian daripada kumpulan WPP. Selain itu, pengalaman beliau dalam industri media merangkumi tempoh perkhidmatannya sebagai pengurus besar di HVD Entertainment, sebuah syarikat penerbitan televisyen Malaysia dari tahun 1996 hingga 2000, serta di Ogilvy & Mather Advertising, dari tahun 1988 hingga 1996, di mana jawatan terakhir beliau adalah sebagai pengarah media. Pengalaman beliau yang lain dari tahun 1986 hingga 1988 termasuk perkhidmatannya dengan Hewlett-Packard Australia dan Pan Global Wang Computers.

Beliau menamatkan pengajian daripada Chisholm Institute of Technology, Australia, (kini dikenali sebagai Monash University) pada tahun 1986, dengan ijazah berkembar dalam bidang Pemasaran dan Komunikasi.

Liew Swee Lin

Ketua Pegawai Komersial

Dengan menyertai Kumpulan kami pada bulan November 2010, beliau bertanggungjawab memacu strategi perluasan pasaran Astro dan juga menahirkan pertumbuhan yang mampan serta menguntungkan.

Beliau mengetuai pasukan yang bertanggungjawab terhadap pelbagai disiplin pemasaran serta menyelia pengurusan produk, pemasaran segmen, jualan, pengalaman pelanggan, pengurusan

operasi dan rantaian bekalan. Beliau turut bertanggungjawab mengemudi penceburan Astro dalam e-dagang.

Sebelum menggalas tugas di Astro, beliau pernah berkhidmat sebagai Naib Presiden Eksekutif - Perbankan Pengguna di Alliance Bank Malaysia Berhad dan merupakan Pengarah Eksekutif dalam lembaga pengarah Alliance Islamic Bank Berhad. Menerusi jawatan kepemimpinan kanan yang pernah disandangnya ketika bersama Standard Chartered Bank dan OgilvyOne Worldwide, sebuah syarikat milik penuh Kumpulan WPP, beliau telah meraih pelbagai pengalaman pengurusan dalam sektor media dan perkhidmatan kewangan dengan pendedahan kepada perbankan runcit, barangan pengguna laris dan insurans yang merentasi Asia Pasifik.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Sains (MSc) dalam Pemasaran Antarabangsa daripada University of Strathclyde, UK, dan merupakan Perancang Kewangan Bertauliah (CFP, Amerika Syarikat) yang diiktiraf. Beliau juga adalah ahli bertauliah Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia.

Brian Lenz

Ketua Pegawai Inovasi

Beliau menyertai Kumpulan kami pada bulan Disember 2011, dan bertanggungjawab terhadap kumpulan Strategi, Produk & Teknologi kami, di samping mengendalikan Astro Digital.

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dengan memikul peranan dalam pembangunan strategi, produk, teknologi dan perniagaan, dan sepanjang 11 tahun yang lalu, khidmat beliau tertumpu kepada industri TV berbayar dan media. Sebelum menyertai Kumpulan kami, beliau pernah berkhidmat dengan British Sky Broadcasting Group plc ("BSkyB") dari tahun 2007 hingga 2011, dan yang terkini, beliau menjadi pengarah Reka Bentuk & Pembangunan Produk. Sebelum menyertai BSkyB, beliau bertugas di Virgin Media Inc dari tahun 2005 hingga 2007, memegang jawatan kepimpinan kanan yang meliputi Perancangan Strategik, Strategi Produk dan Pembangunan Perniagaan. Sebelum menyertai Virgin Media Inc, beliau terlibat dalam bidang strategi korporat dan khidmat nasihat penggabungan serta pengambilalihan di L.E.K Consulting LLC, dari tahun 2003 hingga 2005. Semasa melanjutkan pengajian dalam bidang perniagaan dari tahun 2001 hingga 2003, beliau bekerja di Walt Disney Company, London, dari tahun 2002 hingga 2003 sebagai perunding strategi kandungan jalur lebar. Sebelum melanjutkan pengajiannya, beliau pernah terlibat dalam industri penerbangan dengan bertanggungjawab terhadap strategi perniagaan dan pembangunan perisian di firma Crown Consulting dari tahun 1995 hingga 2001, serta di CTA Inc dari tahun 1994 hingga 1995.

Profil Pasukan Pengurusan Kanan

Beliau adalah lulusan University of Michigan, Amerika Syarikat pada tahun 1993 dengan memiliki ijazah Kejuruteraan Perindustrian dan Operasi, serta ijazah Kesusasteraan Inggeris pada tahun 1994. Pada tahun 2003, beliau menerima Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan lulus Cemerlang daripada London Business School, UK.

Jake Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif, Astro Radio

Beliau menyertai Kumpulan kami pada tahun 1996 dan menyandang jawatannya kini pada bulan Mei 2013.

Beliau telah dipinjamkan buat sementara waktu kepada 1M4U di bawah Jabatan Perdana Menteri di mana beliau telah menubuhkan organisasi sukarela dan menerajui pelbagai aktiviti. Beliau kembali ke Astro Radio pada 1 Mei 2013 dan telah dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, Astro Radio.

Beliau turut memainkan peranan penting dalam penubuhan stesen radio gabungan Astro, iaitu dua di India (Amar FM dan Power FM), dan dua di Jakarta (Gen FM dan Jak FM).

Jake memiliki Ph.D daripada University of Sedona di Arizona dalam bidang Sains Metafizik.

Rohaizad Mohamed

Naib Presiden Kanan, Operasi Penyiaran dan Penerbitan

Beliau menyertai Kumpulan kami pada bulan Mac 1996, dan menyandang jawatannya kini pada bulan Februari 2009. Beliau bertanggungjawab memastikan kecemerlangan operasi siaran dan kejuruteraan, operasi dan sokongan IT, pengurusan kemudahan, pematuhan kandungan dan perkhidmatan penerbitan.

Berbekalkan 28 tahun pengalaman dalam operasi penyiaran dan kejuruteraan sebelum menyertai Kumpulan kami, beliau pernah berkhidmat di Media Prima Berhad dari tahun 1986 hingga 1996 di bawah operasi penyiaran TV3. Jawatan terakhir yang dipegangnya ketika di sana adalah sebagai Ketua Penyelenggaraan Siaran dan Operasi IT.

Beliau memperolehi Diploma Kejuruteraan Elektronik daripada Universiti Teknologi MARA, Malaysia pada tahun 1986.

Paul Thomas Kannimmel

Naib Presiden Kanan, Modal Insan

Beliau menyertai Kumpulan kami pada tahun 2015 dan dipertanggungjawabkan untuk menyelia strategi serta operasi Modal Insan.

Kerjaya beliau bermula dalam bidang penyelidikan dan pembangunan di Universiti Kebangsaan Malaysia ("UKM") sebelum menyertai Glaxo sebagai Wakil Jualan Perubatan pada tahun 1990. Penglibatan beliau selama 23 tahun dalam industri farmaseutikal menyaksikan beliau menggalas jawatan dalam bidang jualan, latihan jualan, pembuatan, sumber manusia serta pengurusan am. Sebelum menyertai Astro, dua jawatannya yang terakhir adalah sebagai Pengarah Sumber Manusia (HR) serantau, Asia Pasifik di Pfizer dan sebagai Ketua Sumber Manusia Serantau untuk Global Growth & Organisation ASEAN di GE.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Biokimia daripada UKM pada tahun 1989 dan memperolehi MBA daripada University of Hull, UK pada tahun 1996.

K. Sree Pathmanathan

Ketua Pegawai Operasi, Astro Digital Publications

Beliau menyertai Kumpulan kami pada tahun 1996 dan merupakan salah seorang anggota perintis. Sree telah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Astro Radio pada tahun 2006, dan kemudiannya Astro Digital Publications pada tahun 2012 dalam kapasiti yang sama.

Di Astro Digital Publications, Sree menerajui transformasi bahagian penerbitan Kumpulan dengan penyusunan semula format cetakan tradisional melalui pendekatan pelbagai platform yang merangkumi atas talian, e-majalah dan acara turun padang bersama pengguna.

Sebelum menyertai Astro, Sree pernah bertugas di syarikat media lain seperti News Straits Times, Berita Publishing, Allsports Publications, J.W. Thompson and Utusan Media Sales.

Profil Pasukan **Pengurusan Kanan**

Grace Lee Hwee Ling

Pengawal Kewangan Kumpulan

Beliau menyertai Kumpulan kami pada bulan Januari 2001 dan menggalas jawatannya kini pada bulan Mei 2013. Beliau bertanggungjawab memastikan portfolio syarikat di bawah Kumpulan mencapai keupayaan optimum dalam penciptaan nilai mereka.

Sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan, tanggungjawab utamanya adalah untuk memastikan pelaksanaan strategik rancangan perniagaan menzahirkan matlamat operasi dan kewangan bagi mencipta nilai jangka panjang untuk para pemegang saham kami. Beliau menyelia perancangan, belanjawan dan ramalan serta proses laporan kewangan, tadbir urus dan kawalan, di samping pengurusan risiko perusahaan.

Jawatan beliau yang terdahulu dalam Kumpulan kami termasuk jawatan kepimpinan kanan dalam Jaminan Korporat, Penambahbaikan Proses, Jaminan Pendapatan dan Pengurusan Risiko Perusahaan.

Sebelum menyertai Astro, beliau pernah bertugas selama empat tahun di Bahagian Jaminan dan Khidmat Nasihat di PricewaterhouseCoopers. Beliau menamatkan pengajian di Curtin University, Australia dengan ijazah dalam bidang Perakaunan dan Kewangan. Pada tahun 2000, beliau telah memperolehi ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan lulus Cemerlang daripada Charles Stuart University, Australia, dan merupakan Felo Akauntan Pengamal Bertauliah (FCPA) Australia, Juruaudit Bertauliah Sistem Maklumat (CISA, Amerika Syarikat), dan turut Bertauliah dalam Tadbir Urus Perusahaan IT (CGEIT, Amerika Syarikat).

Dato' Rozalila Abdul Rahman

Ketua Pegawai Eksekutif, Go Shop

Beliau menyertai Astro GS Shop Sdn Bhd ("AGSSB") sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) pada 2014. Sebagai CEO AGSSB, beliau memacu dan menguruskan syarikat dengan visi untuk menjadi jenama membeli-belah No. 1 di Malaysia.

Beliau bertanggungjawab menyelia aspek pemasaran, penjualan, pengalaman pelanggan, operasi serta pengurusan rantai bekalan di AGSSB. Beliau turut mengendalikan keseluruhan publisiti AGSSB di samping bekerja bersama pihak berkepentingan untuk merumus persekitaran kawal selia dan perniagaan bagi membina dan mengembangkan misi, perkhidmatan serta jenama syarikat.

Kehadirannya adalah berbekalkan 26 tahun pengalaman dalam bidang pemasaran dan jualan yang diraih daripada syarikat multinasional termasuk Unilever Malaysia, Kellogg Asia Marketing (Asia Tenggara) dan Reckitt Benckiser (Malaysia dan Singapura). Sebelum menggalas tugas di Astro, beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Pemasaran di Telekom Malaysia Berhad di mana beliau bertanggungjawab terhadap Pemasaran Kumpulan, Produk Runcit dan Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan. Terdahulu, Dato' Rozalila memegang jawatan Ketua Pemasaran Segmen dan Pengurus Besar Bahagian Perniagaan Pengguna di Maxis Communications Berhad. Dato' Rozalila juga sebelum itu pernah menjadi Pengarah Jualan dan Pemasaran di Bank Simpanan Nasional serta Profesor Adjung di Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Pertanian Malaysia ("UPM").

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi Makanan daripada UPM.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah terus mendukung budaya tadbir urus korporat yang teguh demi melindungi dan memajukan kepentingan pihak berkepentingan di samping memacu kejayaan yang mampan. Tonggak rangka kerja tadbir urus korporat Astro adalah berasaskan rang undang-undang dan garis panduan utama berikut yang boleh diguna pakai terhadap syarikat senarai awam yang diperbadankan di Malaysia:

- Akta Syarikat 1965
- Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan Nota Amalan
- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012

Sejajar dengan aspirasi kami untuk menjadi jenama media terkemuka ASEAN, Lembaga Pengarah berusaha mengikuti amalan dan piawaian terbaik antarabangsa berkenaan tadbir urus korporat yang relevan dengan keadaan kami.

Sebagai bukti terhadap iltizam kami, pada Disember 2014, Astro telah memenangi Anugerah Tadbir Urus Korporat Tahunan di bawah kategori Kecemerlangan Industri - Perkhidmatan Pengguna berdasarkan Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN yang diterbitkan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti. Lembaga Pengarah turut berasa sukacita kerana Astro telah menepati piawaian yang diiktiraf di peringkat global untuk kemasukan ke dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia yang dibentuk oleh syarikat indeks global Kumpulan FTSE. Syarikat yang terdapat dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia telah memenuhi kriteria alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang ketat, dan berada pada kedudukan untuk mempergunakan faedah dalam mengamalkan perniagaan secara bertanggungjawab.

RINGKASAN AKTIVITI UTAMA LEMBAGA PENGARAH SEPANJANG TK15

Sepanjang tahun ini, selain daripada urusan lazim, antara perkara yang dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah termasuklah:

- a) Mengkaji dan meluluskan Rancangan Strategik Lima Tahun dan Penyatuan Belanjawan untuk Kumpulan demi memastikan rancangan tersebut adalah teguh dan dinamik bagi mencapai pertumbuhan yang diinginkan dan berupaya berhadapan dengan cabaran yang timbul daripada sentimen pengguna yang konservatif serta gangguan digital. Rancangan tersebut kemudiannya dikaji semula dan prestasinya dipantau dengan teliti setiap suku tahun.
- b) Mengkaji dan meluluskan Kad Skor TK15 Syarikat yang menetapkan petunjuk prestasi utama dan menjadi pengukur prestasi Syarikat, serta menentukan bonus prestasi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) menurut kontrak pekerjaannya serta bonus dan kenaikan gaji tahunan untuk kakitangan Kumpulan.
- c) Mengkaji semula kebolehsediaan kapasiti transponder bagi memastikan pelancaran saluran baharu dapat dilaksanakan mengikut perancangan perniagaan.
- d) Mengkaji pelbagai dasar dan prosedur untuk memastikan proses tadbir urus yang wajar telah tersedia, kekal relevan dan menghasilkan kecekapan kos.
- e) Sejajar dengan strategi untuk membentuk perkongsian utama bagi menyediakan kandungan serta produk/perkhidmatan terbaik untuk para pelanggan kami dan mencapai ekonomi skala, antara lain:
 - Lembaga Pengarah mengkaji semula dan meluluskan penyertaan dalam kerjasama dengan GS Home Shopping Inc, operator membeli-belah dari rumah yang terkemuka di Asia. Go Shop, sebuah perniagaan baharu membeli-belah dari rumah 24 jam telah dilancarkan secara rasmi pada 30 Januari 2015.
 - Lembaga Pengarah mengkaji dan meluluskan usaha sama dengan Spark Asia TV Pte Ltd bagi tujuan melancarkan dan memiliki bersama sebuah saluran dokumentari yang tertumpu kepada Asia di mana ia adalah selaras dengan strategi kami untuk menghasilkan dan mengumpul kandungan vernakular serta berteraskan Asia untuk pengedaran di pelbagai platform merentasi kawasan serantau.
 - Lembaga Pengarah mengkaji semula prestasi kerjasama dengan Maxis bagi peruntukan IPTV yang tetap memberikan cabaran dalam usaha kami untuk mewujudkan suatu tahap perkhidmatan jalur lebar yang boleh diterima buat para pelanggan kami.
- f) Mengkaji semula strategi lindung nilai Kumpulan memandangkan ketidaktentuan kadar pertukaran asing sepanjang 12 bulan yang lalu.
- g) Mengkaji semula Piagam Lembaga Pengarah serta Bidang Tugas Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing agar peruntukan yang terkandung di dalamnya sejajar dengan amalan terbaik.
- h) Mengkaji semula selera risiko Lembaga Pengarah untuk menentukan tahap risiko yang boleh diterima.

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

Suatu kalendar tahunan yang menetapkan bidang tumpuan utama untuk Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah diwujudkan sebagai panduan dalam merancang agenda agar mesyuarat yang diadakan lebih berstruktur dan berkesan. Ia juga membolehkan pihak pengurusan merancang kerja mereka dan memperuntukkan sumber dengan sewajarnya. Berhubung dengan TK16, Lembaga Pengarah telah mengenal pasti beberapa keutamaan terpenting yang mana antara lain merangkumi usaha memastikan pertumbuhan pendapatan dan hasil yang konsisten meskipun tinjauan menunjukkan akan berhadapan dengan permintaan pengguna yang agak lemah serta peningkatan kos kandungan, menawan pelanggan dengan memenuhi perubahan tabiat penggunaan media oleh para pengguna, perancangan modal insan dan penggantian yang mantap, kesinambungan perniagaan dan imbuhan pihak pengurusan kanan. Justeru itu, Lembaga Pengarah akan mengadakan perbincangan yang lebih aktif dengan pihak pengurusan berkenaan perkara tersebut.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata ini pada 30 Mac 2015 dan berpuas hati bahawa sepanjang TK15, Kumpulan telah mematuhi prinsip serta cadangan yang digariskan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 ("Kod CG"). Seperti yang telah dilaporkan sebelumnya, kami percaya bahawa jawatan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat ("NCGC") yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah adalah selaras dengan prinsip tadbir urus korporat.

STRUKTUR TADBIR URUS SECARA KESELURUHAN

Gambar rajah di bawah menggambarkan rangka kerja tadbir urus korporat Kumpulan secara keseluruhan:



Penyata Tadbir **Urus Korporat**

Bahagian berikut memberikan penjelasan yang lebih terperinci tentang bagaimana Kumpulan telah mengguna pakai prinsip di bawah Kod CG:

1. MENETAPKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DENGAN JELAS

Jawatankuasa Audit ("AC"), NCGC dan Jawatankuasa Imbuhan ("RC") membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan mengkaji semula secara khusus lingkungan bidang tugas mereka. Jawatankuasa Lembaga akan membuat cadangan yang perlu kepada Lembaga Pengarah yang kekal bertanggungjawab sepenuhnya. Aktiviti setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dijelaskan selanjutnya, masing-masing pada muka surat 64, 65 dan 67 dalam Laporan ini.

1.1 Fungsi Jelas yang Dikhaskan untuk Lembaga Pengarah dan Ditugaskan kepada pihak Pengurusan

Perkara yang Dikhaskan untuk Lembaga Pengarah dan dikemukakan dengan jelas dalam Piagam Lembaga Pengarah serta dokumen Had Autoriti ("LOA") memastikan bahawa hal berkenaan kepentingan strategik atau mempunyai impak material dibawa naik ke Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan. Hal-hal yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah meliputi urus niaga yang melebihi LOA CEO, rancangan perniagaan strategik dan belanjawan tahunan, penyata kewangan beraudit dan suku tahunan, dividen, pelaburan/penyahlaburan ekuiti serta urus niaga pihak berkaitan, dengan sentiasa tertakluk kepada pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang boleh diguna pakai terhadap Kumpulan.

Seperti yang diperuntukkan dalam LOA, Lembaga Pengarah telah menugaskan kepada CEO kuasa memberi kelulusan, dengan tertakluk kepada nilai ambang, perbelanjaan operasi dan modal, pelaksanaan kontrak, perolehan, litigasi dan urusan sumber manusia seperti kenaikan pangkat dan pemecatan kakitangan. LOA menetapkan secara khusus ambang kelulusan untuk diputuskan oleh pihak pengurusan dan ia dikaji secara kerap untuk mencerminkan perkembangan/perubahan dinamik dalam Kumpulan. Sebarang perubahan kepada had CEO di bawah LOA memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah.

Pengasingan peranan Pengerusi Lembaga Pengarah dan CEO

Jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dan CEO dipegang oleh individu yang berlainan. Peranan mereka telah ditentukan dengan jelas bagi memastikan kebertanggungjawaban dan pembahagian tanggungjawab:

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH	• Bertanggungjawab terhadap kepimpinan, operasi dan tadbir urus Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah
	• Memastikan keberkesanan dan pengendalian Lembaga Pengarah
	• Memikul peranan sebagai ketua dalam mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat pemegang saham
CEO	• Menggalas tanggungjawab keseluruhan terhadap operasi dan pengurusan hari ke hari
	• Memastikan keberkesanan organisasi dan pelaksanaan dasar, strategi dan keputusan Lembaga Pengarah
	• Bertanggungjawab menyediakan kepimpinan kepada pihak pengurusan dan meningkatkan hubungan dengan pihak kawal selia serta pihak yang berkepentingan
PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF	• Mengemukakan pemahaman mendalam serta pandangan yang objektif, nasihat serta pertimbangan kepada Lembaga Pengarah
	• Bersikap adil dan teliti semasa Lembaga Pengarah melakukan pertimbangan dan membuat keputusan
	• Mencabar secara membina dan menyumbang kepada pembangunan strategi perniagaan serta hala tuju Kumpulan
PENGARAH KANAN BEBAS	• Menjadi titik perhubungan antara para Pengarah dan Pengerusi Lembaga Pengarah berkenaan isu sensitif
	• Bertindak sebagai penghubung yang telah ditentukan yang mana para pemegang saham mengajukan kemusykilan atau pertanyaan yang mungkin timbul

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

1.2 Peranan dan Tanggungjawab yang Jelas

Tanggungjawab utama Lembaga Pengarah adalah untuk menyelia hal ehwal pengurusan serta perniagaan, dan membuat segala keputusan berkenaan dasar utama Kumpulan. Pendekatan asas Lembaga berhubung perkara ini adalah untuk memastikan bahawa kepimpinan eksekutif yang tepat, strategi dan kawalan dalaman untuk pengurusan risiko telah siap tersedia. Selain itu, Lembaga Pengarah beriltizam untuk mencapai standard kewibawaan, etika dan profesionalisme yang tertinggi dalam perniagaan meliputi seluruh aktiviti Kumpulan. Lembaga Pengarah menyediakan kepimpinan utama kepada Kumpulan, membentuk objektif serta merangka strategi yang mengemudi aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh Kumpulan bagi mencapai objektif ini.

Lembaga Pengarah telah menetapkan peranan dan tanggungjawab yang jelas untuk menjadi pengelola dan penjaga Syarikat yang berkesan. Piagam Lembaga Pengarah mengandungi panduan khusus buat para Pengarah, antara lain, mengenai nilai utama, prinsip dan etos Kumpulan, tanggungjawab utama, Perkara Dikhaskan untuk Lembaga Pengarah, piawaian kelayakan, orientasi dan latihan, pampasan, tatakelakuan, penilaian prestasi tahunan para Pengarah, akses kepada nasihat bebas, pembahagian tanggungjawab antara Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan, serta prosedur mesyuarat Lembaga Pengarah.

ENAM TANGGUNGJAWAB UTAMA LEMBAGA PENGARAH

- 1 Mengkaji semula dan menerima pakai rancangan strategik untuk Kumpulan**
Lembaga Pengarah mengkaji semula, mencabar dan sekiranya sesuai, meluluskan Rancangan Strategik Lima Tahun Kumpulan yang dikemukakan oleh pihak pengurusan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan baharu. Rancangan strategik tersebut dikaji semula setiap tahun bagi memastikan bahawa ia kekal teguh dan relevan.
- 2 Menyelia pengendalian perniagaan Kumpulan bagi menilai sama ada perniagaan diuruskan dengan betul**
Lembaga Pengarah melakukan penyeliaan secara aktif terhadap aktiviti pihak pengurusan bagi memastikan Kumpulan ditadbir demi kepentingan para pemegang sahamnya. Para Pengarah diperuntukkan masa untuk mengkaji hal-hal strategik, operasi dan pematuhan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Agenda pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang lazim meliputi kajian prestasi perniagaan berbanding rancangan strategik dan belanjawan, keputusan kewangan dan dividen, hal perbendaharaan dan perhubungan pelabur, urusan tadbir urus dan pematuhan, urus niaga material dan urus niaga pihak berkaitan, pengurusan risiko serta litigasi material.
- 3 Mengenal pasti risiko utama, menentukan selera risiko dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian untuk mengurus risiko tersebut**
Lembaga Pengarah dibantu oleh AC untuk memantau rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.
- 4 Perancangan penggantian termasuk melantik, melatih, menetapkan pampasan dan di mana sesuai, menggantikan pihak pengurusan kanan**
Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pengurusan penggantian CEO dan pengurusan kanan utama, serta mengkaji semula rancangan pembangunan bakat setiap tahun. RC membantu Lembaga Pengarah mengkaji dasar imbuhan Kumpulan untuk memastikan Kumpulan dapat menarik, mengekalkan dan memotivasi bakat.
- 5 Merangka dan melaksanakan program hubungan pelabur atau dasar komunikasi pemegang saham untuk Kumpulan**
Kumpulan mengundang penglibatan aktif para pelaburnya menerusi program Hubungan Pelabur ("IR") yang berstruktur. Lembaga Pengarah mengkaji program IR ini setiap suku tahun dan mereka dikemaskinikan tentang mesyuarat serta jerayawara penting yang disertai oleh Syarikat, di dalam dan di luar negara, data konsensus pasaran serta analisis mutakhir pemilikan saham.
- 6 Mengkaji semula kemampuan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman serta sistem maklumat pengurusan Kumpulan, termasuk sistem pematuhan terhadap undang-undang, pengawalseliaan, peraturan, arahan dan garis panduan yang boleh diguna pakai**
Lembaga Pengarah telah mengamanahkan AC untuk memantau dan memastikan bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan adalah berkemampuan serta teguh untuk mengurangkan pendedahan risiko Kumpulan ke suatu tahap yang boleh diterima.

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

1.3 Piawaian Etika Rasmi

Lembaga Pengarah telah membentuk dan menguatkuasakan Kod Etika Perniagaan ("COBE") untuk memberi panduan mengenai nilai korporat Kumpulan, tingkah laku beretika dan cara bagaimana kakitangan, vendor serta pembekal harus mengendalikan diri mereka. Para Pengarah dan kakitangan Kumpulan telah mengesahkan penerimaan dan pemahaman mereka terhadap COBE manakala kakitangan Kumpulan dikehendaki menjalani program pembelajaran, penilaian dan perakuan dalam talian COBE pada setiap tahun. Kami telah menyediakan sesalinan COBE di laman web korporat kami, www.astromalaysia.com.my.

Lembaga Pengarah turut berpandukan Kod Kelakuan dan Kod Etika Pengarah yang telah diguna pakai pada 2013, di samping nilai, prinsip dan etos utama yang dibentangkan dalam Piagam Lembaga Pengarah. Kod Kelakuan dan Etika Pengarah adalah berdasarkan prinsip panduan yang diperolehi daripada "Prinsip Kehidupan Awam" seperti yang diuraikan oleh Jawatankuasa Nolan (1996) dan Kod Etika Pengarah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Konflik Kepentingan Pengarah

Para Pengarah dikehendaki mendedahkan kepentingan mereka menurut Seksyen 131 dan 135 Akta Syarikat, 1965 ("CA 1965"). Sebuah Daftar kepentingan Pengarah disimpan oleh Setiausaha Syarikat dan perubahan dibentangkan pada mesyuarat suku tahunan Lembaga Pengarah. Pengarah dikehendaki mengecualikan diri daripada membuat pertimbangan dan mengundi tentang sebarang perkara di mana mereka dianggap mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, pada mana-mana mesyuarat Lembaga Pengarah atau jika perkara tersebut diluluskan melalui resolusi bertulis. Para Pengarah tidak dibenarkan mengundi berhubung dengan sebarang kontrak atau kontrak yang dicadangkan atau pengaturan di mana beliau mempunyai kepentingan secara langsung ataupun tidak langsung.

Perdagangan Orang Dalam

Para Pengarah Syarikat serta subsidiari utamanya, serta kakitangan yang ditentukan sebagai "Pegawai Utama" dimaklumkan terlebih dahulu tentang tempoh terbuka dan tempoh tertutup untuk urus niaga saham Syarikat berdasarkan kalendar kewangan kami. Mereka dinasihatkan tentang kewajipan mereka sebagai Pegawai Utama di bawah Bab 14 Keperluan Penyenaraian dan juga pencegahan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 berkaitan dengan kesalahan perdagangan orang dalam.

Sebuah daftar urus niaga saham Syarikat disimpan oleh Setiausaha Syarikat dan dibentangkan pada mesyuarat suku tahunan Lembaga Pengarah. Syarikat turut mendedahkan sebarang urus niaga saham Syarikat oleh para Pengarah dan Pegawai Utama kami kepada Bursa Securities dan pengumuman tersebut boleh diakses menerusi laman web Syarikat dan Bursa Securities.

Tidak ada urus niaga dalam saham Syarikat oleh Pengarah Syarikat pada TK15. Tambahan pula, Pengarah Bukan Eksekutif ("NED") Syarikat tidak berhak mengambil bahagian dalam Skim Saham Pengurusan Kumpulan ("Skim Saham"). Kepentingan para Pengarah dan CEO dalam saham Syarikat dikemukakan masing-masing pada muka surat 235 dan 250, dalam Laporan ini. Pemilikan saham oleh pihak pengurusan kanan utama dibentangkan dalam jadual di bawah:

Nama	Jawatan yang Dipegang	Bil. saham biasa yang dipegang dalam Syarikat setakat 31 Januari 2015	Bil. saham belum diterbitkan dalam Syarikat menurut Skim Saham
En. Henry Tan Poh Hock	Ketua Pegawai Operasi	920,800	2,188,200
En. Brian Lenz	Ketua Pegawai Inovasi	350,000	858,400
Cik Liew Swee Lin	Ketua Pegawai Komersial	710,000	1,219,200
En. Rohaizad Mohamed*	Naib Presiden Kanan, Penyiaran dan Operasi	152,000	686,700
En. Paul Thomas Kannimmel	Naib Presiden Kanan, Modal Insan	-	-
Cik Grace Lee Hwee Ling	Pengawal Kewangan Kumpulan	46,600	258,400
En. Jake Abdullah	Ketua Pegawai Eksekutif, Astro Radio	-	231,200
En. K. Sree Pathmanathan	Ketua Pegawai Operasi, Astro Digital Publications	-	224,200
Dato' Rozalila Abdul Rahman	Ketua Pegawai Eksekutif, Go Shop	-	-

* Pada 20 April 2015, En. Rohaizad Mohamed telah melupuskan 18,000 saham biasa yang dipegang dalam Syarikat

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

1.4 Strategi Menggalakkan Kemampanan

Lembaga Pengarah memastikan bahawa strategi Kumpulan menggalakkan kemampanan dengan perhatian khusus terhadap nilai alam sekitar, sosial dan tadbir urus perniagaan Kumpulan. Kumpulan telah menerima pakai Rangka Kerja/ Dasar Tanggungjawab Korporat yang menggariskan misi tanggungjawab korporat Kumpulan, tonggak strategik, falsafah dan struktur tadbir urus. Inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan adalah sejajar dengan Rangka Kerja Inisiatif Laporan Global ("GRI"), suatu piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk laporan kemampanan.

Kumpulan melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat ("CSR") melalui Yayasan Astro Kasih (sebuah yaysan amal yang telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan di bawah CA 1965). Menerusi Jabatan Hal Ehwal Masyarakat, kami sentiasa berusaha melakukan perbezaan dalam masyarakat sejajar dengan nilai kami, iaitu "Melangkah Lebih Jauh" yang mendorong kami untuk memberi khidmat dan mendekati pelbagai pihak berkepentingan melalui inisiatif tanggungjawab korporat di Tempat Kerja, Pasaran, Masyarakat dan Alam Sekitar. Butiran mengenai inisiatif CSR kami dikemukakan pada muka surat 110 dalam Laporan ini.

1.5 Akses kepada Maklumat dan Nasihat

Lembaga Pengarah menerima Notis dan agenda rasmi berserta satu set kertas mesyuarat yang menyeluruh sekurang-kurangnya lima hari bekerja sebelum berlangsungnya mesyuarat Lembaga Pengarah. Kami telah melaksanakan sebuah sistem tanpa kertas di mana para Pengarah kami boleh mengakses kertas mesyuarat menerusi tablet dan juga membolehkan para Pengarah kami mendapat akses serta-merta kepada maklumat serta mengurangkan kos pentadbiran.

Hak Lembaga Pengarah kepada maklumat yang berkaitan dengan perniagaan dan hal ehwal Kumpulan serta akses kepada nasihat profesional bebas atas perbelanjaan Syarikat telah terpasak kukuh dalam Piagam Lembaga Pengarah.

1.6 Setiausaha Syarikat yang Berkelayakan serta Cekap

Lembaga Pengarah dibantu oleh Setiausaha Syarikat yang mempunyai lebih 12 tahun pengalaman berserta kelayakan dalam bidang undang-undang dan memiliki lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Tanggungjawab beliau termasuk menasihati Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan tentang perkara yang berkaitan dengan perlembagaan syarikat dalam Kumpulan dan memudahkan urusan pematuhan terhadap Keperluan Penyenaraian dan rang undang-undang syarikat yang berkaitan, di samping peranan beliau untuk menggalakkan piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporat. Bahagian Kesetiausahaan Syarikat menyokong pelaksanaan cadangan korporat dan bertindak sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tender dan subsidiari.

Selain daripada tanggungjawab berkanun, iaitu menyelenggara rekod Lembaga Pengarah dan rekod berkanun serta menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat pemegang saham, Setiausaha Syarikat juga memainkan peranan penting dalam memudahkan komunikasi antara Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

1.7 Kajian Semula Secara Berkala dan Penerbitan Piagam Lembaga Pengarah

Piagam Lembaga Pengarah dan Terma Rujukan Jawatankuasa Lembaga Pengarah diisarkan di laman web Syarikat, www.astromalaysia.com.my dan ia dikaji semula sekurang-kurangnya setahun sekali.

2. MENGUKUHKAN KOMPOSISI

2.1 Kriteria Pengambilan dan Penilaian Tahunan para Pengarah

Pelantikan Pengarah dan Kepelbagaian Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah boleh melantik pengarah bagi mengisi kekosongan atau menambah pengarah selepas proses penilaian yang dijalankan oleh NCGC. NCGC akan menilai calon-calon baharu yang dilantik menganggotai Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga di samping mencadangkan Pengarah yang sampai tempoh untuk bersara mengikut giliran menurut Tataurus Pertubuhan Syarikat. Proses pelantikan dan kriteria yang digunakan dalam pemilihan dibentangkan dalam Laporan NCGC pada muka surat 65 dalam Laporan ini.

Berhubung dengan kepelbagaian, Lembaga Pengarah percaya bahawa ia tidak perlu menetapkan sebarang sasaran tentang bilangan pengarah wanita, namun akan melakukan pelantikan yang perlu berdasarkan merit serta sumbangan kepada keseluruhan daya usaha Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah menganggap bahawa kepelbagaian Lembaga Pengarah

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

adalah penting dan bukan sahaja akan mempertimbangkan latar belakang, kemahiran, pengalaman dan jantina, juga sama ada beliau sesuai dan tepat buat Lembaga Pengarah sedia ada. Dengan pelantikan Cik Quah Bee Fong sebagai Pengarah Bukan Eksekutif pada April 2015, perwakilan wanita membentuk 38% daripada anggota Lembaga Pengarah.

Penilaian Tahunan Pengarah

Lembaga Pengarah menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan para Pengarah secara individu menerusi NCGC pada setiap tahun. Butiran lanjut dikongsikan dalam Laporan NCGC pada muka surat 65 dalam Laporan ini.

Berdasarkan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah ("BEE"), NCGC telah mencadangkan pemilihan semula En. Bernard Anthony Cragg, Dato' Mohamed Khadar Bin Merican dan Datuk Chin Kwai Yoong yang bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") akan datang pada Jun 2015. Lembaga Pengarah (kecuali bagi pengarah berkepentingan) berpuas hati bahawa mereka terus menyumbang kepada keberkesanan Lembaga Pengarah dan telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengarah.

2.2 Dasar Imbuhan Rasmi dan Telus untuk para Pengarah

Lembaga Pengarah percaya bahawa imbuhan hendaklah mencukupi agar dapat menarik, mengekalkan dan memberi insentif kepada Pengarah yang memiliki kaliber, kepakaran dan pengalaman yang diperlukan untuk memimpin Kumpulan. Imbuhan keseluruhan para Pengarah akan dikaji apabila perlu untuk menimbangkan perubahan dalam persekitaran perniagaan, pasaran, tahap kerumitan dalam Kumpulan, dan bertambahnya iltizam terhadap masa. Berdasarkan kajian terakhir yang dilakukan pada 2013, jumlah imbuhan NED kami adalah setanding dengan syarikat pembeding di Malaysia, namun ia adalah di bawah purata syarikat pembeding di kawasan serantau. Jumlah imbuhan CEO ialah antara median dan kuartil atas syarikat pembeding yang menjadi penanda aras.

Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif

Paling utama, tahap imbuhan untuk NED mencerminkan pengalaman, iltizam terhadap masa, tahap tanggungjawab dan kerumitan yang perlu digalas.

Perkara 119 Tataurusan Pertubuhan Syarikat menetapkan bahawa melainkan ditentukan sebaliknya oleh resolusi biasa Syarikat pada mesyuarat agung, jumlah yuran kesemua Pengarah pada mana-mana tahun merupakan jumlah yang telah ditetapkan tidak melebihi agregat RM 6 juta. Had RM6 juta ini hanya diguna pakai terhadap yuran yang perlu dibayar kepada Pengarah. Ia tidak diguna pakai terhadap sebarang bayaran kepada Pengarah seperti elaun, pembayaran balik untuk perbelanjaan yang tertanggung, imbuhan sebagai ahli jawatankuasa Lembaga Pengarah serta imbuhan Pengarah Eksekutif/CEO. Dengan tertakluk kepada had tersebut, Lembaga Pengarah menentukan yuran yang perlu dibayar kepada NED.

Selain daripada bayaran tetap yang mereka terima sebagai yuran pengarah, NED berhak mendapat imbuhan tambahan kerana memikul tanggungjawab sebagai pengerusi atau ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Elaun tetap mesyuarat berdasarkan setiap hari dibayar untuk kehadiran pada mesyuarat Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pramesyuarat Lembaga Pengarah serta mesyuarat pemegang saham. Mereka dibayar balik untuk perbelanjaan yang munasabah ditanggung dalam melaksanakan tugas mereka termasuk caj telefon mudah alih dan jalur lebar. NED tidak berhak menerima sebarang insentif bonus atau saham. Pengerusi Lembaga Pengarah berhak mendapat kenderaan dan pemandu syarikat. Para Pengarah secara individu tidak mengambil bahagian dalam perbincangan dan dalam menentukan imbuhan mereka sendiri.

Imbuhan Pengarah Eksekutif/CEO

Pengarah Eksekutif/CEO kami tidak berhak terhadap yuran Pengarah. Beliau mendapat imbuhan menurut terma Kontrak Pekerjaan yang diluluskan dengan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah. Pakej imbuhan beliau adalah sejajar dengan prestasi individu dan korporat berdasarkan petunjuk prestasi utama yang telah dipersetujui dan ditentukan oleh Lembaga Pengarah di mana jumlah pakej ganjaran beliau terdiri daripada tiga komponen (gaji asas, bonus prestasi tahunan dan insentif jangka panjang) yang turut mengambil kira kadar persaingan pasaran, standard industri, kerumitan dan saiz organisasi. Pakej imbuhan beliau merangkumi komponen tetap dan berubah-ubah:

- (i) komponen tetap - gaji bulanan, pelan caruman wajib, penyertaan dalam skim ganjaran, manfaat berupa barangan, peruntukan kereta syarikat dan perlindungan perubatan; dan
- (ii) komponen berubah-ubah - bonus prestasi tahunan mengikut budi bicara dan insentif saham tahunan menurut Skim Saham.

Salah satu pihak boleh menamatkan perkhidmatan dengan memberi enam bulan notis bertulis terlebih dahulu.

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

Bonus prestasi tahunan CEO ditentukan selepas penilaian dibuat oleh RC berkenaan prestasi Syarikat berbanding Kad Skor Syarikat yang telah diluluskan. Kad Skor Syarikat adalah ukuran yang diguna bagi menentukan bonus prestasi tahunan kakitangan dan ia dikaji semula oleh RC serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah semasa bermulanya setiap tahun kewangan. Kad Skor TK15 mempunyai kedua-dua parameter kewangan dan bukan kewangan, iaitu pengalaman pelanggan, inovasi, tadbir urus dan pengawalseliaan serta pengukuran orang ramai.

Analisis Jumlah Yuran Pengarah bagi TK15

Jumlah agregat yuran Pengarah yang dibayar bagi TK15 mencecah jumlah RM1.8 juta, berbanding dengan RM1.6 juta yang dibayar bagi TK14. Kenaikan ini adalah disebabkan oleh pelantikan NED tambahan pada 1 Januari 2014. Justeru itu, jumlah yuran Pengarah yang dibayar bagi TK15 kepada NED adalah dalam batas lingkungan RM6 juta yang ditetapkan dalam Perkara 119 Tataurus Pertubuhan Syarikat.

Butiran berkenaan yuran dan imbuhan lain yang dibayar kepada setiap NED secara individu dan imbuhan Pengarah Eksekutif/CEO dinyatakan di bawah. Pecahan butiran imbuhan CEO juga boleh dirujuk dalam Penyata Kewangan Beraudit pada muka surat 169 dalam Laporan ini.

Tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015	Yuran	Imbuhan Anggota Jawatankuasa Lembaga	Gaji & Bonus	Emolumen Lain ⁽¹⁾	Jumlah
	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Pengarah Bukan Eksekutif					
• Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	450	25	-	44	519
• En. Augustus Ralph Marshall	225	10	-	9	244
• Datuk Chin Kwai Yoong	225	45	-	14	284
• Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	225	35	-	11	271
• En. Bernard Anthony Cragg	225	10	-	12	247
• En. Hisham Bin Zainal Mokhtar ⁽²⁾	225	10	-	9	244
• Datuk Yvonne Chia	225	10	-	13	248
Jumlah	1,800	145	-	112	2,057
Pengarah Eksekutif/CEO					
• Dato' Rohana Rozhan	-	-	7,293	2,559 ⁽³⁾	9,852

Nota:

- (1) Termasuk elaun, dan/atau manfaat berupa barangan
- (2) Dibayar terus kepada Khazanah Nasional Berhad dan meletak jawatan berkuat kuasa mulai 24 April 2015
- (3) Termasuk KWSP, bayaran berasaskan saham dan manfaat berupa barangan

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

Bilangan Pengarah yang mana jumlah imbuhan semasa tahun kewangan berada dalam lingkungan yang perlu dizahirkan adalah seperti berikut:

Pengarah Eksekutif	Bil. Pengarah
RM9,850,000 – RM9,900,000	1
Pengarah Bukan Eksekutif	Bil. Pengarah
RM200,000.00 – RM250,000.00	4
RM250,001.00 – RM300,000.00	2
RM500,000.00 – RM550,000.00	1

Kumpulan menanggung Insurans Liabiliti Pengarah dan Pegawai untuk melindungi para Pengarah dan pegawai Kumpulan terhadap liabiliti yang ditanggung oleh mereka dalam menjalankan tugas semasa memegang jawatan. Walau bagaimanapun, para Pengarah dan pegawai tidak dilindungi sekiranya terbukti bahawa mereka melakukan sebarang kecuai, penipuan, pelanggaran kewajipan/amanah.

3. MENGUKUHKAN KEBEBASAN

3.1 Menilai Kebebasan

50% daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (“INED”) yang memainkan peranan penting dalam kebertanggungjawaban korporat kerana mereka memberikan pandangan, nasihat serta pertimbangan objektif, membawa sifat adil dan teliti sewaktu Lembaga Pengarah melakukan pertimbangan dan membuat keputusan, serta bertindak merangsang dan mencabar pihak pengurusan secara objektif. Para Pengarah Bebas juga mencabar dan menyumbang secara konstruktif terhadap pembentukan strategi dan hala tuju perniagaan Kumpulan.

Lembaga Pengarah telah menetapkan kriteria bagi menimbang kebebasan seseorang pengarah di mana ia adalah berdasarkan Keperluan Penyenaraian. Bersandarkan saranan NCGC, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa INED kami terus menggunakan pertimbangan bebas dan bertindak demi kepentingan Syarikat serta pihak berkepentingan Syarikat sepanjang tahun kewangan.

3.2 Tempoh Pemegangan Jawatan Pengarah Bebas

Lembaga Pengarah mengambil perhatian tentang cadangan Kod CG untuk tempoh pemegangan jawatan pengarah bebas yang perlu dihadkan kepada sembilan tahun dan tidak menggalakkan seseorang pengarah yang mana tempoh pelantikannya telah melebihi tempoh terkumpul dua belas tahun untuk dikekalkan sebagai pengarah bebas. Namun begitu, pengalaman serta pengetahuan yang dimiliki oleh pengarah yang telah lama berkhidmat perlu dipertimbangkan dan Lembaga Pengarah memberi kepercayaan kepada NCGC untuk melakukan penilaian berkenaan kebebasan INED yang mana tempoh pemegangan jawatannya melebihi sembilan tahun sebelum mendapat kelulusan para pemegang saham.

Berdasarkan penilaian NCGC, maka semasa AGM yang diadakan pada 19 Jun 2014, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dan para pemegang saham telah meluluskan pengekalan Dato’ Mohamed Khadar Bin Merican sebagai INED. Pada AGM yang akan datang, Syarikat akan cuba mendapatkan kelulusan para pemegang saham untuk mengekalkan Dato’ Mohamed Khadar Bin Merican dan Datuk Chin Kwai Yoong sebagai Pengarah Bebas⁽¹⁾.


3.3 Komposisi Lembaga Pengarah

Setakat tarikh penyata ini, Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan orang ahli termasuk seorang Pengarah Eksekutif (yang juga merupakan CEO) dan tujuh orang NED. 50% daripada Lembaga Pengarah termasuk Pengerusi Lembaga Pengarah adalah bebas, yang mana lebih tinggi daripada keperluan minimum satu pertiga seperti yang ditentukan dalam Keperluan Penyenaraian. Pengerusi setiap AC, RC dan NCGC merupakan INED. Profil setiap Pengarah dikemukakan pada muka surat 40 hingga 43 dalam Laporan ini.

⁽¹⁾ Dato’ Mohamed Khadar Bin Merican dan Datuk Chin Kwai Yoong, yang mana masing-masing telah dilantik pada Ogos 2003 dan Mac 2006 untuk menganggotai Lembaga Pengarah Astro All Asia Networks Limited, sebuah entiti yang memegang aset Kumpulan sebelum pembentukan Syarikat di bawah penyusunan semula organisasi.

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

Lembaga Pengarah mengkaji semula komposisinya sendiri setiap tahun dan menganggap komposisi, saiz dan keseimbangan sedia ada adalah bersesuaian dan berkesan untuk kawalan dan hala tuju perniagaan Kumpulan. Sungguhpun komposisi dan gabungan sedia ada memberi sumbangan positif kepada keberkesanan Lembaga Pengarah, terutamanya dengan kepelbagaian pengalaman dan keseimbangan antara Pengarah bukan bebas dan bebas, namun saiz serta gabungan lembaga pengarah dinilai setiap tahun untuk memastikan ia sejajar dengan strategi Kumpulan. Berikutan BEE yang baru diadakan, para Pengarah berpendapat bahawa melantik seorang anggota Lembaga Pengarah baharu yang memiliki pengalaman industri, khususnya dalam bidang teknologi, digital dan pengguna akan mengukuhkan lagi kekuatan Lembaga Pengarah untuk berhadapan dengan cabaran dalam pasaran dan memacu perkembangan masa depan.



Lembaga Pengarah juga berpendapat bahawa komposisi Lembaga Pengarah menggambarkan dengan secara adil struktur pemilikan Kumpulan dengan perwakilan kepentingan minoriti yang bersesuaian menerusi INED. Kajian semula komposisi Lembaga Pengarah dilakukan oleh NCGC berdasarkan beberapa faktor yang dijelaskan dengan lebih khusus dalam Laporan NCGC.

4. MEMUPUK ILTIZAM

4.1 Iltizam dari Segi Masa

Para Pengarah sedar akan iltizam dari segi masa yang diharapkan daripada setiap seorang daripada mereka untuk mengendalikan urusan Kumpulan secara amnya, termasuk menghadiri mesyuarat Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan lain-lain jenis mesyuarat. Kalendar mesyuarat Lembaga Pengarah tahunan dirancang dan dipersetujui oleh para Pengarah, sebelum bermulanya setiap tahun kewangan baharu.

Pada 2014, Lembaga Pengarah telah membentuk prosedur rasmi bagi menerima pelantikan menganggotai Lembaga Pengarah luar. Semua Pengarah dikehendaki memaklumkan dengan serta-merta apabila menerima sebarang pelantikan baharu Lembaga Pengarah luar dan sekiranya perlu, mendapatkan bimbingan daripada Pengerusi Lembaga Pengarah tentang sebarang potensi konflik kepentingan. Sebarang perubahan kepada jawatan pengarah mereka akan dibentangkan pada mesyuarat suku tahunan Lembaga Pengarah. Tiada di antara Pengarah kami menjadi pengarah kepada lebih daripada lima syarikat awam yang tersenarai di Bursa Securities. Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa jawatan pengarah dalam organisasi luar yang dipegang oleh para Pengarah pada masa ini tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan mahupun menjejaskan keupayaan mereka untuk melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap Kumpulan. Sebanyak lapan mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sepanjang TK15. Selain itu, perbincangan peribadi

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

dengan para Pengarah secara individu dan pramesyuarat AC yang dihadiri oleh pihak pengurusan serta juruaudit luar diadakan dalam jarak waktu sekata sepanjang tahun. RC bermesyuarat tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif/CEO pada Mac 2015 untuk membincangkan prestasi beliau. Pihak Pengurusan turut menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah atas jemputan, sekiranya perlu, dan ia tidak diperlihatkan dalam jadual kehadiran pada muka surat berikutnya.

Nama	Jawatankuasa Lembaga Pengarah				
	AGM ⁽¹⁾	Lembaga ⁽²⁾	AC	NCGC	RC
Bilangan mesyuarat yang diadakan pada TK15	1	8	4	1	3
Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi	1/1	8/8	n/a	1/1	n/a
En. Augustus Ralph Marshall	1/1	7/8	n/a	n/a	3/3
Dato' Rohana Rozhan	1/1	8/8	n/a	n/a	n/a
Datuk Chin Kwai Yoong	1/1	8/8	4/4	1/1	3/3
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	1/1	7/8	3/4	n/a	3/3
En. Bernard Anthony Cragg	1/1	8/8	4/4	n/a	n/a
En. Hisham Bin Zainal Mokhtar	1/1	8/8	n/a	1/1	n/a
Datuk Yvonne Chia	1/1	7/8	3/4	n/a	n/a

Nota:

(1) AGM diadakan pada 19 Jun 2014

(2) Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Waklan Lembaga Pengarah

Selaras dengan Tataurusn Pertubuhan Syarikat, keputusan yang dibuat pada mesyuarat yang bersidang secara fizikal hendaklah diputuskan oleh undi majoriti yang jarang berlaku memandangkan Lembaga Pengarah lazimnya mencapai keputusan sebulat suara. Sekiranya timbul situasi yang sedemikian, pandangan yang bertentangan dicatatkan dalam minit mesyuarat dengan sewajarnya. Keputusan yang diperolehi menerusi resolusi pekeliling mesti ditandatangani oleh semua Pengarah yang ada di Malaysia dan oleh semua Pengarah yang mungkin tidak ada di Malaysia dan telah memberikan Setiausaha Syarikat alamat di mana notis boleh dihantar kepada mereka.

4.2 Latihan Para Pengarah

Para Pengarah kami menghadiri latihan secara tetap untuk memantapkan kemahiran dan pengetahuan mereka dan sentiasa mengikuti perkembangan ekonomi, industri dan teknologi agar kekal relevan dan progresif. Suatu penilaian keperluan latihan telah dirangkumkan sebagai sebahagian daripada BEE, lantas membolehkan sebarang jurang dikenal pasti dan diambil tindakan. Kami sedar bahawa Kumpulan beroperasi dalam pasaran yang aktif dan para Pengarah perlu mengikuti perkembangan dalam industri, terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan kandungan dan media, digital dan media baharu, IT dan teknologi serta pemasaran pengguna, pengiklanan dan analisis.

Setiausaha Syarikat memastikan bahawa latihan tentang topik yang bersesuaian dikendali untuk para Pengarah, sama ada dikelola secara dalaman atau oleh penceramah luar, bersempena dengan mesyuarat lembaga pengarah suku tahunan sekiranya praktikal. Di samping itu, para Pengarah dikemas kini tentang program latihan yang ada dan suatu belanjawan disediakan oleh Syarikat pada setiap tahun bagi memenuhi program sebegini.

Datuk Yvonne Chia dan Cik Quah Bee Fong, yang mana masing-masing dilantik pada Januari 2014 dan April 2015, telah menghadiri beberapa siri mesyuarat dengan pihak pengurusan dan melawat pusat operasi penyiaran sebagai sebahagian daripada induksi mereka. Kesemua Pengarah kami, kecuali Cik Quah Bee Fong yang dilantik pada 24 April 2015 dan mempunyai empat bulan untuk menyempurnakan Program Akreditasi Mandatori ("MAP"), telah menghadiri dan menyempurnakan MAP seperti yang ditetapkan oleh Bursa Securities.

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

Para Pengarah kami mendapat taklimat secara tetap mengenai tinjauan pasaran, landskap persaingan, demografi pengguna dan perkembangan trend serta perkembangan teknologi, dsb. daripada pihak pengurusan dan penceramah jemputan yang lain. Antara seminar atau taklimat yang dihadiri oleh para Pengarah kami termasuklah:

Tarikh	Latihan/Kursus
10.02.2014	Mengurus Risiko Dalam Bank Islam
11.02.2014	Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan - apa yang perlu diketahui oleh setiap pengarah
17.02.2014	Ringkasan Penilaian Tenaga: Tema Industri 2014 Tinjauan meluas menentang arus di kawasan serantau - Trend dan tinjauan kawasan serantau
05.03.2014	Bengkel Pelaporan Penyata Tadbir Urus Korporat
11.03.2014	Penyediaan Ulasan Penyeliaan untuk Lembaga Pengarah
20.03.2014	Sesi Taklimat mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010/Akta Pembayaran & Adjudikasi Industri Pembinaan 2012/Akta Persaingan 2010
25.03.2014	Panduan Tadbir Urus Korporat – Ke Arah Kecemerlangan Lembaga Pengarah
28.03.2014	Bengkel Selera Risiko
22.04.2014 – 24.04.2014	Sidang Kemuncak Operator TV Berbayar Asia Pasifik 2014 di Bali
22.05.2014	Strategi Gas
22.05.2014	Taklimat tentang Pembiayaan Rentas Sempadan antara Malaysia dan Indonesia
28.05.2014	Pelan Induk ICT Kebangsaan Singapura
22.06.2014	Tadbir Urus Korporat, Pertaruhan Terbaik
26.06.2014	Tinjauan Ekonomi
26.06.2014	Trend Pengguna dan Pemahaman Mendalam tentang Pasaran
26.06.2014	Pengalaman Pasaran/Belajar daripada Wilayah Lain Pascapelaksanaan GST
27.06.2014	Perbincangan Meja Bulat mengenai Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi 2014
12.08.2014	Program Pendidikan Berterusan Para Pengarah 2014
29.08.2014	Menginovasi Persidangan Malaysia 2014
12.09.2014 – 14.09.2014	Ahli Panel pada Perhimpunan Sedunia untuk Wanita di Tokyo
18.09.2014	Tinjauan Media 2014 hingga 2018
27.10.2014 – 29.10.2014	Persidangan Wall Street Journal di California
11.11.2014	Sesi Taklimat mengenai trend telekomunikasi dan landskap industri sebagai sebahagian daripada perbincangan Lembaga Pengarah untuk rancangan operasi
11.11.2014	Kekal Merendah Diri, Tangkas Beraksi
18.11.2014	Program 2 Jawatankuasa Pencalonan: Penilaian Lembaga Pengarah yang Berkesan
27.11.2014	Undang-undang Keluarga
02.12.2014	Seminar mengenai Tadbir Urus Korporat: Amalan Rasuah
11.12.2014	Bengkel Laporan Bersepadu
20.01.2015 – 25.01.2015	Forum Ekonomi Dunia 2015

Anggaran masa yang diluangkan untuk latihan formal diringkaskan di bawah:

Pengarah	Purata Masa yang Diluangkan untuk Latihan Formal
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	6 hari
En. Augustus Ralph Marshall	1 hari
Dato' Rohana Rozhan	12 hari
Datuk Chin Kwai Yoong	2 hari
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	3 hari
En. Bernard Anthony Cragg	< 1 hari
En. Hisham Bin Zainal Mokhtar	< 1 hari
Datuk Yvonne Chia	< 1 hari
En. Lim Ghee Keong	2 hari

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

5. MENDUKUNG KEWIBAWAAN DALAM LAPORAN KEWANGAN

5.1 Pematuhan terhadap Piawaian Laporan Kewangan yang Boleh Diguna Pakai

Lembaga Pengarah pada dasarnya bertanggungjawab mengemukakan penilaian yang jelas, seimbang dan menyeluruh tentang kedudukan kewangan, prestasi dan prospek Kumpulan setiap kali ia menyiarkan penyata kewangan suku tahunan dan tahunannya kepada para pemegang saham di samping memastikan bahawa penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan keputusan operasi dan keadaan kewangan Kumpulan.

5.2 Penilaian Juruaudit Luar

Menerusi Lembaga Penagrah, AC melakukan penilaian terhadap kedua-dua juruaudit luar, PricewaterhouseCoopers ("PwC") dan juruaudit dalamnya. Proses penilaian, kriteria dan ringkasan penemuan dilaporkan dalam Laporan AC pada muka surat 69.

5.3 Urus Niaga Pihak Berkaitan

Dasar Kumpulan berkenaan Urus Niaga Pihak Berkaitan ("RPT") diperolehi daripada peruntukan Keperluan Penyenaraian dan bermatlamat memastikan semua urus niaga dengan pihak berkaitan dilakukan secara tulus, berdasarkan terma perdagangan dan mengikut terma yang tidak menjejaskan pemegang saham minoriti. RPT dikaji semula oleh Bahagian Jaminan Korporat ("CA") dan sekiranya perlu, kelulusan AC dan Lembaga Pengarah dikehendaki. Para Pengarah dikehendaki mengecualikan diri daripada membuat pertimbangan dan mengundi terhadap resolusi yang berkaitan di mana mereka mempunyai konflik kepentingan. Rangka kerja RPT diperkukuhkan lagi melalui pemantauan yang teliti oleh Setiausaha Syarikat, Bahagian Kewangan, Perolehan dan Perundangan.

Bahagian Kesetiausahaan Syarikat mengendalikan taklimat untuk pengurus dan kakitangan yang baharu dilantik tentang rangka kerja RPT dan memberikan nasihat serta penjelasan yang perlu apabila dikehendaki oleh unit perniagaan. Unit perniagaan dikehendaki melakukan penandaan aras (seperti mendapatkan sebut harga yang boleh dibandingkan daripada pihak tidak berkaitan, di mana mungkin) terhadap harga dan terma penting urus niaga.

Pada setiap tahun, Syarikat akan mendapatkan mandat para pemegang saham untuk RPT berulang yang bersifat hasil atau perdagangan ("RRPT") bagi membolehkan Kumpulan menjalankan urus niaga yang perlu untuk operasi hari ke hari dan dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan. Pada 2014, mandat para pemegang saham untuk RRPT telah diperolehi pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 19 Jun 2014.

6. MENGIKTIRAF DAN MENGURUS RISIKO

6.1 Pengurusan Risiko yang Mantap

Lembaga Pengarah telah membentuk suatu rangka kerja yang menyeluruh serta holistik bagi sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap. Penyata Pengarah mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dibentangkan pada muka surat 74 dalam Laporan ini.

6.2 Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman Kumpulan atau CA membuat laporan terus kepada AC bagi mengekalkan kebebasan mereka daripada pihak pengurusan. Naib Presiden CA Kumpulan mengetuai bahagian tersebut dan beliau merupakan akauntan bertauliah serta ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Suatu ringkasan tentang tanggungjawab dan aktiviti CA dibentangkan dalam Laporan AC pada muka surat 70.

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

7. PENZAHIRAN MENEPATI MASA DAN BERKUALITI TINGGI

7.1 Penzahiran Korporat

Lembaga Pengarah telah menerima pakai Dasar Penzahiran Korporat untuk Pengarah yang dikeluarkan oleh Bursa Securities bagi menggalakkan penzahiran maklumat material yang menepati masa serta berkualiti tinggi kepada orang ramai. Penyediaan pengumuman kepada Bursa Securities diselaraskan antara Bahagian Kesetiausahaan Syarikat, IR, Kewangan, Perundangan dan Komunikasi bagi memastikan maklumat yang akan dizahirkan telah ditentukan sewajarnya sebelum disebarkan. Bergantung kepada jenis maklumat, kelulusan Lembaga Pengarah atau CEO diperolehi untuk menyiarkan sesuatu pengumuman.

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, jurucakap Kumpulan mematuhi Panduan Jurucakap serta Panduan Media Sosial berkaitan interaksi dengan pihak berkepentingan yang meliputi satu senarai maklumat yang dilarang daripada dizahirkan seperti maklumat sensitif harga dan pasaran yang boleh mempengaruhi harga saham atau memberi kesan terhadap operasi perniagaan.

7.2 Memanfaatkan Teknologi Maklumat

Kumpulan menggunakan teknologi maklumat untuk menyebarkan maklumat penting kepada orang ramai. Laman web kami (www.astromalaysia.com.my dan www.astro.com.my) mengandungi maklumat menyeluruh tentang perniagaan kami serta maklumat mengenai tadbir urus korporat dan keputusan kewangan. Piagam Lembaga, laporan tahunan, notis mesyuarat agung, slaid taklimat pelabur, siaran akhbar dan pengumuman yang dibuat kepada Bursa Securities disiarkan di laman web kami. Pihak Pengurusan aktif menggunakan rangkaian media sosial termasuk Facebook dan Twitter bukan sahaja sebagai suatu cara untuk memberi kemas kini tentang program, acara dan kempen mutakhir, bahkan untuk mendapatkan maklum balas berharga daripada pasaran. Ini merupakan tahun kedua di mana kami menerbitkan Laporan Tahunan dalam format CD-ROM menurut kriteria yang ditetapkan di bawah Keperluan Penyeneraian. Salinan cetak dihantar dalam tempoh empat hari pasaran dari tarikh terima permohonan pemegang saham.

8. MENGUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

8.1 Menggalakkan Penyertaan Para Pemegang Saham

Wujud penglibatan yang berterusan antara Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan para pemegang saham/pelabur di sepanjang tahun menerusi pelbagai forum. Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pihak berkepentingannya dan percaya bahawa komunikasi yang jelas dan konsisten menggalakkan penghargaan yang lebih tinggi terhadap perniagaan dan aktiviti Kumpulan, mengurangkan ketidakpastian harga saham, dan membolehkan perniagaan serta prospek Kumpulan dinilai dengan betul.

Syarikat menjadualkan dialog secara tetap dengan para pelabur institusi di sepanjang tahun dan ia dihadiri oleh pihak pengurusan, termasuk CEO. Dialog ini termasuk persidangan telefon dengan para penganalisis serta pengurus dana selepas pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dan melalui penyertaan dalam jerayawara tanpa urus niaga serta persidangan pelabur utama di luar negara. Butirannya dibentangkan dalam Laporan IR pada muka surat 34 dalam Laporan ini.

Sidang akhbar diadakan pada selang masa yang biasa untuk mengemas kini prestasi dan aktiviti Kumpulan. Syarikat menjadualkan sidang akhbar pada hari yang sama ia menyiarkan keputusan kewangan setengah tahun dan setahun lengkap serta turut mengendalikan beberapa acara lain yang dihadiri oleh wakil akhbar seperti pelancaran produk/perkhidmatan. Kenyataan akhbar mengenai keputusan kewangan kami dikeluarkan setiap suku tahun dan disiarkan di laman web korporat kami.

Penyata Tadbir **Urus Korporat**

Mesyuarat Agung Tahunan

AGM merupakan wadah penglibatan utama untuk mengadakan dialog antara Lembaga Pengarah dan para pemegang sahamnya, selain daripada dialog dengan para pelabur institusi. Kesemua Pengarah dan pihak pengurusan kanan utama menghadiri AGM 2014 dan mereka turut disertai wakil daripada PwC, Kadir Andri & Partners serta penasihat korporat yang lain. Semasa AGM 2014, CEO telah membentangkan prestasi dan pencapaian Kumpulan bagi tahun kewangan yang lalu. Pengerusi menjelaskan tentang prosedur mengundi termasuk hak menuntut diadakan pungutan suara sebelum resolusi dibentang. Pengundian dilakukan dengan cara mengangkat tangan di mana setiap ahli, proksi atau wakil korporat mempunyai satu undi. Pengerusi turut berkongsi jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti semasa berlangsungnya AGM. Para pemegang saham diberi peluang mengemukakan soalan tentang perkara dalam agenda dan jawapan atau penjelasan yang bersesuaian diberikan oleh Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan. Semua resolusi seperti yang terdapat dalam agenda telah diluluskan dengan sewajarnya dan suatu pengumuman telah dibuat melalui Bursa Link pada hari yang sama.

Notis untuk mengadakan AGM 2015 telah dikeluarkan kepada para pemegang saham pada 19 Mei 2015, iaitu 28 hari sebelum berlangsungnya AGM (melebihi tempoh notis minimum 21 hari yang ditetapkan oleh Keperluan Penyenaraian) agar dapat memberi notis yang secukupnya kepada para pemegang saham untuk menghadiri mesyuarat.

Lembaga Pengarah juga menggalakkan saluran komunikasi yang lain dengan pemegang saham. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkenaan hal Kumpulan boleh disampaikan kepada Pengarah Kanan Bebas melalui saluran berikut:

Pos : Datuk Chin Kwai Yoong
d/a Jabatan Kesetiausahaan Korporat
Tingkat 3, All Asia Broadcast Centre
Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur
Faks : + 603 9543 3007
E-mel : kwai-yoong_chin@astro.com.my

Para pelabur juga boleh mengajukan pertanyaan berkenaan Kumpulan kepada individu berikut:

- (a) En. Raymond Tan (Ketua Pegawai Pelaburan) untuk hal berkaitan hubungan pelabur
Tel : + 603 9549 7600 Faks : + 603 9543 9511
E-mel : raymond_tan@astro.com.my
- (b) Cik Grace Lee (Pengawal Kewangan Kumpulan) untuk hal berkaitan kewangan
Tel : + 603 9549 2192 Faks : + 603 9543 2017
E-mel : grace_lee@astro.com.my
- (c) Cik Sharon Liew (Setiausaha Syarikat) untuk pertanyaan pemegang saham
Tel : + 603 9543 9267 Faks : + 603 9543 3007
E-mel : sharon_liew@astro.com.my

Laporan

Jawatankuasa Imbuhan

1. KOMPOSISI

RC telah ditubuhkan pada 1 April 2011 dan terdiri daripada tiga orang ahli yang secara eksklusifnya merupakan NED. Dua daripada tiga ahlinya adalah bebas, termasuk Pengerusi RC. Maklumat keahlian adalah dinyatakan di bawah:

Nama Ahli Jawatankuasa	Tarikh Pelantikan	Jawatan
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	1 April 2011	Pengerusi RC/INED (Ditetapkan semula jawatan sebagai Pengerusi pada 15 Ogos 2012)
Datuk Chin Kwai Yoong	1 April 2011	Ahli/INED
En. Augustus Ralph Marshall	1 April 2011	Ahli/NED Bukan Bebas

2. BIDANG TUGAS

Bidang Tugas RC disiarkan di laman web korporat, www.astromalaysia.com.my.

3. RINGKASAN AKTIVITI YANG DILAKSANA OLEH RC BAGI TK15

- Mengkaji semula Bidang Tugas RC bagi memastikan ia tetap sejajar dengan peraturan dan amalan terbaik.
- Mengkaji semula prestasi CEO berbanding Kad Skor Syarikat bagi TK15 dan mencadangkan Kad Skor Syarikat bagi TK16. Prestasi CEO dikaji semula dan diukur oleh Lembaga Pengarah pada setiap tahun berdasarkan Kad Skor Syarikat yang merangkumi kedua-dua parameter kewangan dan bukan kewangan, termasuk pengalaman pelanggan, inovasi, tadbir urus dan kawal selia serta pengukuran orang ramai.
- Mengkaji semula cadangan untuk bonus prestasi dan kenaikan merit tahunan Kumpulan bagi memastikan kadarnya adalah saksama, berdaya saing dan bersesuaian, dengan mengambil kira prestasi Kumpulan serta prestasi individu.
- Mengkaji semula pemberian dan meletak hak saham yang diberikan kepada kakitangan yang layak di bawah Skim Saham yang diwujudkan oleh Lembaga Pengarah dan pemegang saham pada 2012 sebagai sebahagian daripada keseluruhan imbuhan untuk melaraskan kepentingan kakitangan kami dengan kepentingan para pemegang saham, menyemai kesetiaan di kalangan kakitangan dan memacu prestasi. Pada tahun yang dilaporkan, RC telah meluluskan tawaran Anugerah Saham Berprestasi yang berkaitan dengan 7.9 juta saham biasa baharu bernilai 10 sen sesaham dalam Syarikat kepada kakitangan Kumpulan yang layak (tidak termasuk NED) dengan syarat mencapai sasaran prestasi yang telah dipersetujui dan berdasarkan pengukuran jumlah pulangan pemegang saham serta prestasi kewangan Kumpulan selama tempoh tiga tahun. Sekiranya sasaran dipenuhi, saham tersebut akan diletak hak pada 1 Ogos 2017. RC juga telah meluluskan letak hak bahagian pertama bagi Anugerah Saham Terhad yang mewakili 3.43 juta saham biasa baharu bernilai 10 sen sesaham dalam Syarikat kepada kakitangan yang layak berdasarkan pencapaian dan kriteria yang ditetapkan.

Pengumuman yang berkaitan bagi Skim Saham telah dibuat oleh Bursa Securities pada 11 Oktober 2012, 1 Ogos 2014 dan 20 Oktober 2014.

Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat

1. KOMPOSISI

NCGC telah ditubuhkan pada 1 April 2011 dan terdiri daripada tiga orang ahli yang secara eksklusifnya merupakan INED. Maklumat keahlian NCGC adalah dinyatakan di bawah:

Nama Ahli Jawatankuasa	Tarikh Pelantikan	Jawatan
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	15 Ogos 2012	Pengerusi NCGC/INED
Datuk Chin Kwai Yoong	1 April 2011	Ahli/INED
Datuk Yvonne Chia	24 April 2015	Ahli/INED

En. Hisham Bin Zainal Mokhtar telah meletak jawatan sebagai Pengarah Syarikat dan Ahli NCGC pada 24 April 2015.

2. TERMA RUJUKAN

Terma rujukan NCGC disiarkan di laman web korporat, www.astromalaysia.com.my. Dalam laporan ini, kami memberi tumpuan kepada proses pelantikan dan kriteria pemilihan Pengarah, serta BEE:

(i) Pencalonan, Pemilihan dan Pilihan Pengarah

Setiausaha Syarikat memantau persaraan Pengarah mengikut giliran pada setiap AGM dan menyerahkan cadangan kepada NCGC. Menurut Tataurus Pertubuhan Syarikat, satu pertiga daripada jumlah bilangan Pengarah dalam Lembaga Pengarah atau jika bilangannya bukan dalam gandaan tiga, bilangan paling hampir kepada satu pertiga adalah tertakluk kepada persaraan mengikut giliran dan pemilihan semula pada AGM setiap tahun. NCGC akan menilai semula prestasi pengarah(-pengarah) tersebut yang bersara mengikut giliran sebagai sebahagian daripada BEE dan membuat cadangan yang bersesuaian kepada Lembaga Pengarah.

Berkaitan dengan pelantikan baharu dalam lembaga pengarah, NCGC menilai calon Lembaga Pengarah yang berpotensi berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan dan ia merangkumi:

- pendidikan dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan strategi serta rancangan perniagaan Kumpulan
- karakter seseorang individu bagi memastikan terdapat penyesuaian yang tepat
- berupaya mengkhususkan masa yang secukupnya untuk melaksanakan tanggungjawab
- reputasi dari segi kewibawaan yang tidak tercemar dan berupaya melakukan pertimbangan yang baik terhadap perniagaan.

Setiap Pengarah berpeluang bertemu dengan calon yang dicadangkan sebelum pelantikan.

(ii) Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah

Setiap tahun NCGC memudahkan BEE dengan sokongan daripada Setiausaha Syarikat. Sebuah firma profesional luar turut terlibat sekali setiap tiga tahun untuk melakukan penilaian bagi memastikan proses tersebut kekal mantap dan teliti. Pengerusi NCGC memikul tanggungjawab keseluruhan dalam melakukan penilaian, manakala penemuan akan dilaporkan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Hasil daripada penilaian individu Pengerusi Lembaga Pengarah diserahkan kepada Pengarah Kanan Bebas yang akan membawanya untuk perhatian Pengerusi Lembaga Pengarah.

Penilaian tersebut telah dijalankan pada Mac 2015 menerusi soal selidik elektronik yang dihantar kepada setiap Pengarah secara individu dan pihak pengurusan utama yang terpilih sebagai sebahagian daripada penilaian 360 darjah, dan ia merangkumi penilaian terhadap prestasi Lembaga secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga dan Pengerusinya masing-masing, setiap Pengarah secara individu (melalui penilaian sendiri dan rakan sejawat) serta berkenaan kebebasan INED.

Lembaga Pengarah dinilai berdasarkan parameter berikut:

- tanggungjawab lembaga
- komposisi, pentadbiran dan proses
- perlakuan, interaksi dan komunikasi dengan pihak pengurusan serta pihak berkepentingan yang lain
- kebebasan

Lembaga Pengarah dinilai berdasarkan struktur dan proses, akauntabiliti dan tanggungjawab; manakala penilaian sendiri dan rakan sejawat Pengarah adalah berdasarkan kebebasan, penyertaan dan lembaga yang berdinamik, kewibawaan serta objektiviti, kecekapan teknikal dan pengiktirafan.

Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan **Tadbir Urus Korporat**

Penilaian terhadap INED turut dijalankan sebagai sebahagian daripada BEE dan antara lain, ia mengambil kira kriteria berikut:

- keupayaan untuk melakukan pertimbangan secara bebas
- keupayaan untuk memperlihatkan nilai dan prinsip yang dikaitkan dengan kebebasan seperti tidak memihak, objektiviti dan pertimbangan terhadap kepentingan semua pihak berkepentingan, termasuk ada kalanya berpegang kepada pendirian yang menyebabkan diri tidak disenangi.

3. RINGKASAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH NCGC BAGI TK15

- (a) Mengkaji semula Bidang Tugas NCGC bagi memastikan ia tetap sejajar dengan peraturan dan amalan terbaik.
- (b) Mengkaji semula status pematuhan terhadap Kod CG dan membuat cadangan untuk penambahbaikan.
- (c) Mengkaji semula rancangan pengurusan penggantian dan memberi cadangan untuk penambahbaikan.
- (d) Menyempurnakan BEE pada Mac 2015 dan menyerahkan saranannya kepada Lembaga Pengarah. NCGC turut mengkaji jurang yang diketengahkan daripada BEE yang dilaksanakan pada tahun sebelumnya; dan bertanggungjawab terhadap pelan tindakan yang timbul daripadanya.
- (e) Menilai kebebasan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican dan Datuk Chin Kwai Yoong di mana masing-masing telah dilantik sejak Ogos 2003 dan Mac 2006 untuk menganggotai Lembaga Pengarah Astro All Asia Networks Limited, sebuah entiti yang memegang aset Kumpulan sebelum pembentukan Syarikat di bawah penyusunan semula organisasi kumpulan, berdasarkan kriteria kebebasan yang telah ditetapkan.

Laporan Jawatankuasa Audit

AC membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawabnya yang berkaitan dengan tanggungjawab pengawasan. AC mengkaji semula dan memantau kewibawaan proses pelaporan kewangan, pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman, proses audit luaran dan dalaman, pematuan terhadap hal-hal perundangan dan pengawalseliaan, COBE Kumpulan serta perkara lain yang secara khususnya boleh ditugaskan oleh Lembaga Pengarah kepada AC.

1. KOMPOSISI

AC telah ditubuhkan pada 1 April 2011 dan terdiri daripada empat ahli Lembaga Pengarah yang berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Tarikh Pelantikan	Jawatan
Datuk Chin Kwai Yoong	1 April 2011	Pengerusi AC/INED Kanan (Ditetapkan semula jawatan sebagai Pengerusi pada 15 Ogos 2012)
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	1 April 2011	Ahli/INED
En. Bernard Anthony Cragg	1 April 2011	Ahli/NED Bukan Bebas
Datuk Yvonne Chia	1 Januari 2014	Ahli/INED

Komposisi AC mematuhi Keperluan Penyenaraian seperti berikut:

- Kesemua empat ahli AC adalah NED, yang mana sebahagian besarnya adalah pengarah bebas, termasuk Pengerusi, dan tiada sesiapa di antara mereka merupakan pengarah silih ganti;
- Tiga ahli AC yang terdiri daripada Datuk Chin Kwai Yoong, Dato' Mohamed Khadar Bin Merican dan En. Bernard Anthony Cragg merupakan sama ada Fellow atau Ahli Institute of Chartered Accountants di England dan Wales dan/atau ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan/atau Institut Akauntan Malaysia. Justeru itu, AC memenuhi keperluan perenggan 15.09(1)(c) Keperluan Penyenaraian yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya seorang ahli AC mestilah akauntan bertauliah.

2. MESYUARAT

AC telah bermesyuarat sebanyak lima kali sepanjang TK15. Butiran tentang kehadiran dikemukakan pada muka surat 59 dalam Laporan ini. Mesyuarat AC telah dikendalikan menurut syarat kuorum seperti yang ditetapkan dalam Piagam AC, yang memerlukan kehadiran sekurang-kurangnya dua ahli dan majoriti ahli adalah pengarah bebas. Selain daripada mesyuarat AC, ahli AC tertentu telah menghadiri pramesyuarat AC berdasarkan setiap suku tahun, iaitu sebelum mesyuarat suku tahunan bagi membolehkan sebarang isu penting dibawa naik awal kepada AC dengan mengharapkan penyelesaian yang bertepatan masa. Setiausaha Syarikat adalah Setiausaha AC.


Pada tahun dalam tinjauan, AC telah bermesyuarat dengan juruaudit luar, PwC, sebanyak dua kali secara berasingan, tanpa kehadiran pihak pengurusan. Di samping itu, Naib Presiden CA serta juruaudit luar turut bermesyuarat secara berasingan dengan Pengerusi AC dan ahli AC tertentu, seperti yang dikehendaki dilakukan setiap suku tahun, tanpa kehadiran pihak pengurusan. Pengerusi AC selanjutnya berterusan berhubung dengan pihak pengurusan kanan, Naib Presiden CA dan juruaudit luar, agar dapat mengikuti perkembangan tentang perkara dan isu yang memberi kesan kepada Kumpulan.

3. RINGKASAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH AC BAGI TK15

Dalam melaksanakan fungsinya, AC ditadbir oleh Piagam AC yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan selaras dengan peruntukan Keperluan Penyenaraian, Kod CG serta amalan terbaik yang lain. Piagam AC dikaji semula setiap tahun bagi memastikan ia sejajar dengan keperluan dan peraturan baharu, dan bilamana terdapat sebarang pindaan, ia diluluskan dengan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah.

Laporan Jawatankuasa Audit

Aktiviti AC distrukturkan untuk menyokong tanggungjawab pengawasan oleh Lembaga Pengarah. Gambar rajah di bawah menunjukkan bidang tumpuan utama AC yang dimasukkan ke dalam agenda AC pada masa yang relevan di sepanjang tahun.



3.1 Pelaporan Kewangan dan Pematuhan

- (a) Mengkaji semula penyata kewangan suku tahunan dan tahunan, termasuk siaran akhbar dan pengumuman berkaitan laporan kewangan suku tahunan untuk menyelidiki kualiti pendedahan dan pembentangan, dan berbincang dengan juruaudit luar serta pihak pengurusan, dengan memberi tumpuan, antara lain kepada:
- prinsip dan piawaian perakaunan yang telah diguna pakai untuk memastikan pematuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan dan keperluan undang-undang.
 - bidang utama di mana penilaian yang penting telah diguna pakai.
 - sama ada laporan tahunan dan akaun, diambil secara keseluruhan, adalah adil, seimbang dan boleh difahami serta menyediakan maklumat yang perlu buat para pemegang saham untuk menilai prestasi Kumpulan.

Sebagai sebahagian daripada kajian semula penyata kewangan secara suku tahunan dan tahunan, AC menimbang pandangan pihak pengurusan serta juruaudit luar dan berpuas hati bahawa dasar, khususnya yang berkaitan dengan dasar pelunasan program dan peruntukan hutang ragu telah diguna pakai secara konsisten dan bersesuaian.

- (b) Mengkaji semula laporan juruaudit luar tentang penyata kewangan tahunan Kumpulan dan laporan kewangan suku tahunan sebelum membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan kemudiannya disiarkan kepada umum.

3.2 Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

- (a) Mengkaji semula profil risiko Kumpulan setiap suku tahun dengan tumpuan terhadap risiko utama yang telah dikenal pasti pada muka surat 81 hingga 83 dalam Laporan ini dan status proses pengurusan risiko yang dilaksana bagi memudahkan pengenalanpastian, pentaksiran, penilaian, pemantauan dan pengurusan risiko.
- (b) Mengkaji semula kemampuan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berdasarkan laporan status tentang Senarai Semakan Kawalan Utama untuk fungsi perniagaan utama yang telah disempurnakan dan dilaporkan oleh pihak pengurusan pada setiap suku tahun.

Laporan Jawatankuasa Audit

- (c) Mengkaji semula kemampuan dan keberkesanan dasar dan prosedur sistem kawalan dalaman bagi memantau dan mengurus risiko dalam bidang tertentu, seperti pengurusan projek dan Go Shop, iaitu perniagaan membeli-belah dari rumah.
- (d) Mengkaji semula kemampuan prosedur bagi mencegah dan mengesan penipuan serta jenayah siber.
- (e) Mengkaji semula Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan TK15.

3.3 Audit Luar

- (a) Mengkaji semula dan meluluskan Perancangan Audit oleh juruaudit luar bagi TK15 untuk memastikan skop dan tumpuan yang sesuai terhadap bidang risiko utama.
- (b) Mengkaji semula laporan audit tahunan oleh juruaudit luar dan laporan yang disertakan untuk pihak pengurusan, laporan tentang hasil pemeriksaan mereka yang lain dan surat pengurusan mengenai hal-hal kawalan dalaman, termasuk maklum balas pihak pengurusan dan tahap kerjasama yang diberikan oleh kakitangan kepada juruaudit luar.
- (c) Menilai kebebasan, objektiviti dan terma penggunaan perkhidmatan sebelum mencadangkan pelantikan semula dan imbuhan mereka.
- (d) Mengkaji semula penilaian terhadap prestasi dan keberkesanan juruaudit luar yang telah diselaraskan oleh Setiausaha Syarikat. Penilaian tahunan telah dijalankan pada April 2015 dengan maklum balas diperolehi daripada AC, pihak pengurusan dan CA serta penilaian sendiri oleh PwC. Perkara yang dinilai adalah (i) kebebasan, objektiviti dan kecurigaan profesional; (ii) kestabilan kewangan, profil risiko dan strategi audit firma pengauditan (iii) komunikasi dan interaksi; (iv) penyelesaian audit; dan (v) kualiti kemahiran, kemampuan pasukan audit dan sumber yang mencukupi. Berdasarkan keputusan penilaian, AC berpuas hati dengan prestasi juruaudit luar dan mencadangkan kepada Lembaga untuk melantik semula juruaudit luar pada AGM akan datang yang akan diadakan pada Jun 2015.
- (e) Lembaga Pengarah telah menerima pakai Dasar mengenai Peruntukan Perkhidmatan Audit dan Bukan Audit oleh juruaudit luar berdasarkan prinsip umum bahawa juruaudit luar tidak harus melakukan perkhidmatan bukan audit yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasannya. Bayaran untuk penggunaan perkhidmatan secara individu dan secara terkumpul bagi perkhidmatan bukan audit, masing-masing dihadkan kepada 50% dan 5 kali bagi audit kewangan berkanun dan bayaran kajian semula interim yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk tahun kewangan sejurus sebelumnya. Sebarang perkhidmatan bukan audit yang melebihi ambang di atas akan memerlukan prakilulusan yang khusus oleh AC. Semasa TK15, Kumpulan menanggung kira-kira RM5.79 juta bayaran bukan audit yang mewakili 69% daripada jumlah bayaran kepada juruaudit luar. AC telah mengkaji semula impak peruntukan perkhidmatan bukan audit dan tetap berpuas hati bahawa kebebasan juruaudit luar tidak terjejas. Pada setiap suku tahun, AC mengkaji analisis yang disediakan oleh juruaudit luar tentang penyediaan perkhidmatan audit dan bukan audit, termasuk bayaran yang tertanggung, bagi memastikan pematuhan terhadap Dasar.
- (f) Kumpulan juga membataskan pengambilan bekerja bekas kakitangan juruaudit luar bagi memastikan kebebasan juruaudit luar dan untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan. Semasa TK15, tiada pengambilan bekas kakitangan juruaudit luar yang telah dilaporkan kepada AC.
- (g) Mengkaji semula pengesahan kebebasan secara bertulis daripada juruaudit luar menurut keperluan pengawalseliaan dan profesional di Malaysia yang boleh diguna pakai. Bagi TK15, PwC telah mengesahkan sekali lagi kebebasan mereka untuk bertindak sebagai juruaudit luar Syarikat menurut keperluan profesional dan pengawalseliaan yang relevan.

Laporan Jawatankuasa Audit

3.4 Jaminan Korporat

- (a) Mengkaji semula fungsi CA adalah untuk memastikan bahawa aktivitinya dilakukan secara bebas dan dengan keadilan, kecekapan serta kecermatan profesional yang sewajarnya, termasuk petunjuk prestasi utama. Bagi TK15, kajian semula yang sedemikian telah diijalankan pada Mac 2015 menerusi soal selidik elektronik yang diedarkan oleh Bahagian Kesetiausahaan Syarikat kepada AC, pihak pengurusan dan juruaudit luar. Perkara yang dinilai termasuk (i) perancangan audit dan sumber (ii) kemahiran dan pengalaman; dan (iii) program kerja.
- (b) Mengkaji semula kemampuan Piagam CA.
- (c) Mengkaji semula Rancangan Tinjauan Strategik CA bagi TK15 bagi memastikan kemampuan skop tinjauan, kecekapan dan sumber untuk menjalankan fungsinya.
- (d) Mengkaji semula laporan CA termasuk penemuan, cadangan, maklum balas pihak pengurusan dan tindakan yang diambil terhadap cadangan.
- (e) Mengkaji semula status pelaksanaan oleh pihak pengurusan berkenaan cadangan yang dibuat oleh CA bagi memastikan pelan tindakan telah dilaksanakan tepat pada masanya dan secara menyeluruh. Di mana sesuai, AC telah mengarahkan pihak pengurusan untuk membetulkan dan menambah baik selanjutnya prosedur kawalan serta proses aliran kerja berdasarkan penemuan CA.
- (f) Mengkaji semula keputusan kajian semula/penyiasatan khas berkenaan penzahiran yang diterima.
- (g) Mengarah kajian semula khas mengenai aktiviti atau perkara yang terkandung dalam Piagam AC.

Ringkasan fungsi Jaminan Korporat dinyatakan di bawah:

Objektif utama CA ialah untuk membantu AC dengan memberi pengesahan bebas tentang pengurusan risiko, proses kawalan dan tadbir urus Kumpulan. Fungsi CA diketuai oleh Naib Presiden, CA Kumpulan yang membuat laporan terus kepada Pengerusi AC.

Peranan CA ditadbir oleh Piagam CA yang dikaji semula dan diluluskan setiap tahun oleh AC. Terakhir, Piagam CA telah dikemas kini dan diluluskan pada September 2014 untuk memastikan bahawa tujuan, kuasa dan tanggungjawab CA terus berkemampuan, mencerminkan perkembangan aktiviti CA serta selaras dengan amalan terbaik yang disebar luas oleh badan profesional audit dalaman. CA tidak ada tanggungjawab dari segi operasi atau kuasa terhadap aktiviti yang diaudit. Piagam CA turut menggariskan dengan jelas peranan CA dalam melakukan pengesahan bebas terhadap proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus dan CA tidak terlibat dalam merangka serta melaksanakan prosedur, membentuk, memasang dan mengendalikan sistem kawalan.

Aktiviti CA ditadbir oleh rancangan kajian semula tahunan yang diluluskan oleh AC dan dikemas kini setiap suku tahun dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan dan operasi. Rancangan ini menerima pakai metodologi berasaskan risiko yang memberi tumpuan kepada bidang risiko utama. Skop liputan termasuk semua unit perniagaan dan sokongan dalam Kumpulan. Pendekatan ini adalah selaras dengan rangka kerja yang telah diwujudkan oleh Kumpulan untuk membentuk, melaksana dan memantau sistem kawalannya. CA juga bekerja rapat dengan Jabatan Proses, Risiko dan Jaminan Kumpulan, fungsi jaminan yang lain dan juruaudit luar untuk memantau rangka kerja tadbir urus risiko dan proses pengurusan risiko Kumpulan untuk memastikan keberkesannya.


Laporan Jawatankuasa Audit

Pada tahun kewangan ini, bidang kerja utama yang dilakukan oleh CA dan dilaporkan kepada AC adalah seperti berikut:

- (a) Melaksanakan Rancangan Tinjauan Strategik bagi TK15 yang merangkumi liputan audit bagi semua bidang unit perniagaan dan sokongan yang penting berdasarkan pengenalpastian dan penilaian persekitaran risiko dan kawalan masing-masing.
- (b) Menjalankan pelbagai kajian semula yang dirancang seperti audit kewangan, operasi, teknologi dan sistem maklumat merentasi Bahagian Pelanggan, Kandungan, Teknologi Maklumat dan Jualan Media serta perniagaan Radio dan Penerbitan serta unit sokongan lain dalam Kumpulan. Laporan audit CA termasuk penemuan, cadangan dan maklum balas pihak pengurusan telah diserahkan kepada AC dan pihak pengurusan untuk kajian semula apabila laporan selesai dibuat. Pada setiap suku tahun, ringkasan tentang penemuan dikemuka dan dibentangkan pada mesyuarat AC. Anggota pengurusan dijemput dari semasa ke semasa untuk memberi penjelasan mengenai penemuan dan kemas kini tentang tindakan yang diambil, sekiranya boleh diguna pakai.
- (c) Mengendali tindakan susulan dan pemantauan secara kerap terhadap pelaksanaan cadangan yang dibuat oleh CA dan tindakan yang diambil oleh pihak pengurusan untuk memastikan tindakan pembetulan yang bersesuaian diambil tepat pada masanya atau dalam tempoh masa yang dipersetujui, dengan status pelaksanaan tersebut dilaporkan kepada AC pada setiap suku tahun.
- (d) Menjalankan kajian semula dan penyiasatan ad hoc, antara lain, termasuk kajian semula penambahbaikan tadbir urus yang berkaitan dengan dasar dan prosedur serta kajian semula khas berdasarkan pendedahan yang dilaporkan kepada Talian Etika dan saluran lain.
- (e) Melakukan kajian semula terhadap RPT bagi memastikan RPT dikendali mengikut terma perdagangan yang lazim bagi Kumpulan serta tidak merugikan pemegang saham minoriti Kumpulan dan penzahiran yang sewajarnya telah dibuat menurut Keperluan Penyenaraian.
- (f) Menjadi saksi proses pembukaan tender untuk perolehan barangan/perkhidmatan.

Agar CA dapat menjalankan kerjanya dengan berkesan, CA telah menggunakan sistem pengurusan audit untuk membantu dalam dokumentasi audit dan juga untuk memantau masa yang diluangkan bagi melakukan kajian semula. Di samping itu, kakitangan CA mengikuti perkembangan dalam kerjaya dan industri dengan menghadiri latihan yang bertujuan melengkapkan mereka dengan kemahiran yang relevan dan bersesuaian mengikut tahap mereka masing-masing, antara lain seperti dalam bidang pengurusan risiko, tadbir urus korporat, keselamatan teknologi maklumat, piawaian pengurusan keselamatan maklumat, keperluan perundangan baharu serta peraturan kandungan pengiklanan dan radio.

Jumlah kos operasi yang ditanggung untuk CA bagi TK15 mencecah kira-kira RM3.3 juta, yang sebahagian besarnya merangkumi kos kakitangan. Peratusan masa yang diluangkan oleh CA bagi setiap bidang berikut digambarkan di bawah:



Laporan Jawatankuasa Audit

3.5 Urus Niaga Pihak Berkaitan

- (a) Mengkaji semula prosedur dalaman bagi RPT dan kemampuan prosedur dalam mengenal pasti, memantau, melaporkan dan mengkaji semula RPT.
- (b) Mengkaji semula Pekeliling 2014 kepada Pemegang Saham berhubung dengan mandat baharu dan pembaharuan mandat pemegang saham untuk RRPT, sebelum kelulusan daripada pihak Lembaga Pengarah.
- (c) Mengkaji semula RPT yang dimeterai oleh Kumpulan bagi memastikan bahawa:
 - RPT telah dikendali mengikut terma perdagangan yang lazim bagi Kumpulan dan tidak merugikan pemegang saham minoriti Kumpulan.
 - Penzahiran yang sewajarnya dibuat menurut Keperluan Penyenaraian.
 - Perbelanjaan sebenar untuk RPT berulang adalah dalam lingkungan mandat yang telah diluluskan oleh para pemegang saham.

3.6 Hal-hal Kewibawaan dan Etika

- (a) Mengkaji semula COBE dengan harapan untuk memudahkannya agar dapat meningkatkan kesedaran dan memastikan pematuhan dan keberkesanan program yang telah diwujudkan oleh pihak pengurusan bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan terhadap COBE.
- (b) Lembaga Pengarah menerima pakai Prosedur Talian Etika yang telah diwujudkan bagi menangani dakwaan yang dibuat oleh pemberi maklumat untuk memastikan penyiasatan yang seimbang dan bebas dikendalikan sewajarnya dan tindakan susulan diambil serta dibawa untuk perhatian AC. Setiap suku tahun, AC mengkaji semula kes pemberian maklumat serta kes lain berkaitan kewibawaan perniagaan yang dilaporkan menerusi Talian Etika dan saluran lain yang tersedia. Berdasarkan kes yang dilaporkan kepada AC bagi TK15, AC berpuas hati bahawa tiada kes yang memberi impak ketara kepada Kumpulan.
- (c) Mengkaji semula hal yang berkaitan dengan pematuhan undang-undang, konflik kepentingan, penyiasatan dan perlakuan beretika yang dibawa untuk perhatian AC.

3.7 Lain-lain

- (a) Mengkaji semula laporan suku tahunan tentang risiko perbendaharaan dan pengurusan tunai, termasuk dasar lindung nilai, cukai, litigasi bahan, dan hal-hal berkaitan undang-undang serta kawal selia.
- (b) Mengkaji semula perubahan dan penambahbaikan terhadap dasar dan prosedur utama seperti dasar kredit pelanggan serta proses pengurusan rantai bekalan untuk memenuhi rancangan pertumbuhan masa depan syarikat serta jangkaan boleh skala.
- (c) Mengkaji semula Penyata Tadbir Urus Korporat dan Laporan AC untuk dimasukkan dalam Laporan Tahunan TK15, sebelum dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- (d) Mengkaji semula pengesahan yang dilakukan oleh CA terhadap peruntukan saham kepada kakitangan yang layak untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang kecil Skim Saham yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan pemegang saham Syarikat pada 3 Ogos 2012.
- (e) Mengkaji semula kemampuan Piagam AC dengan mengambil kira perubahan dalam undang-undang, peraturan, prinsip pengauditan dan amalan terbaik yang boleh diguna pakai, sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Laporan Jawatankuasa Audit

3.8 Latihan

Sepanjang tahun kewangan ini, ahli AC telah menghadiri pelbagai seminar, program latihan dan persidangan bagi mengikuti perkembangan dalam persekitaran industri serta perniagaan. Butirannya dinyatakan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di bawah Latihan Pengarah pada muka surat 59 dalam Laporan ini.

4. PENILAIAN JAWATANKUASA

Pada bulan Mei 2015, NCGC menjalankan BEE yang merangkumi prestasi AC dan Pengerusi AC serta kebebasan Pengarah Bebas. Penilaian ini memberi tumpuan kepada struktur dan proses termasuk komposisi, tempoh pemegangan jawatan ahli AC, dan tahap akauntabiliti serta tanggungjawab yang dipamerkan. Berdasarkan penilaian yang dijalankan, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa AC dan Pengerusinya telah mempamerkan tahap ketekunan, kebebasan dan iltizam yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

AC juga menjalankan penilaian sendiri pada setiap tahun untuk memantau keberkesanan secara keseluruhan dalam memenuhi tanggungjawab mereka dan melaporkan keputusannya kepada Lembaga Pengarah. Keputusan penilaian sendiri dan perkembangan tindakan yang diambil dipantau oleh AC setiap suku tahun, mengikut kesesuaian. Penilaian sendiri tahunan bagi TK15 telah dilaksanakan pada suku pertama 2015.

5. TUMPUAN UTAMA JAWATANKUASA AUDIT BAGI TK16

Keutamaan terpenting AC bagi TK16 adalah untuk meneruskan tumpuan terhadap:

- (a) Kewibawaan perakaunan dan laporan kewangan Kumpulan.
- (b) Ketelitian dan kualiti proses audit luaran dan dalaman serta pengurusan risiko.
- (c) Mengguna pakai pelaporan bersepadu, dan secara khususnya faktor serta risiko yang boleh memberi impak terhadap kewibawaan laporan bagi memastikan bahawa ia memberi pandangan seimbang tentang strategi, tadbir urus, prestasi dan prospek Kumpulan.
- (d) Kerjasama dengan pihak ketiga atau usaha sama.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah memaklumi tanggungjawabnya terhadap pengurusan risiko dan ia dibantu oleh AC serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan ("GRMC") bagi membentuk sebuah rangka kerja pengurusan risiko yang mantap serta sistem kawalan dalaman yang berkesan bagi memastikan bidang risiko utama diuruskan ke tahap yang boleh diterima demi mencapai matlamat perniagaan Kumpulan. GRMC bertanggungjawab terhadap pembentukan dan penguatkuasaan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman di seluruh perusahaan yang menggalakan proses berterusan bagi mengenal pasti, menilai, bertindak balas, memantau dan menguruskan risiko serta kawalan ke tahap selera risiko yang boleh diterima dalam operasi harian Kumpulan dan apabila terdapat perubahan dalam persekitaran perniagaan atau keperluan pengawalseliaan.

Sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman telah dirangka untuk melindungi aset Kumpulan serta kepentingan para pemegang saham yang meliputi kedua-dua bidang kewangan dan operasi. Disebabkan oleh batas yang sedia ada dalam mana-mana sistem sedemikian, maka pembentukannya menyokong pengurangan dan bukannya menghapuskan risiko serta memberi jaminan munasabah terhadap salah nyata atau kerugian bahan. Kumpulan mengendalikan ujian berkala terhadap kemampuan, keberkesanan, kecekapan dan kewibawaan sistem dan proses kawalan dalaman untuk memastikan bahawa sistem ini berdaya maju, teguh dan sejajar dengan keperluan serta panduan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Tersenarai yang dikeluarkan oleh Bursa Securities.

Lembaga Pengarah juga telah memperoleh jaminan daripada CEO dan Pengawal Kewangan Kumpulan ("GFC") bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan beroperasi dengan memuaskan dan berkesan bagi TK15.

Seperti yang dikehendaki oleh perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian, juruaudit luar telah mengkaji Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam ini. Kajian mereka telah dijalankan menurut Panduan Amalan yang Dicadangkan ("RPG") 5 (Semakan) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia, dan tidak memerlukan juruaudit luar membentuk pendapat tentang kemampuan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan. Berdasarkan prosedur yang dilakukan, tiada apa-apa yang menarik perhatian mereka sehingga menyebabkan juruaudit luar percaya bahawa, dari segala aspek material, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam tidak disediakan menurut penzahiran yang dikehendaki oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam: Garis Panduan untuk Pengarah Penerbit Tersenarai, ataupun ia tidak tepat dari segi fakta.

Kumpulan telah mengasingkan gambaran keseluruhan tentang penilaian kawalan dalaman kepada empat komponen utama:

1. PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah beriltizam menetapkan hala tuju dan budaya dalam menyokong prinsip pengurusan risiko yang mantap di peringkat holistik menerusi pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan ("GRM"). Rangka Kerja GRM terkandung di dalam amalan perancangan strategik, proses operasi perniagaan dan pengurusan projek Kumpulan. Rangka Kerja GRM dirangka berdasarkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan di bawah Jawatankuasa Organisasi Penajaan ("COSO"), di mana ia membentuk tadbir urus dan infrastruktur pengurusan risiko, proses pengurusan risiko dan tanggungjawab kawalan. Rangka Kerja GRM dikaji semula setiap tahun dan disiarkan dalam Intranet Astro.

Lembaga Pengarah, menerusi AC, dibantu oleh GRMC yang dipengerusikan oleh CEO dan merangkumi pihak pengurusan kanan daripada pelbagai unit perniagaan. Fungsi GRMC adalah untuk mengkaji semula keberkesanan proses GRM dan mempertimbangkan risiko yang dikenal pasti dan sedang muncul, kemampuan kawalan dalaman dan strategi pengurangan risiko. CEO dan CFO turut bertanggungjawab terhadap Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan strategi, dasar dan prosedur untuk mencapai rangka kerja pengurusan risiko yang berkesan. Selain itu, pada setiap tahun, AC akan mengkaji semula dan meluluskan Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan. Pada suku pertama tahun kewangan, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan kanan turut mengambil bahagian dalam bengkel selera risiko yang dimudahcarakan oleh pihak luar untuk mengkaji semula dan menentukan selera risiko Kumpulan.

GRMC bekerja rapat dengan jabatan Proses, Risiko dan Jaminan Kumpulan ("GPRA") untuk memastikan pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan. Ketua risiko dilantik oleh Ketua Unit/Segmen Perniagaan untuk mengkaji dan mengemas kini profil risiko perniagaan mereka pada setiap suku tahun. Kajian dan kemas kini profil risiko merangkumi pengenalan risiko sedang muncul yang terhasil daripada perubahan persekitaran perniagaan dan/atau inisiatif baharu yang dilaksanakan dan juga penilaian terhadap keberkesanan kawalan dan rancangan pengurusan risiko.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Berikutnya, GPRA menggabungkan risiko unit perniagaan ke dalam daftar risiko Kumpulan yang menyediakan gambaran keseluruhan profil risiko Kumpulan (seperti yang diperincikan di bahagian Faktor Risiko pada muka surat 80 dalam Laporan ini). Profil risiko Kumpulan berserta sebarang perubahan penting terhadapnya dibincang dan dibentangkan kepada AC pada setiap suku tahun untuk memastikan pendedahan risiko diuruskan mengikut selera risiko yang boleh diterima serta tindakan yang diperlukan untuk mengurus risiko ditangani tepat pada masanya. Pada tahun yang dilaporkan, AC telah mengkaji semula profil risiko operasi dan rancangan pengurusan risiko untuk Bahagian Teknologi dan Pelanggan serta perniagaan membeli-belah dari rumah.

Sebagai sebahagian daripada usaha Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa proses tersebut berkemampuan dan berkesan, risiko dan kawalan disahkan oleh CA sebagai sebahagian daripada rancangan kajian semulanya dan bidang untuk penambahbaikan diketengahkan dengan sewajarnya.

Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan mendorong strategi pengurusan risiko yang proaktif dan memastikan semua kakitangan mempunyai pemahaman serta mengguna pakai dengan baik prinsip pengurusan risiko dan tadbir urus dengan matlamat memupuk budaya pengurusan risiko yang mampan. Di samping itu, taklimat, latihan dalam talian dan laman sesawang telah disediakan untuk memastikan komunikasi dan pelaksanaan pengurusan risiko yang berkesan.

2. PERSEKITARAN DAN AKTIVITI KAWALAN

Persekitaran kawalan dengan sekatan dan imbalan yang teguh serta berkesan dalam Kumpulan adalah sangat penting untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang mantap. Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan telah memperlihatkan iltizam mereka dalam mengekalkan persekitaran kawalan dalaman yang berkesan menerusi penambahbaikan berterusan terhadap reka bentuk sistem kawalan dalaman bilamana berlakunya perubahan dalam persekitaran perniagaan atau garis panduan pengawalseliaan. Berikut dibentangkan persekitaran kawalan utama Kumpulan yang diwujudkan untuk mengekalkan tadbir urus korporat yang kukuh:

2.1 Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan

Peranan dan tanggungjawab serta kuasa dan garis akauntabiliti Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan telah ditentukan dengan jelas. Struktur organisasi dalam Kumpulan dikemukakan pada muka surat 32 dalam Laporan ini.

2.2 Jawatankuasa Audit dan Jaminan Korporat

AC membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab Lembaga Pengarah berhubung dengan pengawasan, memberi tumpuan terhadap kewibawaan proses pelaporan kewangan, pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan, proses audit luaran dan dalaman, pematuhan terhadap hal-hal perundangan dan pengawalseliaan serta kod pengendalian perniagaan. CA membantu AC dengan menyediakan pengesahsahihan bebas terhadap pengurusan risiko, proses kawalan dan tadbir urus Kumpulan. Peranan serta tanggungjawab fungsi AC dan CA dikemukakan dalam Laporan AC pada muka surat 67.

2.3 Kawal Selia, Undang-undang dan Kesetiausahaan Syarikat

Jabatan Kawal Selia membuat laporan kepada CEO dan memantau pematuhan yang selaras dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta undang-undang, peraturan, pengawalseliaan serta dasar yang mentadbir perniagaan teras Kumpulan. Kumpulan mewujudkan penglibatan yang strategik dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran, termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mengekalkan persekitaran kawal selia yang sesuai buat Kumpulan demi memastikan kecekapan dalam operasi perniagaan.

Fungsi undang-undang memainkan peranan penting dalam menasihati Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan tentang hal undang-undang dan untuk memelihara serta melindungi kepentingan Kumpulan. Setiap suku tahun, Lembaga Pengarah diberi taklimat tentang hal-hal yang berkaitan dengan tindakan undang-undang. Peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat dikemukakan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat pada muka surat 54 dalam Laporan ini.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

2.4 Jaminan Hasil dan Pengurusan Penipuan

Fungsi Jaminan Hasil ("RA") yang membuat laporan kepada GFC bertanggungjawab memantau dan memastikan kesempurnaan, ketepatan, kewibawaan, catatan dan laporan acara atau urus niaga TV berbayar yang membawa pulangan. Ini termasuklah pengaturan produk, pemerolehan pelanggan, penyampaian produk/perkhidmatan, perkhidmatan pelanggan, pengurusan pengbilan dan hasil, serta pengurusan bayaran dan kutipan. Sebuah rangka kerja jaminan hasil telah dibentuk untuk memastikan percanggahan antara petunjuk utama dan hasil langganan yang berkaitan dengan bidang kajian semula RA disiasat dan tindakan pembetulan diambil serta dilaporkan kepada pihak pengurusan pada setiap bulan. Pasukan RA turut bertemu dengan pihak berkepentingan utama secara berterusan untuk menangani hal jaminan hasil yang lain, yang berkaitan dengan proses operasi dan batasan sistem.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk menggalakkan budaya beretika dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab, sebuah Rangka Kerja Pengurusan Penipuan rasmi telah disediakan untuk mengukuhkan proses dan prosedur yang konsisten dan jelas bagi mengawal, meringankan dan mengurangkan risiko penipuan.

2.5 Pemerolehan

Rangka Kerja Perolehan dan Manual Pemerolehan termasuk proses tender telah tersedia untuk perolehan semua barangan dan perkhidmatan bagi memastikan kewibawaan, ketelusan dan ketekalan dalam amalan pemerolehan Kumpulan. Suatu senarai pembekal utama telah diwujudkan untuk memastikan kontrak adalah selaras dengan aspirasi Kumpulan dan selayaknya buat peneraju pasaran.

Jawatankuasa Tender yang terdiri daripada Jawatankuasa Kecil Tender dan Jawatankuasa Utama Tender dengan ambang nilai kontrak masing-masing bertanggungjawab menyediakan panduan dan hala tuju bagi strategi perolehan dan tadbir urus. Kedua-dua Jawatankuasa ini dibantu oleh Jabatan Perolehan dalam pentadbiran proses tender dan Setiausaha Syarikat menggalas tanggungjawab untuk mengadakan mesyuarat dan mencatatkan Minit Jawatankuasa Tender.

2.6 Keselamatan Sistem, Data dan Maklumat

Fungsi Keselamatan IT bertanggungjawab untuk terus-menerus memantau dan menyelesaikan kedua-dua ancaman keselamatan dalaman dan luaran terhadap Kumpulan. Ini termasuklah menjalankan inisiatif kesedaran keselamatan, audit pematuhan terhadap rangkaian dan sistem IT Kumpulan serta penilaian kerentanan untuk mengurangkan kesan serangan keselamatan, kecuriaan dan perisian hasad.

Selain itu, tumpuan penting diarahkan kepada pengendalian dan perlindungan maklumat sulit syarikat dan pelanggan melalui penggunaan pencegahan kebocoran data dan imbasan berasaskan kandungan berdasarkan klasifikasi berasaskan pengguna untuk memastikan maklumat rahsia dan sulit dilindungi daripada pendedahan yang tidak disengajakan atau menyalahi undang-undang. Keberkesanan program keselamatan turut disahkan oleh pakar perunding keselamatan luar.

Sebagai sebahagian daripada usaha Kumpulan ke arah penambahbaikan berterusan, fungsi Keselamatan IT berusaha mengekalkan pematuhan terhadap beberapa pensijilan keselamatan amalan terbaik industri dan kawal selia iaitu Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2005⁽¹⁾, Piawaian Keselamatan Data Industri Kad Pembayaran dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Keselamatan IT juga telah melaksanakan mekanisme perlindungan bagi melindungi data Kumpulan daripada ancaman tegar lanjutan terhadap perimeter internet.

⁽¹⁾ ISO/IEC 27001:2005 menetapkan keperluan untuk mewujudkan, melaksana, mengendali, memantau, mengkaji semula, menyenggara dan menambah baik Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang telah didokumenkan dalam konteks keseluruhan risiko perniagaan organisasi. Ia turut menetapkan keperluan bagi pelaksanaan kawalan keselamatan yang disesuaikan mengikut keperluan organisasi.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

2.7 Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan bermatlamat meminimumkan kesan gangguan menerusi pembinaan keupayaan yang berdaya tahan untuk tindak balas berkesan terhadap ancaman dan gangguan. Ini termasuklah memudahkan operasi perniagaan yang mempunyai lewahan infrastruktur penyampaian perkhidmatan dan tapak gantian di mana aktiviti operasi yang kritikal dapat disambung semula di samping mengurangkan risiko kejadian kerugian berimpak tinggi menerusi perlindungan insurans yang memadai.

Rancangan Kesenambungan Perniagaan ("BCP") yang rasmi dan infrastruktur telah tersedia dan dikaji semula, diselenggara serta diuji secara berterusan. Aktiviti ini telah dijalankan bagi memastikan BCP siap sedia dan berkesan untuk mencapai pemulihan perkhidmatan yang tepat pada masanya dan mengutamakan keselamatan kakitangan. Pada tahun kewangan, unit perniagaan masing-masing telah berjaya menyempurnakan aktiviti penyelenggaraan BCP mereka yang merangkumi ujian rantaian panggilan (call tree) dan ujian lintas semak suku tahunan, kajian semula dwitahunan manual BCP, dan juga ujian simulasi tahunan terhadap sistem kritikal bagi memastikan kesedaran dan keberkesanan BCP. GPRA mengkaji semula keputusan aktiviti penyelenggaraan BCP diikuti oleh laporan kepada AC setiap suku tahun.

2.8 Senarai Semakan Kawalan Utama

Sebagai sebahagian daripada usaha memupuk iltizam yang teguh di kalangan pihak pengurusan bagi memastikan keberkesanan kawalan dalaman, Senarai Semakan Kawalan Utama ("KCC") dikaji semula demi memastikan penilaian dan pengurusan bidang risiko utama yang berkesan di mana ketua fungsi perniagaan masing-masing melakukan penilaian sendiri suku tahunan terhadap keberkesanan kawalan utama mereka dalam menguruskan risiko. KCC ini ditentukan secara bebas oleh GPRA dan dilaporkan kepada AC setiap suku tahun. KCC turut ditentukan oleh CA sebagai sebahagian daripada rancangan kajian semula tahunan mereka untuk mengesahkan dakwaan pihak pengurusan bahawa kawalan beroperasi dengan berkesan.

2.9 Batas Kuasa

Sebarang jumlah yang melebihi had CEO akan memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah. Had ini kerap dikaji semula dan diluluskan oleh pihak pengurusan atau Lembaga Pengarah menurut had autoriti mereka, selaras dengan perubahan dalam perspektif perniagaan, struktur dan operasi.

2.10 Perancangan Strategik Perniagaan, Belanjawan dan Pelaporan

Kumpulan dipandu oleh Rancangan Strategik Lima Tahun yang menggariskan objektif dan strategi utama yang dikaji semula setiap tahun bagi memastikan pengoptimuman dan relevansi strategi. Rancangan strategik Kumpulan dan belanjawan tahunan bagi TK15 yang sepadan telah diluluskan dengan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah sebelum bermulanya tahun kewangan yang dinyatakan. Laporan kewangan dan operasi bulanan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah serta keputusan kewangan utama Kumpulan yang belum diaudit dizahirkan kepada umum setiap suku tahun.

2.11 Sistem Prestasi Kakitangan

Kumpulan telah membentuk dan menguatkuasakan sebuah rangka kerja kecekapan berpandukan nilai teras Kumpulan yang menyatakan dengan jelas tentang jangkaan terhadap ilmu pengetahuan, kemahiran, keupayaan dan tingkah laku kakitangannya. Hal ini adalah untuk mendorong dan mengekalkan sebuah tenaga kerja berprestasi tinggi, pencapaian kakitangan dinilai di bawah Sistem Pengurusan Prestasi Keseluruhan (iaitu Pelaporan Kad Skor Berimbang) pada setiap tahun.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

3. MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Lembaga Pengarah berterusan memberikan penekanan terhadap komunikasi dengan semua kakitangan dalam menjalankan tanggungjawab kawalan dalaman mereka bagi menyokong pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Lembaga Pengarah telah mengambil langkah-langkah berikut bagi membolehkan perkongsian maklumat yang relevan secara konsisten di seluruh organisasi dan juga dengan pihak luar.

3.1 Kod Etika Perniagaan

COBE adalah dasar utama yang mentadbir bagaimana Kumpulan menerusi Lembaga Pengarah, pihak pengurusan dan kakitangan mengendalikan urusan mereka dengan semua pihak berkepentingan. COBE turut dirangka untuk mengurangkan, walaupun bukan untuk membasmi sebarang amalan rasuah dan sogokan apabila berurusan dengan pihak berkepentingan. Sebagai contoh, COBE mengawal selia penerimaan hadiah, perkhidmatan percuma, hiburan, atau ganjaran yang dihadkan kepada RM250 atau nilai yang setara. Selain itu, pemberian hadiah mestilah barangan bernilai sederhana dengan logo Syarikat tertera jelas dan tidak dibuat dengan niat untuk memperolehi terma atau layanan yang menguntungkan diri.

3.2 Dasar dan Prosedur Rasmi

Dasar, proses dan prosedur operasi yang jelas dan rasmi telah tersedia untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman serta undang-undang dan peraturan yang relevan. Kajian semula secara kerap dilakukan untuk memastikan dokumentasi serta proses dikemas kini agar sejajar dengan perkembangan perniagaan dan keperluan operasi. Pada tahun ini, GPRA telah mengkaji semula beberapa proses utama seperti operasi pelanggan, membeli-belah dari rumah, operasi penyiaran, bayaran dan kutipan, serta pengurusan kandungan di mana cadangan telah dilaksanakan sewajarnya. Dasar Kumpulan yang umum disiarkan di Intranet Astro supaya mudah diakses oleh kakitangan.

3.3 Pemberitahuan Maklumat

Kumpulan telah membentuk dasar pemberitahuan maklumat yang dikenali sebagai Prosedur Talian Etika di mana kakitangan boleh mengutarakan kemusykilan mereka ("Pendedahan") terhadap sebarang pelanggaran nilai dan prinsip Kumpulan yang disyaki tanpa kebimbangan terhadap tindak balas. Kes pelanggaran yang disyaki termasuklah kejadian penipuan, rasuah, penyalahgunaan atau kejanggalan lain dalam Syarikat. Pemberi maklumat digalakkan mendedahkan nama mereka bagi memudahkan penyiasatan dan untuk memastikan Pendedahan dibuat secara jujur. Hanya kes yang dirujuk oleh individu bernama akan disiasat dan identiti pemberi maklumat dilindungi dengan sepenuh kepercayaan sehingga ke tahap munasabah melainkan pemberi maklumat bersetuju sebaliknya. Talian Etika diuruskan oleh CA yang turut memikul tanggungjawab utama menyiasat dan melaporkan Pendedahan. Semua Pendedahan yang diterima melalui Talian Etika, penemuan penyiasatan serta cadangan dilaporkan kepada AC dan CEO pada setiap suku tahunan atau lebih kerap lagi, apabila perlu.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

4. AKTIVITI PEMANTAUAN

Pada tahun dalam tinjauan, seperti yang diringkaskan dalam gambar rajah di bawah, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan telah menjalankan aktiviti berikut bagi memberi jaminan tentang keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman:

- (a) GPRA membuat laporan kepada Lembaga Pengarah setiap suku tahun menerusi AC mengenai perkembangan pelan tindakan bagi menguruskan risiko operasi dan strategi pengurangannya serta perkembangan status pematuhan BCP dan KCC.
- (b) CEO dan GFC menyediakan Perwakilan Pengurusan berhubung dengan kemampuan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan dari segala aspek material. Sebarang pengecualian yang dikenal pasti semasa tempoh penilaian akan diketengahkan kepada Lembaga Pengarah.
- (c) CA membuat laporan kepada AC setiap suku tahun tentang pengecualian proses dan pematuhan yang dikenal pasti semasa kajian semula CA. Langkah-langkah kawalan atau pelan tindakan untuk pengecualian yang dimaklumkan dipersetujui dengan status pelaksanaan pelan tindakan dilaporkan kepada AC setiap suku tahun.
- (d) Jawatankuasa Disiplin bermesyuarat apabila perlu mengenai perkara yang berkaitan dengan kes disiplin kakitangan yang timbul daripada semua jenis salah laku. Jawatankuasa memastikan bahawa semua kemusykilan yang dibangkitkan dan dakwaan disiasat sewajarnya, dipantau dan dipertimbangkan secara konsisten.



5. KESIMPULAN

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa amalan serta proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman telah tersedia untuk tahun dalam tinjauan dan sehingga tarikh penerbitan penyata kewangan ia adalah mantap dan memadai untuk melindungi kepentingan pemegang saham, pihak berkepentingan, pelanggan, pengawal selia, kakitangan dan aset Kumpulan.

Tidak timbul hal kerugian material, luar jangka atau ketidakpastian daripada sebarang ketidakmampuan atau kegagalan kawalan dalaman yang memerlukan penzahiran berasingan dalam Laporan Tahunan TK15.

Faktor dan Strategi Pengurangan Risiko

Kami memahami perlunya memantau risiko dan justeru itu kami telah menerapkan prinsip pengurusan risiko dalam perancangan strategik, proses operasi dan inisiatif pengurusan projek Kumpulan bagi membolehkan kami mengekalkan kepimpinan kami dalam pasaran. Kami juga berazam untuk menjadi yang terbaik dalam kelas ERM iaitu dalam lingkungan domain media pengguna dan hiburan bersepadu. Ia turut diakui bahawa kerjasama pelbagai pihak berkepentingan adalah kunci kepada membina pengurusan risiko yang berkesan. Oleh yang demikian, Kumpulan menggunakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko sebagai panduan yang konsisten dengan selera risiko yang telah ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan COSO. Rangka Kerja Pengurusan Risiko telah dibentuk bagi membolehkan kami mengenal pasti, menilai kesan risiko dan bertindak balas terhadap risiko secara proaktif dan berkesan seperti yang diperlihatkan dalam gambar rajah di bawah.



Faktor dan Strategi Pengurangan Risiko

Risiko, sama ada secara individu atau gabungan, boleh menjejaskan dengan ketara prestasi kewangan Kumpulan dan harus dipertimbangkan dengan berhati-hati bersama sebarang kenyataan yang memandang ke hadapan dalam Laporan Tahunan. Berikut adalah bidang risiko utama (tetapi tidak terhad kepadanya) yang berkaitan dengan strategi dan prestasi Kumpulan serta tindakan pengurangan yang berpadanan yang diambil oleh Kumpulan:

Faktor risiko	Huraian	Penilaian risiko daripada tahun lalu	Strategi pengurangan
Pasaran dan Persaingan	Anjakan dalam kecenderungan pengguna terhadap penyedia perkhidmatan platform agnostik menambah tekanan ke atas peraturan penonton, pendengar dan pertumbuhan Kumpulan.	↔	Kumpulan sedar akan landskap persaingan dan telah membentuk strategi serta langkah yang bersesuaian dan ia merangkumi yang berikut: • menghasilkan tawaran kandungan yang lebih baik untuk pengguna dan penyedia perkhidmatan TV yang lain. • mempelbagaian kepada kandungan berasaskan genre. • memperkenalkan produk dan perkhidmatan nilai tambah seperti Pempakejan produk/perkhidmatan baharu, antaranya Astro Best, Astro on Demand, untuk memenuhi keperluan pengguna yang pelbagai.
Undang-undang dan Kawal Selia	Kumpulan adalah tertakluk kepada serangkaian luas peraturan, pengawalseliaan dan Hak Harta Intelek. Ketidakpatuhan kepada di atas, termasuk pengenalan undang-undang, dasar dan pengawalseliaan baharu, perubahan dalam guna pakai atau tafsiran mungkin memberi kesan buruk terhadap prestasi dan operasi Kumpulan.	↔	Pasukan Undang-undang dan Kawal Selia Kumpulan berterusan: • memantau dan mengemas kini perubahan terhadap pengawalseliaan dan perundangan kepada Lembaga Pengarah serta pasukan pengurusan kanan. • menyediakan khidmat nasihat undang-undang dan membantu mengurus perhubungan awam dengan badan kawal selia bagi memastikan aktiviti perniagaan Kumpulan mematuhi undang-undang dan pengawalseliaan yang berkaitan. • memantau dan melaporkan hal-hal pematuhan kepada badan kawal selia setiap suku tahun seperti keperluan 99.0% ketersediaan perkhidmatan penyiaran oleh SKMM.
Teknologi dan Inovasi	Keupayaan Kumpulan untuk menarik pelanggan baharu atau mengekalkan pelanggan adalah bergantung kepada keupayaan Kumpulan untuk menerajui teknologi dan inovasi bagi mengupayakan proses atau platform penggunaan yang mesra pengguna, sejajar dengan dinamik dan jangkaan pasaran.	↔	Kumpulan kerap mengkaji semula rangka tindakan teknologinya dan: • menerima pakai hala tuju bersepadu untuk pembangunan teknologi, produk dan perkhidmatan bagi menyokong rancangan strategik Kumpulan. Contohnya, Raku, sebuah Radio Digital dan platform Radio-on-Demand telah dilancarkan untuk pendengar dalam talian dan telefon pintar menikmati semua stesen radio dan fail media digital (<i>podcast</i>) dengan keupayaan untuk menentukan sendiri senarai fail digital mereka. • menaik taraf kemudahan dan peralatan penyiaran bagi menambah baik penyampaian kandungan dalam format berdefinisi tinggi serta menyokong perkembangan saluran yang sejajar dengan hala tuju kapasiti transponder.

Faktor dan Strategi Pengurangan Risiko

Faktor risiko	Huraian	Penilaian risiko daripada tahun lalu	Strategi pengurangan
Ketersediaan Perkhidmatan	Kejayaan Kumpulan berkait rapat dengan usaha mempertahankan hubungan yang berkekalan dengan para pelanggannya. Kegagalan untuk memenuhi permintaan dan jangkaan pelanggan boleh memberi kesan negatif kepada jenama dan kedudukan daya saingnya. Kumpulan amat bergantung kepada keupayaan dan infrastruktur kesinambungan perniagaan seperti kemudahan dan infrastruktur penyiaran untuk menyampaikan perkhidmatan tanpa gangguan kepada pelanggan di pelbagai platform. Kelewatan memulihkan sistem boleh memberi kesan buruk kepada pengalaman pelanggan.	↓ Berkurangan akibat daripada naik taraf yang dilakukan bagi memastikan sistem kekal semasa dan relevan.	Kumpulan kerap mengkaji semula infrastruktur kesinambungan perniagaan dan: • kerap menguji rancangan kesinambungan perniagaan menerusi latihan simulasi, berserta program insurans yang menepati tujuan bagi mengurangkan potensi kerugian perniagaan. • berterusan memantapkan pembinaan kedayatahan (berdasarkan pengajaran yang diperolehi daripada peristiwa lalu) supaya dapat bertindak balas dengan berkesan terhadap ancaman dan gangguan. • berterusan mengekalkan tapak siaran duaan bagi memastikan gangguan yang minimum sekiranya berlaku gangguan perkhidmatan di mana-mana tapak. • berterusan meningkatkan perkhidmatan pelanggan dan platform penyampaian perkhidmatan alternatif bagi menyediakan lebih banyak pilihan untuk permintaan pengguna serta penggunaan perkhidmatan.
Keadaan Ekonomi	Keadaan ekonomi yang lembap seperti pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") yang lemah serta kejatuhan nilai Ringgit Malaysia ("RM") berkemungkinan menyebabkan kenaikan kadar inflasi. Malah keyakinan pengguna yang semakin lemah boleh menjejaskan prestasi hasil.	↑ Meningkat memandangkan petunjuk ekonomi semasa mengunjurkan pertumbuhan KDNK yang agak perlahan, RM semakin lemah dan syarat pinjaman diperketatkan.	Sementara Kumpulan memantau dengan teliti keadaan ekonomi dan sentimen pengguna, Kumpulan juga memberi tumpuan yang padu kepada: • kajian semula secara berkala terhadap penetapan harga dan struktur pempakejan bagi memastikan nilai tawaran menambat hati pengguna. • pengurusan kos yang berhemat untuk meningkatkan keuntungan syarikat. • amalan yang ketat dan berdisiplin dalam pelaburan perniagaan dan penggantian aset.
Kos Kandungan	Peningkatan kos kandungan dan persaingan yang semakin sengit untuk kandungan yang menarik boleh memberi kesan kepada keupayaan Kumpulan untuk mendapatkan kandungan eksklusif dan menambat hati pelanggan berdasarkan terma yang menarik dari segi perdagangan.	↑ Meningkat disebabkan kos kandungan kian bertambah.	Kumpulan berterusan berusaha: • melabur dan menerbitkan kandungan istimewa yang asal dan proprietari. • memulakan kerjasama dengan penyedia kandungan antarabangsa bagi memperkenalkan saluran eksklusif dan mendapatkan hak berlesen jangka panjang terhadap tajuk terpilih untuk peluang lebih baik menukarnya kepada penghasilan wang. • mempelbagaikan pemerolehan kandungan pihak ketiga bagi memperolehi kandungan genre baharu.

Faktor dan Strategi Pengurangan Risiko

Faktor risiko	Huraian	Penilaian risiko daripada tahun lalu	Strategi pengurangan
Kewangan	Kumpulan adalah tertakluk kepada turun naik dalam kadar pertukaran mata wang asing dan kadar faedah sekiranya lindung nilai tidak berkesan. Pengurusan kewangan yang berkesan adalah kritikal dalam memastikan keuntungan dan kemampunan Kumpulan, di samping mengurangkan kerugian peluang pelaburan serta laporan kewangan yang tidak tepat.	↔	Fungsi Kewangan Kumpulan menyediakan: • laporan suku tahunan untuk AC dan ahli Lembaga Pengarah tentang prestasi kewangan dan kedudukan aliran tunai bagi memastikan tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi. • bimbingan tentang perlindungan yang wajar terhadap turun naik kadar mata wang asing dan kadar faedah. Ini diperlengkapkan dengan bimbingan daripada Jawatankuasa Perbendaharaan yang dipengerusikan oleh CEO. • khidmat nasihat dan bantuan dalam mengendalikan pengurusan kewangan dan membuat laporan untuk memastikan aktiviti perniagaan Kumpulan mematuhi piawaian dan peraturan yang berkaitan.
Warga Kerja	Operasi Kumpulan bergantung kepada keupayaannya untuk menarik tenaga kerja yang amat cekap dan beriltizam.	↔	Fungsi Modal Insan Kumpulan berterusan berusaha menambah baik prestasi kakitangan serta mengekalkan dan membangunkan bakat menerusi: • imbuhan dan faedah yang berdaya saing. • kaji selidik penglibatan kakitangan untuk dijadikan tanda aras berbanding organisasi berprestasi tinggi. • pengiktirafan kepada individu berprestasi tinggi kerana sumbangan dan pencapaian cemerlang mereka melalui 'Go Beyond Award'. • memperkenalkan program siswazah, program perantisan dan program pembangunan kepimpinan kelompok bakat.
Perkongsian Strategik	Aktiviti pemerolehan dan perkongsian Kumpulan adalah kritikal dalam memastikan perbelanjaan yang bertanggung dibuat demi kepentingan Kumpulan dan kos penyelenggaraan yang bertanggung adalah mampan.	↔	Aktiviti pemerolehan Kumpulan dipandu oleh: • Rangka Kerja Perolehan dan Manual Pemerolehan untuk memastikan kewibawaan, ketelusan dan konsistensi dalam semua aktiviti pemerolehan. • Jawatankuasa Tender untuk menyediakan strategi pemerolehan yang dikaji semula setiap tahun, contohnya pakatan strategik untuk menzahirkan nilai jangka panjang. • Jabatan Perolehan bagi mentadbir proses tender dan Bahagian Kesetiausahaan Syarikat untuk mengendalikan mesyuarat Jawatankuasa Tender.
Keselamatan Logikal dan Fizikal	Perlindungan aset Kumpulan adalah tertakluk kepada kemampuan infrastruktur keselamatan melewati akses logikal dan fizikal kepada sistem, rangkaian dan kemudahan perniagaan.	↔	Keselamatan IT dan Kemudahan Kumpulan terus-menerus: • menambah kesedaran di kalangan kakitangan tentang kepentingan keselamatan fizikal dan logikal menerusi latihan kakitangan. • meningkatkan kawalan akses logikal melalui audit pematuan berkala dan memperkenalkan pelan ujian baharu oleh pemeriksa keselamatan dalaman dan luar. • menaik taraf kemudahan keselamatan fizikal menerusi pelaksanaan cadangan yang disarankan oleh pakar keselamatan luar.

Landskap Pasaran



E-dagang

- Di Malaysia, Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompoun ("CAGR") e-dagang diunjur berkembang 26% mencapai nilai teranggar RM5.8 bilion pada 2015, didorong oleh peningkatan kemewahan serta pengalaman membeli-belah atas talian yang lebih menyenangkan
- Dengan memanfaatkan pelaburan dalam infrastruktur, dan mempergunakan hubungan pelanggan sedia ada serta yang sedang berkembang, kami telah melancarkan Go Shop pada S4TK15, iaitu sebuah perniagaan membeli-belah di TV, mudah alih dan atas talian yang menawarkan produk unik kepada pelanggan pada nilai hebat dengan penghantaran terus ke rumah mereka



Trend Ekonomi

- KDNK Malaysia dijangka tumbuh antara 4.5% - 5.5% pada 2015
- Pengguna konservatif serta sentimen perniagaan mungkin mengekang perbelanjaan untuk hiburan dan media dalam tempoh terdekat ini
- Astro terus menawarkan pilihan dalam bentuk pakej dan penetapan harga bagi memenuhi tahap kesanggupan dan keupayaan berbelanja yang berbeza-beza; dengan pilihan percuma dan prabayar bersama *NJOI*, kepada langganan tahap kemasukan dengan *Family Pack*, sehinggalah kepada pilihan *Super Pack* dan *Super Pack Plus* yang merangkumi kesemuanya



Serata Asia

- Kadar penembusan serantau TV berbayar di Asia Tenggara dijangka berkembang pada kadar 5.7% sepanjang lima tahun (2013-2018) dengan kandungan tempatan dan disetempatan menjadi pemacu pertumbuhan
- Selaras dengan bertambahnya selera untuk kandungan vernakular di rantau ini, bilangan kerjasama dan perkongsian dalam lingkungan kandungan Asia terus meningkat
- Astro terus mencipta dan mengumpulkan kandungan vernakular dan berpusatkan Asia yang terbaik, merentasi pelbagai genre dengan pertumbuhan bilangan penonton dilihat meliputi semua lapisan
- Strategi sedemikian telah membantu melonjakkan penembusan isi rumah TV berbayar Astro (TK15: 63.5%) manakala jumlah penonton kami juga berterusan meningkat tahun ke tahun (TK15: 49.0%)



Pertambahan IP Kandungan

- Penghijrahan merentasi rantaian nilai kandungan menerusi penciptaan dan pemilikan IP semakin menjadi tarikan di kalangan pengendali TV berbayar di seluruh dunia sambil mereka mencari cara baharu untuk mengurangkan kos kandungan keseluruhan, menawarkan kandungan yang berbeza-beza serta meningkatkan penghasilan wang melalui pelesenan dan sindiket kandungan
- Pada 2014, Astro telah mencipta dan menerbitkan lebih 10,000 jam kandungan serta menghasilkan 10 buah filem
 - *The Journey* mengutip RM17 juta daripada jualan tiket kasar, menjadikannya filem Malaysia yang memperolehi kutipan tertinggi sepanjang masa
 - Menubuhkan liga sepak takraw tempatan serta siri perlawanan antarabangsa yang disiarkan kepada jutaan penonton di peringkat global
- Kami memiliki 73 saluran jenama Astro, yang diedarkan pada platform kami, di samping melesenkannya kepada rakan kami di peringkat tempatan dan serantau




Merubah Tingkah Laku Penggunaan Media

- Semakin ramai pengguna mencari kandungan yang lebih diperibadikan dan nic, menyimpang daripada tontonan kelompok isi rumah tradisional
- Natif digital menikmati genre kandungan baharu seperti video bentuk pendek dan video dijana pengguna
- Percambahan peranti terkait menyebabkan bertambahnya pilihan untuk menikmati kandungan pada bila-bila masa di mana-mana sahaja
- Trend sedemikian menghidangkan peluang buat Astro untuk berkembang melewati proposisi nilai isi rumah bagi memenuhi kehendak individu, dengan cara melabur dalam kandungan dan produk baharu, serta menempa kedudukan teguh dalam anjakan kepada pengiklanan digital yang sedang muncul
- Astro terus memantapkan tawaran digital dan tontonan waktu puncak (on the go) dengan mengukuhkan AOTG, menambah perpustakaan VODnya, melancarkan aset baharu seperti Astro Go Read dan Raku, serta menambah baik proposisi atas permintaan melalui perpustakaan kandungan yang lebih luas

TONTON

MEMUKAU. MENGASYIKKAN.
PERIBADI.



RAJA LAWAK

**JOHAN
NABIL
ZIZAN**



RAJA LAWAK

Buat warga Malaysia, Johan, Nabil dan Zizan mungkin sahaja umpama Robin Williams, Eddie Murphy dan Jim Carrey yang menjadi legenda di Barat. Selain menetapkan tanda aras baharu dalam lawak jenaka tempatan, mereka telah meneroka bakat mereka yang lain yang lancar merentasi media berbeza. Begitulah besarnya potensi mereka sehingga seseorang dapat meramalkan kejayaan cemerlang dan kerjaya yang hebat. Namun, lebih daripada itu, Astro mempunyai keistimewaan kerana di sinilah bergemanya segala hilai tawa dan kegembiraan yang telah mereka ilhamkan.



IMBAS DI
SINI UNTUK
MENYAKSIKAN
AKSI MEREKA:



LEBIH BANYAK
TENTANG
JOHAN



LEBIH BANYAK
TENTANG
NABIL



LEBIH BANYAK
TENTANG
ZIZAN



JOHAN

Dunia hiburan sememangnya mengalir dalam keluarga Johan. Sebagai anak saudara kepada pengacara radio legenda Salleh Yaacob, Johan telah terpilih sebagai pemenang tempat ketiga Raja Lawak 2007 dan seterusnya membentuk sebuah kumpulan lawak yang berjaya, JoZan, bersama pemenang kedua, Zizan. 2012 terbukti sebagai tahun kejayaan buat Johan apabila kumpulannya dinobatkan sebagai juara Maharaja Lawak Mega, dan Johan telah diambil sebagai pengacara rancangan pagi ERA fm. Namun rentetan kejayaannya tidak berakhir di situ. Pada 2014, Johan telah dinobatkan sebagai pemenang sebuah lagi pertandingan lawak, *Super Spontan*.

Hari ini Johan merupakan personaliti radio terkenal, menjulang anugerah "Penyampai Radio Lelaki Popular" dua tahun berturut-turut. Beliau turut melangkah ke layar perak dengan memegang peranan utama dalam filem komedi yang mendapat sambutan hangat, *Hantu Kak Limah Balik Rumah*. Buat pelawak ini, mencuit hati rakyat Malaysia bukanlah kerja olok-olok.

NABIL

Sepadankan dengan dirinya sebagai pelawak, kerjaya Nabil bermula dengan suatu gurauan; seorang teman telah mendaftarkan beliau secara rahsia untuk uji bakat *Raja Lawak Musim 2* pada 2008. Sebagai seorang yang bukan mengelak daripada cabaran, Nabil berjaya menambat hati juri dengan aksi ajukannya yang kelakar. Beliau bukan sahaja muncul sebagai juara rancangan tersebut, malah turut menyapu bersih Anugerah Bintang Popular 2008 dengan memenangi "Artis Lelaki Baharu Popular", "Artis Komedi Lelaki Popular" dan yang terbaik - "Bintang Paling Popular".

Daya penarik semula jadi Nabil menyaksikannya menempa kejayaan dalam kerjaya TV di Astro, mengacara program terkenal seperti *MeleTOP*, *Anugerah MeleTOP ERA*, *Anugerah Industri Muzik*, *Gegar Vaganza*, *Ceria Popstar* dan rancangan anugerah serantau berprestij, *Anugerah Planet Muzik 2014* yang disiarkan di Singapura, Malaysia, Brunei dan Indonesia. Selain daripada semua kejayaan ini, beliau juga merupakan seorang pemenang anugerah yang penyampai radio untuk ERA fm. Biarpun gurauan pernah dikenakan kepada Nabil, namun kejayaan yang diraih pastinya melakar kegembiraan buatnya.




ZIZAN

Sungguhpun ada beberapa jiran tetangga yang tidak menyenangkannya (namun disenangi beberapa orang lain), Zizan mula menyanyi dan rapping ketika masih remaja. Beliau pernah mencuba nasib dalam Akademi Fantasia Musim 4, namun gagal terpilih ke peringkat akhir. Bersemangat untuk berjaya, beliau mendapat peluang besar tatkala diisytiharkan sebagai naib Johan *Raja Lawak Musim 1*. Menerusi rancangan inilah beliau telah bertemu dengan Johan (pemenang ketiga) dan bersama-sama mereka menubuhkan kumpulan yang amat popular, JoZan, lantas menjuarai *Maharaja Lawak Mega 2012*.

Hari ini, Zizan berjaya memenuhi impiannya sebagai seorang rapper, hos TV dan pelakon yang telah memenangi anugerah. Dengan senarai filem merangkumi *KL Gangster 1* dan *2*, *Hantu Bonceng*, *Cicakman 3* serta *Polis Evo*, Zizan juga kini merupakan personaliti Malaysia paling popular di media sosial. Dari sebuah kampung di Terengganu sehingga mencapai kemuncak dunia hiburan Malaysia, Zizan membuktikan bahawa minat yang bersungguhan dan amat mendalam terhadap rapping dan menari telah berjaya membentuk kehidupannya.





**PENYANYI
SENSASI**



**HAFIZ
NICOLE
STACY**

PENYANYI SENSASI

Tidak ada yang dapat meniupkan semangat dan menjadikan kita lebih bertenaga sepertimana muzik. Bagi penyanyi yang pernah memenangi anugerah - Hafiz, Nicole dan Stacy, suara mereka telah membawa mereka keluar daripada kehidupan yang biasa, lantas menempatkan mereka di laluan kemahsyuran yang kukuh. Buat mereka, menyanyi bukan sekadar peluang untuk menjadikan impian mereka selama ini suatu kenyataan, malah ia turut membuka ruang kebebasan dan ekspresi diri. Kepada jutaan peminat (termasuk kami semua di Astro), mereka merupakan lagu yang menerangi kehidupan dan kisah yang memberikan inspirasi.



IMBAS DI
SINI UNTUK
MENYAKSIKAN
AKSI MEREKA:




LEBIH BANYAK
TENTANG
HAFIZ



LEBIH BANYAK
TENTANG
NICOLE



LEBIH BANYAK
TENTANG
STACY



NICOLE

Nicole sememangnya merupakan penyanyi sensasi - dengan kepandaian yang setanding, raut wajah yang nakal namun menawan serta suara yang memukau. Sebagai pelajar terbaik di sekolah, beliau terpaksa menghampakan harapan keluarga demi mengejar impiannya dalam dunia nyanyian. Biarpun bertubuh kecil molek, dengan kemahiran pentasnya, kesungguhannya nyata berbaloi apabila beliau akhirnya dinobatkan sebagai juara *Astro Star Quest 2012*.

Berikutnya, Nicole terus meraih kejayaan dalam pertandingan *One Million Star 2013* di Taiwan, dengan mendapat tempat ketiga di samping menjadi artis paling popular. Beliau kemudiannya mengeluarkan single pertamanya, *Ai Wo De Ren Shou*, pada tahun yang sama. Video muzik single pertama tersebut mendapat lebih 100,000 tontonan di Youtube dalam hanya empat hari! Tiada apa yang boleh menghalang penyanyi berbakat ini, semuanya kerana beliau berani bermimpi.



HAFIZ

Hafiz pernah bekerja di stesen minyak selepas tamat belajar sekolah menengah. Pada usia 19 tahun, jejaka Sarawak ini menghadiri uji bakat *Akademi Fantasia 7* dan akhirnya berjaya menjuarai pertandingan tersebut. Album sulungnya, *Masih Jelas*, telah memenangi 'Anugerah Vokal Terbaik' pada edisi ke-25 Anugerah Juara Lagu. Single pertamanya pada 2011, *Awan Nano* (gubahan M. Nasir) telah memenangi beberapa anugerah, termasuk 'Lagu Terbaik Malaysia', 'Lagu Asal Terbaik' dan 'Lagu Tahunan Terbaik' di pelbagai majlis anugerah industri, yang membawa kepada tawaran kontrak rakaman dengan Warner Music Indonesia.

Sehingga kini, Hafiz telah memenangi 28 anugerah utama dalam negara dan di peringkat serantau. Malah Hafiz telah dipilih oleh *David Foster* untuk membuat persembahan bersama beliau semasa berlangsungnya *Malam Gala Grand Prix 2014*. Beliau jelas telah melangkah jauh sejak permulaannya yang amat sederhana.



STACY

Stacy berjaya mengukir nama buat dirinya meskipun permulaannya agak perit. Di usia muda 16 tahun beliau terpaksa berhenti sekolah dan mula menyanyi di kelab malam untuk menampung keluarga. Namun, ada rahmat di sebalik semua ini; nyanyian beliau menjadi kunci yang berjaya merubah kehidupannya serta keluarga.

Pada 2008, Stacy telah diijual sebagai juara *Akademi Fantasia* dan sejak itu beliau telah mengeluarkan rantaian lagu-lagu kegemaran No. 1, meliputi rentak balada sehinggalah kepada rentak pop dan tarian. Seorang yang gemar belajar serta fokus, kedudukan Stacy dilihat semakin mantap dengan memenangi anugerah di bawah kategori 'Penyanyi Wanita Popular' serta 'Kumpulan/Duet Paling Popular' bersama Akim Ahmad pada majlis Anugerah Bintang Popular 2014. Malah beliau turut menerima penghormatan yang tidak dijangka - Anugerah Ikon Remaja Sabah!





TELEVISYEN

184 saluran kami, yang mana 73 daripadanya berjenama Astro dan 50 adalah dalam HD, menyediakan kandungan tempatan, serantau dan antarabangsa yang terbaik untuk para pelanggan kami.



MEMPERLUASKAN PERNIGAIAN KAMI

Meskipun sentimen pengguna dan pasaran agak lemah pada 2014, kami mengekalkan trajektori menaik dalam ARPU, penembusan isi rumah dan penggunaan produk serta perkhidmatan nilai tambah. Keluasan dan kedalaman tawaran produk serta perkhidmatan kami terus memikat warga Malaysia, lantas membolehkan kami memenuhi keperluan penggunaan media mereka.

Kami mengakhiri tahun ini dengan 4.4 juta pelanggan, yang membentuk 63% isi rumah Malaysia. Berpandukan strategi pemerolehan pelanggan mengikut sasaran dan segmen berserta pengurusan pulangan pelanggan yang proaktif, kami telah memperluaskan pangkalan pelanggan TV berbayar kami dengan 69,000 pertambahan bersih, menjadikan jumlah pelanggan TV berbayar kami mencecah 3.5 juta orang. Di samping itu, menerusi penggunaan tambahan perkhidmatan nilai tambah, ARPU kami meningkat daripada RM96.00 kepada RM99.00, lantas mengetengahkan kejayaan strategi pelaburan semula Astro Beyond STB kami untuk menghasilkan wang, di mana sehingga kini ia melibatkan 3.2 juta pelanggan atau 90% daripada pangkalan pelanggan TV berbayar kami.

Perniagaan bukan langganan kami, NJOI, melangkaui jangkaan dengan menokok 478,000 pelanggan lagi dan menjadikan jumlah pelanggan NJOI mencecah sehingga 920,000. Pelanggan ini seterusnya membantu menyumbang kepada perniagaan TV menerusi penggunaan pakej prabayar kami, menaik taraf diri mereka kepada pelanggan TV berbayar, serta menambah baik jangkauan dan bilangan penonton. Proposisi pengiklanan TV kami yang menambat perhatian membolehkan kami mengekalkan tahap pendapatan pengiklanan TV biarpun berlatarkan keadaan pasaran yang sukar pada 2014, di mana bahagian perbelanjaan pengiklanan (adex) TV kami meningkat daripada 31% kepada 33%.

Secara keseluruhannya, pendapatan TV kami telah meningkat daripada RM4.5 bilion kepada RM4.9 bilion.



Sambil industri berkembang dan timbulnya peluang baharu, kami mempunyai azam yang jelas untuk menyediakan para pelanggan kami hiburan yang paling berbaloi dengan harganya, sementara memaksimumkan pertumbuhan dan keuntungan yang mampan.

TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

Kami tertumpu kepada usaha menyampaikan pengalaman yang lancar kepada pelanggan dan menjadikan Astro sebuah jenama yang sinonim dengan pengalaman tontonan berkualiti tinggi. Pada 2014, kami memulakan perjalanan baharu untuk mentakrif semula dan menambah baik tahap pengalaman pelanggan. Bagi mencerminkan iltizam kami yang berpusatkan pelanggan, terbit suatu aspirasi pengalaman pelanggan yang baharu - *Melangkah lebih jauh untuk memberi inspirasi dan menggembirakan setiap orang dalam semua yang kami lakukan untuk menjadikan Astro penyedia hiburan pilihan anda.*

Dalam melangkah ke hadapan, inilah yang mendorong kami mentakrif strategi dan produk serta cara proses diatur. Kami telah dan akan terus mengadakan inisiatif bagi menerapkan aspirasi ini ke dalam DNA kami demi memastikan kami kekal sebagai peneraju pasaran yang selayaknya dan jenama utama di minda di rakyat Malaysia.

Kami akan terus melabur untuk memajukan pengalaman hiburan dan juga meringkaskan proses serta dasar bagi menjadikannya lebih mudah buat pelanggan untuk berurusan dengan kami.

Memperluaskan penglibatan pelanggan

Lima Pusat Gaya Hidup Astro yang utama di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak merupakan pusat perkhidmatan semua dalam satu bagi membantu pelanggan kami dan memberi peluang menikmati apa yang dapat ditawarkan oleh Astro. Selain itu, 18 buah pusat perkhidmatan pelanggan kami yang lain memastikan bahawa kami berada di hampir setiap kawasan bandar besar di Malaysia.

Usaha kami untuk menambah baik pengalaman pembabitan dalam saluran omni dan menyediakan ketercapaian melalui platform alternatif bagi urus niaga jualan dan perkhidmatan telah membuahkan hasil. Kini lebih ramai pelanggan kami menggunakan portal layan diri pelanggan atas talian dan Portal Perkhidmatan Astro di Saluran 200, di mana Portal Perkhidmatan Astro menyumbang lebih daripada satu perlima naik taraf pakej pada 2014. Ini menunjukkan peningkatan kejayaan portal tersebut sebagai medium untuk mengurangkan perbelanjaan operasi serta menyediakan cara yang mudah buat pelanggan menguruskan pakej langganan mereka dan berinteraksi dengan kami.

Kami turut memberi nafas baharu kepada program kesetiaan Astro Circle bagi memberi penghargaan terhadap pelanggan setia, dan dengan itu meningkatkan kepuasan pelanggan dan memacu pulangan kewangan yang lebih tinggi. Program kesetiaan kami yang merangkumi naik taraf percuma kepada PVR, jemputan eksklusif menghadiri acara, program kesetiaan dan tawaran promosi telah diterima dengan begitu baik sekali.

TELEVISYEN

Kami telah meraih pelbagai anugerah, di peringkat tempatan dan antarabangsa, sebagai mengiktiraf usaha kami yang merupakan contoh kecemerlangan inovasi, kualiti dan perkhidmatan. Pada tahun lalu, antara lain, kami telah diberi penghormatan dalam pelbagai kategori pada majlis penyampaian 'Customer Relationship Excellence Awards', 'Contact Centre World Awards' serta 'Customer Gamechanger Awards'.

Memperluaskan jangkauan kami

Kejayaan kami untuk memaksimumkan peluang pertumbuhan bergantung kepada jangkauan pasaran kami. Pada 2014, untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada segmen NJOI, kami memperluaskan jejak jualan dan pengedaran di seluruh negara, terutamanya bukan di kawasan bandar dengan menambah bilangan wakil penjual menerusi perkongsian dengan pengedar induk prabayar mudah alih. Kami juga telah menambah ePay sebagai saluran jualan untuk e-baucar prabayar kami, yang membolehkan kami memperluaskan liputan kepada jenama peruncitan yang dikenali seperti Petronas, 99 Speedmart dan Mydin. Rentetan dari itu, kami telah menggandakan liputan jejak NJOI kami daripada 2,000 kepada 4,000 mata pendedaran.

Sesuatu untuk setiap orang

Kami terus meraih penguasaan pasaran menerusi model perniagaan duaan. Agar perniagaan kami dapat bertahan di masa hadapan menerusi perubahan kitaran ekonomi dan perkembangan trend penggunaan, kami percaya bahawa adalah amat penting bagi kami untuk menyediakan set produk dan perkhidmatan yang komprehensif di pelbagai titik harga. Dengan menawarkan kepelbagaian yang lebih hebat kepada pelanggan melalui pengenalan perkhidmatan baharu dan penyampaian pengalaman tontonan terbaik kepada pelanggan, 2014 telah menyaksikan prestasi jualan yang teguh merentasi semua barisan produk:

Produk	2014 (000s)	2013 (000s)	Pertumbuhan
Astro HD	1,939	1,675	+16%
Astro PVR	715	532	+34%
Astro IPTV	43	26	+65%
Super Pack	967	902	+7%
Value Pack	348	196	+78%
Multiroom	386	312	+24%
Muat turun aplikasi AOTG	1,393	847	+64%

Buat masa ini, kira-kira 61% dan 23% daripada pelanggan kami dengan Beyond STB masing-masing melanggan perkhidmatan HD dan PVR.

Pada tahun ini, kami telah menambah sembilan saluran HD demi menepati janji kami untuk menyediakan lebih nilai buat pelanggan kami. Kini kami mempunyai lebih daripada dua juta pelanggan yang melanggan perkhidmatan HD, dan kami menjangkakan penggunaan akan tumbuh apabila kami memperluaskan portfolio saluran HD di masa hadapan. Ini adalah selaras dengan percambahan lebih banyak set televisyen berkeupayaan HD di kalangan pengguna Malaysia serta siaran dan keupayaan penghantaran tambahan timbul daripada pajakan transponder pada satelit MEASAT-3B.

Astro IPTV, perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi menyediakan kandungan dan keterkaitan yang terbaik dalam kemudahan pakej *triple-play*. Kami kini mempunyai 43,000 pelanggan untuk perkhidmatan ini. Pada dasarnya, rangkaian jalur lebar memberi pelanggan keupayaan untuk melihat pratonton dan membeli tajuk VOD kegemaran mereka melalui pembayaran setiap tontonan, keupayaan untuk menonton program yang telah terlepas sebelumnya menerusi *catch-up* TV, dan keupayaan untuk mengurus kandungan yang dibeli melalui perpustakaan media digital.

Kami terus membina perpustakaan VOD. Kini kami mempunyai kira-kira 8,000 jam kandungan VOD yang boleh diakses pada STB dan AOTG melalui rangkaian jalur lebar. Kandungan atas permintaan kami merangkumi pelbagai genre dan bahasa yang luas merentasi saluran Movies, Kids Learning serta Variety. Berserta dengan pengenalan saluran tambahan, dan juga fungsi baharu bagi meningkatkan keupayaan untuk meneroka, komuniti pengguna AOTG kami kini menonton secara puratanya 96 minit setiap minggu berbanding 72 minit setahun lalu. Bersama dengan tawaran Multiroom, AOTG membantu kami memenuhi keperluan penggunaan media oleh pelanggan yang lebih gemar menonton kandungan atas permintaan melangkaui ruang tamu, di samping menangani anjakan daripada tontonan komuniti kepada tontonan individu.

Kami percaya bahawa pakej boleh memenuhi semua keperluan kandungan sesebuah isi rumah pada harga yang lebih berkesan dari segi kos berbanding jika saluran dibeli atas dasar ala-carte. Kami terus-menerus mengukuhkan proposisi nilai bagi pakej dengan memperkenalkan perkhidmatan baharu seperti saluran HD tambahan, meneguhkan tawaran atas permintaan kami dan menyediakan mobiliti dengan AOTG. Contohnya, pada tahun ini, kami telah memperkenalkan para pelanggan kami kepada pek pakej terhebat - Super Pack Plus, yang memberikan akses penuh kepada semua perkhidmatan linear dan bukan linear, termasuk Astro Plus, langganan pek VOD yang menawarkan siri TV dan filem antarabangsa yang terkini dan terbaik.

TELEVISYEN



MEMACU KEPIMPINAN DAN INOVASI KANDUNGAN

2014 merupakan satu lagi tahun pencapaian penting dalam menerbitkan dan mentauliah IP memenangi anugerah serta menyepadukan jenama kandungan sedia ada dengan daya tarikan pelanggan yang kuat. Kami mereka bentuk, membungkus, memasarkan dan menyampaikan kandungan bagi memenuhi keperluan pengguna yang sedang berkembang secara 360° untuk memacu penembusan dan jumlah penonton.

Kami menambah 14 saluran baharu dan kini menawarkan sejumlah 184 saluran, yang mana 73 adalah berjenama Astro dan 50 adalah dalam HD. Pada platform NJOI, kami melancarkan Celestial Classic Movies serta saluran HD yang pertama, Astro Xi Yue HD, yang menampilkan sebahagian daripada program drama, dokumentari, travelog, muzikal serta rancangan beraneka yang terbaik di rantau ini dalam bahasa Mandarin, Hokkien dan Kantonis, kesemuanya dalam paparan perincian HD yang mengagumkan. Kami mengembangkan perpustakaan kandungan dengan 10,000 jam lagi kandungan yang telah diterbitkan dan ditauliahkan. Seterusnya, lebih 25,000 jam kandungan disarikata dan dialih suara dalam pelbagai bahasa bagi memenuhi selera penonton yang berbilang bahasa dan budaya.



IP milik kami semakin mantap

IP kami yang pernah memenangi anugerah seperti *Akademi Fantasia*, *Gegar Vaganza* dan *Maharaja Lawak* telah menetapkan tanda aras baharu program realiti dengan penarafan tertinggi di Malaysia. Selain itu, bilangan program kami yang telah melepasi paras satu juta penonton telah bertambah tiga kali ganda.



Astro kekal sebagai destinasi komedi. *Maharaja Lawak Mega* ("MLM") telah mencapai tanda aras baharu dengan jumlah penonton mencecah 2.6 juta untuk muncul sebagai kandungan Astro yang paling popular. Melangkaui skrin televisyen, MLM berjaya menghimpunkan lebih 12.5 juta pengguna unik pada platform digital, manakala aplikasi permainan yang digabung dengannya pula telah dimuat turun 940,000 kali, barang dagangannya habis dijual, acara siaran langsung yang dikenakan tiket hampir habis terjual, dan buat pertama kalinya, acara finale telah disiarkan secara langsung di 25 buah pawagam menerusi perkongsian dengan Pawagam TGV dan MBO.

TELEVISYEN



Akademi Fantasia pada tahun ini terbukti sebagai edisi terbaik sehingga kini, dari segi kualiti penerbitan dan jumlah penonton sehinggalah kepada penglibatan atas talian. Acara finalnya telah ditonton oleh 2.1 juta penonton, pengundian meningkat dua kali ganda serta mengumpul 4.2 juta tontonan secara kolektif di YouTube dan di laman sesawang Astro Gempak. *Akademi Fantasia* adalah salah satu acara siaran langsung yang dinanti-nantikan di Malaysia pada 2014 di mana semua tiket untuk acara finale telah habis dijual.

Portfolio kandungan Hokkien dan Mandarin kami turut menghasilkan program popular baharu. Dalam tempoh dua bulan, *Prime Talk* muncul sebagai salah sebuah program berita Mandarin yang popular di kalangan penduduk bandar berbangsa Cina, manakala *The Master*, *Our Land* dan *Gardens of Treasure* secara kolektifnya telah mencapai lebih sejuta penonton. IP ilham tempatan, program pertandingan *Hua Hee Karaoke* telah dibawa ke peringkat serantau dengan penyertaan daripada Indonesia, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan China; sementara *Battleground*, program pertandingan tarian jalanan, berjaya memenangi anugerah 'Best Entertainment Show' di 'Asian Television Awards' 2014.

Pada Februari 2015, Astro menawarkan siaran yang belum pernah dilakukan, penstriman atas talian secara langsung selama 23 jam untuk perayaan Thaipusam, di laman sesawang dan halaman Facebook Astro Ulagam, yang membolehkan penonton di mana-mana sahaja di dunia menyaksikan perayaan unik ini yang diadakan di tiga lokasi di Malaysia - Batu Caves di Kuala Lumpur, Thanneermalai di Pulau Pinang dan Kallumalai di Ipoh. Acara ini telah menarik bilangan penonton luar negara sejauh US dan UAE. Dalam tempoh ini, Astro Ulagam mencatatkan capaian Facebook



berjumlah 41.4 juta, meningkat tujuh kali ganda dari tahun sebelumnya, lalu mencipta rekod baharu dalam platform digital bagi perayaan Thaipusam.



Mengenai saluran berita kami, Astro Awani telah membuktikan keupayaannya dengan menyahut cabaran bagi membolehkan warga Malaysia di rumah dan di luar negara mendapat maklumat yang sebaiknya dengan menawarkan liputan berita yang boleh dipercayai, komprehensif, serta mutakhir melalui saluran berita, portal atas talian dan aplikasi mudah alih 24/7.

Demam sukan

Di Astro, kami berusaha menyediakan liputan liga atau perlawanan sukan tempatan dan antarabangsa serta acara seluruh dunia yang paling komprehensif dalam SD dan HD, serta merentasi pelbagai platform. Dan di pentas dunia, tiada yang lebih besar daripada Piala Dunia FIFA 2014, yang telah melakar rekod baharu dari segala segi - daripada jumlah penonton sehingga kepada pembabitan 360°.

Di TV, kesemua 64 perlawanan telah disiarkan secara langsung dalam HD kepada pelanggan Sports Pack, manakala pelanggan NJOI menikmati perlawanan terpilih melalui Astro Arena tanpa sebarang kos tambahan. Perlawanan langsung terpilih turut disediakan di saluran vernakular kami dengan ulasan dibuat dalam bahasa masing-masing bagi memenuhi selera pelanggan kami yang berbeza. Kesemua perlawanan langsung telah disediakan di AOTG dan melalui aplikasi Piala Dunia FIFA 2014 yang menyediakan



Suara Sukan Malaysia

DATUK HASBULLAH AWANG

1952 - 2015

Astro berasa terharu di atas pemergian Allahyarham Datuk Hasbullah Awang pada 12 Februari 2015. Pemahamannya yang cukup mendalam serta ulasan sukannya yang penuh warna-warni dan tersendiri pastinya akan dirindui oleh rakyat Malaysia.

Sepanjang perjalanan kerjayanya yang menjangkau lebih tiga dekad, Datuk Hasbullah Awang telah mengangkat pengalaman warga Malaysia yang menonton sukan siaran langsung. Beliau pernah membuat liputan tujuh sukan Olimpik, tiga Sukan Komanwel, empat Sukan Asia, sembilan Sukan SEA dan beraneka sukan tempatan lain. Antara detik paling bermakna termasuklah ketika beliau dengan penuh bersemangat mengetuai jutaan warga Malaysia untuk terus melekat di kaca televisyen mereka meraikan kejayaan pasukan badminton negara menjulang Piala Thomas pada tahun 1992.

Beliau menyertai Astro Arena, saluran sukan 24/7 kami yang memartabat sukan tempatan, pada Januari 2014. Astro menganggapnya suatu penghormatan kerana beliau hadir menyumbangkan suara, kepakaran serta pengalamannya kepada pengulasan acara sukan yang disiarkan di Astro Arena seperti Liga Bola Sepak Malaysia, Piala Dunia FIFA 2014, Sukan Komanwel 2014 di Glasgow, Piala Thomas dan Uber 2014, Sukan Asia Incheon 2014 serta Sukan Olimpik Remaja 2014 di Nanjing.

Etika kerja serta sikap profesional Allahyarham Datuk Hasbullah Awang nyata mengagumkan. Begitu juga dengan minat serta keghairahan beliau terhadap sukan, yang meninggalkan kesan mendalam dan tidak mampu dipadam di hati kami semua di Astro serta jutaan peminat sukan di seluruh negara.

TELEVISYEN



siaran langsung multi-kamera, tayangan semula berbilang sudut, serta klip atas permintaan untuk tontonan waktu puncak, pada bila-bila masa, di mana sahaja. Di stesen radio kami, peminat Piala Dunia menerima laporan terkini secara *realtime* manakala di platform digital dan media sosial, permainan berkaitan Piala Dunia telah direka cipta, dan beraneka aktiviti dijalankan bagi mengundang penglibatan peminat.

Hasilnya amat mengagumkan. Himpunan penonton TV mencapai tahap tertingginya iaitu 8.2 juta, naik 22% mengatasi rekod Piala Dunia sebelumnya seramai 6.9 juta. Tawaran multi-skrin mencecah 1.9 juta tontonan, bertambah tiga kali ganda. Pelanggan Sports Pack pula meningkat 1.6 juta dan lebih 100,000 pas Piala Dunia serta pas istimewa bayar sebelum tonton setiap tontonan perlawanan tunggal telah dijual.

Astro turut mendahului dalam mengetengahkan sepak takraw, permainan yang berasal dari Asia Tenggara sebagai sukan terulung di peringkat antarabangsa. Kami memartabatkan Siri Super ISTAF dan Liga Sepak Takraw di Malaysia, membawa sukan ini ke tahap seterusnya - dari segi kualiti penerbitannya, kepada minat atas talian dan menyaksikan perlawanan.

Mendekati warga milenium

Generasi Y dan Z mewakili kelompok pangkalan pelanggan yang semakin bertambah dan sertiasa berhubung dan menjalani kehidupan yang sibuk. Kami sedar akan hakikat bahawa untuk mendekati golongan milenium ini, kami perlu menyediakan kandungan bersepadu dan lancar di platform digital dan media sosial.

Bersandarkan hakikat ini, *Oh My English*, jenama kandungan pembelajaran No. 1 kami terus mencipta inovasi dengan pengenalan

aplikasi *OME English Word* yang merangkul anugerah 'dAwards' 2014 (kategori Mudah Alih). Ia juga merupakan satu-satunya penyertaan dari Asia Tenggara yang dicalonkan untuk 'International Digital Emmy Awards' 2015. Tutor TV kami turut melancarkan dua aplikasi bagi melengkapkan proposisi pembelajaran di TV dengan aplikasi UPSR iBuddy dan aplikasi SPM.

Kami juga telah memperkenalkan Dunia Ceria, rangkaian sosial untuk kanak-kanak yang pertama di ASEAN, di mana ia menyediakan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak bersosial antara satu sama lain di ruang digital.

Tarikh/hari kandungan antarabangsa

Pada 2014, sejumlah 22 rancangan popular antarabangsa telah disiarkan dalam tempoh 24 jam dari masa siaran pertamanya di US dan UK. Antara rancangannya termasuklah *The Voice*, *The Blacklist*, *The Amazing Race*, *Downtown Abbey*, *The Walking Dead*, *Agents of S.H.I.E.L.D.*, *Sons of Anarchy*, *The Ellen DeGeneres Show*, *MasterChef Junior US*, *Sleepy Hollow*, *Revenge* dan *Scandal*. Perubahan positif ini mengurangkan tempoh tetingkap antara siaran di negara tersebut dan Malaysia telah disambut baik oleh para pelanggan kami dan mengukuhkan matlamat Astro untuk menyediakan kandungan terbaik dan terkini dari serata dunia.

Dunia filem

Astro Shaw telah melakarkan banyak pencapaian penting sepanjang tahun ini. Sehingga kini, *The Journey* tampil sebagai filem Malaysia yang meraih kutipan tertinggi sepanjang masa. Sementara itu, *Maindhan* muncul sebagai filem Tamil Malaysia dengan kutipan tertinggi dalam negara. Bagi filem Melayu pula, buat masa ini, *Suamiku Encik Perfect 10*, yang dibintangi oleh Aaron Aziz dan Lisa Surihani merupakan filem tempatan dengan kutipan tertinggi

sehingga kini pada 2015. Penguasaan pasaran Astro Shaw telah berkembang daripada 16% pada 2013 kepada 29% pada 2014.

Selain itu, perniagaan pengedaran filem kami turut berkembang luas ke negara-negara lain termasuk US, China, Hong Kong, Kanada dan Jerman. Di samping itu, filem *Terbaik Dari Langit (NOVA)* telah memenangi anugerah 'Best Film' dan 'Best Actor' di 'ASEAN International Film Festival & Awards' 2015, dan telah terpilih untuk bertanding dalam kategori 'Asian Future' di 'Tokyo International Film Festival'.

Bakat kami

Program TV realiti kami yang berkedudukan tinggi dengan pertambahan dalam jumlah penonton dan unit bakat yang berstruktur, diketuai oleh Datuk Aznil Nawawi, membolehkan Astro memainkan peranan penting dalam industri dengan menyediakan sebuah landasan untuk mencari, memupuk dan menampilkan bakat negara yang menjanjikan kejayaan. Kami berbangga dapat turut terlibat dalam mengetengahkan bakat baharu dan melancarkan kerjaya sebahagian daripada pelakon, penyanyi, pelawak, pengacara dan penghibur hari ini yang terbaik dan disayangi oleh rakyat Malaysia.

Bakat kami telah melangkah jauh menempa kejayaan hebat. Hafiz, bakat kelahiran *Akademi Fantasia* dan Zizan Razak yang dikenali melalui *Maharaja Lawak* telah menjulang pelbagai anugerah di majlis Anugerah MeleTOP ERA 2014, manakala Dinesh Ruben dan Sai Sudha, dua bakat yang ditemui melalui program *Astro Vaanavil Superstar 2013*, masing-masing telah memenangi anugerah 'Best Male Singer' dan 'Best Female Singer' semasa berlangsungnya '7th Edition Edison Awards'. Nicole Lai, pemenang *Astro Star Quest 2012*,

turut dinobatkan sebagai pemenang tempat ketiga dalam program Taiwan *One Million Star 2013* sementara video muzik tunggalnya yang pertama telah mengumpul lebih 100,000 tontonan di Youtube hanya dalam masa empat hari.

PENGIKLANAN TV

Pada 2014, industri pengiklanan telah menerima kesan buruk daripada sentimen pengguna dan pasaran yang lemah. Sungguhpun kami berupaya meningkatkan penguasaan kami dalam perbelanjaan pengiklanan (adex) TV pada tahun ini, namun kami berhati-hati terhadap cabaran yang terbentang di hadapan pada tahun 2015.

Walau apa pun, adex TV kekal sebagai peluang utama buat Astro, bersandarkan pertambahan jumlah penonton, yang dipacu oleh peningkatan pelanggan dan semakin poplarnya program istimewa kami. Selain itu, penawaran pelbagai platform menempatkan kami pada kedudukan yang unik untuk menawarkan pengiklanan yang berkesan dan disasarkan dalam persekitaran kandungan yang relevan.

Astro menjalin perkongsian dengan Kantar Media untuk memperkenalkan sebuah sistem pengukuran penonton TV yang baharu yang akan mengumpulkan jumlah penonton merentasi saluran langsung, atas permintaan, PVR dan perlakuan tontonan interaktif. Lebih dari sekadar memberikan kami pemahaman tentang kecenderungan cara menonton para pengguna, sistem pengukuran yang baharu ini juga membolehkan para pengiklan dan agensi media mengenal pasti dengan tepat dan mendekati pengguna merentasi genre kandungan berbeza dan corak penggunaan media.





DENGAR

SEBUAH TEATER DI RUANG
MINDA. DILARAS UNTUK
NADA YANG SEMPURNA.

A promotional photograph for Kuasa Radio featuring three individuals in a radio studio. On the left, a man in a blue patterned shirt smiles. In the center, a woman in a black polo shirt with a 'Raaga' logo and yellow trim has her arms crossed and is smiling. On the right, a man in a grey blazer over a white shirt looks towards the camera. The background is dark with green and blue lighting accents.

KUASA RADIO

**HANIFF
GEETHA
JACK**

KUASA RADIO

Kesederhanaan yang menyembunyikan kesempurnaannya sebagai medium sebenar untuk orang ramai. Secara terus dan peribadi, kuasa radio untuk mempengaruhi dan memberi inspirasi sering diperkecilkan. Namun bukan bagi orang seperti Haniff, Geetha dan Jack. Suara mereka yang berbeza dan tersendiri telah lama mengisi ruang udara, dan bakat besar mereka telah membantu melebarkan jangkauan medium ini melebihi set radio. Ini membuktikan bahawa radio bukan sekadar berkembang maju, malah ia mengundang penglibatan dan turut mempengaruhi pendengar.



IMBAS DI
SINI UNTUK
MENYAKSIKAN
AKSI MEREKA:



LEBIH BANYAK
TENTANG
HANIFF



LEBIH BANYAK
TENTANG
GEETHA



LEBIH BANYAK
TENTANG
JACK



HANIFF

Ketika masih remaja lagi, Haniff sudah tahu apakah kerjaya yang diinginkan. Walaupun keluarga menentang, namun beliau telah memulakan kehidupan dalam bidang penyiaran sebagai sebahagian daripada Kru Jelajah ERA fm yang bertugas sejak Disember 2005. Dengan minat terhadap segala yang berkaitan dengan radio, Haniff bekerja keras dan akhirnya mendapat jawatan sebagai pengacara dalam rancangan sarapan pagi di ERA fm bersama dua orang personaliti terkenal yang lain, Pak Nil dan Ray.

Hari ini, rancangan sarapan pagi ERA fm merupakan rancangan yang paling didengari ramai di Malaysia, dan bakat serta populariti Haniff telah berkembang dan melangkau jauh. Beliau pernah mengacarakan rancangan TV seperti *Propaganda* dan *Trek Selebriti*, menjadi hos untuk *MTV World Stage* 2011 dan 2012, malah turut menjadi suara kepada salah satu watak dalam *The Smurfs* versi Bahasa Malaysia.

GEETHA

Keperibadian Geetha yang periang dan mudah tersenyum menyebabkan beliau diberi nama jolokan yang menyenangkan 'Punnagai Poo', yang bermaksud 'bunga yang tersenyum'. Beliau memulakan kerjayanya sebagai juruhebah di THR Raaga, dan pernah diundi sebagai 'DJ Wanita Paling Populer' di stesen tersebut pada 2002. Dari belakang mikrofon beliau mula melangkah ke televisyen dengan menjadi hos program, dan seterusnya ke layar perak dengan menjadi penerbit filem wanita yang pertama di Malaysia.

Beliau menerbit dan membintangi berbagai filem Tamil, termasuk enam di India! Pada 2012, filemnya *Narthaki* telah memenangi anugerah 'Best Social Awareness' di 'Norway International Tamil Film Festival'. Namun detik gemilang dalam kerjayanya hadir pada 2014 apabila filemnya *Maindhan* menjadi filem Tamil dengan kutipan tertinggi sepanjang masa di Malaysia dan merangkul anugerah 'Best Overseas Artist' di India. Giat berusaha, bercita-cita tinggi dan cekal, beliau nyata bukan sebarang 'bunga' yang mudah rapuh.



JACK

Pelakon, DJ, Ah Beng separuh masa, penghibur sepenuh masa - Jack Lim adalah lelaki dengan pelbagai bakat dan minat. Beliau memulakan kerjayanya sebagai pelakon TV sebelum dikenali ramai sebagai hos bersama dalam rancangan sarapan pagi MY FM. Tidak lama kemudian beliau mula dibanjiri tawaran filem, dan peluang terbuka buat Jack untuk membintangi filem komedi popular seperti *Ah Long Pte Ltd* pada 2008, *Love Matters* pada 2009, *Kidnapper and Old Cow vs Tender Grass* pada 2010, dan juga sebuah penerbitan Astro, *Great Day* pada 2011.

2010 merupakan tahun cemerlang buat Jack apabila beliau memegang peranan utama sebagai Ah Beng dalam filem yang memecah rekod, iaitu *Tiger Woohoo*, yang memperoleh kutipan pecah panggung RM4.1 juta. Jack kemudiannya telah membintangi lebih banyak filem yang memecah rekod seperti *Ah Beng the Movie: Three Wishes* and *Once Upon A Time*, di mana kedua-duanya muncul sebagai filem Cina tempatan meraih kutipan tertinggi, masing-masing pada 2012 dan 2013. Beliau yang serba boleh, memiliki sifat lucu dan menyenangkan menjadikannya Ah Beng yang wajar dihormati oleh warga Malaysia.







RADIO

#1
STESEN
RADIO di
MALAYSIA



Stesen Radio
Bahasa Melayu



Stesen Radio
Bahasa Cina



Stesen Radio
Bahasa Tamil



Stesen Radio
Pantai Timur



Stesen Radio
Bahasa Inggeris

MENGEKALKAN KEDUDUKAN SEBAGAI PENERAJU

Stesen radio kami terus menerajui dalam semua bahasa utama.

Kejayaan kami di ruang ini boleh dikatakan kerana strategi kami untuk menyampaikan kandungan yang menambat hati untuk didengari merentasi pelbagai platform dan mengundang penglibatan pendengar yang disasarkan sementara menyediakan penyelesaian kreatif buat para pengiklan. Kami berusaha untuk:

- Meningkatkan pengalaman mendengar
- Melabur dalam penyelidikan dan menyediakan maklumat bernilai buat pengiklan bagi menjangkau pasaran yang disasarkan
- Memaksimumkan pendapatan hasil menerusi pulangan nilai yang berkesan dan pengurusan inventori, serta menyediakan penyelesaian yang menerajui industri buat para pengiklan
- Melabur, membentuk dan mengekalkan bakat terbaik dalam industri

Pada TK15, kami meningkatkan pendapatan hasil dan EBITDA, masing-masing sebanyak 6% dan 8% tahun ke tahun, daripada RM247 juta dan RM135 juta pada TK14, kepada RM261 juta dan RM146 juta pada TK15. Pertumbuhan ini telah membantu



meningkatkan penguasaan kami dalam pengiklanan radio daripada 54% kepada 60%. Pengurusan kos secara aktif berserta faedah skala membolehkan margin EBITDA menokok daripada 55% kepada 56%.

MENEMPATKAN KEDUDUKAN DI MASA HADAPAN

Berbekalkan portfolio sembilan jenama radio FM, matlamat kami adalah untuk menempatkan setiap satu daripadanya sebagai peneraju dalam segmen pengguna yang dimaksudkan. Sementara kami terus mengukuhkan kedudukan peneraju stesen #1 kami seperti ERA fm, MY FM, hitz fm dan THR Raaga, tumpuan kami adalah untuk memantapkan Sinar FM, MIX fm, LiteFM dan MELODY FM agar berdiri teguh pada kedudukan #2 dalam bahasa mereka masing-masing. Kami terdorong untuk menyaksikan hasil daripada stesen ini meningkat 10% berbanding tahun yang lalu.

Stesen kami di Sabah dan Sarawak turut merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada 2014 di mana jumlah pendengar bertambah kepada 541,000. Berpadanan dengan pertumbuhan tersebut, hasil turut meningkat pada kadar 24%.



Di ruang digital, purata trafik bulanan Astro Radio untuk pelawat unik meningkat 69% daripada 2.3 juta kepada 3.9 juta pendengar. Paparan halaman turut bertambah 32% daripada 6.6 juta kepada 8.7 juta paparan halaman.

Pada April 2015, kami telah melancarkan Raku - perkhidmatan penstriman radio dan muzik di Malaysia untuk peranti mudah alih dan laman sesawang. Kini peminat muzik dan radio tempatan boleh melakukan penstriman jutaan lagu dan video, di samping mendengar lebih daripada 20 stesen radio secara langsung, memilih dan menyusun senarai audio video artis tempatan serta kandungan bual bicara mengikut selera tempatan. Para pengguna juga boleh membentuk stesen radio mereka sendiri dengan menggabungkan muzik dan kandungan bual bicara kegemaran mereka serta berkongsi stesen yang diperibadikan di media sosial. Raku telah mencatatkan bilangan muat turun yang menggalakkan berjumlah 40,000, diperkukuhkan lagi dengan maklum balas positif daripada para pengguna.

BAKAT DAN FORMAT YANG MENJULANG ANUGERAH

Ramai di antara bakat kami dikenali ramai sebagai yang terbaik dalam industri, daripada menyampaikan kandungan siaran terbaik kepada menghasilkan penyelesaian inovatif buat para pengiklan kami.

JoHaRa Pagi Era, rancangan sarapan pagi dengan pendengar yang mencecah 2.9 juta setiap minggu, telah memenangi 'Gold' pada '2014 Spark Awards' untuk 'Best Media Solution - Radio' dan juga 'Anugerah MeleTOP Era'. Rancangan ini turut memenangi 'Segmen Radio Paling Popular' pada acara Anugerah Lawak Warna 2014. Semasa berlangsungnya 'Malaysian Media Awards 2014' kami turut memenangi anugerah 'Gold' bagi 'Best Use of Audio/Radio' bersama Carat Media untuk Permanis, dan anugerah 'Bronze' untuk 'Best Use of Audio/Radio' bersama Starcom Mediavest untuk Digi.

Kami terus memupuk bakat generasi seterusnya yang dapat melakukan peralihan secara lancar antara slot program bersandarkan minat yang berterusan daripada para pendengar. Dengan ketangkasan dan kelincahan, pelaburan dalam bakat, dan memastikan bahawa para pendengar serta klien pengiklan kami kekal sebagai asas kepada strategi, kami cukup bersedia untuk pertumbuhan selanjutnya.



Raku

PENERBITAN DIGITAL

KETEPATAN WAWASAN. KETEPATAN
TREND. KETEPATAN BACAAN.





PENERBITAN DIGITAL

Kami telah menempa kejayaan yang ketara dalam perniagaan digital dan penerbitan, seperti mana yang diketengahkan oleh metrik berikut tentang kedudukan semasa kami pada akhir 2014:

#1

Penerbit
Tempatan untuk
Mudah Alih

#5

Penerbit
Tempatan
untuk laman
sesawang

11juta

pelawat unik
bulanan +3x
TkT

44juta

paparan
halaman
bulanan +2x TkT

MEMPERLUASKAN KEPIMPINAN KAMI ATAS TALIAN

Harta (intelekt) digital kami berada di tahap teratas di minda warga Malaysia merentasi acara utama pada 2014.



Tumpuan kami dalam menyediakan pengalaman kandungan 360° untuk IP hiburan Melayu popular seperti *Maharaja Lawak* menyaksikan kami mencipta rekod pelawat baharu untuk Astro Gempak, memecah aras satu juta buat pertama kalinya pada bulan November dan melangkaui rekod tersebut dua bulan kemudian dengan tiga juta pelawat pada Januari 2015.

Piala Dunia FIFA 2014 telah memperlihatkan kuasa sebenar usaha digital yang koheren dan fokus untuk menyampaikan pengalaman Tonton, Dengar dan Baca, serta mendorong pencapaian rekod merentasi pelbagai harta intelek pada bulan Jun - 1.8 juta pengguna melawat www.astro.com.my, 1.2 juta melawat Stadium Astro, terdapat 286,000 muat turun bagi aplikasi FIFA Astro Go dan lebih daripada tiga juta tontonan merentasi AOTG di platform mudah alih dan atas talian.

Astro Awani telah mencipta rekod untuk jumlah pengguna dengan menjadi destinasi serta suara yang dipercayai buat warga Malaysia pada 2014, dengan 6.2 juta pelawat unik pada bulan Mac, naik lima kali ganda daripada kemuncak pencapaiannya sebelum ini pada 2013.

PENERBITAN DIGITAL

PENERBITAN MODEN

Penerbitan Digital kami mencatatkan pertumbuhan dua digit pada 2014, walaupun dalam pasaran majalah yang lemah.

Semasa bermulanya proses transformasi dalaman pada 2012, kami telah menerbitkan 12 majalah cetak. Hari ini kami mempunyai 9 majalah cetak, 17 e-majalah berlainan, 9 laman sesawang serta 27 kendalian media sosial melalui Facebook, Instagram dan Twitter. Menjelang Januari 2015, aplikasi majalah kami telah dimuat turun melebihi 170,000 kali.

Peralihan kepada digital terus memberi ganjaran kepada kami. Contohnya, dengan menghasilkan majalah AstroView dalam bentuk digital sahaja, kami berupaya melupakan kos percetakan yang semakin meningkat, dan pada masa yang sama menyediakan produk yang lebih interaktif dan dinamik dari segi visual. Dengan konsep digital, kami kini dapat menerbitkan edisi Tamil bagi e-majalah AstroView, majalah interaktif berbahasa Tamil yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Harta (intelektual) baharu yang dilancarkan pada tahun ini merangkumi *Studio H*, e-majalah berbahasa Melayu berkenaan artis dan selebriti terkenal, *Arena*, e-majalah sukan berbahasa Melayu, edisi Bahasa Melayu dan Cina bagi e-majalah *CAR*, serta *Drebar*, sebuah portal baharu yang ditujukan kepada peminat pemotoran di kalangan masyarakat Melayu tempatan.

PENINGKATAN ADEX DIGITAL

Kami menyaksikan anjakan yang berstruktur dalam perbelanjaan pengiklanan ke arah media digital, dan kami sedang menempatkan diri bagi meraih bahagian perkongsian kami yang sewajarnya.

Usaha kami yang berterusan bagi membina jenama yang dihargai dan sentiasa menarik bilangan pengguna yang mantap adalah selangkah ke arah matlamat ini. Satu lagi matlamat adalah untuk memupuk keupayaan Kumpulan kami dari segi kreativiti dan pelaksanaan agar dapat menzahirkan penyelesaian pengiklanan yang inovatif yang melangkah lebih jauh dari sekadar CPM kepada penglibatan pengguna. Konsep menegak dalam pemotoran kami adalah satu contoh terhadap pendekatan ini - selain daripada e-majalah dan laman sesawang kami, pada tahun ini kami menawarkan para pengiklan peluang untuk mendekati warga Malaysia menerusi siri video atas talian, *Behind the Wheel*, dan menerusi acara pertandingan yang diadakan di tapak pameran dengan menampilkan kelab kereta tempatan, *King of Clubs*.

Kami kekal optimis tentang memupuk kuasa adex digital, yang akan terus menjadi tumpuan utama dalam melangkah ke masa depan.

Menjelang Januari 2015, aplikasi majalah kami telah dimuat turun melebihi 170,000 kali

Take Reading To A Whole New Level With Astro Interactive Digital Magazines

OVERALL GOLD AWARD
MPA Magazine Awards 2014
Best of the Best Cover

Download these award-winning digital magazines for FREE.
*Available for a limited time only.

Available on the App Store | GET IT ON Google play

ifc! InTrend stye: 2015 car FHM h arena FourFourTwo astroview

astro
Digital Publications



Penerbitan
Digital

A man, a woman, and a woman in a hijab are standing together, smiling. The man is on the left, wearing a grey sweater over a pink shirt and blue jeans. The woman in the middle is wearing a pink top and a white lace skirt. The woman on the right is wearing a pink dress and a white hijab. They are all smiling and looking towards the camera.

MEMBELI- BELAH

TIADA TRAFIK. TIADA
KESESAKAN. HANYA CARA
PINTAR MEMBELI-BELAH.



GO SHOP

Go Shop menawarkan
pengalaman
membeli-belah
24/7,
di mana hos yang
mesra dan bertenaga
menghiburkan para
penonton sambil
mempamerkan ciri serta
faedah produk kami




KEBANGKITAN E-DAGANG

Trend pengguna global menunjuk ke arah e-dagang sedang mengatasi pertumbuhan syarikat peruncitan tradisional yang berurusan dengan pelanggan secara berhadapan. Di Malaysia, pasaran e-dagang dijangka meneruskan trajektori pertumbuhan yang teguh untuk mencapai anggaran nilai pasaran sebanyak RM5.8 bilion pada 2015. Rakyat Malaysia hari ini semakin terhubung dan bijak tentang teknologi serta lebih terbuka kepada idea membeli-belah dari rumah. Lebih daripada separuh rakyat Malaysia yang menggunakan internet hari ini terlibat dalam aktiviti e-dagang dan ia dijangka berkembang berlatarkan peningkatan dalam penembusan jalur lebar, kehidupan golongan kelas pertengahan yang semakin mewah, terima pakai teknologi baharu serta bertambahnya keyakinan terhadap ekosistem membeli-belah atas talian.

EVOLUSI MEMBELI-BELAH BAHARU

Bersama dengan GS Home Shopping ("GS") Korea, kami telah melancarkan secara rasmi Go Shop, perniagaan membeli-belah dari rumah pada 30 Januari 2015. GS mempunyai rekod prestasi yang telah terbukti selama lebih 20 tahun dan membawa bersamanya pelbagai kemahiran dalam penyumbangan produk, peruncitan, pengurusan rantai bekalan, pemasaran dan pengedaran. Sebaliknya, Astro dapat memanfaatkan studio penerbitannya, teknologi penyiaran, kemudahan pusat panggilan, aset media, serta gerbang pembayaran kami. Jangkauan kami dari segi pengedaran dan hubungan yang telah lama terjalin dengan 4.4 juta isi rumah menawarkan kami pangkalan pelanggan yang luas, yang menyediakan capaian peruncitan yang tiada tandingannya kepada 17 juta pelanggan di seluruh negara. Inilah pembuka jalan kami untuk melangkah ke dalam e-dagang, suatu peluang yang akan tumbuh secara pesat bilamana pengguna di Malaysia bertambah mewah.

Go Shop menawarkan pengalaman membeli-belah 24/7, di mana hos yang mesra dan bertenaga menghiburkan para penonton sambil mempamerkan ciri serta faedah produk kami. Go Shop melanjutkan pengalaman membeli-belah dari rumah melangkaui skrin TV kepada platform lain termasuk AOTG serta platform Go Shop atas talian dan mudah alih, dengan tujuan mewujudkan pengalaman peruncitan pada bila-bila masa dan di mana sahaja buat para pelanggan kami. Go Shop menawarkan rangkaian produk yang luas, antaranya, dari tawaran digital dan elektronik yang terkini kepada perkakas rumah dan dapur, aksesori gaya hidup dan fesyen, produk kosmetik, serta makanan. Katalog produk kami terdiri daripada beraneka jenama terkenal antarabangsa sehinggalah kepada barangan tempatan yang diperolehi dari seluruh negara.



PENGALAMAN PELANGGAN ADALAH KEUTAMAAN

Go Shop menyedari perlunya inovasi dan perbezaan untuk memberikan pengalaman e-dagang yang terbaik dalam kelasnya kepada para pelanggan kami. Sebagai sebahagian daripada iltizam kami untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, berbagai inisiatif merentasi rantai nilai bekalan, daripada sokongan khidmat pelanggan kepada pilihan pembayaran dan logistik telah dilaksana untuk mengoptimumkan kecekapan operasi dan meningkatkan pengalaman pelanggan.

Ejen pusat panggilan kami yang turut dikenali sebagai Wakil Go Shopper Peribadi, memberi tumpuan kepada membantu pelanggan kami dengan pesanan dan pertanyaan mereka tanpa “menjual secara keras”. Kami terus memastikan bahawa semua pesanan yang diterima akan dihantar pada hari yang sama pesanan tersebut diproses.

Go Shop turut menawarkan pelbagai kaedah pembayaran merentasi pelbagai saluran. Kami merintis penggunaan Astro Payment Gateway, sebuah platform pembayaran dengan antara muka pengguna yang mudah difahami dan memudahkan pilihan pembayaran termasuk kad debit dan kredit, pindahan bank dalam talian serta pelan Pembayaran Mudah dengan ciri keselamatan yang teguh.

Sebagai sebuah perniagaan yang tertumpu kepada pelanggan, kami sedar betapa pentingnya untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang pelanggan agar dapat memahami tingkah laku penggunaan dengan lebih baik, mengenal pasti trend masa depan serta mengukuhkan proposisi nilai pelanggan.

Demi mencapai hasrat ini, kami telah menyediakan sistem yang diperlukan untuk sentiasa memberikan kami data tentang keperluan, pandangan dan kecenderungan pelanggan, yang mana kesemua ini akan membantu kami meningkatkan tahap kepuasan pelanggan secara menyeluruh. Kami akan terus mengguna pakai maklum balas pelanggan dalam memenuhi iltizam kami untuk memberi pengalaman membeli-belah dari rumah yang luar biasa, serta menyampaikan nilai yang tiada tandingannya kepada para pelanggan kami.

PERMULAAN YANG MENGGALAKKAN

Sejak prapelancaran pada November 2014, kami terdorong oleh penerimaan pelanggan yang amat positif. Dalam tempoh tiga bulan, kami telah memperolehi kira-kira 75,000 pelanggan, yang mana hampir suku daripadanya adalah pelanggan berulang yang telah membeli lebih 120,000 produk.

Berdasarkan prestasi kami secara keseluruhan untuk tempoh tiga bulan pertama, kami berbesar hati kerana diiktiraf oleh GS sebagai usaha sama yang menunjukkan prestasi terbaik sehingga kini, mengatasi prestasi enam usaha samanya yang lain di India, China, Thailand, Vietnam, Indonesia dan Turki.



Go Shop



TANGGUNGJAWAB KORPORAT

MENGASIHI. MELINDUNGI.
MEMPELAJARI.

KUASA IMPIAN



**EMILY
ENEL
ERFAN
DHARINI**

KUASA IMPIAN

Jangan sesekali meremehkan semangat insan seperti yang ditunjukkan oleh Emily, Enel, Erfan dan Dharini. Mereka telah membuktikan bahawa tiada apa yang dapat menghalang impian mereka - dan bahawasanya, kerja keras serta ketabahan akan akhirnya memberi ganjaran. Astro menganggapnya suatu penghormatan dapat membantu dan memupuk bakat wira-wira kecil molek ini, dan menjadi penyokong kuat mereka. Kerana keberanian, semangat dan pencapaian mereka berulang kali memberi suntikan inspirasi kepada kami.



IMBAS DI SINI UNTUK
MENGETAHUI LEBIH
LANJUT TENTANG
EMILY DAN DHARINI:



LEBIH BANYAK
TENTANG
EMILY



LEBIH BANYAK
TENTANG
DHARINI

EMILY

Emily mungkin hanya baru 12 tahun, namun beliau merupakan inspirasi kepada semua peringkat usia. Gadis Sabah ini merupakan pelajar pertama di sekolahnya, SK Magandai yang mendapat keputusan 5A dalam UPSR. Pencapaian tersebut nyata lebih mengagumkan jika difikirkan bagaimana beliau pernah menempuh perjalanan selama enam jam hanya untuk hadir ke sekolah. Kini, selepas pembukaan Hostel Astro Kasih, tempat tinggal Emily mengejar ilmu sangat dekat.

Kehendaknya untuk berjaya melangkaui pencapaian akademik. Pada 2013, Emily merupakan salah seorang daripada 32 pemain terbaik yang bercita-cita menjadi pemain bola sepak Malaysia dan telah terpilih menjalani latihan selama 14 hari di bawah jurulatih profesional di UK sebagai sebahagian daripada program 1MCC-Astro Kem Bola. Pada tahun berikutnya, beliau kembali ke Kem Bola sebagai mentor untuk berkongsi ilmu dan memberi inspirasi kepada kumpulan baharu yang menyimpan hasrat menjadi pemain bola sepak.

ENEL

Enel sememangnya dilahirkan dengan bakat seorang pemimpin. Mewakili Sabah dalam kejohanan bola sepak sejak berusia 11 tahun, Enel kemudiannya mengetuai pasukan di bawah 12 tahun dan kini beliau merupakan ketua pasukan kebanggaan untuk pasukan di bawah 15 tahun. Impiannya adalah untuk mengetuai pasukan Malaysia di arena antarabangsa dan bermain di peringkat dunia.

Walau bagaimanapun, hidup tidak selalunya indah buat anak muda Sabah ini. Pada 2012, Enel gagal terpilih untuk mengikuti kem latihan luar negara 1MCC-Astro Kem Bola. Namun beliau terus berusaha keras dan pada tahun berikutnya, beliau akhirnya terpilih di kalangan 32 peserta untuk berlatih di UK. Enel turut dipelawa menyertai akademi bola sepak Wolfsburg (sebuah pasukan dalam Bundesliga Jerman), namun beliau memutuskan untuk kekal menetap di Sabah dan terus mewakili negeri kelahirannya. Setia, berbakat dan bermotivasi, anak muda ini pastinya akan menjadi kegemaran peminat.

ERFAN

Erfan dilihat sebagai bakat yang cepat matang di dalam dan di luar gelanggang. Sejak 2012, pelajar yang meraih 4A dalam UPSR ini telah memenangi pelbagai pertandingan badminton di seluruh negara. Beliau telah terpilih untuk mengikut Latihan Lanjutan Intensif Kem Badminton Astro di Sekolah Badminton Li Yongbo di China bagi memantapkan lagi permainannya ke peringkat seterusnya. Sungguhpun beliau mengagumi Lin Dan, namun kami ingin menganggap bahawa kami telah menemui Lee Chong Wei yang berikutnya!

DHARINI

Dharini merupakan seorang yang berprestasi tinggi dan serba boleh. Gadis 13 tahun ini mendapat 7A dalam UPSR tahun lalu dan telah dinobatkan sebagai 'Ahli Sukan Terbaik' di kalangan peserta perempuan semasa berlangsungnya Kem Lanjutan 1MCC-Astro Kem Bola. Beliau menyanjung Steven Gerrard dan menyimpan impian untuk suatu hari kelak bermain dalam pasukan wanita Liverpool FC. Perhatikan pencapaian beliau sehingga kini, Malaysia mungkin sahaja telah melahirkan seorang pemain untuk kelab tersohor itu!





TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Pasukan Astro merupakan **wadah tumpuan bagi lebih 4,800 kakitangan** dari pelbagai latar belakang, kesemuanya dengan sesuatu yang unik untuk ditawarkan

Kami amat prihatin terhadap masyarakat dan ia merupakan suatu penghormatan buat kami untuk terlibat dalam melakar pengisahan negara kita. Hubungan yang dihargai dengan warga Malaysia dari segenap lapisan masyarakat - sama ada penonton, pendengar atau pembaca kandungan kami - memberi dorongan kepada kami untuk Melangkah Lebih Jauh setiap hari. Berpandukan falsafah ini, kami telah membentuk empat inisiatif utama untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab di Tempat Kerja, Pasaran, di kalangan Masyarakat dan Alam Sekitar.

ASTRO DI TEMPAT KERJA




Kekuatan menerusi kepelbagaian

Aset kami yang terhebat terletak pada kekuatan 4,800 tenaga kerja kami. Hadir daripada pelbagai latar belakang dan minat, kami mengambil individu yang berbakat, berkaliber tinggi ini menyertai keluarga kami dan memberikan mereka pentas untuk menyinar. Kami percaya bahawa sesiapa sahaja, sekiranya diberi peluang, boleh menjadi juara. Kami juga amat mementingkan kekuatan yang melangkaui pemahaman konvensional, yang menzahirkan sebuah pasukan dinamik dengan individu kreatif dalam pelbagai aspek. Pada 2014 kami telah menghalakan usaha ke arah menggalakkan sebuah budaya yang merangkumi perlakuan teras dan kemahiran, dan hasilnya, kami berjaya mencapai aspirasi sebagai majikan pilihan.

Dari tahun ke tahun, Astro memperbaiki kedudukannya dalam 'Malaysia's 100 Leading Graduate Employers Award'. Pada 2014 kami telah diundi di tangga ke-6 majikan paling popular pilihan graduan, suatu penambahbaikan daripada kedudukan ke-25 pada 2012 dan ke-17 pada 2013. Kami turut menduduki tempat teratas sebagai majikan Media dan Pengiklanan dalam 'Malaysia's Top 100 Ideal Employers Award 2014' oleh Universum Malaysia. Di samping itu, kegigihan kami dalam membina budaya telah diberi ganjaran menerusi 'Human Resources Excellence Awards 2014' apabila membawa pulang anugerah 'Gold' sebagai mengiktiraf strategi penglibatan kakitangan kami. Diperakui sebagai majikan pilihan mencerminkan iltizam kami untuk mengambil bekerja mereka yang terbaik dan paling menyerlah untuk menjadi sebahagian daripada pasukan kami.



TANGGUNGJAWAB KORPORAT

**KOMPOSISI JANTINA****Melangkah lebih jauh dengan penglibatan kakitangan**

Berada di Astro bermakna mempunyai garis panduan yang jelas dan membantu bagi memudahkan perkembangan, baik dari segi profesional mahupun peribadi. Nilai Astro untuk Melangkah Lebih Jauh terus diterjemahkan kepada kecekapan perlakuan dan fungsi yang menyatakan dengan terang tentang pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku yang diharapkan daripada kakitangan kami. Kecekapan ini telah diterapkan ke dalam pelbagai inisiatif modal insan, yang digunakan untuk mengambil bekerja, membentuk, mengurus dan mengekalkan kakitangan kami.

Kami turut mengguna pakai tinjauan maklum balas tahunan 360° untuk mendengar daripada setiap orang di Astro. Bagi menekankan tentang kepentingan kerja berpasukan dan ketelusan, keputusan daripada tinjauan dimasukkan ke dalam petunjuk prestasi utama ("KPI") setiap kakitangan. Tindakan ini, berserta penyepaduan kecekapan teras dan kepimpinan telah menghasilkan perbincangan yang lebih holistik mengenai prestasi dan KPI yang turut mengambil kira pembangunan kakitangan jangka panjang. Sebagai lanjutan kepada usaha ini, keputusan daripada tinjauan maklum balas turut digunakan untuk merangka program latihan Astro yang berasaskan kecekapan, serta menangani jurang kecekapan dan kemahiran secara individu.

Sementara itu, inisiatif penglibatan kakitangan kami terus meraih momentum. Ketua dipilih daripada seluruh organisasi untuk mengetuai rancangan di seluruh syarikat, manakala forum telah diwujudkan bagi tujuan memantau kemajuan butiran tindakan dan sebagai landasan untuk berkongsi pembelajaran utama. Ini merupakan tambahan kepada taklimat *townhall* yang disiarkan kepada semua kakitangan di serata lokasi berbeza; forum pengurusan strategik dan mesyuarat serantau di mana kakitangan kami dimaklumi tentang perkembangan terbaharu dalam organisasi, serta kemas kini tentang industri. Pada tahun 2014, kami telah memulakan *Siri Bual Bicara Melangkah Lebih Jauh daripada SLT* ("Pasukan Kepimpinan Kanan"), iaitu wadah komunikasi dua hala yang berterus terang antara anggota SLT Astro dan kakitangan. Sepanjang tahun ini, lebih 250 kakitangan telah mengambil bahagian dalam empat perbincangan sedemikian.

Di Astro, kami percaya dalam mengiktiraf usaha luar biasa di kalangan kakitangan kami, termasuk menerusi program 'Go Beyond Awards'. Pada 2014, enam kakitangan telah dipilih dengan teliti sebagai penerima kategori 'CEO Award', yang disampaikan semasa berlangsungnya *townhall*; manakala lebih 90 kakitangan telah diiktiraf untuk kategori 'Divisional and Departmental Award', menjadikan jumlah bilangan penerima 'CEO Award' dan 'Divisional and Departmental Award' masing-masing seramai 1,131 dan 543 orang, sejak program Anugerah ini dilancarkan.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Pembelajaran dan pembangunan berasaskan pengalaman

Kami percaya bahawa pembelajaran merupakan proses sepanjang hayat dan kami berikhtiar untuk menyediakan peluang pembelajaran yang terbaik dalam kelasnya untuk kakitangan kami. Kami telah memperluaskan peluang pembelajaran dengan melancarkan *Learning Fest*—sebuah program “pendidikan-hiburan” yang dipenuhi dengan beberapa sesi pendek yang menyeronokkan, diadakan selama tiga hari pada Jun 2014. Kami menyaksikan kehadiran 1,800 kakitangan yang mencatatkan sejumlah 3,600 jam pembelajaran merentasi 42 sesi pembelajaran berasingan.

Sepanjang tahun ini, kami turut melabur lebih 88,000 jam pembelajaran dalam kepimpinan, kemahiran insaniah dan pembangunan fungsian, serta latihan keselamatan pekerjaan demi pertumbuhan kakitangan kami dari segi peribadi dan profesional. Paling ketara, kami telah mengundang Jurulatih Kepimpinan No. 1 dunia, Dr. Marshall Goldsmith untuk bercakap kepada 120 orang kakitangan kami dan menyampaikan idea baharu mengenai pengurusan.

Kategori Latihan	Bil. Sesi	Bil. Kakitangan yang Dilatih	Jumlah Jam Latihan	Purata Jam Latihan setiap Bakat
Pembangunan	61	1,353	20,144	14.9
Keselamatan & Kesihatan Pekerja (OSHA)	32	724	5,194	7.2
Fungsian	378	4,885	38,623	7.9
Proses Sosialisasi Organisasi	25	673	10,768	16.0
Korporat	65	829	2,735	3.3
Pembelajaran Tambahan	N/A	374	7,417	19.8
<i>Learning Fest</i>	42	1,876	3,647	1.9
JUMLAH	603	10,714	88,528	8.3

Kami terus mempromosi program pendidikan dalaman kami yang berstruktur seperti latihan sosialisasi dalam organisasi ‘Go Beyond Astrolite’ untuk kakitangan baharu dan program ‘Manager@Astro’ bagi mempersiapkan pengurus yang baharu dilantik dalam organisasi dengan set kemahiran pengurusan yang penting.

Mengukuhkan pasukan kepimpinan Astro yang berikutnya

Di bawah ‘High Potential Programme’, kakitangan yang paling menjanjikan kejayaan dididik agar akhirnya dapat menyertai pihak pengurusan kanan melalui rancangan latihan individu, pendedahan kepada pengurusan kanan serta tugas lebihan. Ini disertai dengan pendekatan sistematik terhadap pengurusan penggantian bagi memastikan peralihan yang lancar dan berkesan untuk kumpulan teras pemimpin masa depan menggalas jawatan utama dalam organisasi.

Melabur dalam saluran bakat Astro

Memasuki tahun keduanya, ‘Program Pegawai Pengurusan Astro’ (“AstroMAP”) telah mengadakan pengambilan kelompok Pegawai Pengurusan keduanya untuk program selama 24 bulan, dengan matlamat untuk mendidik dan membentuk graduan baharu berprestasi tinggi menjadi pemimpin Astro pada masa hadapan. Pada 2014, kami memperluaskan program dan telah memperkenalkan jurusan yang dikhususkan untuk Kewangan selain daripada Jurusan Pengurusan yang sedia ada. Jurusan Kewangan menawarkan Pegawai Pengurusan pengalaman amali untuk membangunkan kemahiran berpengkhususan tinggi di serata bahagian Kewangan Astro, manakala Jurusan Pengurusan teguh membangunkan bakat serba boleh dengan mendedahkan Pegawai Pengurusan kepada segmen dan fungsi perniagaan yang berbeza dalam Kumpulan Astro. Jurusan Pengurusan meneruskan kerjasamanya dengan ‘Teach for Malaysia’, di mana meneruskannya, Pegawai Pengurusan diberi tugas menjadi pembantu pengajar sepenuh masa di sekolah berkeperluan tinggi yang terpilih untuk tempoh tiga bulan, lantas mengulangi iltizam kami untuk memberi khidmat kepada masyarakat yang berbilang bangsa.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Para pelajar juga dapat merasai kehidupan di Astro. Dengan matlamat untuk meningkatkan peluang pekerjaan mereka, Program Perantisan Astro menawarkan pendedahan langsung pengalaman bekerja serta latihan gaya bilik darjah untuk para pelajar yang sedang melanjutkan pengajian tinggi mereka. Lebih 90 pelajar telah terpilih untuk menyertai program ini pada 2014. Selain itu kami juga menawarkan 'Program Perantisan Belia Astro' yang menawarkan peluang serupa kepada anak-anak bakat kami, yang berusia antara 16 dan 18 tahun, sewaktu cuti sekolah akhir tahun.

'Astro Broadcast Traineeship' ("ABT") kami telah bermula pada 2011 sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk membangunkan generasi baharu bersifat teknikal dengan pelbagai kemahiran yang bertaraf dunia. Latihan selama 10 bulan ini merangkumi sembilan modul kemahiran yang digabungkan dengan lebih 1,500 jam pengalaman simulasi dan di tapak, iaitu bagi Penyiaran di Studio dan di Luar. Pada 2014, seramai 43 pelatih telah menjadi graduan ABT, membawa jumlah bilangan graduannya kepada 109 orang. Kami telah meluaskan corak latihan pada 2014 untuk memenuhi permintaan Pinewood Iskandar Malaysia Studios di Johor dan menjangkakan 15 daripada 43 pelatih akan ditempatkan di sana pada Julai 2015 akan datang. Semua graduan mendapat pentauliahian peringkat antarabangsa oleh TAFE Technical Operators Centre.

Berdasarkan permintaan industri untuk Operator Teknikal, Pusat Latihan Penyiaran Astro kami telah merangka plan latihan 5 tahun selanjutnya untuk setiap graduan. Plan ini akan memastikan setiap graduan mendapat mentor dan dilatih selama empat tahun dalam bidang kemahiran pilihan mereka, untuk muncul sebagai seorang profesional berpengalaman dan bersedia untuk kerjaya yang meyakinkan.

Di Astro, kami percaya terhadap kuasa pendidikan untuk mengubah kehidupan. Kami terus menyokong para pelajar yang layak menerusi Anugerah Biasiswa Astro, yang menyediakan penajaan hampir RM20 juta sejak 2005. Pada tahun lalu, kami telah menganugerahkan biasiswa kepada lapan pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang pengajian, baik di dalam mahupun di luar negara. Kami turut meraikan pencapaian akademik anak-anak kakitangan Astro dalam peperiksaan kerajaan tempatan menerusi 'Astro Champs Award'. 2014 menyaksikan 12 juara mendapat ganjaran untuk kecemerlangan akademik mereka dalam UPSR, 15 untuk PMR dan 4 untuk peperiksaan SPM.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Mengekalkan bakat melalui faedah kakitangan yang berdaya saing

Bagi memastikan bahawa bekerja di Astro kekal sebagai suatu proposisi menarik buat kakitangan, kami sentiasa mengkaji semula program faedah kakitangan untuk memastikan penawaran kami kekal relevan dan mengujakan. Memandangkan tiada dua orang yang serupa, faedah utama kami berkisar kepada pengaturan faedah yang fleksibel, *myChoice@Astro*, bagi memenuhi keperluan tenaga kerja kami yang berbeza. Unsur yang terdapat dalam *myChoice@Astro* termasuklah Faedah Teras seperti perlindungan perubatan, insurans hayat dan kesihatan; Akaun Perbelanjaan Fleksibel untuk digunakan mengikut keperluan perancangan kesihatan dan kesejahteraan, teknologi dan kewangan yang diingini; insentif Cuti Tahunan serta Cuti Perubatan.

Faedah kami telah dirangka dengan memikirkan kesejahteraan kakitangan kami serta keluarga mereka. Pada 2014, kami telah memperkenalkan pelan perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok sebagai pelengkap kepada program Insurans Hayat Berkelompok dan Kemasukan ke Hospital Berkelompok. Kami juga telah menambah baik faedah cuti ibu bapa, iaitu lanjutan kepada Cuti Bersalin dan Cuti Paterniti sedia ada, dan memperkenalkan Cuti Penjagaan Keluarga yang baharu. Di samping itu, kakitangan kami turut menikmati satu langganan percuma dan dua langganan bersubsidi untuk perkhidmatan TV berbayar kami. Kakitangan kami sentiasa boleh mengakses penyata ganjaran peribadi mereka, Penyata Jumlah Ganjaran, di mana mereka dikemas kini tentang nilai pampasan dan faedah mereka.

Keselamatan dan kesihatan

Mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat buat tenaga kerja kami merupakan salah satu keutamaan terpenting kami. Dasar Keselamatan dan Kesihatan kami melebihi keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 bagi memastikan kakitangan kami bekerja di bawah keadaan selamat. Operasi kami ditadbir oleh sistem pengurusan keselamatan, kesihatan pekerjaan dan alam sekitar, yang mematuhi piawaian antarabangsa OSHAS 18001 dan ISO14001.

Kami juga percaya dalam menyediakan persekitaran tempat kerja yang selesa dan kondusif untuk kakitangan. Di ibu pejabat kami, All Asia Broadcast Centre ("AABC"), perkhidmatan kenderaan ulang-alik disediakan di pusat transit utama dari pejabat utama, di mana perkhidmatan teksi dan pengangkutan percuma untuk kakitangan yang bekerja mengikut syif turut disediakan. Kafetaria kami yang amat disenangi menyediakan beraneka macam pilihan hidangan (daripada makanan tempatan, Jepun dan Barat sehinggalah kepada makanan gabungan) untuk bakat kami yang bertempat di AABC, manakala kawasan merokok telah ditetapkan dalam perkarangan bagi memastikan bahawa bangunan kekal bebas daripada asap. Tempat rehat, bilik mandi, gelanggang bola keranjang dan futsal turut disediakan dalam perkarangan AABC untuk menggalakkan kesihatan yang baik serta kesejahteraan di kalangan tenaga kerja.

ASTRO DALAM PASARAN

Di samping memastikan operasi yang bertanggungjawab secara dalaman, kami menaruh kepercayaan dalam menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dalam setiap urusan niaga kami dengan para pelanggan, rakan niaga, vendor, pembekal dan pengguna untuk produk dan perkhidmatan kami.

Pengalaman pelanggan

Kami sentiasa mendahulukan pelanggan dan mencabar diri sendiri untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada masyarakat berbanding sebelumnya. Sebagai sebahagian daripada iltizam kami untuk menyampaikan pengalaman pelanggan yang luar biasa di serata produk, perkhidmatan, komunikasi dan interaksi, kami kerap berhubung dengan pelanggan kami menerusi pelbagai titik sentuh dan kaji selidik untuk memahami mereka dengan lebih baik. Kami turut mengalu-alukan maklum balas pelanggan bagi membantu mengenal pasti perkara yang memerlukan penambahbaikan, manakala mematuhi piawaian tertinggi dalam perkhidmatan pelanggan serta menerima pakai skim ganjaran menarik untuk membantu dalam kesetiaan terhadap jenama.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Etika Perniagaan

Kami terus memastikan bahawa semua vendor, kontraktor dan pembekal kami berpegang kepada Kod Etika Perniagaan yang menetapkan parameter amalan dan piawaian dalam urusan niaga mereka dengan kami. Kod etika ini menggariskan hal-hal yang berkaitan dengan etika perniagaan, urusan niaga dengan kepentingan atau hubungan perniagaan di luar syarikat, maklumat rahsia, hadiah dan hiburan, serta gangguan.

Sekiranya perlu, pembekal dikehendaki membuktikan bahawa mereka mempunyai rancangan kesinambungan perniagaan yang teguh untuk memastikan gangguan yang minimum dalam bekalan barangan dan perkhidmatan mereka, dan agar mematuhi garis panduan Pemerolehan Mengutamakan Alam Sekitar dengan menggunakan bahan-bahan lestari apabila ia adalah lebih berkesan dari segi kos.

Kandungan bertanggungjawab

Sebagai sebuah syarikat kandungan dan pengguna, perniagaan kami ditadbir oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan kami tetap teguh memastikan bahawa semua kandungan yang disiarkan melalui platform kami mematuhi Kod Kandungan. Kami membuat pertimbangan yang serius tentang sifat dan genre saluran penyiaran kami, khalayak sasarannya serta masa pada satu-satu hari sesuatu program disiarkan. Sekiranya boleh, kami juga akan memastikan bahawa program TV kami disampaikan dengan pilihan sari kata dalam mana-mana empat bahasa utama negara - Bahasa Malaysia, Mandarin, Tamil dan Inggeris agar dapat disesuaikan mengikut penonton yang berbeza-beza. Kesemua bakat radio kami dikehendaki menjalani latihan pematuhan dua kali setahun, manakala bakat yang terlibat dengan penjualan ruang iklan turut dikehendaki menghadiri latihan pematuhan yang dirangka khusus. Bahan penerbitan Astro juga berpegang kepada piawaian yang ketat semasa proses penyuntingan untuk memastikan konsistensi di serata platform kami.

Jumlah Jam Pengumuman Khidmat Awam ("PKA")

Astro menyiarkan 1,432 jam PKA pada 2014, tidak termasuk pengumuman yang dibuat melalui teks rereyap. Pengumuman tersebut menyentuh pelbagai program masyarakat Astro Kasih dan membantu mewujudkan kesedaran untuk pelbagai inisiatif Kerajaan. Kami turut menyiarkan PKA khusus dengan pesanan daripada Kerajaan berkenaan kepentingan awam atau negara, melalui mana-mana 10 saluran pada kadar maksimum satu minit setiap jam penghantaran. Selain itu kami menggalakkan para pendengar kami untuk terlibat dalam kerja amal menerusi pengumuman inisiatif sukarela melalui saluran radio kami. PKA yang ke udara di radio turut dibuat mengikut keperluan kawal selia, iaitu secara khususnya pada kadar minimum 432 minit merentasi sembilan stesen sehari. PKA yang menyokong projek masyarakat dan dianjurkan oleh Kerajaan serta agensi lain atau NGO disiarkan di udara dan dalam talian melalui segmen Zon Maklumat. Kami turut menyiarkan PKA bagi membantu mereka yang baru-baru ini terjejas oleh banjir di Pantai Timur Malaysia.

Sistem kunci keselamatan kanak-kanak dan klasifikasi

Untuk memberi ruang kepada ibu bapa membuat pilihan dalam menapis kandungan yang dianggap tidak sesuai untuk anak-anak mereka, pelanggan kami mempunyai pilihan untuk menggunakan ciri Sekat Saluran pada Astro STB kami. Ciri ini membolehkan ibu bapa mengendali tontonan anak-anak dengan mengunci akses kepada saluran tertentu menggunakan Nombor Pengenal Peribadi untuk mengunci atau membuka saluran tersebut. Sistem penarafan kandungan turut disertakan dengan program televisyen dalam panduan TV dalam talian dan cetakan bagi menunjukkan kesesuaian setiap rancangan untuk penonton kami dari pelbagai usia.

ASTRO DALAM MASYARAKAT

Selama ini masyarakat sentiasa, dan akan terus berada di hadapan dalam setiap perancangan Astro. Kami semua di Astro menganggapnya suatu penghormatan dan tanggungjawab untuk berkhidmat dan membangunkan masyarakat yang dekat atau jauh, di desa atau di bandar. Keinginan kami untuk menambah baik kehidupan mereka yang berada di sekeliling kami kekal sebagai nadi penggerak dalam setiap apa yang kami lakukan. Pada 2012, kami telah menubuhkan Yayasan Astro Kasih, sebuah organisasi bukan untung yang memulakan dan melaksanakan semua program tanggungjawab korporat kami. Hari ini, Astro Kasih terus memperluaskan projeknya yang sedia ada dan menjalankan projek baharu untuk khidmat dan pembangunan masyarakat.

Kakitangan kami sering kali digalakkan untuk terlibat dalam kerja-kerja amal yang bersesuaian dengan mereka. Program sukarelawan korporat Astro Kasih terus menyediakan peluang untuk kakitangan kami terlibat dengan masyarakat - sepanjang 12 bulan yang lalu, mereka telah meluangkan lebih 20,000 jam sebagai sukarelawan untuk 161 projek di bawah empat tonggak utama, iaitu Pembelajaran Sepanjang Hayat, Pembangunan Masyarakat, Sukan dan Kesejahteraan serta Alam Sekitar.



TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Pendidikan

Penekanan Astro terhadap pendidikan turut menjangkau komuniti sekolah di seluruh Malaysia. Dalam zaman digital hari ini, kami sedar bahawa alat kelengkapan pembelajaran tambahan semakin penting buat guru dan pelajar. Sebahagian besar daripada interaksi kami melibatkan Sistem Pembelajaran Kampus Astro ("Kampus Astro") yang merangkumi sebuah Astro STB, set televisyen, dan akses kepada 17 saluran pembelajaran antarabangsa dan tempatan. Sehingga kini, kami telah menyediakan lebih 5.3 juta pelajar dan 40,000 guru di 10,000 sekolah kerajaan akses kepada Kampus Astro, dan menyediakan pengalaman pembelajaran baharu yang berkesan buat 11 juta penonton.

Sebagai tambahan kepada usaha ini, program Astro Kasih Bersama Wad Pediatrik memperluaskan Kampus Astro kepada kanak-kanak di institusi kesihatan dengan pemasangannya di 69 wad pediatrik dan onkologi kanak-kanak di hospital sekitar Malaysia. Hal ini adalah penting bagi kanak-kanak supaya mereka dapat meneruskan pendidikan mereka kerana ia akan membantu mereka kembali berasimilasi dengan sistem sekolah biasa sebaik sahaja mereka sembuh.

Pembangunan masyarakat

Asrama dan Sekolah Astro Kasih

Sebelum ini kami telah membina Asrama Astro Kasih bagi membantu pelajar di mana-mana kawasan dalam negara ini yang kurang mendapat akses, mendapatkan pendidikan peringkat sekolah rendah tanpa perlu menempuh perjalanan harian yang melelahkan dan ada masanya berbahaya. Dengan siapnya tiga Asrama Astro Kasih untuk pelajar SK Magandai dan SK Malinsau di Sabah, serta SK Sungai Paku di Sarawak, usaha penglibatan kini tertumpu kepada membantu para pelajar menambah baik prestasi akademik mereka.

Kami telah merangka sebuah program ulang kaji intensif yang dinamakan 'Road to UPSR', iaitu usaha sama antara Astro Kasih dan sekolah. Hasilnya, SK Magandai dan SK Malinsau masing-masing telah mencipta rekod baharu dengan pelajar mereka buat pertama kalinya memperolehi semua A dalam peperiksaan UPSR. SK Sungai Paku mencatatkan peningkatan 11% dalam kadar kelulusan untuk Matematik, naik dari 67% pada 2013 kepada 78% pada 2014. SK Malinsau juga meraih penambahbaikan yang ketara dalam kadar kelulusan keseluruhannya, meningkat daripada 29% pada 2013 kepada 47% pada 2014.

Pada masa hadapan, kami merancang untuk mengukuhkan lagi usaha penglibatan guru dan pelajar di kesemua tiga Asrama Astro Kasih dan sekolah bagi menyediakan pembelajaran berkualiti untuk para pelajar, serta memanfaatkan sepenuhnya skop yang disediakan oleh Kampus Astro, yang telahpun tersedia di ketiga-tiga buah sekolah ini.

Astro Kasih EkoVillage

Dengan bantuan serta sokongan komuniti SK Malinsau, kami telah memperkenalkan program Astro Kasih EkoVillage untuk melibatkan pelajar dan masyarakat menerusi sesi pendidikan dalam pertanian organik. Selain daripada sesi bilik darjah dan amali, kakitangan Astro dan penduduk kampung setempat turut bersama-sama dalam sesi gotong-royong untuk memperbaiki paip tersumbat pada sistem air suapan graviti, yang kini menyediakan bekalan air yang mantap.

Projek Bantuan Banjir Astro Kasih

Selepas banjir di Pantai Timur pada Disember 2014, Projek Bantuan Banjir Astro Kasih telah bermula dengan menghimpunkan kakitangan kami serta orang ramai bagi membantu mereka yang terjejas. Sebagai sebahagian daripada usaha bantuan Astro, kami telah menyumbangkan sebahagian perolehan daripada konsert *Maharaja Lawak Mega*, langgan *Strawberi & Karipap Sesat Kat Paris*

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

di Astro First, dan pembelian di Astro Go Shop (berjumlah hampir RM400,000) kepada Majlis Keselamatan Negara sebagai usaha bantuan.

Kami turut memulakan kutipan derma, di mana lebih 400 tan barangan keperluan telah dikumpul daripada orang ramai menerusi kerjasama Astro Kasih dan Tesco untuk dihantar ke kawasan yang terjejas akibat banjir. Di samping itu, kami telah mengumpulkan 2 tan lagi barangan daripada kakitangan Astro, manakala 200 orang kakitangan kami telah menawarkan khidmat sukarela untuk membersihkan SMK Kampung Laut di Tumpat, Kelantan, bagi membolehkan sekolah tersebut dibuka mengikut jadual.

Begitu juga bagi kesemua sembilan stesen radio Astro FM yang menyertai Projek Bantuan Banjir Astro Kasih yang digerakkan di seluruh kumpulan untuk membantu warga Malaysia yang terjejas akibat banjir melalui udara ataupun di darat. LiteFM memainkan PKA tentang bagaimana untuk kekal selamat semasa berlakunya banjir, sementara juruhebah daripada lapan buah stesen radio Astro FM yang lain menyeru kepada para pendengar untuk menyumbangkan barang keperluan kepada pusat pungutan Tesco Extra yang terdapat

di seluruh negara. Para pendengar turut dijemput mengambil bahagian dalam mengumpul dan menyusun barang sumbangan yang akan dihantar kepada mereka yang terjejas akibat banjir di negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu. Malah THR Gegar telah meningkatkan kesedaran tentang usaha menyelamatkan di Pahang dan Kelantan pada halaman Facebooknya.

Diketuai oleh Astro Oasis, kami telah bekerjasama dengan Kumpulan Karangkrak untuk membersihkan, memulihkan dan memasang kelengkapan di masjid yang terjejas akibat banjir di Kelantan. Kami terus beriltizam untuk membantu masyarakat sewaktu mereka ditimpa kesusahan.

Aktiviti masyarakat yang lain

Acara masyarakat tahunan seperti Jelajah Astro Kasih telah dianjurkan dengan menjadi tuan rumah buat keluarga yang kurang bernasib baik, anak yatim, golongan kelainan upaya dan warga emas. Acara ini sering melibatkan pendidikan dan hiburan, sukan, serta jamuan sebagai unsur utama yang melibatkan lebih 12,000 warga Malaysia di seluruh negara.



TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Di Astro, kami percaya bahawa sifat kemurahan hati dan berkongsi adalah teramat penting terutamanya semasa musim perayaan. Dalam kempen “Give Back” yang dikendalikan oleh Astro Radio, para pengacara hitz fm bermesra dengan 30 kanak-kanak lelaki dan perempuan yang kurang bernasib baik daripada rumah anak-anak yatim pada musim Krismas. Bersama kanak-kanak tersebut para pengacara bermain permainan arked, membelanja mereka dengan mengubah gaya rambut dan menikmati makan tengah hari percuma, memberi hadiah Krismas, serta persembahan langsung oleh penyanyi/pengubah lagu, John Lidell. Pada bulan Januari dan Oktober, MIX turut bekerjasama dengan Majlis Kanser Nasional Malaysia (“MAKNA”) bagi membangkitkan kesedaran tentang kanak-kanak yang menderita kanser, di mana RM20,000 berjaya dikutip daripada para pendengar bagi membantu para pesakit kanser muda ini. Selain daripada itu, sebelum menjelang sambutan Hari Raya pada bulan Julai, Sinar FM dan THR Gegar telah menganjurkan pemberian bubur lambuk pada bulan Ramadan, masing-masing di Kuala Lumpur dan Kuala Terengganu. ERA fm juga telah memulakan “Projek Baju Raya” untuk tahun kedua, dengan menyeru para pendengar agar menyumbangkan Baju Raya baharu atau pernah dipakai untuk diedarkan ke rumah anak-anak yatim terpilih di serata Malaysia sebelum tibanya perayaan.

Tahun ini, MY FM dan MELODY FM sekali lagi menjalinkan kerjasama dengan World Vision untuk kempenya, iaitu “30-Jam Kelaparan” pada bulan Jun bagi menimbulkan kesedaran tentang kelaparan dan kemiskinan. Para pengacara menjadi hos kepada sebuah acara yang menyaksikan penyertaan lebih 31,000 warga Malaysia, manakala stesen tersebut menyediakan sokongan di udara. Bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan pada bulan Ogos, MIX fm turut membentuk kerjasama dengan Pusat Darah Negara bagi menganjurkan kempen derma darah di lapan lokasi di serata negara, lantas menyimpulkan komitmen kami terhadap kesihatan dan kesejahteraan masyarakat.

Sukan dan kesejahteraan

1MCC-Astro Kem Bola

Di Astro, kami amat gembira dapat menjadikan impian suatu kenyataan. Sebagai sebuah negara yang mencintai bola sepak, banyak antara impian ini secara sendirinya berlegar sekitar sukan tersebut. Lebih daripada 1,500 pemain bola sepak yang sedang meningkat naik menghadiri enam kem pemilihan 1MCC-Astro Kem Bola pada 2014, menjadikan jumlah bilangan peserta mencecah 6,800 orang sejak bermulanya program ini pada 2011. Seramai 64 peserta kemudiannya dipilih untuk menjalani kem latihan lanjutan bermukim selama seminggu di Kuala Lumpur untuk merasai pengalaman latihan bola sepak intensif profesional, ceramah motivasi dan pelajaran daripada rakan program kami - English Through Football oleh 1MCC.

Menerusi perkongsian 1MCC dengan 10 buah kelab antarabangsa yang baharu, 32 peserta terbaik daripada 1MCC-Astro Kem Bola 2014 telah dipilih untuk merasai pengalaman sekali seumur hidup dalam Program Latihan Luar Negara ketiga kami yang diadakan di akademi West Ham United FC di London.

Kami turut mengundang enam peserta daripada program edisi 2012 dan enam lagi daripada edisi 2013 untuk kembali dan mengambil bahagian sebagai mentor dalam latihan lanjutan bermukim pada tahun ini. Para peserta berpengalaman ini memberi sokongan moral kepada rakan-rakan muda mereka dan bertindak sebagai pembantu jurulatih, menguruskan pasukan dan mempelajari taktik bola sepak dengan lebih terperinci. Daripada 12 pemain, dua pemain terbaik telah dipilih kemudiannya untuk menyertai Program Latihan Luar Negara di UK sebagai mentor. Untuk kebanyakan daripada anak-anak yang berani ini, ia merupakan pemergian mereka yang pertama ke luar negara dan menjadikan impian suatu kenyataan.



TANGGUNGJAWAB KORPORAT



Kem Badminton Astro

Satu lagi program sukan yang telah dimulakan ialah Kem Badminton Astro - lebih daripada 1,500 peserta menghadiri enam program latihan percubaan pada 2014, menjadikan jumlah bilangan peserta mencecah lebih daripada 4,700 orang sejak ia dimulakan pada 2012. 60 peserta terbaik kemudiannya dipilih untuk sesi latihan selama seminggu di Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh sekumpulan bekas pemain negara. Selepas daripada ini, 30 peserta yang menyerlah telah dipilih menjalani kursus Latihan Lanjutan Intensif selama dua minggu di Sekolah Badminton Li Yongbo di Dongguan, iaitu salah sebuah pusat latihan kebangsaan untuk pasukan Badminton Kebangsaan China. Projek ini merupakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Persatuan Badminton Malaysia serta Sekolah Badminton Li Yongbo. Adakah kita selangkah lebih hampir ke arah menemui wira badminton negara yang seterusnya? Itulah yang pastinya kami harapkan.

Astro Arena

Sokongan Astro terhadap industri sukan tempatan terus bertahan menerusi saluran sukan kami yang dikhususkan, Astro Arena. Sejak permulaannya pada 2010, saluran ini dengan bangganya telah menyiarkan 4,500 jam sukan tempatan secara langsung, 5,000 jam liputan komprehensif 24/7 berita sukan tempatan dan antarabangsa, sebuah majalah berinformasi, serta memberi ruang kepada pembabitan penonton secara interaktif. Selain menyediakan liputan langsung Kem Badminton Astro dan juga program 1MCC-Astro Kem Bola, saluran ini juga memberi liputan untuk klinik badminton selama dua hari untuk 112 kanak-kanak kurang bernasib baik menerusi kerjasama dengan Pasukan Liga Ungu Kopiko. Tidak ada yang menyatukan sesebuah negara sepertimana sukan, justeru itu, di Astro sorotan cahaya akan terus kami pancarkan kepada apa yang membuatkan masyarakat kita bersorak paling lantang.

ASTRO DAN ALAM SEKITAR

Beautiful Malaysia

Meneruskan inisiatif kami untuk menzahirkan pemuliharaan alam sekitar dan laut, program Beautiful Malaysia pada 2014 bermatlamat untuk menggalakkan kesedaran yang lebih mendalam di kalangan pelajar kolej dan sekolah tentang perlunya menjaga alam sekitar. Suatu kempen pembersihan dan kesedaran telah diadakan pada Jun 2014 bertempat di Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah. Lebih daripada 2,500 pelajar dan anggota masyarakat mengambil bahagian dalam usaha membersihkan pantai, memungut lebih daripada 700kg bahan buangan, dan membolehkan keindahan semula jadi pantai kembali menyerlah.

Kerjasama dengan iM4U

Pada Disember 2014, MIX fm, Sinar FM dan THR Raaga telah bersatu tenaga dengan iM4U untuk menggalakkan warga Malaysia memberi impak positif terhadap masyarakat menerusi salah satu daripada empat cara: Menanam Pokok, Mengecat Taman Permainan, Menghias Semula Jalan dengan Kerja Seni 3D, atau Membersihkan Pantai. Lebih 26,000 orang mengambil bahagian dan lebih 2,000 liter cat telah digunakan. Malah, hampir 5,000 pokok telah ditanam dan lebih 1,800kg sampah-sarap telah dikumpul di seluruh negara.

Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO14001

2014 menandakan tahun kelima fasiliti kami, AABC, telah menerima pakai piawaian 14001 Pertubuhan Piawaian Antarabangsa untuk sistem pengurusan alam sekitar. Menerusi piawaian ini serta kawalan dalaman kami sendiri, kami sentiasa memantau impak daripada operasi kami terhadap alam sekitar, dan menjalankan inisiatif untuk mengurangkan sebarang kesan buruk seperti pencahayaan dan penyejukan yang cekap, bahan alternatif untuk alatan makan, perkakas studio guna semula dan memantau sisa berjadual. Perakuan ini dipamerkan di semua pintu masuk utama menuju ke fasiliti bagi mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan dan para pelawat, dan mengingatkan mereka tentang perlunya meminimumkan penggunaan sumber dan menjaga alam sekitar.

Meraikan Kepelbagaian

Warga kerja Astro adalah sepertimana pelbagai tujuhnya: tujuh juta isi rumah yang kami azam untuk memberikan perkhidmatan. Kekayaan etnik dan budaya ini adalah penting kepada cara kami bekerja dan sesuatu yang sering kami perjuangkan.

Dengan 41% daripada bakat kami berusia di bawah 30 tahun; dan kaum wanita membentuk 52% daripada jumlah kakitangan serta tiga daripada lapan anggota Lembaga Pengarah kami, Astro adalah tempat untuk setiap orang menyinar, tanpa mengira usia, latar belakang dan jantina.

Astro berada di rumah 63% warga Malaysia dan kami berhasrat untuk memberikan khidmat kepada 100% daripada mereka - lagipun, kami adalah 100% Malaysia.



1. SAATHISH MANOHARAN

Teknologi dan Media Baharu

Astro memanfaatkan keupayaan sepasukan kakitangan yang penuh kepelbagaian, yang mana secara bersama-sama, menyalurkan tenaga untuk melangkah lebih jauh melangkaui sasaran yang telah kami tetapkan sendiri, agar kami menjadi yang terbaik yang kami mampu untuk para pelanggan kami!

2. JIN LIM AKA JINNY BOY

Pengacara Krew Pagi hitz fm

Astro teramat kaya dengan kepelbagaian, dan buktinya betul-betul ada pada puding - anda boleh dapat sebarang makanan yang anda mahu di kafeteria!

3. SHARON WEE

Pengacara TV dan Pengulas Sukan Astro Arena

Sebagai pengulas sukan, saya melihat Astro sebagai sebuah pasukan pelbagai budaya dan penuh warna-warni, dengan warna utamanya ialah merah - warna hati. Hati milik Astro ini berdetik penuh kasih sayang untuk mendorong kami melangkah lebih jauh!

4. QURAI SHAH YANG MOHD YATIM

Strategi dan Perisikan Perniagaan

Astro merupakan wadah tumpuan budaya yang memanfaatkan kekuatan serta pengalaman berbeza yang tertumpu dan terarah kepada menyampaikan pengalaman media dan hiburan terbaik!

5. AMELIA FOONG

Pegawai Pengurusan

Sepanjang tempoh 18 bulan yang lalu telah menyaksikan saya menggalas peranan yang berbeza seperti menyunting runut audio untuk radio, menyelenggara laman sesawang Astro dan juga tiga bulan melakukan CSR sebagai pembantu pengajar dengan *Teach for Malaysia*. Tidak memiliki latihan media bukan halangan untuk menyertai Astro. Malah, memiliki latar belakang akademik yang berbeza nyata berguna memandangkan setiap orang dapat berkongsi pemahaman mereka mengikut bidang mereka masing-masing.

6. CALVIN TENG

Kewangan Korporat dan Hubungan Pelabur

Kami membentuk pasukan yang pelbagai untuk sentiasa mengatasi dan menyatukan pandangan berbeza.

Meraikan **Kepelbagaian****7. CHIA SEOW LING**

Pelaporan Kewangan

Pasukan Astro terdiri daripada insan daripada latar belakang berbeza: sama ada peguam, jurutera, pengacara radio, pengulas sukan atau akauntan. Apa yang benar-benar mengagumkan ialah bagaimana setiap orang bekerjasama untuk mencapai matlamat kami yang sama.

8. AMIRA NAJUA SA'ABANA

Astro Awani

Kepelbagaian melangkaui jantina dan warna kulit anda. Himpunan individu daripada pelbagai latar belakang, sudut pandangan dan pengalaman mencipta suatu wadah yang menakjubkan untuk pembentukan idea kreatif. Saya dapati diri saya sering berasa kagum dengan insan yang bekerja bersama saya di Astro.

9. DEBRA NITA RAVINDRAN

Pegawai Pengurusan

Sejak hari pertama, ia serta-merta ketara bahawa terdapat kumpulan individu yang berbeza-beza dari segi kaum dan usia bekerja di Astro. Ini adalah cara hebat untuk berkembang kerana kami semua belajar daripada satu sama lain dan menyumbang mengikut keunikan kami sendiri.

10. NUR ALIA AHMED AINUDDIN

Pengurusan Kenaikan Penjualan & Portfolio

Astro adalah sebuah hab aktiviti yang cukup meriah. Dengan begitu banyak fungsi berbeza bekerjasama untuk mengembangkan perniagaan, ini bermakna individu yang berbeza diperlukan supaya teras yang pelbagai terus berpusing. Justeru itu, perkara paling hebat bekerja di sini ialah personaliti dan sikap yang berbeza yang membentuk Pasukan Astro untuk menjadikan setiap hari di pejabat suatu kembara!

11. ENG KIAN SHEN

Pengurusan Aset Media dan Sistem Perniagaan

Sebagai rakyat Malaysia, kepelbagaian kami paling jelas terpancar menerusi makanan! Beraneka macam makanan yang disajikan di kafeteria Astro mencerminkan perbezaan latar belakang, nilai, pengalaman dan idea yang boleh didapati di serata organisasi.

12. JUNAIDAH SAID KHAN

Perniagaan Pelanggan Inggeris

Pengalaman saya di Astro tidak pernah kurang daripada penuh warna-warni. Dari bakat yang cukup cemerlang kepada usaha yang adakalanya mencabar, bekerja dengan individu dari setiap lapisan bangsa, pegangan dan warna, memberikan inspirasi.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Akta Syarikat 1965 ("Akta") memerlukan para Pengarah menyediakan penyata kewangan untuk setiap tahun kewangan menurut keperluan Akta, Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities serta mengemukakannya kepada Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunannya.

Para Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2015 dan berkenaan prestasi kewangan serta aliran tunai mereka pada tahun kewangan yang berakhir itu.

Akta ini juga memerlukan para Pengarah menyimpan rekod perakaunan dan rekod lain yang sedemikian bagi membolehkan mereka memberi penjelasan yang memadai tentang urus niaga serta kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat, dan bagi menyediakan penyata kewangan yang benar dan saksama serta apa-apa dokumen yang dikehendaki dilampirkan kepadanya, serta menyimpan rekod sedemikian dengan cara yang membolehkan ia diaudit dengan mudah dan sewajarnya.

Dalam menyediakan penyata kewangan TK15 yang akur terhadap MFRS, para Pengarah telah menggunakan anggaran dan andaian perakaunan tertentu yang kritikal. Selain itu, para Pengarah telah menggunakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan yang bersesuaian dan relevan.

Para Pengarah juga bergantung kepada sistem perakaunan dan sistem kawalan dalaman untuk memastikan aset Syarikat dilindungi daripada kerugian akibat kegunaan tanpa kebenaran atau pelupusan dan maklumat yang dijana bagi tujuan penyediaan penyata kewangan adalah benar dan saksama serta bebas daripada salah nyata material.

Laporan Pengarah

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

Para Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka kepada ahli berserta penyata kewangan yang telah diaudit bagi Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015.

Aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan. Penglibatan utama Kumpulan adalah dalam penyediaan perkhidmatan televisyen, perkhidmatan radio, pelesenan perpustakaan filem, penghasilan, pengumpulan dan pengedaran kandungan televisyen, penerbitan dan pengedaran majalah, perkhidmatan interaktif multimedia dan perniagaan membeli-belah dari rumah. Aktiviti utama subsidiari dikemukakan dalam Nota 14 penyata kewangan.

Tidak ada perubahan ketara dalam bentuk aktiviti ini bagi Kumpulan dan Syarikat semasa tahun kewangan.

Syarikat dan subsidiarinya secara kolektifnya dirujuk sebagai Kumpulan.

Keputusan Kewangan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan ini	513,750	426,896
Milik:		
Pemegang ekuiti Syarikat	519,373	426,896
Kepentingan bukan kawalan	(5,623)	-
	513,750	426,896

Dividen

Dividen daripada saham biasa yang dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Januari 2014 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014:	
Dividen interim keempat satu peringkat bernilai RM0.02 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 31 Mac 2014 dan dibayar pada 30 April 2014	103,966
Dividen akhir satu peringkat bernilai RM0.01 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diluluskan oleh para pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan pada 19 Jun 2014 dan dibayar pada 18 Julai 2014	51,983
	155,949

Laporan Pengarah

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

Dividen (Samb.)

	RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015:	
Dividen interim pertama satu peringkat bernilai RM0.0225 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 18 Jun 2014 dan dibayar pada 17 Julai 2014	116,962
Dividen interim kedua satu peringkat bernilai RM0.0225 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 19 September 2014 dan dibayar pada 20 Oktober 2014	116,962
Dividen interima ketiga satu peringkat bernilai RM0.0225 sesaham ke atas 5,201,728,400 saham biasa, diisytiharkan pada 11 Disember 2014 dan dibayar pada 12 Januari 2015	117,039
	350,963

Selepas tahun kewangan, pada 30 Mac 2015, para Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim keempat satu peringkat bernilai RM0.0225 sesaham ke atas 5,201,728,400 saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015, berjumlah RM117,038,889 yang perlu dibayar pada 29 April 2015.

Para Pengarah turut mencadangkan pembayaran dividen akhir satu peringkat bernilai RM0.02 sesaham yang dianggarkan sebanyak RM104,034,568 bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015, tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Dividen akhir satu peringkat akan dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan.

Rizab dan Peruntukan

Semua pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan semasa tahun kewangan dikemukakan dalam penyata kewangan ini.

Modal Saham

Semasa tahun kewangan, modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat telah bertambah daripada RM519,830,000 yang merangkumi 5,198,300,000 saham biasa bernilai RM0.10 sesaham kepada RM520,172,840 yang merangkumi 5,201,728,400 saham biasa bernilai RM0.10 sesaham. Pertambahan dalam modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat timbul daripada letak hak pemberian saham yang diberi kepada kakitangan yang layak menurut Skim Saham Pengurusan ("Skim Saham") Syarikat, yang mana butirannya dikemukakan dalam Nota 7(a) penyata kewangan. Saham biasa baharu yang dinyatakan di atas bertaraf pari-passu dari segala segi dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada.

Skim Saham Pengurusan

Syarikat telah mewujudkan Skim Saham yang mula berkuat kuasa pada 20 September 2012. Seseorang eksekutif yang layak atau kakitangan yang layak yang menerima tawaran di bawah Pemberian Saham ("Penerima Pemberian") hendaklah membayar sebanyak RM1.00 sebagai balasan untuk penerimaan tawaran tersebut. Dengan tertakluk kepada terma dan syarat Undang-undang Kecil yang mengawal Skim Saham, Penerima Pemberian berhak menerima saham biasa baharu yang akan diterbitkan menurut Pemberian Saham, pada tarikh letak hak yang dijadualkan tanpa bayaran lanjut, tertakluk kepada memenuhi syarat letak hak seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran mereka masing-masing untuk mendapatkan Pemberian Saham mereka, yang merangkumi sasaran prestasi yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Imbuhan Syarikat.

Skim Saham ini hendaklah berkuat kuasa untuk tempoh sepuluh tahun bermula dari tarikh Skim Saham berkuat kuasa dan tiada saham di bawah pemberian saham adalah terletak hak melebihi tamatnya tempoh Skim Saham. Skim Saham Syarikat terdiri daripada Unit Saham Terhad ("RSU") dan Unit Saham Prestasi ("PSU").

Butiran mengenai Skim Saham dikemukakan dalam Nota 7(a) penyata kewangan..

Para Pengarah

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini adalah:

Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi
Augustus Ralph Marshall
Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan
Datuk Chin Kwai Yoong
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican
Bernard Anthony Cragg
Hisham Bin Zainal Mokhtar
Datuk Yau Ah Lan @ Fara Yvonne
Lim Ghee Keong (silih ganti kepada Augustus Ralph Marshall)

Menurut Tataurusian Pertubuhan Syarikat, Bernard Anthony Cragg, Dato' Mohamed Khadar Bin Merican dan Datuk Chin Kwai Yoong bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula.

Manfaat Pengarah

Kecuali seperti yang dikemukakan dalam Nota 7(a) penyata kewangan, semasa dan pada akhir tahun kewangan, tidak ada pengaturan lain yang disertai di mana Syarikat menjadi satu pihak, yang merupakan pengaturan dengan tujuan atau beberapa tujuan yang membolehkan para Pengarah Syarikat memperolehi faedah menerusi pemerolehan saham, atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan sebelumnya, tidak ada Pengarah yang telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang dikemukakan sebagai imbuhan para Pengarah dalam Nota 8 penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang mempunyai kaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana beliau merupakan ahli, atau dengan Syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang cukup banyak.

Kepentingan Pengarah dalam Saham dan Debentur

Mengikut Daftar Pemegangan Saham Pengarah, butiran kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam bentuk saham Syarikat ("Saham AMH") adalah seperti berikut:

	← Bilangan saham biasa bernilai RM0.10 sesaham →			
	Pada 1.2.2014	Diperoleh	Dijual	Pada 31.1.2015
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	1,000,000	-	-	1,000,000
Augustus Ralph Marshall	8,500,000	-	-	8,500,000
Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan	3,600,000	440,000 ⁽¹⁾	-	4,040,000 ⁽²⁾
Datuk Chin Kwai Yoong	1,000,000	-	-	1,000,000
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	1,000,000	-	-	1,000,000
Lim Ghee Keong (silih ganti kepada Augustus Ralph Marshall)	1,000,000	-	-	1,000,000

Nota:

- (1) Perumpukan dan penerbitan Saham AMH yang sedemikian dalam Syarikat menurut letak hak RSU di bawah Skim Saham Syarikat.
(2) Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan juga mempunyai kepentingan terhadap 3,936,200 saham belum diterbitkan dalam Syarikat menurut Skim Saham Syarikat.

Selain daripada apa yang dinyatakan di atas, berdasarkan Daftar Pemegangan Saham Pengarah, tidak ada mana-mana Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham, geran dan opsyen terhadap saham dalam Syarikat atau dalam syarikatnya yang berkaitan semasa tahun kewangan.

Laporan Pengarah

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

Maklumat Berkanun mengenai Penyata Kewangan

Sebelum penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat dirangka, para Pengarah telah mengambil langkah yang munasabah:

- (a) untuk memastikan tindakan yang wajar telah diambil berkaitan menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan untuk hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang memadai telah dibuat untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa apa-apa aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin dapat direalisasi nilainya dalam urusan biasa perniagaan seperti yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat dan Kumpulan, telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:

- (a) yang akan menyebabkan jumlah yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga ke sebarang jumlah yang ketara; atau
- (b) yang akan menyebabkan nilai yang ditentukan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat sebagai mengelirukan; atau
- (c) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan terhadap kaedah penilaian aset atau liabiliti yang sedia ada bagi Kumpulan dan Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak wajar.

Tidak ada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan ini, yang mana menurut pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) apa-apa cagaran ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
- (b) apa-apa liabiliti luar jangka Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang apa-apa keadaan melainkan ia telahpun diuruskan dalam laporan ini atau penyata kewangan yang akan menyebabkan apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini sebagai mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah:

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material atau luar biasa, selain daripada apa yang dikemukakan dalam Nota 38 penyata kewangan; dan
- (b) dalam selang masa antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material atau luar biasa yang berkemungkinan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan laporan ini dibuat.

Peristiwa Penting Selepas Kunci Kira-kira

Peristiwa penting yang berlaku sepanjang tahun dan selepas kunci kira-kira, masing-masing dinyatakan dalam Nota 38 dan Nota 41 penyata kewangan ini.

Syarikat Induk Muktamad dan Syarikat Induk Terdekat

Sebelum ini, para Pengarah menyifatkan Astro Holdings Sdn. Bhd. ("AHSB") dan Astro Networks (Malaysia) Sdn. Bhd. ("ANM"), kedua-dua syarikat diperbadankan di Malaysia, masing-masing sebagai syarikat induk muktamad dan syarikat induk terdekat. AHSB dan ANM berhenti menjadi pemegang saham Syarikat pada 31 Disember 2014.

Juruaudit

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut kelulusan yang diberikan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 30 Mac 2015.



TUN DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI
PENGARAH



DATO' ROHANA BINTI TAN SRI DATUK HAJI ROZHAN
PENGARAH

Kuala Lumpur


Penyata Pengarah

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi dan Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan, selaku para Pengarah Astro Malaysia Holdings Berhad, dengan ini menyatakan bahawa menurut pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 131 hingga 230 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh berkenaan, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Maklumat tambahan yang dikemukakan pada halaman 231 telah disediakan selaras dengan Panduan berkenaan Perkara Khas No. 1, Penentuan Untung atau Rugi yang Terealisasi atau Belum Terealisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut kelulusan yang diberikan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 30 Mac 2015.



TUN DATO' SERI ZAKI BIN TUN AZMI
PENGARAH



DATO' ROHANA BINTI TAN SRI DATUK HAJI ROZHAN
PENGARAH

Kuala Lumpur

Akuan Berkanun


Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Grace Lee Hwee Ling, sebagai Pegawai yang memikul tanggungjawab utama dalam mengurus kewangan Astro Malaysia Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 131 hingga 230 serta maklumat tambahan yang dikemukakan pada halaman 231 adalah, menurut pendapat saya, betul dan saya membuat akuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.



GRACE LEE HWE LING

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas Grace Lee Hwee Ling di Kuala Lumpur Malaysia pada 30 Mac 2015, di hadapan saya.



Let 5.30, Tingkat 5
Wisma Central
7 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Ahli Astro Malaysia Holdings Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 932533V)

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Astro Malaysia Holdings Berhad, pada halaman 131 hingga 230, yang terdiri daripada kunci kira-kira pada 31 Januari 2015 bagi Kumpulan dan Syarikat, dan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan penting serta nota penjelasan yang lain, seperti yang dibentangkan dalam Nota 1 hingga 42.

Tanggungjawab para Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sedemikian seperti yang ditentukan perlu oleh para Pengarah bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau ralat.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk melahirkan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit yang kami laksanakan. Kami mengendalikan audit ini menurut standard pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Standard tersebut menghendaki kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit bagi mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang material, atau tidak.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan beberapa prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan ini. Prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko akibat salah nyata material bagi penyata kewangan tersebut, sama ada disebabkan oleh penipuan atau ralat. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman entiti yang berkaitan dalam menyediakan penyata kewangan yang memberikan pandangan yang benar dan saksama agar dapat merangka prosedur audit yang sesuai dengan keadaan berkenaan, tetapi bukan untuk tujuan melahirkan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan serta kemunasabahan anggaran yang dibuat oleh para Pengarah, di samping menilai pembentangan penyata kewangan ini secara keseluruhan.

Kami yakin bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai mereka bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN KAWAL SELIA YANG LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami turut melaporkan yang berikut:

- (a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan serta rekod dan daftar lain yang perlu disimpan oleh Syarikat dan subsidiarinya menurut Akta ini, yang mana kami bertindak sebagai juruauditnya, telah disimpan sewajarnya menurut peruntukan Akta tersebut.
- (b) Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi subsidiari yang mana kami tidak menjadi juruauditnya, sepertimana yang dinyatakan dalam Nota 14 penyata kewangan.
- (c) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan bagi subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai serta wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan serta penerangan yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.
- (d) Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari tidak tertakluk kepada apa-apa pengecualian dan tidak merangkumi apa-apa ulasan yang perlu di buat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

Laporan Juruaudit **Bebas**


Kepada Ahli Astro Malaysia Holdings Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)
(No. Syarikat 932533V)

TANGGUNGJAWAB PELAPORAN YANG LAIN

Maklumat tambahan yang dibentangkan dalam Nota 43 pada halaman 231 didedahkan untuk memenuhi keperluan Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan sebahagian daripada penyata kewangan. Para Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan maklumat tambahan selaras dengan Panduan berkenaan Perkara Khas No. 1, Penentuan Untung atau Rugi yang Terealisasi atau Belum Terealisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("Panduan MIA") dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, dari segala sudut penting, maklumat tambahan telah disediakan menurut Panduan MIA dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli Syarikat sahaja, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana individu lain untuk isi kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF-1146)
Akauntan Bertauliah



SRIDHARAN NAIR
(No. 2656/05/16 (J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
30 Mac 2015

Penyata Pendapatan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Hasil	5	5,231,444	4,790,742	457,982	343,492
Kos jualan		(3,341,192)	(3,021,559)	-	-
Untung kasar		1,890,252	1,769,183	457,982	343,492
Pendapatan operasi lain		47,263	30,564	186	423
Kos pemasaran dan pengedaran		(514,725)	(550,056)	(190)	(221)
Perbelanjaan pentadbiran		(502,609)	(471,986)	(11,008)	(16,691)
Hasil kewangan	9(a)	56,903	55,218	127,446	137,370
Kos kewangan	9(b)	(249,549)	(267,725)	(147,520)	(153,953)
Bahagian keputusan selepas cukai daripada pelaburan dikira menggunakan kaedah ekuiti		(6,647)	4,033	-	-
Untung sebelum cukai	6	720,888	569,231	426,896	310,420
Perbelanjaan cukai	10	(207,138)	(121,470)	-	-
Keuntungan bagi tahun kewangan ini		513,750	447,761	426,896	310,420
Milik:					
Pemegang ekuiti Syarikat		519,373	447,950	426,896	310,420
Kepentingan bukan kawalan		(5,623)	(189)	-	-
		513,750	447,761	426,896	310,420
Perolehan sesaham milik pemegang ekuiti Syarikat (RM):					
- Asas	11	0.100	0.086		
- Dicairkan	11	0.100	0.086		

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Pendapatan **Komprehensif**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan ini	513,750	447,761	426,896	310,420
Pendapatan komprehensif lain:				
Perkara yang akan diklasifikasikan semula kemudiannya kepada untung atau rugi				
Lindung nilai aliran tunai:				
- Untung nilai wajar bersih pada derivatif digunakan untuk lindung nilai	121,750	154,199	30,412	105,215
- Rugi pada derivatif dikitar semula kepada penyata pendapatan	(71,504)	(72,220)	(41,611)	(39,319)
Perubahan bersih dalam aset kewangan untuk jualan	(240)	240	(240)	240
Tafsiran mata wang asing	286	-	-	-
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain, setelah ditolak cukai	50,292	82,219	(11,439)	66,136
Jumlah pendapatan komprehensif	564,042	529,980	415,457	376,556
Milik:				
Pemegang ekuiti Syarikat	569,665	530,169	415,457	376,556
Kepentingan bukan kawalan	(5,623)	(189)	-	-
	564,042	529,980	415,457	376,556

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Kunci Kira-Kira **Disatukan**

Pada 31 Januari 2015

		Kumpulan	
		2015	2014
	Nota	RM'000	RM'000
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	13	1,880,908	2,156,992
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	15	48,851	44,043
Pelaburan dalam usaha sama	16	-	13,913
Pelaburan lain	17	57,444	40,825
Belum terima dan prabelum bayar	21	242,395	154,580
Instrumen kewangan derivatif	24	185,050	107,092
Aset cukai tertunda	26	54,134	49,570
Aset tak ketara	19	1,955,861	1,870,329
		4,424,643	4,437,344
Aset Semasa			
Inventori	20	12,989	17,536
Belum terima dan prabelum bayar	21	826,676	991,463
Instrumen kewangan derivatif	24	112,225	21,836
Pelaburan lain	17	-	529,276
Cukai boleh dapat balik		1,189	828
Deposit, tunai dan baki bank	22	1,353,605	1,105,246
		2,306,684	2,666,185
Liabiliti Semasa			
Belum bayar	23	1,735,777	1,426,265
Instrumen kewangan derivatif	24	2,949	4,718
Pinjaman	25	400,081	301,692
Liabiliti cukai		68,867	14,029
		2,207,674	1,746,704
Jumlah Aset Semasa		99,010	919,481

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Kunci Kira-Kira **Disatukan**

Pada 31 Januari 2015

		Kumpulan	
		2015	2014
	Nota	RM'000	RM'000
Liabiliti Bukan Semasa			
Belum bayar	23	612,227	1,249,153
Instrumen kewangan derivatif	24	11,725	7,629
Pinjaman	25	3,103,297	3,361,807
Liabiliti cukai tertunda	26	82,189	121,123
		3,809,438	4,739,712
JUMLAH ASET		714,215	617,113
Modal dan rizab milik pemegang ekuiti Syarikat			
Modal saham	27	520,173	519,830
Premium saham	27	6,174,668	6,165,374
Rizab pertukaran		313	27
Rizab penebusan modal		1 [@]	1 [@]
Rizab penyusunan semula modal	28	(5,470,197)	(5,470,197)
Rizab lindung nilai	29	78,090	27,844
Rizab nilai wajar	30	-	240
Rizab skim saham	31	25,257	16,922
Kerugian terkumpul		(634,535)	(646,996)
		693,770	613,045
Kepentingan bukan kawalan		20,445	4,068
JUMLAH EKUITI		714,215	617,113

[@] Menandakan RM677.50

Kunci Kira-Kira Syarikat

Pada 31 Januari 2015

		Syarikat	
	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	13	392	537
Pelaburan dalam subsidiari	14	7,017,403	7,017,403
Prabelum bayar	21	344	474
Pendahuluan kepada subsidiari	18	2,125,732	1,642,789
Instrumen kewangan derivatif	24	165,651	105,819
		9,309,522	8,767,022
Aset Semasa			
Belum terima dan prabelum bayar	21	163,450	20,682
Instrumen kewangan derivatif	24	17,219	4,950
Pendahuluan kepada subsidiari	18	49,555	154,830
Pelaburan lain	17	-	529,276
Cukai diperoleh semula		553	352
Deposit, tunai dan baki bank	22	281,486	553,365
		512,263	1,263,455
Liabiliti Semasa			
Belum bayar	23	4,434	4,411
Instrumen kewangan derivatif	24	2,214	3,249
Pinjaman	25	332,955	244,730
		339,603	252,390
Aset Semasa Bersih		172,660	1,011,065
Liabiliti Bukan Semasa			
Instrumen kewangan derivatif	24	11,427	7,439
Pinjaman	25	2,531,408	2,757,818
		2,542,835	2,765,257
ASET BERSIH		6,939,347	7,012,830
Modal dan rizab milik pemegang ekuiti Syarikat			
Modal saham	27	520,173	519,830
Premium saham	27	6,174,668	6,165,374
Rizab penebusan modal		1^	1^
Rizab lindung nilai	29	(2,943)	8,256
Rizab nilai wajar	30	-	240
Rizab skim saham	31	25,257	16,922
Untung tertahan		222,191	302,207
JUMLAH EKUITI		6,939,347	7,012,830

^ Menandakan RM670

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

← Milik pemegang ekuiti Syarikat →

Tahun berakhir 31 Januari 2015	Modal saham (Nota 27) RM'000	Premium saham (Nota 27) RM'000	Rizab pertukaran RM'000	Rizab penebusan modal RM'000	Rizab penyusunan semula modal (Nota 28) RM'000	Rizab lindung nilai (Nota 29) RM'000	Rizab nilai wajib (Nota 30) RM'000	Rizab skim saham (Nota 31) RM'000	Kerugian terkumpul RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan bukan kawalan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Februari 2014	519,830	6,165,374	27	1 [#]	(5,470,197)	27,844	240	16,922	(646,996)	613,045	4,068	617,113
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	519,373	519,373	(5,623)	513,750
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	286	-	-	50,246	(240)	-	-	50,292	-	50,292
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	286	-	-	50,246	(240)	-	519,373	569,665	(5,623)	564,042
Dividen saham biasa disyitiharkan (Nota 12)	-	-	-	-	-	-	-	-	(506,912)	(506,912)	-	(506,912)
Pemberian saham dilaksanakan	343	9,294	-	-	-	-	-	(9,637)	-	-	-	-
Penerbitan saham kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	22,000	22,000
Urus niaga bayaran berasaskan saham (Nota 7(a))	-	-	-	-	-	-	-	17,972	-	17,972	-	17,972
Urus niaga dengan pemilik	343	9,294	-	-	-	-	-	8,335	(506,912)	(488,940)	22,000	(466,940)
Pada 31 Januari 2015	520,173	6,174,668	313	1 [#]	(5,470,197)	78,090	-	25,257	(634,535)	693,770	20,445	714,215

Menandakan RM677.50

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

← Milik pemegang ekuiti Syarikat →

Tahun berakhir 31 Januari 2014	Modal saham (Nota 27) RM'000	Premium saham (Nota 27) RM'000	Rizab pertukaran RM'000	Rizab penebusan modal RM'000	Rizab penyusunan semula modal (Nota 28) RM'000	Rizab lindung nilai (Nota 29) RM'000	Rizab nilai wajar (Nota 30) RM'000	Rizab skim saham (Nota 31) RM'000	Kerugian terkumpul RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan bukan kawalan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Februari 2013	519,830	6,165,374	27	1 [#]	(5,470,197)	(54,135)	-	4,025	(653,090)	511,835	4,257	516,092
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-	-	447,950	447,950	(189)	447,761
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	81,979	240	-	-	82,219	-	82,219
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	81,979	240	-	447,950	530,169	(189)	529,980
Dividen saham biasa diisytiharkan (Nota 12)	-	-	-	-	-	-	-	-	(441,856)	(441,856)	-	(441,856)
Urus niaga bayaran berasaskan saham (Nota 7(a))	-	-	-	-	-	-	-	12,897	-	12,897	-	12,897
Urus niaga dengan pemilik	-	-	-	-	-	-	-	12,897	(441,856)	(428,959)	-	(428,959)
Pada 31 Januari 2014	519,830	6,165,374	27	1 [#]	(5,470,197)	27,844	240	16,922	(646,996)	613,045	4,068	617,113

Menandakan RM677.50

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

Tahun berakhir 31 Januari 2015	← Tidak boleh diagih				→ Boleh diagih			
	Modal saham (Nota 27) RM'000	Premium saham (Nota 27) RM'000	Rizab penebusan modal RM'000	Rizab lindung nilai (Nota 29) RM'000	Rizab nilai wajar (Nota 30) RM'000	Rizab skim saham (Nota 31) RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Februari 2014	519,830	6,165,374	1^	8,256	240	16,922	302,207	7,012,830
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	426,896	426,896
Kerugian komprehensif lain bagi tahun kewangan	-	-	-	(11,199)	(240)	-	-	(11,439)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	(11,199)	(240)	-	426,896	415,457
Dividen saham biasa diisytiharkan (Nota 12)	-	-	-	-	-	-	(506,912)	(506,912)
Pemberian saham dilaksanakan	343	9,294	-	-	-	(9,637)	-	-
Urus niaga bayaran berasaskan saham (Nota 7(a))	-	-	-	-	-	17,972	-	17,972
Urus niaga dengan pemilik	343	9,294	-	-	-	8,335	(506,912)	(488,940)
Pada 31 Januari 2015	520,173	6,174,668	1^	(2,943)	-	25,257	222,191	6,939,347

[^] Menandakan RM670

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan **Ekuiti Syarikat**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

Tahun berakhir 31 Januari 2014	Tidak boleh diagih				Boleh diagih		
	Modal saham (Nota 27) RM'000	Premium saham (Nota 27) RM'000	Rizab penebusan modal RM'000	Rizab lindung nilai (Nota 29) RM'000	Rizab nilai wajar (Nota 30) RM'000	Rizab skim saham (Nota 31) RM'000	Perolehan tertahan RM'000
Pada 1 Februari 2013	519,830	6,165,374	1 [^]	(57,640)	-	4,025	433,643
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	310,420
Pendapatan komprehensif lain	-	-	-	65,896	240	-	-
bagi tahun kewangan	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	65,896	240	-	310,420
Dividen saham biasa diisytiharkan (Nota 12)	-	-	-	-	-	-	(441,856)
Urus niaga bayaran berasaskan saham (Nota 7(a))	-	-	-	-	-	12,897	-
Urus niaga dengan pemilik	-	-	-	-	-	12,897	-
Pada 31 Januari 2014	519,830	6,165,374	1 [^]	8,256	240	16,922	302,207
							7,012,830

[^] Menandakan RM670

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

		Kumpulan		Syarikat	
		2015	2014	2015	2014
	Nota	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi					
Untung sebelum cukai		720,888	569,231	426,896	310,420
Pelarasan untuk:					
Hutang lapuk hapus kira		9,495	1,395	-	-
Urus niaga barter – hasil		(1,401)	(3,717)	-	-
Pendapatan dividen – unit amanah	9(a)	(6,221)	(9,398)	(6,221)	(8,914)
Pendapatan dividen		-	-	(457,982)	(343,492)
Hak lesen acara					
- pelunasan		980	-	-	-
Nilai wajar (Untung)/Rugi pada derivatif dikitar semula kepada penyata pendapatan yang timbul daripada:					
- Risiko pertukaran asing		(112,893)	(112,648)	(78,121)	(79,484)
- Risiko kadar faedah		41,389	40,428	36,510	40,165
Laba atas pengukuran semula pelaburan	37(b)	(8,989)	-	-	-
Kejelasan belum terima		77,661	64,311	-	-
Kejelasan pendahuluan kepada subsidiari		-	-	-	2,133
Kejelasan pelaburan dalam saham keutamaan boleh tebus		-	-	-	982
Perbelanjaan faedah	9(b)	201,441	209,923	111,010	113,788
Pendapatan faedah	9(a)	(50,682)	(45,044)	(121,225)	(128,456)
Inventori dilupuskan		362	3,185	-	-
Hak program					
- pelunasan		322,221	348,020	-	-
- kejelasan		2,372	3,870	-	-
Hartanah, loji dan peralatan					
- susut nilai		755,663	715,945	147	145
- rugi atas pelupusan		83	9	-	-
- kejelasan		3,102	-	-	-
- pelupusan		975	3,851	-	-
Bayaran berasaskan saham	7(a)	17,972	12,897	-	-
Bahagian keputusan selepas cukai daripada pelaburan dikira menggunakan kaedah ekuiti		6,647	(4,033)	-	-
Perisian					
- pelunasan		131,486	122,801	-	-
- kejelasan		-	1	-	-
- hapus kira		-	1,549	-	-
Kerugian pertukaran asing belum terealisasi, bersih		115,509	94,826	78,121	79,484
Masuk kira semula kejelasan belum terima		(12,106)	(9,800)	-	-
Keuntungan/(Kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		2,215,954	2,007,602	(10,865)	(13,229)

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi (Samb.)				
Perubahan modal kerja:				
Inventori	9,084	6,376	-	-
Belum terima dan prabelum bayar	43,930	(168,687)	28,587	30,921
Belum bayar	(48,877)	72,428	146	(1,575)
Tunai daripada operasi:	2,220,091	1,917,719	17,868	16,117
Dividen diterima	-	-	309,658	336,986
Faedah diterima	48,312	48,343	15,927	27,120
(Pembayaran)/Bayaran balik cukai	(197,236)	(172,150)	(200)	1,370
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	2,071,167	1,793,912	343,253	381,593
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Pengambilalihan pelaburan lain	(16,619)	(35,000)	-	-
Pendahuluan kepada usaha sama	(2,200)	(750)	-	-
Pendahuluan kepada subsidiari	-	-	(593,278)	(221,457)
Aset kewangan:				
- pembelian unit amanah, perolehan bersih daripada pelupusan	529,036	(529,036)	529,036	(529,036)
Aset tak ketara:				
- pembelian perisian	(154,094)	(151,697)	-	-
- pengambilalihan hak program	(367,371)	(343,194)	-	-
Faedah diterima untuk:				
- pendahuluan kepada syarikat bersekutu	2,269	7,401	-	-
- pendahuluan kepada subsidiari	-	-	81,863	101,558
Pelaburan dalam usaha sama	-	(7,221)	-	-
Pelaburan dalam subsidiari 37(b)	(11,271)	-	-	(100)
Hartanah, loji dan peralatan:				
- pembelian	(198,279)	(246,103)	(2)	(16)
- perolehan daripada pelupusan	1,089	28	-	-
Belum bayar semula dari subsidiari	-	-	240,336	424,105
Belum bayar semula dari syarikat bersekutu	-	4,185	-	-
(Penempatan)/Pengeluaran deposit tetap dengan kematangan melebihi 3 bulan	(13,152)	337,256	237,450	367,278
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti pelaburan	(230,592)	(964,131)	495,405	142,332

Nota yang disertakan pada halaman 143 hingga 230 membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Januari 2015

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan					
Sumbangan ekuiti daripada pemegang kepentingan bukan kawalan		22,000	-	-	-
Dividen dibayar		(506,912)	(441,856)	(506,912)	(441,856)
Faedah dibayar		(141,717)	(148,764)	(141,457)	(147,634)
Bayaran untuk kotak set-top		(650,896)	(228,370)	-	-
Bayaran faedah pajakan kewangan		(46,558)	(50,083)	-	-
Bayaran balik peminjaman		(224,718)	(74,906)	(224,718)	(74,906)
Bayaran balik liabiliti pajakan kewangan		(56,868)	(51,067)	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(1,605,669)	(995,046)	(873,087)	(664,396)
Pertambahan/(Pengurangan) bersih dalam tunai dan kesamaan tunai		234,906	(165,265)	(34,429)	(140,471)
Kesan perubahan kadar pertukaran asing		301	-	-	-
Tunai dan kesamaan tunai pada awal tahun kewangan		353,190	518,455	92,193	232,664
Tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun kewangan	22	588,397	353,190	57,764	92,193

Urus niaga bukan tunai yang utama adalah seperti yang dikemukakan dalam Nota 32.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

1 Maklumat Umum

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan. Penglibatan utama Kumpulan adalah dalam penyediaan perkhidmatan televisyen, perkhidmatan radio, pelesenan perpustakaan filem, penghasilan, pengumpulan dan pengedaran kandungan televisyen, penerbitan dan pengedaran majalah, perkhidmatan interaktif multimedia dan perniagaan membeli-belah dari rumah. Aktiviti utama subsidiari dikemukakan dalam Nota 14 penyata kewangan.

Tidak ada perubahan ketara dalam bentuk aktiviti ini bagi Kumpulan dan Syarikat semasa tahun kewangan.

Syarikat dan subsidiarinya secara kolektif dirujuk sebagai Kumpulan.

Syarikat ini diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Sebelum ini, para Pengarah menyifatkan Astro Holdings Sdn. Bhd. ("AHSB") dan Astro Networks (Malaysia) Sdn. Bhd. ("ANM"), kedua-dua syarikat diperbadankan di Malaysia, masing-masing sebagai syarikat induk muktamad dan syarikat induk terdekat Kumpulan dan Syarikat. AHSB dan ANM berhenti menjadi pemegang saham Syarikat pada 31 Disember 2014.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat adalah seperti berikut:

Tingkat 3, Bangunan Pentadbiran
All Asia Broadcast Centre
Technology Park Malaysia
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi
Bukit Jalil, 57000, Kuala Lumpur

2 Matlamat dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

Aktiviti Kumpulan mendedahkannya kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Matlamat pengurusan risiko kewangan Kumpulan secara keseluruhan adalah untuk meminimumkan kemungkinan kesan buruk terhadap prestasi kewangan Kumpulan.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak depan pertukaran mata wang asing serta gabungan instrumen kadar faedah tetap dan terapung untuk lindung nilai pendedahan tertentu.

(a) Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing disebabkan oleh urus niaga mata wang asing yang disertai oleh Kumpulan dalam mata wang selain daripada mata wang fungsinya. Kontrak depan pertukaran mata wang asing diguna untuk mengehendkan pendedahan kepada turun naik mata wang terhadap belum bayar mata wang asing dan terhadap aliran tunai yang dijana daripada urus niaga yang dijangka dalam denominasi mata wang asing. Pertukaran kadar faedah mata wang bersilang digunakan untuk mengehendkan pendedahan kepada turun naik mata wang ke atas peminjaman.

(b) Risiko kadar faedah

Pendedahan kadar faedah Kumpulan timbul terutamanya daripada belum bayar perdagangan dan peminjaman Kumpulan. Risiko kadar faedah ini diuruskan melalui penggunaan instrumen kadar faedah tetap dan terapung.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

2 Matlamat dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan (Samb.)

(c) Risiko kredit

Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara. Pendedahan risiko kredit pelanggan diurus menerusi gabungan prosedur had kredit dan pemantauan tunggakan. Deposit tunai hanya ditempatkan di institusi kewangan dengan penarafan kredit yang teguh dan pelaburan dalam unit amanah hanya dibuat dalam pasaran tunai/wang, iaitu kecairan dana.

(d) Risiko kecairan dan aliran tunai

Pengurusan risiko kecairan yang berhemat bermaksud mengekalkan tunai dan ketersediaan pendanaan yang mencukupi menerusi jumlah kemudahan kredit terikat yang memadai. Disebabkan oleh sifat dinamik perniagaan pendasar, perbendaharaan Kumpulan mensasarkan untuk mengekalkan fleksibiliti dan pendanaan dengan memastikan ketersediaan kemudahan kredit terikat dan sekiranya perlu, mendapatkan pendanaan tambahan daripada hutang dan ekuiti.

(e) Risiko harga

Kumpulan terdedah kepada risiko harga kerana pelaburan dalam unit amanah yang diklasifikasikan sebagai aset kewangan sedia dijual dalam kunci kira-kira. Kumpulan tidak terdedah kepada risiko harga komoditi. Kumpulan mempelbagaikan portfolionya dalam pelbagai institusi kewangan bagi menguruskan risiko harga yang timbul daripada pelaburan dalam unit amanah.

(f) Risiko modal

Matlamat Kumpulan semasa menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan untuk bertahan sebagai suatu usaha berterusan agar dapat memberikan pulangan kepada para pemegang saham dan faedah kepada pihak berkepentingan yang lain, serta mengekalkan struktur modal yang optimum untuk mengurangkan kos modal.

Kumpulan dan Syarikat akan mengimbangi keseluruhan struktur modal mereka melalui pembayaran dividen, penerbitan saham baharu serta penerbitan hutang baharu atau pembayaran balik pinjaman sedia ada.

(g) Membuat penilaian bagi nilai wajar

Nilai wajar instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran aktif ditentukan menggunakan teknik penilaian. Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Aliran tunai terdiskaun yang dianggar digunakan untuk menentukan nilai saksama instrumen kewangan. Nilai wajar bagi kontrak depan pertukaran asing ditentukan menggunakan sebut harga kadar pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira. Nilai wajar bagi pertukaran kadar faedah mata wang bersilang dan pertukaran kadar faedah dikira menggunakan kadar faedah pasaran yang boleh diperhatikan serta lekuk hasil dengan anggaran aliran tunai masa depan merupakan nilai kini. Nilai wajar pelaburan lain ditentukan dengan merujuk kepada harga jualan mutakhir bagi urus niaga setanding dengan pihak ketiga.

Butiran lanjut mengenai risiko kewangan dikemukakan dalam Nota 36.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting

Dasar perakaunan berikut telah diguna secara konsisten dalam mengendalikan perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan.

A Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini telah disediakan menurut kaedah kos sejarah.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan ("MFRS") Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan ini dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu terdekat ('000), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Penyediaan penyata kewangan yang akur kepada MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan tertentu yang kritis dan memberi kesan terhadap jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan juga jumlah hasil serta perbelanjaan yang dilaporkan semasa tahun pelaporan. Ia juga memerlukan para Pengarah menggunakan pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Sungguhpun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang kejadian dan tindakan semasa, namun keputusan sebenar mungkin berbeza. Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan dibentangkan dalam Nota 4 penyata kewangan ini.

(a) Piawaian, pindaan terhadap piawaian serta tafsiran yang telah diterbitkan yang boleh diguna pakai kepada Kumpulan dan Syarikat serta berkuat kuasa

Piawaian perakaunan baharu, pindaan serta penambahbaikan terhadap piawaian serta tafsiran yang telah diterbitkan dan berkuat kuasa untuk tahun kewangan Kumpulan dan Syarikat yang bermula pada atau selepas 1 Februari 2014 adalah seperti berikut:

- Pindaan kepada MFRS 10, 12 dan 127 Entiti Pelaburan (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014)
- Pindaan kepada MFRS 132 Mengimbangi Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014)
- MFRS 139 Pengganti Derivatif dan Kesenambungan Perakaunan Lindung Nilai (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014)
- Tafsiran IC 21 Levi (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014)

Tidak ada kesan ketara terhadap keputusan dan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat apabila piawaian baharu, pindaan terhadap piawaian serta tafsiran yang telah diterbitkan di atas diterima pakai.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

A Asas penyediaan (Samb.)

(b) Piawaian, pindaan terhadap piawaian yang telah diterbitkan serta tafsiran terhadap piawaian sedia ada yang boleh diguna pakai kepada Kumpulan dan Syarikat tetapi belum berkuat kuasa

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian baharu, pindaan terhadap piawaian dan tafsiran dalam tempoh berikut:

(i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Februari 2015

- MFRS 119 Rancangan Faedah Wajib: Caruman Pekerja (berkuat kuasa mulai 1 Julai 2014)
- Penambahbaikan Tahunan terhadap MFRS Kitaran 2010 - 2012 (berkuat kuasa mulai 1 Julai 2014)
- Penambahbaikan Tahunan terhadap MFRS Kitaran 2011 - 2013 (berkuat kuasa mulai 1 Julai 2014)

(ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Februari 2016

- Pindaan terhadap MFRS 116 dan 118 Penjelasan tentang Kaedah Susut Nilai dan Pelunasan yang Boleh Diterima (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016)
- Pindaan terhadap MFRS 11 Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016)
- Pindaan terhadap MFRS 127 Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016)
- Pindaan terhadap MFRS 10 dan MFRS 128 Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Samanya (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016)
- Penambahbaikan Tahunan terhadap MFRS Kitaran 2012 - 2014 (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016)

(iii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Februari 2017

- MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017)

(iv) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Februari 2018

- MFRS 9 "Instrumen Kewangan - Klasifikasi dan Pengukuran Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan" (berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018) menggantikan bahagian MFRS 139 yang berkaitan dengan klasifikasi dan pengukuran instrumen kewangan. MFRS 9 memerlukan aset kewangan dikelaskan kepada dua kategori pengukuran: yang diukur pada nilai wajar dan yang diukur pada kos terlunas. Penentuan dibuat pada pengiktirafan awal. Klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti tersebut dalam menguruskan instrumen kewangannya serta ciri-ciri aliran tunai berkontrak bagi instrumen tersebut. Untuk liabiliti kewangan, piawaian ini mengekalkan sebahagian besar keperluan MFRS 139. Perubahan utama adalah dalam keadaan di mana pilihan nilai wajar diambil untuk liabiliti kewangan, bahagian perubahan nilai wajar yang disebabkan oleh risiko kredit entiti itu sendiri dicatatkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya dalam penyata pendapatan, melainkan keadaan ini mewujudkan salah padan perakaunan.

Terima pakai piawaian, pindaan terhadap piawaian yang telah diterbitkan serta tafsiran terhadap piawaian sedia ada yang boleh diguna pakai di atas tidak dijangkakan akan memberikan kesan material terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat kecuali bagi MFRS 9 dan MFRS 15. Semasa penyediaan penyata kewangan ini, kesan daripada terima pakai piawaian ini belum lagi dapat dinyatakan sepenuhnya.

Tidak ada sebarang piawaian, pindaan terhadap piawaian yang telah diterbitkan serta tafsiran terhadap piawaian sedia ada yang tidak berkuat kuasa yang dijangka mempunyai kesan material ke atas Kumpulan dan Syarikat.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)**B Penyatuan****(a) Subsidiari**

Subsidiari merupakan semua entiti (termasuk entiti berstruktur) di mana Kumpulan mempunyai kawalan terhadapnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak terhadap pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti dan berkeupayaan memberikan kesan terhadap pulangan tersebut melalui kuasanya terhadap entiti.

Subsidiari disatukan sepenuhnya dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan dinyahsatukan dari tarikh kawalan tersebut terhenti.

Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan, seperti yang diterima pakai terhadap pengambilalihan syarikat yang dikawal bersama, kos pengambilalihan diukur sebagai nilai wajar bagi aset yang diperolehi dan liabiliti tertanggung atau diambil alih pada tarikh pertukaran. Jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, maka nilai wajar pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya oleh pengambilalih dalam syarikat diambil alih diukur semula kepada nilai wajar pada tarikh pengambilalihan, dan sebarang nilai wajar atau kerugian yang timbul daripada pengukuran semula yang sedemikian teriktiraf dalam penyata pendapatan. Aset yang diperolehi dan liabiliti serta liabiliti luar jangka yang diambil alih dan dapat dikenal pasti, diukur pada awalnya pada nilai wajar mereka pada tarikh pengambilalihan, tanpa menghiraukan takat kepentingan bukan kawalan. Lebihan kos pengambilalihan ke atas nilai wajar bahagian Kumpulan untuk aset bersih subsidiari diambil alih yang dapat dikenal pasti direkodkan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan adalah kurang daripada nilai wajar aset bersih subsidiari diambil alih, perbezaannya teriktiraf terus dalam penyata pendapatan.

Urus niaga antara syarikat, baki dan nilai wajar belum terealisasi terhadap urus niaga antara syarikat kumpulan disingkirkan. Kerugian belum terealisasi turut disingkirkan. Dasar perakaunan subsidiari telah diubah mengikut keperluan bagi memastikan konsistensi terhadap dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Apabila Kumpulan terhenti mempunyai kawalan, sebarang kepentingan tertahan dalam entiti akan diukur semula pada nilai wajar pada tarikh hilangnya kawalan, dengan perubahan dalam jumlah bawaan teriktiraf dalam penyata pendapatan. Nilai wajar adalah jumlah bawaan awal bagi tujuan mengambil kira kemudiannya kepentingan tertahan sebagai sebuah syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, apa-apa jumlah yang teriktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain berhubung dengan entiti tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan secara langsung aset atau liabiliti berkaitan. Ini mungkin bermakna bahawa jumlah yang dahulunya teriktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan.

(b) Kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan diukur mengikut bahagian mereka selepas pengambilalihan nilai wajar aset dan liabiliti yang dapat dikenal pasti bagi entiti penerima pelaburan. Jumlah pendapatan komprehensif subsidiari milik pemegang ekuiti Syarikat dan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun jika ini mengakibatkan kepentingan bukan kawalan mempunyai baki defisit.

Urus niaga dengan kepentingan bukan kawalan yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urus niaga ekuiti – iaitu sebagai urus niaga dengan pemilik dalam keupayaan mereka sebagai pemilik. Perbezaan antara nilai wajar bagi sebarang balasan yang dibayar dan bahagian berkaitan yang diperolehi bagi nilai bawaan aset bersih subsidiari direkodkan dalam ekuiti. Nilai wajar atau kerugian atas pelupusan kepada kepentingan bukan kawalan turut direkodkan dalam ekuiti.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

B Penyatuan (Samb.)

(c) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan secara amnya mempunyai antara 20% dan 50% hak mengundi, atau di mana Kumpulan mempunyai pengaruh ketara terhadap dasar operasi dan kewangan mereka, tetapi ia tidak mempunyai kawalan terhadapnya.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dimasukkan kira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti dan pada awalnya teriktiraf pada kos. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu merangkumi muhibah (ditolak kejejasan terkumpul) atas pengambilalihan. Di bawah kaedah ini, bahagian Kumpulan bagi keuntungan atau kerugian selepas pengambilalihan syarikat bersekutu teriktiraf dalam penyata pendapatan dan bahagiannya bagi pergerakan dalam rizab selepas pengambilalihan teriktiraf dalam rizab. Pergerakan terkumpul selepas pengambilalihan diselaras berbanding kos pelaburan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu adalah bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan Kumpulan telah menanggung obligasi di sisi undang-undang atau obligasi konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Nilai wajar belum terealisasi ke atas urus niaga antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya disingkirkan sehingga ke takat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Kerugian belum terealisasi turut disingkirkan, melainkan urus niaga tersebut memberi bukti terdapat kejejasan bagi aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan syarikat bersekutu telah diubah mengikut keperluan untuk memastikan konsistensi terhadap dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Nilai wajar dan kerugian kecairan yang timbul daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu teriktiraf dalam penyata pendapatan.

(d) Pengaturan bersama

Pengaturan bersama adalah suatu pengaturan di mana terdapat persetujuan secara kontrak oleh Kumpulan untuk berkongsi kawalan dengan satu atau lebih pihak, di mana keputusan tentang aktiviti relevan yang berkaitan dengan pengaturan bersama memerlukan persetujuan sebulat suara pihak yang berkongsi kawalan. Klasifikasi pengaturan bersama sebagai operasi bersama atau usaha sama bergantung kepada hak dan obligasi pihak-pihak ini terhadap pengaturan. Usaha sama adalah pengaturan bersama di mana usaha sama mempunyai hak terhadap aset bersih pengaturan. Operasi bersama adalah pengaturan bersama di mana operator bersama mempunyai hak terhadap aset dan obligasi terhadap liabiliti, yang berkaitan dengan pengaturan.

Kepentingan Kumpulan dalam usaha sama dimasukkan kira dalam penyata kewangan mengikut kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, kepentingan dalam usaha sama pada awalnya teriktiraf pada kos dan diselaraskan sesudah itu bagi mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan selepas pengambilalihan dan pergerakan dalam pendapatan komprehensif lain. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam usaha sama adalah bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam usaha sama (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang pada amnya, membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam usaha sama), Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia telah menanggung obligasi di sisi undang-undang atau obligasi konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak usaha sama.

Nilai wajar belum terealisasi ke atas urus niaga antara Kumpulan dan usaha samanya disingkirkan sehingga ke takat kepentingan Kumpulan dalam usaha sama. Kerugian belum terealisasi turut disingkirkan melainkan urus niaga tersebut memberi bukti terdapat kejejasan terhadap aset yang dipindahkan. Dasar perakaunan usaha sama telah diubah mengikut keperluan bagi memastikan konsistensi dengan dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)**C Hartanah, loji dan peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut asas garis lurus bagi menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat bergunanya. Aset dipajak yang dipermodalkan disusut nilai sepanjang anggaran hayat berguna atau tempoh pajakannya, bergantung kepada yang mana yang lebih pendek.

Anggaran hayat berguna bagi aset adalah seperti berikut:

Bangunan	40 tahun
Transponder satelit	15 tahun
Peralatan, lekapan dan kelengkapan	3 - 10 tahun
Peralatan siaran dan penghantaran	3 - 10 tahun

Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai kerana mempunyai hayat berguna tidak terhad.

Termasuk dalam peralatan siaran dan penghantaran ialah kotak set-top dan unit ceper luar (secara kolektifnya disebut "Kotak HD set-top") yang diguna untuk menyediakan Perkhidmatan Berdefinisi Tinggi Astro ("Astro Beyond") kepada para pelanggan Astro. Kotak HD set-top ini kekal sebagai hak milik Kumpulan selepas pemasangan. Kotak HD set-top ini dipermodalkan dan disusut nilai sepanjang hayat ekonomi selama 3 tahun.

Susut nilai tidak dikira bagi aset sedang dalam pembinaan sehingga aset tersebut siap dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang tanda kejejasan. Jika wujud tanda sedemikian, suatu analisis dilakukan untuk menilai sama ada jumlah bawaan aset tersebut boleh didapatkan kembali sepenuhnya. Nilai sisa dan hayat berguna aset tersebut dikaji semula, dan diselaraskan sekiranya bersesuaian pada setiap tarikh kunci kira-kira. Penurunan nilai dibuat sekiranya jumlah bawaan melebihi jumlah boleh didapatkan kembali. Sila lihat dasar perakaunan Nota 3(G) tentang kejejasan aset bukan kewangan.

Kos faedah atas pinjaman bagi membiayai pembinaan hartanah, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset sepanjang tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset bagi kegunaan yang dimaksudkan. Kos pinjaman lain diambil kira sebagai perbelanjaan.

Nilai wajar dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan penerimaan dengan jumlah bawaan dan dimasukkan dalam penyata pendapatan.

D Pajakan**(a) Pajakan kewangan**

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil alih hampir kesemua risiko dan ganjaran pemilikan diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan di permulaan pajakan pada nilai wajar hartanah pajakan atau nilai kini bayaran pajakan minimum, bergantung kepada yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan agar mencapai kadar malar berkala ke atas baki belum jelas. Obligasi sewa yang sepadan, ditolak caj kewangan, dimasukkan sebagai sebahagian daripada pinjaman.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

D Pajakan (Samb.)

(a) Pajakan kewangan (Samb.)

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi di bawah pajakan kewangan disusut nilai sepanjang hayat berguna aset dan tempoh pajakan, bergantung kepada yang mana lebih pendek. Aset yang diperolehi di bawah pajakan kewangan disusut nilai menurut asas yang dikemukakan dalam Nota 3(C).

Kos langsung peringkat awal yang ditanggung oleh Kumpulan dalam perundingan dan pengaturan pajakan kewangan ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan teriktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pajakan mengikut asas yang sama seperti perbelanjaan pajakan.

(b) Pajakan Operasi

Pajakan di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan oleh pemberi pajak diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi (ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) dicajkan kepada penyata pendapatan mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

E Aset tak ketara

(a) Muhibah

Muhibah merupakan lebihan agregat nilai saksama balasan yang dipindahkan daripada pengambilalihan sesebuah subsidiari/syarikat bersekutu/usaha sama, jumlah bagi sebarang kepentingan bukan kawalan dalam subsidiari/syarikat bersekutu/usaha sama dan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi sebarang kepentingan ekuiti terdahulu dalam subsidiari/syarikat bersekutu/usaha sama terhadap nilai saksama bahagian Kumpulan bagi aset diperolehi yang dapat dikenal pasti serta liabiliti yang diambil alih bagi subsidiari/syarikat bersekutu/usaha sama yang diperolehi pada tarikh pengambilalihan. Muhibah atas pengambilalihan subsidiari dimasukkan ke dalam aset tak ketara. Muhibah atas pengambilalihan pelaburan yang dimasuk kira menggunakan kaedah ekuiti dimasukkan dalam pelaburan. Muhibah tidak dilunaskan, tetapi tertakluk kepada semakan tahunan bagi kejelasan dan dibawa pada kos tolak kerugian kejelasan terkumpul. Sebarang kejelasan dicaj kepada penyata pendapatan apabila ia timbul dan tidak dikembalikan kemudiannya. Pengiraan nilai wajar dan kerugian atas pelupusan mengambil kira jumlah bawaan muhibah yang berkaitan dengan entiti yang telah dijual.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penjana tunai bagi tujuan menguji kejelasan. Peruntukan tersebut dibuat kepada unit penjana tunai atau kumpulan unit penjana tunai yang dijangka mendapat faedah daripada gabungan perniagaan di mana timbulnya muhibah, yang dikenal pasti menurut segmen operasi.

(b) Perisian komputer

Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian unik yang dapat dikenal pasti serta dikawal oleh Kumpulan dan berkemungkinan menjana faedah ekonomi melebihi kos melangkaui setahun, teriktiraf sebagai aset tak ketara. Kos yang berkaitan dengan penyelenggaraan program perisian komputer teriktiraf sebagai perbelanjaan apabila tertanggung.

Perbelanjaan yang meningkatkan atau melanjutkan prestasi program perisian komputer melebihi spesifikasi asal mereka teriktiraf sebagai penambahbaikan modal dan ditambah kepada kos asal perisian tersebut. Kos perisian komputer yang teriktiraf sebagai aset dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat ekonomi bergunanya selama 3 – 4 tahun. Pelunasan dimasukkan ke dalam kos jualan, perbelanjaan pentadbiran dan kos pemasaran serta pengedaran, mengikut kesesuaian.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)**E Aset tak ketara (Samb.)****(c) Pembangunan perisian**

Pelunasan tidak dikira untuk pembangunan perisian sehingga siapnya perisian dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan.

Kos yang dimiliki secara langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian memasukkan kos kakitangan pembangunan perisian serta bahagian overhead berkaitan yang sesuai. Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini teriktiraf sebagai perbelanjaan tertanggung. Kos pembangunan yang sebelumnya teriktiraf sebagai perbelanjaan tidak teriktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, suatu analisis dilakukan untuk menilai sama ada jumlah bawaan aset tersebut boleh didapatkan kembali sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat sekiranya jumlah bawaan melebihi jumlah yang boleh didapatkan kembali. Sila lihat dasar perakaunan Nota 3(G) tentang kejayaan aset bukan kewangan.

(d) Jenama

Jenama yang diperolehi dalam gabungan perniagaan berkaitan dengan perniagaan radio teriktiraf pada nilai wajar pada tarikh pengambilalihan. Jenama ini mempunyai hayat berguna yang tidak pasti dan tidak dilunaskan, tetapi tertakluk kepada semakan tahunan untuk kejayaan dan dibawa pada kos tolak kerugian kejayaan terkumpul. Sebarang kejayaan dicajkan kepada penyata pendapatan apabila ia timbul.

Hayat berguna bagi jenama ini dianggarkan sebagai tidak pasti berdasarkan kedudukannya yang kukuh dalam pasaran dan keutamaan yang jelas bagi syarikat radio yang serupa yang telah mengguna pakai hayat tidak pasti untuk jenama radio. Pihak Pengurusan percaya tidak ada had yang boleh diramal kepada tempoh yang mana jenama ini dijangka menjana aliran masuk tunai bersih untuk Kumpulan.

(e) Perpustakaan filem dan hak program

Perpustakaan filem terdiri daripada filem yang diperolehi dan diterbitkan untuk Kumpulan dengan tujuan utama untuk mengeksploitasi perpustakaan tersebut melalui penayangan dan pelesenan filem sedemikian sebagai sebahagian daripada operasi jangka panjang Kumpulan. Perpustakaan filem ini dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul.

Pelunasan perpustakaan filem adalah mengikut asas filem individu berdasarkan perkadaran hasil sebenar yang diperolehi semasa tahun kewangan berbanding anggaran jumlah hasil yang dijangka akan diperolehi sepanjang tempoh hasil, yang tidak melebihi tiga tahun, bermula dari tarikh apabila hasil dijana buat pertama kali. Anggaran hasil muktamad yang dijangka diperolehi disemak secara berkala dan kerugian kejayaan tambahan teriktiraf jika sesuai. Pelunasan dimasukkan ke dalam kos jualan.

Kos filem yang sedang dalam pembikinan merangkumi perbelanjaan yang tertanggung dalam penerbitan filem tersebut dan dinyatakan pada kos. Pelunasan kos tertanggung untuk filem yang sedang dalam pembikinan akan bermula semasa tempoh wayang gambar tersebut ditayangkan di pawagam.

Hak program merangkumi hak pelesenan daripada pihak ketiga dan program yang diterbitkan untuk Kumpulan serta penerbitan yang sedang dijalankan dengan tujuan utama untuk disiarkan dalam keadaan biasa kitaran operasi Kumpulan. Hak ini dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

E Aset tak ketara (Samb.)

(e) Perpustakaan filem dan hak program (Samb.)

Kumpulan melunaskan hak program mengikut asas dipercepatkan sepanjang tempoh lesen atau anggaran hayat berguna sekiranya lebih pendek, dari tarikh siaran pertama, untuk memadankan kos penggunaan dengan anggaran faedah yang bakal diterima. Pelunasan dimasukkan dalam kos jualan. Tempoh pelunasan tidak melebihi daripada tiga tahun.

Kos hak program bagi sukan dilunaskan mengikut asas garis lurus sepanjang musim atau setiap tahun, bergantung kepada jangkaan penggunaan hak. Acara langsung atau acara sekali sahaja dilunaskan sepenuhnya pada tarikh siaran pertama.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang tanda kekejasan. Sekiranya kekejasan sedemikian wujud, suatu analisis akan dilakukan untuk menilai sama ada jumlah bawaan aset tersebut boleh didapatkan kembali sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat sekiranya jumlah bawaan melebihi jumlah yang boleh didapatkan semula. Sila lihat dasar perakaunan Nota 3(G) tentang kekejasan aset bukan kewangan.

(f) Hak lesen untuk acara

Hak lesen untuk acara dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kekejasan. Hak ini dilunaskan sepanjang baki tempoh perjanjian hak dan diuji untuk kekejasan setiap tahun atau lebih kerap lagi jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin terjejas.

F Hak transmisi rangkaian berbalik

Kos transmisi rangkaian berbalik (yuran pembekal program), di mana Kumpulan mempunyai hak siaran segera, adalah perbelanjaan yang tertanggung.

G Kekejasan aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna tidak pasti, contohnya muhibah atau aset tak ketara yang belum sedia digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan atau susut nilai dan diuji setiap tahun untuk sebarang kekejasan. Aset yang tertakluk kepada pelunasan atau susut nilai disemak untuk kekejasan apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa jumlah bawaan mungkin tidak boleh didapatkan kembali. Kerugian kekejasan teriktiraf untuk jumlah di mana jumlah bawaan aset melebihi jumlah yang boleh didapatkan kembali. Jumlah yang boleh didapatkan semula adalah nilai wajar aset tersebut tolak kos untuk menjual dan nilai kegunaannya, bergantung kepada yang mana lebih tinggi. Bagi tujuan menilai kekejasan, aset dikumpul pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang menanggung kekejasan akan disemak untuk sebarang balikan kekejasan pada setiap tarikh laporan.

Kerugian kekejasan dicaj kepada penyata pendapatan melainkan ia membalikkan penilaian semula yang terdahulu di mana dalam keadaan ini ia dicajkan kepada lebih penilaian semula. Berhubung dengan aset lain, sebarang pertambahan dalam jumlah boleh didapatkan semula kemudiannya, akan teriktiraf dalam penyata pendapatan melainkan ia membalikkan kerugian kekejasan ke atas aset yang telah dinilai semula, di mana dalam keadaan ini, ia dibawa kepada lebih penilaian semula.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

H Inventori

Inventori yang terutamanya merangkumi pita, kotak set-top yang digunakan dalam penyediaan perkhidmatan bukan langganan, barang dagangan serta bahan lain dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalisasi bersih, bergantung kepada yang mana lebih rendah.

Kos ditentukan berdasarkan kaedah kos purata berwajaran. Sekiranya sesuai, peruntukan dibuat untuk inventori lapuk atau inventori yang bergerak perlahan berdasarkan analisis pihak pengurusan terhadap tahap inventori dan ramalan jualan masa depan.

Nilai boleh direalisasi bersih merupakan anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak perbelanjaan penjualan boleh ubah.

I Pinjaman

Pinjaman dinyatakan pada kos pelunasan menggunakan kaedah hasil berkesan; sebarang perbezaan antara nilai bawaan asal dan nilai penebusan teriktiraf dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah faedah berkesan sepanjang tempoh pinjaman.

J Cukai semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai teriktiraf dalam penyata kewangan, kecuali sehingga ke takat ia berkaitan dengan perkara yang teriktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau terus ke dalam ekuiti. Dalam keadaan ini, cukai turut teriktiraf, masing-masing sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau terus ke dalam ekuiti.

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada akhir tempoh pelaporan.

Pihak pengurusan menilai kedudukan yang diambil dalam pulangan cukai secara berkala berhubung dengan keadaan di mana peraturan cukai yang boleh diguna pakai adalah tertakluk kepada tafsiran. Ia menetapkan peruntukan di mana sesuai berdasarkan jumlah yang dijangka akan dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Liabiliti ini diukur menggunakan satu-satunya anggaran terbaik tentang hasil yang paling berkemungkinan.

Cukai tertunda teriktiraf menggunakan kaedah liabiliti, berdasarkan perbezaan sementara yang timbul antara jumlah pemilikan kepada aset dan liabiliti bagi tujuan cukai serta jumlah bawaan dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak dimasukkan jika sekiranya ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada gabungan perniagaan yang pada masa urus niaga tersebut tidak memberi kesan terhadap perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka diguna pakai apabila aset cukai tertunda yang berkaitan terealisasi atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Aset cukai tertunda teriktiraf sehingga ke tahap terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan tersedia yang mana daripadanya perbezaan sementara yang boleh dipotong, kerugian cukai atau kredit cukai tidak dipakai, boleh digunakan.

Cukai tertunda teriktiraf atas perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam subsidiari, syarikat bersekutu dan usaha sama kecuali apabila masa pembalikan bagi perbezaan sementara ini boleh dikawal dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara ini tidak akan berbalik pada masa hadapan yang boleh diramal.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

J Cukai semasa dan tertunda (Samb.)

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan cukai pendapatan diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk mengimbangi aset cukai semasa berbanding liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa pencukaian yang sama, sama ada ke atas entiti boleh dicukai atau entiti boleh cukai yang berbeza, di mana terdapat niat untuk menyelesaikan baki atas dasar bersih.

K Manfaat Pekerja

(a) Manfaat jangka pendek pekerja

Upah, gaji, cuti tahunan bergaji, bonus dan manfaat bukan wang adalah terakru dalam tempoh kewangan di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan. Kumpulan mengiktiraf peruntukan di mana terdapat obligasi secara berkontrak atau di mana terdapat amalan di masa lalu yang telah mewujudkan obligasi konstruktif.

(b) Pelan caruman wajib

Pelan caruman wajib adalah pelan pencen di mana dibawahnya Kumpulan membayar caruman tetap kepada sebuah entiti berasingan (sebuah dana) dan tidak mempunyai sebarang obligasi di sisi undang-undang atau obligasi konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika dana tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar kesemua manfaat kakitangan yang berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh semasa dan terdahulu.

Kumpulan membayar caruman kepada pelan pencen yang ditadbir secara awam mengikut kadar mandatori, berkontrak atau sukarela, yang dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tempoh berkaitan. Sebaik sahaja caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai sebarang obligasi pembayaran selanjutnya. Caruman tetap dimasukkan kira atas dasar akrual.

(c) Manfaat pemberhentian

Faedah pemberhentian perlu dibayar apabila pekerjaan ditamatkan oleh Kumpulan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila seseorang kakitangan menerima pemberhentian sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian lebih awal daripada tarikh berikut: (a) apabila Kumpulan tidak lagi boleh menarik balik tawaran manfaat tersebut; dan (b) apabila entiti mengiktiraf kos penstrukturan semula yang berada dalam skop MFRS 137 "Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka" dan melibatkan pembayaran manfaat pemberhentian. Sekiranya ada tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela, manfaat pemberhentian diukur berdasarkan bilangan kakitangan yang dijangka menerima tawaran tersebut. Manfaat yang kena bayar lebih daripada 12 bulan selepas berakhirnya tempoh pelaporan adalah terdiskaun pada nilai kininya.

(d) Urus niaga bayaran berasaskan saham

Kumpulan dan Syarikat mengendali pelan pampasan berasaskan saham diselesaikan dengan ekuiti di mana Kumpulan dan Syarikat menerima perkhidmatan daripada kakitangan sebagai balasan untuk instrumen ekuiti (opsyen) Syarikat. Nilai wajar perkhidmatan kakitangan yang diterima sebagai pertukaran kepada pemberian saham teriktiraf sebagai perbelanjaan dengan pertambahan yang sepadan kepada ekuiti. Jumlah yang diambil kira sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh letak hak ditentukan dengan merujuk kepada nilai wajar pemberian saham, tidak termasuk impak terhadap sebarang perkhidmatan dan syarat letak hak bagi prestasi bukan pasaran.

Syarat letak hak bukan pasaran dimasukkan ke dalam andaian tentang bilangan opsyen yang dijangka akan diletak hak. Jumlah perbelanjaan teriktiraf sepanjang tempoh letak hak, iaitu tempoh di mana kesemua syarat letak hak yang ditetapkan perlu dipenuhi. Pada penghujung tempoh pelaporan, Syarikat menyemak anggaran bilangan opsyen yang dijangka diletak hak berdasarkan syarat letak hak bukan pasaran. Ia mengiktiraf kesan semakan berbanding anggaran asal, dan sekiranya ada, ia teriktiraf dalam penyata pendapatan, dengan pelarasan yang sepadan kepada rizab opsyen saham dalam ekuiti.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)**K Manfaat Pekerja (Samb.)****(d) Urus niaga bayaran berasaskan saham (Samb.)**

Nilai wajar pemberian saham diukur menggunakan Model Simulasi Monte Carlo. Input pengukuran termasuklah harga saham pada tarikh pengukuran, ketaktentuan pasaran yang dijangkakan (berdasarkan sejarah ketaktentuan purata berwajaran yang diselaraskan untuk perubahan yang dijangka disebabkan oleh maklumat yang tersedia untuk umum), jangkaan dividen, serta kadar faedah tanpa risiko (berdasarkan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia).

(e) Bayaran ganjaran

Bayaran ganjaran kepada kakitangan teriktiraf apabila kriteria kelayakan dipenuhi dan dibayar apabila kakitangan yang layak bersara.

L Mata wang asing**(a) Mata wang fungsian dan pembentangan**

Perkara yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan mata wang fungsian dan pembentangan Syarikat.

(b) Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada RM menggunakan kadar pertukaran lazim pada tarikh urus niaga. Nilai wajar dan kerugian pertukaran asing yang terhasil daripada penyelesaian urus niaga sedemikian dan daripada pertukaran pada kadar pertukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi mata wang asing teriktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila tertunda dalam pendapatan komprehensif lain sebagai lindung nilai aliran tunai yang layak.

M Tunai dan kesamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai merupakan tunai di tangan, tunai di bank dan deposit dengan bank yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 3 bulan.

N Liabiliti dan aset luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mengemukakan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah kemungkinan obligasi yang timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa depan yang belum pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi kini yang tidak teriktiraf kerana tidak ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti luar jangka turut timbul dalam keadaan yang teramat jarang di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh teriktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti.

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan timbul daripada peristiwa lampau yang mana kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa depan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan mengemukakan kewujudan aset luar jangka di mana aliran masuk faedah ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak benar-benar pasti.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

O Peruntukan

Peruntukan teriktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi di sisi undang-undang atau obligasi konstruktif masa kini akibat daripada peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan yang lebih besar bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran jumlah boleh dibuat secara andaian.

Peruntukan diukur pada nilai kini perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut menggunakan kadar pracukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus kepada obligasi tersebut.

P Modal saham

(a) Klasifikasi

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Saham lain diklasifikasikan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti bergantung kepada unsur ekonomi bagi sesuatu instrumen.

(b) Kos penerbitan saham

Pertambahan kos luaran yang dimiliki secara langsung kepada penerbitan saham baharu diperlihatkan dalam ekuiti sebagai potongan, ditolak cukai, daripada penerimaan.

(c) Dividen

Dividen ke atas saham biasa teriktiraf sebagai liabiliti apabila diisytiharkan, selain daripada dividen akhir yang teriktiraf apabila diluluskan oleh ahli semasa Mesyuarat Agung Tahunan.

(d) Saham Keutamaan Boleh Tebus ("RPS")

RPS diklasifikasikan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti bergantung kepada unsur pengaturan berkontrak bagi instrumen tertentu.

Q Pengiktirafan Hasil

Pendapatan dividen Syarikat teriktiraf apabila hak untuk menerima bayaran ditetapkan.

Yuran langganan yang diperolehi daripada perkhidmatan televisyen satelit teriktiraf sebagai diperolehi sepanjang tempoh kewangan perkhidmatan tersebut diberikan. Yuran langganan yang diterima sebelum perkhidmatan teriktiraf sebagai hasil belum diperolehi.

Hasil masa siaran, yang diperolehi daripada penempatan iklan di televisyen dan penyiaran iklan di stesen radio, diiktiraf dalam tempoh apabila iklan disiarkan, ditolak cukai perkhidmatan dan diskaun.

Hasil pengiklanan daripada penjualan ruang iklan di majalah diiktiraf dalam tempoh apabila iklan tersebut diterbitkan, ditolak cukai perkhidmatan dan diskaun.

Hasil pengiklanan tertentu dijana daripada urus niaga barter sebagai pertukaran untuk peralatan, barangan atau perkhidmatan yang diberikan oleh pihak pengiklan. Hasil sedemikian direkodkan pada kadar anggaran nilai pasaran wajar bagi peralatan dan barangan yang diterima. Hasil ini teriktiraf sepanjang tempoh kontrak bilamana iklan disiarkan. Nilai pasaran wajar bagi peralatan dan barangan yang diterima direkodkan sebagai aset apabila ia layak untuk pengiktirafan aset atau jika tidak, akan dikira sebagai perbelanjaan. Perkhidmatan yang diterima sebagai pertukaran di kira sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh perkhidmatan.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)**Q Pengiktirafan Hasil (Samb.)**

Pendapatan pelesenan teriktiraf sepanjang tahun yang dikontrakkan berdasarkan yuran tetap, yang diselaraskan menurut pelbagai pemacu seperti bilangan pelanggan saluran, atau bilangan saluran linear yang tersedia.

Hasil daripada jualan kotak set-top bagi perkhidmatan bukan langganan teriktiraf dalam tempoh ia dihantar bilamana pemilikan dipindahkan kepada pelanggan semasa penyerahan. Kotak HD set-top tidak dijual kerana pemilikan terhadap kotak ini kekal milik Kumpulan, seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(C).

Hasil daripada peruntukan perpustakaan filem dan hak program teriktiraf dalam tempoh hak tersebut tersedia buat pemegang lesen.

Yuran daripada pembangunan aplikasi multimedia dan interaktif (perkhidmatan interaktif) teriktiraf sepanjang tempoh berkontrak di mana berlakunya proses pembangunan. Yuran daripada hak untuk mengakses aplikasi multimedia dan interaktif teriktiraf sepanjang tempoh apabila perkhidmatan disediakan.

Hasil daripada jualan barang dagangan teriktiraf semasa barangan diserahkan kepada pelanggan, ditolak pulangan.

Pendapatan faedah teriktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

Mata ganjaran kesetiaan di bawah program kesetiaan pelanggan dimasukkan kira sebagai komponen yang boleh dikenal pasti secara berasingan bagi urusan niaga di mana ia diberikan. Nilai wajar bagi balasan yang diterima berhubung dengan penjualan awal diperuntukkan antara kos mata ganjaran kesetiaan dan komponen jualan lain. Balasan yang diperuntukkan kepada mata ganjaran kesetiaan teriktiraf dalam penyata pendapatan di bawah tajuk 'hasil' apabila mata ganjaran kesetiaan ditebus.

R Instrumen Kewangan**(a) Instrumen kewangan yang teriktiraf dalam kunci kira-kira**

Instrumen kewangan yang dibawa dalam kunci kira-kira merangkumi tunai dan baki bank, deposit, belum terima, belum bayar, peminjaman dan pelaburan lain. Kaedah pengiktirafan khusus yang diterima pakai untuk instrumen kewangan teriktiraf dalam kunci kira-kira seperti yang dinyatakan dalam penyata dasar perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap perkara.

(b) Anggaran nilai wajar bagi tujuan pendedahan

Dalam menaksir nilai wajar instrumen kewangan, Kumpulan membuat andaian tertentu berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira dan mengguna pakai kaedah aliran tunai terdiskaun untuk mendiskaunkan aliran tunai masa depan bagi menentukan nilai wajar instrumen kewangan.

Nilai muka tolak sebarang anggaran pelarasan kredit, untuk aset dan liabiliti kewangan dengan tempoh matang kurang daripada setahun, dianggap menghampiri nilai wajarnya.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

S Aset kewangan

(a) Klasifikasi

Kumpulan mengklasifikasikan aset kewangannya mengikut kategori berikut: pada nilai wajar melalui untung rugi ("FVTPL"), pinjaman dan belum terima, sedia dijual ("AFS") dan dipegang sehingga matang ("HTM"). Klasifikasi ini bergantung kepada tujuan aset kewangan diperolehi. Pihak pengurusan menentukan klasifikasi aset kewangannya pada pengiktirafan awal.

(i) Aset kewangan pada FVTPL

Aset kewangan pada FVTPL merupakan aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan. Sesuatu aset kewangan diklasifikasikan dalam kategori ini sekiranya tujuan utama diperolehi adalah untuk menjualnya dalam jangka masa pendek. Derivatif juga dikategorikan sebagai dipegang untuk perdagangan melainkan ia ditetapkan sebagai lindung nilai. Aset dalam kategori ini diklasifikasikan sebagai aset semasa.

(ii) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia termasuk dalam aset semasa, kecuali bagi pinjaman dengan kematangan melebihi dua belas bulan selepas tarikh kunci kira-kira, yang diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa. Ia termasuk dalam belum terima dan prabelum bayar dalam kunci kira-kira pada kos pelunasan.

(iii) Pelaburan AFS

Aset kewangan AFS adalah bukan derivatif yang sama ada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori lain. Ia termasuk dalam aset bukan semasa melainkan pelaburan tersebut mencapai kematangan atau pihak pengurusan berniat untuk melupuskannya dalam masa dua belas bulan dari berakhirnya tempoh pelaporan.

(iv) Pelaburan HTM

Aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan dan tempoh matang yang tetap diklasifikasikan sebagai dipegang sehingga matang apabila Kumpulan mempunyai niat positif dan kemampuan untuk memegangnya sehingga matang. Ia diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa apabila tempoh kematangan yang tinggal adalah melebihi dua belas bulan dan diklasifikasikan sebagai aset semasa apabila tempoh kematangan yang tinggal adalah kurang daripada dua belas bulan. Ia termasuk dalam aset kewangan dalam kunci kira-kira pada kos pelunasan. Sekiranya Kumpulan ingin menjual selain daripada jumlah yang kecil bagi aset kewangan yang dipegang sehingga matang, maka seluruh kategori ini akan tercemar dan diklasifikasikan semula sebagai sedia dijual.

(b) Pengiktirafan dan pengukuran

Belian dan jualan aset kewangan teriktiraf pada tarikh dagangan – tarikh di mana Kumpulan memberikan komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Pelaburan pada awalnya teriktiraf pada nilai wajar ditambah kos urus niaga untuk semua aset kewangan yang tidak dibawa pada FVTPL. Aset kewangan yang dibawa pada FVTPL teriktiraf pada awalnya pada nilai wajar, dan kos urus niaga merupakan perbelanjaan dalam penyata pendapatan. FVTPL kemudiannya dibawa pada nilai wajar. Pinjaman dan belum terima serta aset kewangan dipegang sehingga matang kemudiannya dibawa pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. AFS kemudiannya dibawa pada nilai wajar. Sebarang nilai wajar atau kerugian daripada perubahan nilai wajar AFS teriktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi kerugian kejejasan, nilai wajar dan kerugian pertukaran asing ke atas instrumen kewangan, faedah dan dividen yang teriktiraf dalam penyata pendapatan.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)**S Aset kewangan (Samb.)****(c) Pengukuran terkemudian - Kejejasan aset kewangan**

Aset kewangan yang dibawa pada kos pelunasan adalah terjejas apabila terdapat bukti objektif bahawa nilai kini bagi anggaran aliran tunai masa depan terdiskaun adalah lebih rendah daripada nilai bawaannya akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku. Sebarang kerugian kejejasan teriktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan. Aset kewangan dipantau secara berterusan dan elaun dikenakan terhadap aset kewangan secara kolektif berdasarkan pengalaman sejarah kerugian Kumpulan dan Syarikat bagi kategori berusia yang relevan.

Sekiranya, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian kejejasan berkurangan dan pengurangan ini boleh dikaitkan secara objektif dengan sesuatu peristiwa yang berlaku selepas kejejasan teriktiraf, pembalikan kerugian kejejasan yang teriktiraf sebelum ini akan teriktiraf dalam penyata pendapatan.

Apabila sesuatu aset tidak boleh dikumpulkan, ia dihapus kira daripada akaun elaun berkaitan. Aset sedemikian dihapus kira setelah segala prosedur yang perlu telah disempurnakan dan jumlah kerugian ditentukan.

Jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum bertanggung) terdiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Jumlah bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian teriktiraf dalam penyata pendapatan. Sekiranya 'pinjaman dan belum terima' mempunyai kadar faedah boleh ubah, maka kadar diskaun bagi mengukur sebarang kerugian kejejasan merupakan kadar faedah berkesan semasa yang ditentukan di bawah kontrak.

Kumpulan boleh mengukur kejejasan berdasarkan nilai wajar sesuatu instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh diperhatikan.

Dalam kes sekuriti ekuiti yang diklasifikasikan sebagai sedia dijual, selain daripada kriteria untuk aset kewangan dibawa pada kos pelunasan di atas, suatu kemerosotan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai wajar sekuriti yang lebih rendah daripada kosnya, turut dianggap sebagai petunjuk bahawa aset tersebut telah terjejas. Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud bagi aset kewangan sedia dijual, maka kerugian kumulatif yang telah teriktiraf secara langsung dalam ekuiti akan dipindahkan daripada ekuiti dan teriktiraf dalam penyata pendapatan. Jumlah kerugian kumulatif yang diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan merupakan perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai wajar semasa, tolak sebarang kerugian kejejasan pada aset kewangan tersebut yang sebelumnya teriktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian kejejasan yang teriktiraf dalam penyata pendapatan bagi instrumen ekuiti yang diklasifikasikan sebagai sedia dijual, tidak akan dikembalikan melalui penyata pendapatan.

(d) Penarikan balik pengiktirafan

Aset kewangan dinyah iktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah luput atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan hampir kesemua risiko dan ganjaran pemilikan.

Apabila AFS dijual, pelarasan nilai wajar terkumpul yang teriktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula kepada penyata pendapatan.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

T Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dalam skop MFRS 139 “Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran” teriktiraf dalam kunci kira-kira apabila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak bagi instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan teriktiraf di awalnya pada nilai wajar, malah, dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, ia merupakan kos urus niaga yang dimiliki secara langsung.

Berikutan pengiktirafan awal, derivatif diukur pada nilai wajar. Liabiliti kewangan lain (kecuali bagi jaminan kewangan) diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Bagi liabiliti kewangan selain daripada derivatif, nilai wajar dan kerugian teriktiraf dalam penyata pendapatan apabila liabiliti dinyah iktiraf, dan melalui proses pelunasan. Sebarang nilai wajar dan kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama derivatif teriktiraf dalam penyata pendapatan. Nilai wajar dan kerugian bersih ke atas derivatif merangkumi perbezaan pertukaran.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti lain daripada pemberi pinjaman yang sama mengikut terma yang sebahagian besarnya adalah berbeza, atau sebahagian besar terma bagi liabiliti sedia ada berubah suai, maka perubahan atau pengubahsuaian sedemikian dianggap sebagai penarikan balik pengiktirafan terhadap liabiliti asal dan pengiktirafan terhadap liabiliti baharu, dan perbezaan dalam jumlah bawaan masing-masing teriktiraf dalam penyata pendapatan.

U Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai

Derivatif teriktiraf di awalnya pada nilai wajar pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan diukur semula kemudiannya pada nilai wajar mereka. Kaedah untuk mengiktiraf nilai wajar atau kerugian yang terhasil bergantung kepada sama ada derivatif tersebut ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, dan sekiranya demikian, bagaimana perkara itu dilindung nilai.

Di permulaan urus niaga, Kumpulan mendokumenkan hubungan antara instrumen lindung nilai dan perkara lindung nilai, dan juga objektif serta strategi pengurusan risiko bagi melaksanakan pelbagai urus niaga lindung nilai. Kumpulan juga mendokumenkan penilaiannya, kedua-duanya di permulaan lindung nilai dan atas dasar berterusan, sama ada derivatif yang digunakan dalam urus niaga lindung nilai adalah amat berkesan dalam mengimbangi perubahan dalam aliran tunai perkara yang dilindung nilai.

Nilai wajar bagi pelbagai instrumen derivatif yang digunakan untuk tujuan lindung nilai dinyatakan dalam penyata kewangan. Pergerakan dalam rizab lindung nilai dalam ekuiti pemegang saham dikemukakan dalam Penyata Perubahan Ekuiti. Nilai saksama yang sepenuhnya bagi derivatif lindung nilai diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti bukan semasa apabila tempoh kematangan yang tinggal bagi perkara lindung nilai adalah lebih daripada dua belas bulan dan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti semasa apabila tempoh kematangan yang tinggal bagi perkara lindung nilai adalah kurang daripada dua belas bulan. Derivatif dagangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti semasa.

(a) Lindung nilai aliran tunai

Bahagian perubahan berkesan dalam nilai saksama derivatif yang ditetapkan dan layak sebagai lindung nilai aliran tunai, teriktiraf dalam ekuiti. Nilai wajar atau kerugian yang berkaitan dengan bahagian tidak berkesan teriktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

Jumlah terkumpul dalam ekuiti dikitar semula dalam penyata pendapatan dalam tempoh apabila perkara lindung nilai memberi kesan terhadap keuntungan atau kerugian. Walau bagaimanapun, apabila urus niaga ramalan yang dilindung nilai mengakibatkan pengiktirafan terhadap aset bukan kewangan, maka nilai wajar dan kerugian yang sebelumnya tertunda dalam ekuiti, dipindahkan daripada ekuiti dan dimasukkan dalam pengukuran awal kos aset.

3 Ringkasan Dasar Perakaunan yang Penting (Samb.)

U Instrumen kewangan derivatif dan aktiviti lindung nilai (Samb.)

(a) Lindung nilai aliran tunai (Samb.)

Apabila instrumen lindung nilai luput atau dijual, atau apabila lindung nilai tersebut tidak lagi menepati kriteria perakaunan lindung nilai, sebarang nilai wajar atau kerugian kumulatif yang terdapat dalam ekuiti pada masa tersebut kekal dalam ekuiti dan teriktiraf apabila urusan niaga ramalan akhirnya teriktiraf dalam penyata pendapatan. Apabila urusan niaga ramalan tidak lagi dijangka akan berlaku, nilai wajar atau kerugian kumulatif yang dilaporkan dalam ekuiti dipindahkan dengan serta-merta kepada penyata pendapatan.

(b) Derivatif pada FVTPL

Perubahan dalam nilai saksama instrumen kewangan derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai teriktiraf dalam penyata pendapatan apabila ia timbul.

Derivatif yang termasuk dalam instrumen kewangan lain atau kontrak hos bukan kewangan yang lain dianggap sebagai derivatif berasingan apabila risiko dan ciri-cirinya tidak berkait rapat dengan kontrak hos dan kontrak hos itu tidak dibawa pada nilai wajar dengan nilai wajar atau kerugian belum terealisasi dilaporkan dalam penyata pendapatan.

V Perolehan sesaham biasa

Kumpulan mengemukakan data perolehan asas dan dicairkan sesaham ("EPS") untuk saham biasa miliknya.

EPS asas dikira dengan membahagikan keuntungan atau kerugian yang dimiliki kepada pemegang saham biasa Syarikat dengan bilangan saham biasa purata berwajaran yang belum dijelaskan semasa tempoh tersebut.

EPS dicairkan ditentukan dengan malaraskan keuntungan atau kerugian yang dimiliki kepada pemegang saham biasa dengan bilangan saham biasa purata berwajaran yang belum dijelaskan dan diselaraskan untuk saham sendiri yang dipegang bagi memberi kesan kepada semua saham biasa yang boleh dicairkan, yang merangkumi pemberian saham yang diberikan kepada pekerja.

W Segmen operasi

Segmen operasi adalah komponen Kumpulan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang mana ia memperolehi hasil dan menanggung perbelanjaan, termasuk hasil dan perbelanjaan berkaitan dengan urusan niaga dengan mana-mana komponen Kumpulan yang lain. Keputusan operasi bagi segmen operasi kerap disemak oleh Ketua Pembuat Keputusan Operasi yang terdiri daripada Lembaga Pengarah, untuk membuat keputusan tentang sumber yang perlu diperuntukkan kepada segmen dan yang mana maklumat kewangan rahsia tersedia.

4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan yang Kritis

Andaian utama berkenaan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh kunci kira-kira yang mempunyai risiko ketara untuk menyebabkan penyelarasan material terhadap jumlah bawaan aset dan liabiliti pada tahun kewangan berikutnya, digariskan seperti di bawah.

(a) Hartanah, loji dan peralatan

Kos hartanah, loji dan peralatan disusut nilai mengikut asas garis lurus sepanjang hayat berguna aset tersebut. Hayat berguna bagi aset ini dianggarkan oleh pihak pengurusan seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(C) penyata kewangan. Nilai sisa aset disemak dan diselaraskan sekiranya sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Berhubung dengan kotak HD set-top, kos yang dipermodalkan disusut nilai sepanjang anggaran hayat berguna peralatan, iaitu berdasarkan pertimbangan pihak pengurusan tentang risiko keusangan teknikal dan jangkaan kadar pulangan pelanggan. Disebabkan oleh kesukaran sedia ada dalam membuat anggaran, anggaran hayat berguna bagi kotak HD set-top boleh berubah berdasarkan, antara lain, perubahan dalam teknologi serta tindak balas terhadap keadaan yang berdaya saing.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan yang Kritis (Samb.)

(b) Hak program

Kumpulan melunaskan hak program sepanjang tempoh lesen, atau anggaran hayat berguna sekiranya lebih pendek, dari tarikh siaran pertama, untuk dipadankan dengan kos penggunaan dengan anggaran manfaat yang akan diterima seperti yang dinyatakan dalam Nota 3E(e). Anggaran manfaat yang akan diterima adalah berdasarkan anggaran pihak pengurusan berapa kali sesebuah program akan disiarkan dan nilai relatif yang berkait dengan setiap siaran.

Pada tahun ini, Kumpulan telah menjalankan kajian semula secara berkala dan menyemak semula anggaran berhubung dengan pelunasan hak-hak program berdasarkan jangkaan penggunaan melalui pengedaran pelbagai saluran hak-hak program. Ini menghasilkan peningkatan untung Kumpulan sebelum cukai sebanyak RM48.3 juta.

(c) Ujian kejejasan untuk muhibah dan jenama

Muhibah dan jenama yang merupakan aset tak ketara dengan hayat tidak pasti, diperuntukkan kepada unit penjana tunai ("CGU") yang dikenal pasti mengikut segmen operasi. CGU yang telah diperuntukkan muhibah dan jenama ada dinyatakan dalam Nota 19 penyata kewangan.

CGU	Jenama (Nota 19) RM'000	Muhibah diperuntukkan (Nota 19) RM'000	Jumlah RM'000
Televisyen	-	474,617	474,617
Radio	328,000	600,512	928,512
Jumlah	328,000	1,075,129	1,403,129

Muhibah dan jenama telah merekodkan pelbagai pemerolehan berikut seperti yang diketengahkan dalam Nota 19 penyata kewangan.

Jumlah CGU yang boleh didapatkan semula ditentukan berdasarkan nilai guna dan tiada kejejasan dikenal pasti semasa tahun kewangan.

Jumlah boleh didapatkan semula mencerminkan pengalaman lampau tentang nilai urus niaga bagi CGU berkaitan, termasuk urus niaga pasaran boleh banding yang boleh diperhatikan serta unjuran aliran tunai CGU. Unjuran aliran tunai adalah berdasarkan belanjawan yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berikutnya dan rancangan strategik meliputi tempoh lima tahun, yang mana selepas itu kadar pertumbuhan jangka panjang bagi pasaran masing-masing telah diguna pakai. Pihak Pengurusan telah mengambil kira maklumat luar dalam menyempurnakan belanjawan dan rancangan strategik, termasuk ramalan petunjuk ekonomi bagi pasaran Malaysia serta landskap persaingan dan potensi perubahan dalam teknologi.

Andaian utama yang diguna pakai dalam pengiraan kejejasan pada 31 Januari 2015 merangkumi:

CGU	Kadar diskaun pracukai	Andaian pertumbuhan terminal	Kadar pertumbuhan hasil terkompoun dalam tempoh unjuran
Televisyen	8.9%	3.0%	8.3%
Radio	9.7%	3.0%	8.1%

Unjuran ini mengandaikan pembaharuan semua lesen semasa yang diberikan kepada Kumpulan.

Analisis kepekaan telah dilakukan mengikut kes andaian asas dengan kesimpulan bahawa tiada perubahan yang secara munasabah mungkin berlaku terhadap andaian utama yang akan menyebabkan jumlah yang boleh didapatkan kembali berkurangan daripada jumlah bawaan.

5 Hasil

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Langganan	4,278,927	3,990,833	-	-
Jualan masa siaran pengiklanan:				
- barter	1,401	3,717	-	-
- bukan barter	565,476	559,749	-	-
Peruntukan hak penyiaran program	55,823	50,323	-	-
Pendapatan pelesenan	147,724	65,387	-	-
Kotak set-top bukan langganan	57,341	38,333	-	-
Perkhidmatan interaktif	30,384	25,896	-	-
Pendapatan dividen dari subsidiari	-	-	457,982	343,492
Jualan pengiklanan majalah	10,259	11,292	-	-
Jualan barang dagangan	25,629	-	-	-
Lain-lain	58,480	45,212	-	-
	5,231,444	4,790,742	457,982	343,492

Lain-lain merangkumi hasil perkhidmatan penerbitan, yuran pengurusan, hasil daripada bakat, yuran pengaktifan dan pendapatan daripada sewa bangunan.

6 Keuntungan Sebelum Cukai

- (a) Perkara berikut telah diambil kira sebagai perbelanjaan bagi memperolehi keuntungan sebelum cukai (tidak termasuk kos kewangan dan pendapatan kewangan):

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pelunasan:				
- hak program	322,221	348,020	-	-
- hak lesen acara	980	-	-	-
- perisian	131,486	122,801	-	-
Ganjaran juruaudit:				
- audit	1,498	1,478	524	535
- kajian semula suku tahunan	1,043	873	1,043	873
- perkhidmatan lain*	5,739	1,916	25	533
Hapus kira hutang lapuk	9,495	1,395	-	-
Kos berkaitan kotak set-top	138,723	177,285	-	-
Kos pengurusan korporat	-	-	4,107	4,091
Kos program tanggungjawab korporat	10,068	19,816	-	-

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

6 Keuntungan Sebelum Cukai (Samb.)

- (a) Perkara berikut telah diambil kira sebagai perbelanjaan bagi memperolehi keuntungan sebelum cukai (tidak termasuk kos kewangan dan pendapatan kewangan): (Samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Susut nilai:				
- hartanah, loji dan peralatan	755,663	715,945	147	145
Kejejasan:				
- hak program	2,372	3,870	-	-
- perisian	-	1	-	-
- hartanah, loji dan peralatan	3,102	-	-	-
- belum terima	77,661	64,311	-	-
- pendahuluan kepada subsidiari	-	-	-	2,133
Insurans	8,321	8,568	130	-
Inventori dilupuskan	362	3,185	-	-
Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	83	9	-	-
Perbelanjaan penyelenggaraan	75,430	69,084	-	-
Perbelanjaan pemasaran dan kajian pasaran	166,021	168,304	190	221
Perbelanjaan profesional, perundingan dan lain-lain yang berkaitan	119,669	117,857	913	1,915
Yuran pembekal program	1,247,132	1,039,640	-	-
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	975	3,851	-	-
Kerugian pertukaran asing terealisasi (bersih)	2,120	4,530	170	41
Sewa:				
- bangunan	20,813	20,823	-	-
- peralatan	11,878	10,393	-	-
- tanah	2,300	2,300	-	-
- stor	9,835	5,921	-	-
Hapus kira perisian	-	1,549	-	-
Kos berkaitan kakitangan (Nota 7)	551,119	524,665	33	2,453
Perbelanjaan penjualan dan pengedaran**	180,892	228,198	-	-

Termasuk dalam kos jualan adalah yuran pembekal program, kos berkaitan kotak set-top, kos berkaitan kakitangan, pelunasan hak program, bahagian pemilikan kepada susut nilai hartanah, loji dan peralatan serta perbelanjaan langsung yang lain.

* Yuran bagi perkhidmatan lain yang bertanggung adalah berhubung dengan pelaksanaan prosedur yang telah dipersetujui, pelaporan pematuhan kawal selia, perkhidmatan cukai dan khidmat nasihat yang telah dibayar atau belum bayar kepada PwC Malaysia, juruaudit Kumpulan dan Syarikat, anggota firma PwC Malaysia serta firma anggota PwC International Limited

** Termasuk dalam perbelanjaan penjualan dan pengedaran adalah insentif jualan dan kos pergudangan serta pengedaran.

6 Keuntungan Sebelum Cukai (Samb.)

- (b) Jumlah berikut telah dikreditkan bagi memperolehi keuntungan sebelum cukai (tidak termasuk kos kewangan dan pendapatan kewangan):

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Yuran perkhidmatan saluran penyiaran	(3,948)	(10,997)	-	-
Rebat dan pampasan	(29,348)	(5,912)	-	-
Nilai wajar pertukaran asing belum terealisasi (bersih)	(1,413)	(8,268)	-	-
Masuk kira semula kejejasan belum terima	(12,106)	(9,800)	-	-
Perolehan nilai wajar pada derivatif yang dikitar semula kepada penyata pendapatan yang timbul daripada risikon pertukaran asing	(2,208)	(26,928)	-	-
Perolehan nilai wajar pada pengukuran faedah ekuiti dalam usaha sama	(8,989)	-	-	-

7 Kos Kakitangan (termasuk gaji para Pengarah dan manfaat jangka pendek yang lain untuk kakitangan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Upah dan gaji	429,929	408,529	15	2,130
Manfaat barangan untuk pekerja	23,156	21,741	-	2
Kos keselamatan sosial	3,054	2,928	-	-
Pelan caruman wajib	64,500	61,119	-	320
Kebajikan dan elaun kakitangan	12,508	17,451	18	1
Bayaran berasaskan saham (Nota (a))	17,972	12,897	-	-
	551,119	524,665	33	2,453

Kumpulan dan Syarikat mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, plan caruman wajib negara. Sebaik sahaja caruman dibayar, Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai sebarang obligasi bayaran selanjutnya.

(a) Bayaran berasaskan saham

Syarikat telah mewujudkan Skim Saham yang mula berkuat kuasa pada 20 September 2012. Seseorang eksekutif yang layak atau kakitangan yang layak yang menerima tawaran di bawah Pemberian Saham ("Penerima Pemberian") hendaklah membayar sebanyak RM1.00 sebagai balasan untuk penerimaan tawaran tersebut. Dengan tertakluk kepada terma dan syarat Undang-undang Kecil yang mengawal Skim Saham, Penerima Pemberian berhak menerima saham biasa baharu yang akan diterbitkan menurut Pemberian Saham, pada tarikh letak hak yang dijadualkan tanpa bayaran lanjut, tertakluk kepada memenuhi syarat letak hak seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran mereka masing-masing untuk mendapatkan Pemberian Saham mereka, yang merangkumi sasaran prestasi yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Imbuhan Syarikat.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

7 Kos Kakitangan (termasuk gaji para Pengarah dan faedah jangka pendek yang lain untuk kakitangan) (Samb.)**(a) Bayaran berasaskan saham (Samb.)**

Skim Saham ini hendaklah berkuat kuasa untuk tempoh sepuluh tahun bermula dari tarikh Skim Saham berkuat kuasa dan tiada saham di bawah pemberian saham adalah terletak hak melebihi tamatnya tempoh Skim Saham. Skim Saham Syarikat terdiri daripada dua jenis pemberian, iaitu Unit Saham Terhad ("RSU") dan Unit Saham Prestasi ("PSU").

RSU

Pada 11 Oktober 2012, Syarikat telah melakukan pemberian saham berhubung dengan 21,927,000 saham biasa baharu bernilai RM0.10 sesaham kepada eksekutif dan pekerja Kumpulan dan Syarikat yang layak sebagai sebahagian daripada pemberian RSU.

Ciri-ciri utama pemberian RSU adalah seperti berikut:

- RSU yang diberi akan terletak hak dengan terpenuhnya syarat letak hak yang telah ditentukan terlebih dahulu, termasuk sasaran prestasi syarikat dan individu.
- Penerima Pemberian berhak menerima saham biasa baharu bernilai RM0.10 sesaham dalam Syarikat yang akan diterbitkan pada tarikh letak hak yang telah dijadualkan, tanpa bayaran selanjutnya.

Pergerakan dalam bilangan RSU adalah seperti berikut:

	2015 '000	2014 '000
Pada 1 Ogos	18,195	20,199
Diberikan	-	-
Lucut hak	(1,043)	(2,004)
Letak hak	(3,428)	-
Pada 31 Januari	13,724	18,195

Butiran tentang RSU yang diberikan:

Letak hak transye	Tarikh letak hak	2015 Pemberian saham '000	2014 Pemberian saham '000
Transye pertama	19 Oktober 2014	-	3,639
Transye kedua	19 Oktober 2015	3,431	3,639
Transye ketiga	19 Oktober 2016	5,147	5,459
Transye keempat	19 Oktober 2017	5,146	5,458
		13,724	18,195

7 Kos Kakitangan (termasuk gaji para Pengarah dan faedah jangka pendek yang lain untuk kakitangan) (Samb.)**(a) Bayaran berasaskan saham (Samb.)**RSU (Samb.)

Nilai wajar RSU telah dianggar oleh penilai luar menggunakan Model Simulasi Monte Carlo dengan input berikut:

	Kumpulan dan Syarikat 2015/2014
Nilai wajar pada tarikh pemberian	RM2.55 – RM2.99
Harga saham pada tarikh pemberian	RM3.00
Jangkaan ketaktentuan	45.57%
Jangkaan dividen	3.31%
Kadar faedah bebas risiko (berdasarkan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia)	3.19%

Ketaktentuan yang diukur mengikut sisihan piawai pulangan saham berterusan terkompoun adalah berdasarkan analisis statistik harga saham harian sepanjang tarikh dagangan yang dapat digunakan bagi Syarikat.

PSU

Pada 1 Ogos 2013 dan 1 Ogos 2014, Syarikat telah melakukan pemberian saham, masing-masing berhubung dengan 8,624,000 dan 7,889,600 saham biasa baharu bernilai RM0.10 sesaham kepada eksekutif dan pekerja Kumpulan yang layak sebagai sebahagian daripada pemberian PSU.

Ciri-ciri utama pemberian PSU adalah seperti berikut:

- PSU yang diberi akan terletak hak dengan terpenuhnya syarat letak hak yang telah ditentukan terlebih dahulu, termasuk prestasi Syarikat sepanjang tempoh 3 tahun dan penarafan prestasi individual.
- Penerima Pemberian berhak menerima saham biasa baharu bernilai RM0.10 sesaham dalam Syarikat yang akan diterbitkan pada tarikh letak hak yang telah dijadualkan, tanpa bayaran selanjutnya.

Butiran tentang PSU yang diberikan:

Tarikh pemberian	Tarikh letak hak	2015 Pemberian saham '000	2014 Pemberian saham '000
1 Ogos 2013 (PSU pertama)	1 Ogos 2016	7,116	8,177
1 Ogos 2014 (PSU kedua)	1 Ogos 2017	7,513	-

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

7 Kos Kakitangan (termasuk gaji para Pengarah dan faedah jangka pendek yang lain untuk kakitangan) (Samb.)

(a) Bayaran berasaskan saham (Samb.)

PSU (Cont'd.)

Pergerakan dalam bilangan PSU adalah seperti berikut:

Tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014	PSU Pertama '000
Pada 1 Februari	-
Diberikan	8,624
Lucut hak	(447)
Pada 31 Januari	8,177

Tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015	PSU Kedua '000	PSU Pertama '000
Pada 1 Februari	-	8,177
Diberikan	7,890	-
Lucut hak	(377)	(1,061)
Pada 31 Januari	7,513	7,116

Nilai saksama bagi pemberian PSU telah dianggar oleh penilai luar menggunakan Model Simulasi Monte Carlo dengan input berikut:

PSU Pertama

	Kumpulan dan Syarikat 2015/2014
Nilai saksama pada tarikh pemberian	RM2.470 – RM2.693
Harga saham pada tarikh pemberian	RM3.00
Jangkaan ketaktentuan	23.84%
Jangkaan dividen	3.25%
Kadar faedah bebas risiko (berdasarkan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia)	3.52%

PSU Kedua

	Kumpulan dan Syarikat 2015
Nilai saksama pada tarikh pemberian	RM3.011 – RM3.524
Harga saham pada tarikh pemberian	RM3.35
Jangkaan ketaktentuan	23.28%
Jangkaan dividen	3.63%
Kadar faedah bebas risiko (berdasarkan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia)	3.46%

7 Kos Kakitangan (termasuk gaji para Pengarah dan faedah jangka pendek yang lain untuk kakitangan) (Samb.)**(a) Bayaran berasaskan saham (Samb.)**

Ketidaktentuan yang diukur mengikut sisihan piawai pulangan saham berterusan terkompau adalah berdasarkan analisis statistik harga saham harian sepanjang tarikh dagangan yang dapat digunakan bagi Syarikat.

8 Imbuhan Pengarah

Jumlah agregat emolumen yang belum diterima oleh para Pengarah semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pengarah Bukan Eksekutif				
Yuran dan elaun mesyuarat	2,022	1,804	2,022	1,804
Gaji dan bonus	-	2,128	-	2,128
Pelan caruman wajib	-	319	-	319
Anggaran nilai wang bagi manfaat barangan	35	32	35	32
	2,057	4,283	2,057	4,283
Pengarah Eksekutif				
Gaji dan bonus	7,293	7,952	-	-
Pelan caruman wajib	1,094	1,193	-	-
Anggaran nilai wang bagi manfaat barangan	35	19	-	-
Manfaat pekerja yang lain	-	-	-	-
Bayaran berasaskan saham (Nota 7 (a))	1,430	-	-	-
	9,852	9,164	-	-
Jumlah imbuhan para Pengarah	11,909	13,447	2,057	4,283

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

9 Pendapatan Kewangan dan Kos Kewangan

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
(a) Pendapatan kewangan:				
Pendapatan faedah	50,682	45,044	121,225	128,456
Pendapatan dividen - unit amanah	6,221	9,398	6,221	8,914
Perolehan pertukaran asing terealisasi (bersih)	-	776	-	-
	56,903	55,218	127,446	137,370
(b) Kos kewangan:				
Perbelanjaan faedah				
- Peminjaman bank	103,131	105,995	103,131	105,995
- Liabiliti pajakan kewangan	47,149	50,083	-	-
- Pembiayaan vendor	37,626	42,375	-	-
- Perkhidmatan hutang dan kos kewangan yang lain	13,535	11,428	7,879	7,793
- Lain-lain	-	42	-	-
	201,441	209,923	111,010	113,788
Kerugian pertukaran asing terealisasi (bersih)	482	-	-	-
Kerugian pertukaran asing belum terealisasi	116,922	103,094	78,121	79,484
(Nilai wajar)/rugi nilai saksama ke atas derivatif yang dikitar semula kepada penyata pendapatan yang timbul daripada:				
- Risiko pertukaran asing	(110,685)	(85,720)	(78,121)	(79,484)
- Risiko kadar faedah	41,389	40,428	36,510	40,165
	249,549	267,725	147,520	153,953

10 Perbelanjaan Cukai

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Cukai semasa:				
- Cukai pendapatan Malaysia	245,632	162,525	-	-
- Cukai asing	3,490	1,513	-	-
- Defisit/(lebih) akruan pada tahun sebelumnya	2,951	(9,883)	-	-
	252,073	154,155	-	-
Cukai tertunda (Nota 26):				
- Perbezaan sementara asal dan pembalikan	(44,935)	(32,685)	-	-
	207,138	121,470	-	-

10 Perbelanjaan Cukai (Samb.)

Pelarasan antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan digandakan dengan kadar cukai korporat Malaysia adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan sebelum cukai	720,888	569,231	426,896	310,420
Cukai menurut kadar cukai korporat Malaysia sebanyak 25% (2014: 25%)	180,222	142,308	106,724	77,605
Bahagian keputusan pascacukai daripada pelaburan dimasuk kira menggunakan kaedah ekuiti	1,662	(1,008)	-	-
Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	26,153	22,950	9,327	10,533
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(4,878)	(2,128)	(116,051)	(88,138)
Kesan kadar cukai dalam bidang kuasa asing	2,264	1,513	-	-
Kesan perubahan dalam kadar cukai	257	(4,431)	-	-
Pengiktirafan dan penggunaan perbezaan sementara yang tidak teriktiraf sebelumnya	(7,785)	(29,009)	-	-
Defisit/(lebih) akruan pada tahun sebelumnya	2,951	(9,883)	-	-
Aset cukai tertunda tidak teriktiraf	6,292	1,158	-	-
Perbelanjaan cukai	207,138	121,470	-	-

Kadar cukai berkanun Malaysia akan dikurangkan kepada 24% daripada kadar tahun semasa sebanyak 25%, berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016.

11 Perolehan Sesaham Biasa

Pengiraan perolehan asas sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015 adalah berdasarkan keuntungan yang dimiliki kepada pemegang saham biasa dan bilangan saham biasa purata berwajaran yang belum dijelaskan.

Pengiraan perolehan dicairkan sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015 adalah berdasarkan keuntungan yang dimiliki kepada pemegang saham biasa dan bilangan saham biasa purata berwajaran yang belum dijelaskan selepas pelarasan untuk kesan kesemua potensi pencairan saham biasa.

Jadual di bawah menunjukkan data keuntungan dan saham yang digunakan dalam pengiraan perolehan asas dan dicairkan sesaham:

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan diagihkan kepada pemegang saham biasa yang digunakan dalam pengiraan perolehan asas/dicairkan sesaham	519,372	447,950

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

11 Perolehan Sesaham Biasa (Samb.)

(a) Perolehan asas sesaham

Perkiraan jumlah saham biasa berwajaran untuk perolehan asas sesaham:

	Kumpulan 2015	2014
Perkiraan jumlah saham biasa purata berwajaran untuk perolehan asas sesaham*('000)	5,199,277	5,198,300
Perolehan asas sesaham biasa (RM)	0.100	0.086

(b) Perolehan dicairkan sesaham

Perkiraan jumlah saham biasa berwajaran untuk perolehan asas sesaham*('000)	5,199,277	5,198,300
Pelarasan untuk:		
Geran saham diberikan di bawah Skim Saham ('000)	10,691	7,675
Jumlah biasa berwajaran untuk perolehan cair sesaham ('000)	5,209,968	5,205,975
Perolehan cair sesaham biasa (RM)	0.100	0.086

* Jumlah saham biasa kewajaran mengambil kira kesan perubahan berwajaran dalam saham biasa yang diterbitkan bagi tahun kewangan.

12 Dividen

Dividen berikut telah diisytiharkan dan dibayar oleh Kumpulan:

	2014 RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2013:	
Dividen interim satu peringkat bernilai RM0.015 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 14 Mac 2013 dan dibayar pada 18 April 2013	77,975
Dividen akhir satu peringkat bernilai RM0.01 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diluluskan oleh para pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan pada 3 Julai 2013 dan dibayar pada 2 Ogos 2013	51,983
	129,958

12 Dividen (Samb.)

	2014 RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014:	
Dividen interim pertama satu peringkat bernilai RM0.02 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 12 Jun 2013 dan dibayar pada 15 Julai 2013	103,966
Dividen interim kedua satu peringkat bernilai RM0.02 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 11 September 2013 dan dibayar pada 18 Oktober 2013	103,966
Dividen interim ketiga satu peringkat bernilai RM0.02 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 5 Disember 2013 dan dibayar pada 10 Januari 2014	103,966
	311,898

	2015 RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014:	
Dividen interim satu peringkat bernilai RM0.02 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 31 Mac 2014 dan dibayar pada 30 April 2014	103,966
Dividen akhir satu peringkat bernilai RM0.01 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diluluskan oleh para pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan pada 19 Jun 2014 dan dibayar pada 18 Julai 2014	51,983
	155,949

	2015 RM'000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015:	
Dividen interim pertama satu peringkat bernilai RM0.0225 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 18 Jun 2014 dan dibayar pada 17 Julai 2014	116,962
Dividen interim kedua satu peringkat bernilai RM0.0225 sesaham ke atas 5,198,300,000 saham biasa, diisytiharkan pada 19 September 2014 dan dibayar pada 20 Oktober 2014	116,962
Dividen interim ketiga satu peringkat bernilai RM0.0225 sesaham ke atas 5,201,728,400 saham biasa, diisytiharkan pada 11 Disember 2014 dan dibayar pada 12 Januari 2015	117,039
	350,963

Selepas tahun kewangan, pada 30 Mac 2015, para Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim keempat satu peringkat bernilai RM0.0225 sesaham ke atas 5,201,728,400 saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015, berjumlah RM117,038,889 yang perlu dibayar pada 29 April 2015.

Para Pengarah turut mencadangkan pembayaran dividen akhir satu peringkat bernilai RM0.02 sesaham yang dianggarkan sebanyak RM104,034,568 bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015, tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Dividen akhir satu peringkat akan dibayar pada tarikh yang akan ditetapkan.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

13 Hartanah, Loji dan Peralatan

	*Tanah Pegangan kekal RM'000	Bangunan RM'000	*Transponder satelit RM'000	*Peralatan, lekapan dan lengkapan RM'000	Penyiaran dan peralatan transmisi RM'000	Aset dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan							
Nilai bersih buku							
Pada 1 Februari 2014	10,586	99,561	564,505	179,510	1,187,350	115,480	2,156,992
Penambahan	-	-	35,026 [^]	35,885 [#]	277,464 [@]	129,127	477,502
Pelupusan	-	-	-	(73)	(1,099)	-	(1,172)
Pindahan antara kelas	-	-	-	5,459	72,112	(77,571)	-
Klasifikasi semula dari/(ke) aset tak ketara (Nota 19)	-	-	-	(428)	8,678	(978)	7,272
Kejejasan	-	-	-	(3,102)	-	-	(3,102)
Pelupusan	-	-	-	(16)	(959)	-	(975)
Pengambilalihan subsidiari (Nota 37(b))	-	-	-	59	-	-	59
Perbezaan pertukaran	-	-	-	(5)	-	-	(5)
Caj susut nilai	-	(4,326)	(65,670)	(52,921)	(632,746)	-	(755,663)
Pada 31 Januari 2015	10,586	95,235	533,861	164,368	910,800	166,058	1,880,908
Pada 31 Januari 2015							
Kos	10,586	112,108	989,323	468,526	3,130,703	166,058	4,877,304
Susut nilai terkumpul	-	(16,873)	(455,462)	(304,158)	(2,219,903)	-	(2,996,396)
Nilai buku bersih	10,586	95,235	533,861	164,368	910,800	166,058	1,880,908
Nilai bersih buku							
Pada 1 Februari 2013	10,586	103,447	629,763	133,107	1,015,418	23,503	1,915,824
Penambahan	-	440	-	69,586 [#]	779,899 [@]	105,698	955,623
Pelupusan	-	-	-	(36)	(1)	-	(37)
Pindahan antara kelas	-	-	-	12,565	(9,690)	(2,875)	-
Klasifikasi semula dari/(ke) aset tak ketara (Nota 19)	-	-	-	8,293	7,929	(10,844)	5,378
Pelupusan	-	-	-	(518)	(3,331)	(2)	(3,851)
Caj susut nilai	-	(4,326)	(65,258)	(43,487)	(602,874)	-	(715,945)
Pada 31 Januari 2014	10,586	99,561	564,505	179,510	1,187,350	115,480	2,156,992
Pada 31 Januari 2014							
Kos	10,586	112,108	954,297	438,520	3,015,138	115,480	4,646,129
Susut nilai terkumpul	-	(12,547)	(389,792)	(259,010)	(1,827,788)	-	(2,489,137)
Nilai buku bersih	10,586	99,561	564,505	179,510	1,187,350	115,480	2,156,992

* Kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri Selangor diperlukan bagi sebarang pelupusan atau pemilikan tanah sebagai cagaran atau sekuriti bagi kebaikan pihak ketiga.

* Termasuk aset yang dipegang di bawah liabiliti pajakan kewangan seperti yang dikemukakan dalam Nota 25(a).

[^] Termasuk urus niaga bukan tunai yang penting berjumlah RM35,026,000 (2014: RM Nil) seperti yang dikemukakan dalam Nota 32.

[#] Termasuk urus niaga bukan tunai yang penting berjumlah RM Nil (2014: RM6,601,000) seperti yang dikemukakan dalam Nota 32.

[@] Termasuk urus niaga bukan tunai yang penting berjumlah RM244,197,000 (2014: RM702,919,000) seperti yang dikemukakan dalam Nota 32.

13 Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)

	Peralatan, lekapan dan lengkapan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Syarikat		
Nilai bersih buku		
Pada 1 Februari	537	666
Penambahan	2	16
Caj susut nilai	(147)	(145)
Pada 31 Januari	392	537
Pada 31 Januari		
Kos	732	730
Susut nilai terkumpul	(340)	(193)
Nilai bersih buku	392	537

14 Pelaburan dalam Subsidiari

	Syarikat	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Saham tidak disebut pada kos	6,803,985	6,803,985
Pelaburan dalam Saham Keutamaan Boleh Ditebus ("RPS")	214,400	214,400
	7,018,385	7,018,385
Tolak: Kejejasan pelaburan dalam RPS	(982)	(982)
	7,017,403	7,017,403

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

14 Pelaburan dalam Subsidiari (Samb.)

Butiran tentang subsidiari adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Kepentingan Kumpulan yang efektif		Aktiviti utama
		2015 %	2014 %	
Milikan langsung oleh Syarikat				
Astro (Brunei) Sdn. Bhd. ("ABSB")	Malaysia	100	100	Pegangan pelaburan
Astro Digital Sdn. Bhd. ("ADSB")	Malaysia	100	100	Pegangan pelaburan
Astro Entertainment Sdn. Bhd. ("AESB")	Malaysia	100	100	Mengendalikan projek berkaitan perdagangan, pemasaran, pencarian pelanggan dan penjualan masa siaran
Astro Group Services Sdn. Bhd. ("AGS")	Malaysia	100	100	Perkhidmatan pengurusan
Astro Productions Sdn. Bhd. ("APSB")	Malaysia	100	100	Penerbitan dan pengedaran program televisyen dan sewaan bangunan
Astro Production Services Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai Matinee Productions Sdn. Bhd.) ("APSSB")	Malaysia	100	-	Penerbitan dan pengedaran program televisyen serta perkhidmatan yang berkaitan
Astro Shaw Sdn. Bhd. ("ASSB")	Malaysia	100	100	Penerbitan dan pengedaran filem
MBNS Multimedia Technologies Sdn. Bhd. ("MMTSB")	Malaysia	100	100	Penyelidikan yang berkaitan pembangunan teknologi multimedia
MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. ("MBNS")	Malaysia	100	100	Penyediaan perkhidmatan televisyen
Astro Retail Ventures Sdn. Bhd. ("ARV")	Malaysia	100	100	Pegangan pelaburan
Subsidiari milikan MBNS				
Astro Radio Sdn. Bhd. ("ARSB")	Malaysia	100	100	Pengurusan stesen penyiaran radio komersial, pembekal kandungan dan pemrograman serta menyediakan perkhidmatan multimedia dan agensi pengiklanan
Maestra Broadcast Sdn. Bhd. ("MBSB")	Malaysia	100	100	Mengendalikan stesen penyiaran radio komersial
MEASAT Digicast Sdn. Bhd. ("MDIG")	Malaysia	100	100	Tidak aktif

14 Pelaburan dalam Subsidiari (Samb.)

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Kepentingan Kumpulan yang efektif		Aktiviti utama
		2015 %	2014 %	
Subsidiari milikan MBNS (Samb.)				
MEASAT Radio Communications Sdn. Bhd. (“MRC”)	Malaysia	100	100	Mengendalikan stesen penyiaran radio komersial
Perfect Excellence Waves Sdn. Bhd. (“PEW”)	Malaysia	100	100	Mengendalikan stesen radio komersial berlesen
Radio Lebuhraya Sdn. Bhd. (“RLSB”)	Malaysia	100	100	Menubuhkan, mengendalikan dan menyelenggarakan stesen penyiaran radio
Yayasan Astro Kasih (“YAK”)	Malaysia	-	-	Memajukan dan memberi manfaat kepada masyarakat
Subsidiari milikan ARSB				
DVR Player.Com Sdn. Bhd. (“DVRSB”)	Malaysia	100	100	Peruntukkan perkhidmatan radio melalui internet
Subsidiari milikan AESB				
Astro Arena Sdn. Bhd. (“AASB”)	Malaysia	100	100	Penghasilan dan penerbitan program sukan Malaysia serta pemerolehan dan pempakejan kandungan sukan yang berkaitan
Astro Awani Network Sdn. Bhd. (“AANSB”)	Malaysia	80	80	Peruntukkan kandungan berita
Maestro Talent and Management Sdn. Bhd. (“MTAM”)	Malaysia	100	100	Tidak aktif
Astro Sports Marketing Sdn. Bhd. (“ASM”)	Malaysia	100	100	Pegangan pelaburan
Subsidiari milikan ASSB				
Karya Anggun Sdn. Bhd. (“KASB”)	Malaysia	100	100	Penerbitan, pemerolehan, penempahan dan pengedaran filem
Nusantara Films Sdn. Bhd. (“NFSB”)	Malaysia	100	100	Penerbitan, pemerolehan, penempahan dan pengedaran filem
Tayangan Unggul Sdn. Bhd. (“TUSB”)	Malaysia	100	100	Penerbitan, pemerolehan, penempahan dan pengedaran filem

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

14 Pelaburan dalam Subsidiari (Samb.)

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Kepentingan Kumpulan yang efektif		Aktiviti utama
		2015 %	2014 %	
Subsidiari milikan ADSB				
Astro Digital 5 Sdn. Bhd. (“AD5SB”)	Malaysia	100	100	Pembangunan dan pelesenan aplikasi multimedia dan interaktif
Astro Digital Publications Sdn. Bhd. (“ADPSB”)	Malaysia	100	100	Penerbitan dan pengedaran majalah
Subsidiari milikan ASM				
Astro Sports Ventures Pte. Ltd. (“ASV”)*	Singapura	100	50	Membangunkan dan menerbitkan hak global sepak takraw
Subsidiari milikan ARV				
Astro GS Shop Sdn. Bhd.	Malaysia	60	-	Perniagaan membeli-belah daripada rumah

Kesemua subsidiari diaudit oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia, kecuali bagi ASV.

* Semasa tahun kewangan, ASM mengambilalih baki 50% kepentingan ekuiti dalam modal saham ASV dan ASV menjadi subsidiari milik penuh ASM dan secara tidak langsung, milik Syarikat. Butiran lanjut dinyatakan dalam Nota 37(b).

Kepentingan ekuiti berkesan Kumpulan dalam subsidiari, kegiatan utama dan negara diperbadankan, masing-masing disenaraikan di atas. Selain daripada Yayasan Astro Kasih, yang disatukan dalam keputusan kewangan Kumpulan, perkadaran hak pengundian Kumpulan dalam subsidiari milikan Kumpulan tidak berbeza daripada perkadaran saham biasa yang dipegang atau kepentingan ekuiti Kumpulan yang efektif dalam subsidiari.

Kumpulan mempunyai kawalan de facto terhadap Yayasan Astro Kasih disebabkan kawalan ke atas sumber pendanaan. Semasa tahun kewangan, subsidiari Syarikat telah membuat sumbangan sebanyak RM11,282,844 (2014: RM17,800,000) kepada Yayasan Astro Kasih untuk kegiatan memajukan dan memberi manfaat kepada masyarakat. Subsidiari ini berhasrat untuk terus memberikan sokongan sedemikian kepada Yayasan Astro Kasih.

15 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Bahagian aset bersih dan rizab	19,783	15,196
Pendahuluan dan belum terima jangka panjang	29,068	28,847
	48,851	44,043

Syarikat bersekutu ini tidak penting kepada Kumpulan.

Penyata pendapatan

Hasil	96,328	106,026
Perbelanjaan	(71,232)	(76,752)
Keuntungan/jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	25,096	29,274
Bahagian keuntungan bagi tahun kewangan	4,802	7,140

Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian yang berkaitan dengan Kristal-Astro Sdn Bhd berjumlah RM1,592,000 bagi tahun kewangan semasa disebabkan oleh kerugian terkumpul tidak teriktiraf sebanyak RM1,967,000 (2014: RM375,000), memandangkan Kumpulan tidak mempunyai obligasi terhadap kerugian ini dan nilai bawaan pelaburan ialah sifar.

Butiran tentang syarikat bersekutu adalah seperti berikut:

Nama syarikat bersekutu	Negara diperbadankan	Kepentingan Kumpulan yang efektif		Aktiviti utama
		2015	2014	
		%	%	

Syarikat bersekutu milikan ABSB

Kristal-Astro Sdn. Bhd.	Brunei	48.9	48.9	Menyediakan perkhidmatan televisyen
-------------------------	--------	------	------	-------------------------------------

**Syarikat bersekutu milikan
MMTSB**

Advanced Wireless Technologies Sdn. Bhd. ("AWT")	Malaysia	25	25	Membekalkan perkhidmatan berkaitan multimedia tanpa wayar
--	----------	----	----	---

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

16 Pelaburan dalam Usaha Sama

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Bahagian aset bersih dan rizab	-	9,699
Pendahuluan dan belum terima jangka panjang	-	4,214
	-	13,913

Syarikat usaha sama ini tidak penting kepada Kumpulan.

Penyata pendapatan

Hasil	-	16,270
Perbelanjaan	-	(22,316)
Kerugian/jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan	-	(6,046)
Bahagian kerugian bagi tahun kewangan	(11,449)	(3,107)

Termasuk dalam bahagian kerugian bagi tahun kewangan ialah kejejasan berjumlah RM6,326,000 ke atas pendahuluan kepada usaha sama.

Komitmen dan liabiliti luar jangka berkenaan usaha sama

Kumpulan mempunyai komitmen berkaitan usaha samanya seperti berikut:

	2015	2014
	RM'000	RM'000
Hak pemrograman	-	35,433

Tiada liabiliti luar jangka yang berkaitan dengan kepentingan Kumpulan dalam usaha sama.

Butiran tentang usaha sama adalah seperti berikut:

Nama usaha sama	Negara diperbadankan	Kepentingan Kumpulan yang efektif		Aktiviti utama
		2015	2014	
		%	%	
Usaha sama milikan AESB				
Endemol Malaysia Entertainment Group Sdn. Bhd. (Note (a))	Malaysia	-	49.99	Membangun, menerbit dan mengeksploitasi format program televisyen serta digital
Spark Asia TV Pte Ltd (Note (b))	Singapura	30	-	Penerbitan, penempahan dan pengedaran kandungan untuk saluran dokumentari Asia
Usaha sama milikan ASSB				
Nusantara Edaran Filem Sdn. Bhd. (Note (c))	Malaysia	-	50	Penerbitan, pemerolehan, penempahan dan pengedaran filem

16 Pelaburan dalam Usaha sama (Samb.)

- (a) Endemol Opco Holding BV melaksanakan opsyennya untuk memperolehi kesemua kepentingan AESB dalam syarikat usaha sama, Endemol Malaysia Entertainment Group Sdn Bhd menurut persetujuan pemegang saham antara AESB dan Endemol Opco Holding BV, untuk balasan sebanyak RM758,996 yang berkuat kuasa mulai 31 Januari 2015. Penyelesaian pelupusan pelaburan ini sedang berjalan.
- (b) Pada 13 Oktober 2014, AESB telah memeterai Perjanjian Usaha Sama ("JVA") dengan Spark GmbH dan Moving Visuals International Pte Ltd ("MVI") dengan matlamat untuk melancarkan dan memiliki bersama saluran dokumentari yang tertumpu kepada Asia, dengan kos pelaburan awal sebanyak SGD30,000 sebagai pulangan kepada 30% kepentingan ekuiti dalam syarikat usaha sama. Syarikat usaha sama ini kemudiannya diperbadankan pada 17 November 2014 di bawah nama "Spark Asia TV Pte Ltd" ("Spark Asia") di Singapura dengan modal saham diterbitkan dan berbayar awalnya sebanyak SGD100.000 dikeluarkan kepada AESB, Spark GmbH dan MVI, masing-masing mengikut perkadaran 30%, 40% dan 30%.
- (c) ASSB telah melupuskan pelaburannya dalam Nusantara Edaran Filem Sdn. Bhd. untuk balasan sebanyak RM1, yang berkuat kuasa mulai 30 Disember 2014. Penyelesaian pelupusan pelaburan ini sedang berjalan.

17 Pelaburan Lain

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Bukan semasa				
Aset kewangan untuk jualan –				
Saham keutamaan dalam				
syarikat tidak disebut harga (Nota (a))	12,444	5,825	-	-
Pinjaman dan belum terima –				
Bon tidak disebut harga (Nota (b))	45,000	35,000	-	-
	57,444	40,825	-	-
Semasa				
Aset kewangan untuk jualan –				
Pelaburan dalam unit amanah (Nota (c))	-	529,276	-	529,276
	-	529,276	-	529,276
	57,444	570,101	-	529,276

(a) Saham keutamaan

Menurut Perjanjian Penggabungan dan perjanjian sampingan bertarikh 13 November 2014 yang dimeterai oleh AD5SB, Trapit, Inc, Advocate, Inc., T-Bird Acquisition Corp dan para pemegang saham lain, pelaburan sedia ada AD5SB dalam Saham Keutamaan Siri A-1 serta Nota Janji Hutang Boleh Tukar dalam Trapit, Inc. telah ditukar kepada Saham Keutamaan Siri A dan Saham Keutamaan Siri B dalam Advocate, Inc., sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware.

(b) Bon

Pembelian bon, masing-masing pada 28 Oktober 2013, 18 November 2013, 6 Jun 2014 dan 1 Oktober 2014 mempunyai tempoh sehingga 3 tahun, yang matang pada 28 Oktober 2016, 18 November 2016, 6 Jun 2016 dan 1 Oktober 2016. Bon ini menghasilkan kadar kupon antara 3.65% hingga 3.95% (2014: 3.55% hingga 3.65%) setahun.

(c) Pelaburan dalam unit amanah

Pelaburan dalam unit amanah yang dibuat oleh Kumpulan dan Syarikat boleh dibeli atau dicairkan dengan memberi notis sehari.

Aset kewangan ini tidak melampaui tempoh mahupun terjejas.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

18 Pendahuluan kepada Subsidiari

Bukan semasa

Pendahuluan kepada subsidiari adalah tanpa cagaran dan kena bayar balik apabila tamatnya tempoh 10 tahun berkuat kuasa mulai tarikh pelepasan pinjaman atau suatu tarikh tertunda sebagai mana yang dipersetujui. Kadar faedah berkesan semasa tahun kewangan adalah antara 4.2% hingga 5.4% (2014: 4.2% hingga 5.4%) setahun.

Termasuk dalam pendahuluan kepada subsidiari ialah kejejasan sebanyak RM2,133,000 (2014: RM2,133,000). Jumlah kejejasan yang teriktiraf pada tahun kewangan semasa ialah RM Sifar (2014: RM2,133,000).

Semasa

Pendahuluan kepada subsidiari adalah tanpa cagaran, tanpa tempoh pembayaran balik yang tetap dan tertakluk kepada faedah antara 4.2% hingga 5.4% (2014: 4.5% hingga 5.0%) setahun.

19 Aset Tak Ketara

	Muhibah RM'000	Jenama RM'000	Hak lesen acara RM'000	Perpustakaan filem dan hak program RM'000	Perisian komputer RM'000	Pembangunan perisian RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan							
Nilai bersih buku							
Pada 1 Februari 2014	1,064,899	328,000	-	162,504	275,328	39,598	1,870,329
Pengambilalihan subsidiari (Nota 37(b))	10,230	-	17,909	-	-	-	28,139
Penambahan	-	-	-	367,371	95,321	58,773	521,465
Klasifikasi semula daripada/(kepada) hartanah, loji dan peralatan (Nota 13)	-	-	-	-	1,775	(9,047)	(7,272)
Pindahan antara kelas	-	-	-	-	26,499	(26,499)	-
Kejejasan	-	-	-	(2,372)	-	-	(2,372)
Perbezaan pertukaran	-	-	259	-	-	-	259
Caj pelunasan	-	-	(980)	(322,221)	(131,486)	-	(454,687)
Pada 31 Januari 2015	1,075,129	328,000	17,188	205,282	267,437	62,825	1,955,861
Pada 31 Januari 2015							
Kos	1,075,129	328,000	19,121	1,830,769	828,402	62,825	4,144,246
Pelunasan terkumpul dan kejejasan	-	-	(1,933)	(1,625,487)	(560,965)	-	(2,188,385)
Nilai buku bersih	1,075,129	328,000	17,188	205,282	267,437	62,825	1,955,861

19 Pendahuluan kepada Subsidiari (Samb.)

	Muhibah RM'000	Jenama RM'000	Perpustakaan filem dan hak program RM'000	Perisian komputer RM'000	Pembangunan perisian RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan (Samb.)						
Nilai buku bersih						
Pada 1 Februari 2013	1,064,899	328,000	171,200	224,598	68,360	1,857,057
Penambahan	-	-	343,194	126,810	24,887	494,891
Klasifikasi semula daripada/(kepada) hartanah, loji dan peralatan (Nota 13)	-	-	-	364	(5,742)	(5,378)
Pindahan antara kelas	-	-	-	46,358	(46,358)	-
Hapus kira	-	-	-	-	(1,549)	(1,549)
Kejelasan	-	-	(3,870)	(1)	-	(3,871)
Caj pelunasan	-	-	(348,020)	(122,801)	-	(470,821)
Pada 31 Januari 2014	1,064,899	328,000	162,504	275,328	39,598	1,870,329
Pada 31 Januari 2014						
Kos	1,064,899	328,000	1,550,375	705,511	41,147	3,689,932
Pelunasan terkumpul dan kejelasan	-	-	(1,387,871)	(430,183)	(1,549)	(1,819,603)
Nilai buku bersih	1,064,899	328,000	162,504	275,328	39,598	1,870,329

Tempoh pelunasan yang masih tinggal bagi perpustakaan filem dan hak program pada akhir tahun kewangan adalah antara 1 bulan hingga 3 tahun (2014: 1 bulan hingga 3 tahun).

Tempoh pelunasan yang masih tinggal bagi perisian pada akhir tahun kewangan adalah antara 1 bulan hingga 4 tahun (2014: 1 bulan hingga 4 tahun).

Tempoh pelunasan yang masih tinggal bagi hak lesen acara pada akhir tahun kewangan adalah antara 8 tahun hingga 13 tahun.

Jenama

Jenama berkaitan dengan sembilan stesen radio terrestrial FM dan tambahan saluran muzik bertema yang disiarkan pada platform televisyen satelit ASTRO. Seperti yang dijelaskan dalam Nota 3E(d), hayat berguna jenama ini dianggarkan sebagai tidak pasti.

Ujian kejelasan terhadap muhibah dan jenama

Muhibah yang timbul daripada gabungan perniagaan dan jenama telah diperuntukkan kepada dua unit penjana tunai ("CGU") individu untuk ujian kejelasan seperti berikut:

- Televisyen
- Radio

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

19 Pendahuluan kepada Subsidiari (Samb.)

Jumlah bawaan muhibah dan jenama yang diperuntukkan kepada setiap CGU adalah seperti berikut:

	Segmen televisyen RM'000	Segmen radio RM'000	Jumlah RM'000
<u>Pada 31 Januari 2015</u>			
Muhibah	474,617	600,512	1,075,129
Jenama	-	328,000	328,000

Pada 31 Januari 2014

Muhibah	464,387	600,512	1,064,899
Jenama	-	328,000	328,000

Jumlah CGU yang boleh didapatkan semula telah ditentukan berdasarkan pengiraan nilai guna yang menggunakan unjuran aliran tunai daripada belanjawan kewangan dan rancangan strategik yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah meliputi tempoh lima tahun. Kadar diskaun pracukai yang diguna pakai terhadap unjuran aliran tunai serta kadar pertumbuhan teramal yang digunakan untuk menjangkakan aliran tunai melebihi tempoh lima tahun adalah seperti berikut:

	Segmen televisyen %	Segmen radio %
<u>Pada 31 Januari 2015</u>		
Kadar diskaun pracukai	8.9	9.7
Andaian pertumbuhan terminal	3.0	3.0
Kadar kompaun pertumbuhan hasil dalam tempoh unjuran	8.3	8.1

Pada 31 Januari 2014

Kadar diskaun pracukai	9.5	10.7
Andaian pertumbuhan terminal	3.0	3.0
Kadar kompaun pertumbuhan hasil dalam tempoh unjuran	10.4	9.6

Unjuran ini mengandaikan pembaharuan kesemua lesen semasa diberikan kepada Kumpulan.

Kadar diskaun pracukai menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap risiko yang khusus untuk setiap CGU. Ini adalah tanda aras yang digunakan oleh pihak pengurusan bagi menilai prestasi operasi dan untuk menaksir usul pelaburan masa hadapan. Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian untuk setiap CGU, perkiraan telah dibuat berdasarkan kadar bebas risiko Malaysia selama 20 tahun dengan tempoh jangka masa panjang CPI Malaysia.

20 Inventori

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Pada kos		
Kotak set-top	7,627	12,192
Barang dagangan	990	-
Pita serta bahan lain	4,118	5,101
Pada nilai boleh direalisasi bersih		
Kotak set-top	254	243
	12,989	17,536

Termasuk dalam kos jualan adalah kos inventori yang dicaj kepada penyata pendapatan berjumlah RM54,576,000 (2014: RM25,123,000).

21 Belum Terima dan Prabelum Bayar

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Bukan semasa				
Deposit	72,160	66,390	-	-
Bayaran muka dan prabelum bayar	170,235	88,190	344	474
	242,395	154,580	344	474
Semasa				
Perdagangan belum terima	573,295	626,701	-	-
Kejejasan dagangan belum terima (Nota 36(a))	(85,777)	(144,147)	-	-
	487,518	482,554	-	-
Belum terima yang lain, bersih daripada kejejasan	38,270	40,876	965	2,415
Deposit	10,139	76,940	5	5
Jumlah kena bayar daripada syarikat bersekutu	-	-	-	11
Jumlah kena bayar daripada syarikat induk utama dan syarikat induk terdekat	-	3,623	-	54
Jumlah kena bayar daripada syarikat berkaitan, bersih daripada kejejasan	6,188	6,673	-	8
Jumlah kena bayar daripada pihak berkaitan, bersih daripada kejejasan	51,067	27,028	2	-
Jumlah kena bayar daripada subsidiari	-	-	162,346	18,058
Bayaran muka dan prabelum bayar	233,494	353,769	132	131
	826,676	991,463	163,450	20,682

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

21 Belum Terima dan Prabelum Bayar (Samb.)

Termasuk dalam belum terima yang lain dan jumlah kena bayar daripada pihak berkaitan dengan Kumpulan ialah kejejasan, masing-masing berjumlah RM5,911,000 (2014: RM20,138,000) dan RM4,719,000 (2014: RM4,523,000).

Jumlah kejejasan bagi Kumpulan yang teriktiraf pada tahun kewangan semasa adalah RM1,615,000 (2014: RM1,040,000) dan RM196,000 (2014: RM12,000) bagi belum terima yang lain serta jumlah kena bayar daripada pihak berkaitan, manakala terdapat pembalikan jumlah kejejasan untuk belum terima yang lain sebanyak RM8,928,000 (2014: Sifar).

Jumlah semasa kena bayar daripada syarikat induk utama dan syarikat induk terdekat, syarikat berkaitan, pihak berkaitan dan subsidiari adalah tanpa cagaran, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

Termasuk dalam deposit Kumpulan adalah deposit yang dibayar kepada syarikat berkaitan dan pihak berkaitan, masing-masing sebanyak RM Sifar (2014: RM572,000) dan RM72,160,000 (2014: RM128,556,000) yang tidak melampaui tempoh mahupun terjejas.

Tempoh kredit bagi perdagangan belum terima adalah dalam lingkungan bayaran terdahulu sehingga 60 hari (2014: bayaran terdahulu sehingga 60 hari) (Nota 36(a)).

Tumpuan risiko kredit berkenaan perdagangan belum terima adalah terhad disebabkan pelanggan Kumpulan yang besar. Pengalaman bersejarah Kumpulan dalam pungutan akaun belum terima berada dalam lingkungan elaun yang telah dicatatkan.

22 Deposit, Tunai dan Baki Bank

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	1,230,586	993,982	281,060	552,542
Tunai dan baki bank	123,019	111,264	426	823
Deposit, tunai dan baki bank	1,353,605	1,105,246	281,486	553,365
Tolak: Deposit dengan tempoh matang melebihi 3 bulan	(765,208)	(752,056)	(223,722)	(461,172)
Tunai dan kesamaan tunai	588,397	353,190	57,764	92,193

Deposit Kumpulan dan Syarikat mempunyai purata kematangan, masing-masing selama 109 hari dan 81 hari (2014: 117 hari dan 137 hari) untuk deposit RM dan purata kematangan selama 16 hari untuk deposit USD. Deposit tersebut ditempatkan di institusi kewangan untuk tujuan pelaburan.

Kadar faedah berkesan ke atas deposit RM untuk Kumpulan dan Syarikat ialah antara 3.2% hingga 4.3% (2014: 3.0% hingga 3.5%) setahun dan deposit USD untuk Kumpulan ialah antara 0.02% hingga 0.11%.

23 Belum Bayar

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Semasa				
Perdagangan belum bayar dan akruan	788,457	478,033	-	-
Belum bayar dan akruan yang lain	636,860	624,395	1,344	1,900
Jumlah kena bayar kepada pihak berkaitan	61,843	57,894	146	20
Jumlah kena bayar kepada subsidiari	-	-	2,944	2,215
Jumlah kena bayar kepada syarikat berkaitan	-	19,361	-	276
Hasil belum diperolehi	248,617	246,582	-	-
	1,735,777	1,426,265	4,434	4,411

Bukan semasa

Perdagangan belum bayar dan akruan	612,227	1,249,153	-	-
------------------------------------	---------	-----------	---	---

Syarat kredit yang diberikan oleh vendor secara amnya adalah antara 0 hingga 90 hari (2014: 0 hingga 90 hari). Vendor bagi kotak set-top telah memberi tempoh pelanjutan pembayaran selama 24 dan 36 bulan ("pembiayaan vendor") berdasarkan *Usance Letter of Credit Payable at Sight* ("ULCP") dan juga berdasarkan *Promissory Notes* ("PN") kepada Kumpulan seperti yang dinyatakan di bawah:

- (i) Faedah dikenakan ke atas ULCP mengikut LIBOR USD atau Kos Dana Ringgit + margin antara 0.7% dan 1.25% (2014: LIBOR USD atau Kos Dana Ringgit + margin antara 0.7% dan 1.25%) setahun, masing-masing dikira mengikut 360 atau 365 hari dari tarikh penyerahan.
- (ii) Faedah dikenakan ke atas PN mengikut LIBOR USD atau Kos Dana Ringgit + margin antara 0.85% dan 1.10% (2014: LIBOR USD atau Kos Dana Ringgit + margin antara 0.85% dan 1.1%) setahun, masing-masing dikira mengikut 360 atau 365 hari dari tarikh penerbitan.

Setakat 31 Januari 2015, Kumpulan mempunyai sejumlah RM113,342,000 (2014: RM86,148,000) dalam kemudahan berbilang perdagangan yang belum dikeluarkan bagi memudahkan penerbitan ULCP serta RM104,024,000 (2014: RM245,295,146) dan USD10,772,000 (2014: USD49,110,000) kemudahan pembiayaan vendor yang disediakan oleh vendor bagi membolehkan pembayaran menggunakan PN.

Kadar faedah berkesan pada akhir tahun kewangan ialah antara 1.2% dan 5.3% (2014: 1.2% dan 4.7%) setahun.

Termasuk dalam perdagangan belum bayar adalah pembiayaan vendor berjumlah RM1,022,789,000 (2014: RM1,360,878,000) yang meliputi jumlah semasa sebanyak RM410,562,000 (2014: RM111,725,000) dan jumlah bukan semasa sebanyak RM612,227,000 (2014: RM1,249,153,000).

Sebahagian besar hasil belum diperolehi merangkumi yuran langganan yang dibilkan sebelum perkhidmatan diberikan.

Jumlah kena bayar kepada pihak berkaitan, subsidiari dan syarikat berkaitan, adalah tanpa cagaran, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

24 Instrumen Kewangan Derivatif

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	Aset	Aset	Aset	Aset
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Semasa				
Kontrak tukaran mata wang asing hadapan – perlindungan nilai aliran tunai	94,890	16,886	-	-
Pertukaran kadar faedah mata wang silang – perlindungan nilai aliran tunai	17,219	4,950	17,219	4,950
Pertukaran kadar faedah – perlindungan nilai aliran tunai	116	-	-	-
	112,225	21,836	17,219	4,950

Bukan semasa

Perlindungan kadar faedah mata wang silang – perlindungan nilai aliran tunai	184,763	106,970	165,651	105,819
Pertukaran kadar faedah – perlindungan nilai aliran tunai	287	122	-	-
	185,050	107,092	165,651	105,819

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	Liabiliti	Liabiliti	Liabiliti	Liabiliti
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000

Semasa

Pertukaran kadar faedah – perlindungan nilai aliran tunai	2,415	3,316	2,214	3,249
Perlindungan kadar faedah mata wang silang – perlindungan nilai aliran tunai	534	189	-	-
Kontrak pertukaran mata wang asing hadapan – perlindungan nilai aliran tunai	-	1,213	-	-
	2,949	4,718	2,214	3,249

Bukan semasa

Pertukaran kadar faedah – perlindungan nilai aliran tunai	11,725	7,629	11,427	7,439
	11,725	7,629	11,427	7,439

24 Instrumen Kewangan Derivatif (Samb.)Kontrak pertukaran mata wang asing hadapan

Kontrak pertukaran mata wang asing hadapan digunakan untuk mengurus pendedahan mata wang asing yang timbul daripada belum bayar Kumpulan dalam denominasi mata wang selain daripada mata wang fungsian Kumpulan. Kebanyakan kontrak pertukaran mata wang asing hadapan mempunyai tempoh matang kurang daripada satu tahun selepas tarikh kunci kira-kira. Jumlah utama kontrak pertukaran mata wang asing hadapan pada 31 Januari 2015 adalah sebanyak USD285,089,000 (2014: USD291,134,000).

Pertukaran kadar faedah

Pertukaran kadar faedah digunakan untuk mencapai pendedahan kadar faedah yang bersesuaian dalam Kumpulan dan Syarikat. Kumpulan dan Syarikat telah menyertai pertukaran kadar faedah untuk melindungi nilai risiko aliran tunai yang berkaitan dengan kadar faedah terapung bagi pinjaman bank, seperti yang dinyatakan dalam Nota 25 dengan berjumlah RM1,350,000,000 (2014: RM1,462,500,000) dan pembiayaan vendor, seperti yang dinyatakan dalam Nota 23 dengan berjumlah RM528,198,700 (2014: RM97,705,000) dan USD77,986,000 (2014: USD59,886,000).

Pertukaran kadar faedah bagi pinjaman bank telah disertai sehingga 10 tahun dengan purata kadar pertukaran tetap 4.15% (2014: 4.15%). Pertukaran kadar faedah bagi pembiayaan vendor adalah untuk tempoh sehingga 3 tahun dan mempunyai purata kadar pertukaran tetap, iaitu masing-masing 3.712% dan 0.451% setahun (2014: 3.606% dan 0.447%).

Pertukaran kadar faedah mata wang silang

Untuk mengurangkan risiko kewangan yang timbul daripada turun naik yang kurang baik dalam kadar faedah dan pertukaran, Kumpulan dan Syarikat telah menyertai pertukaran kadar faedah mata wang bersilang dengan jumlah utama sebanyak USD297,000,000 (2014: USD321,750,000) untuk pinjaman bank dan USD51,553,000 (2014: USD17,711,000) untuk pembiayaan vendor. Pertukaran kadar faedah mata wang silang untuk pinjaman bank telah disertai untuk tempoh menjangkau 10 tahun dan purata kadar pertukaran tetap serta kadar pertukaran masing-masing ialah 4.19% (termasuk margin 1%) (2014: 4.19% (termasuk margin 1%)) dan USD/RM3.0189 (2014: USD/RM3.0189). Pertukaran kadar faedah mata wang silang bagi pembiayaan vendor telah disertai untuk tempoh menjangkau 3 tahun dan purata kadar pertukaran tetap serta kadar pertukaran masing-masing ialah 4.26% setahun (termasuk margin 1.02% (2014: 4.28% setahun (termasuk margin purata 1.07%)) dan USD/RM3.2525 (2014: USD/RM3.2657).

Profil kematangan instrumen kewangan derivatif adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 36(b) penyata kewangan.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

25 Pinjaman

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Tanpa Cagaran:				
Semasa				
Liabiliti pembiayaan pajakan kewangan (Nota (a))	67,126	56,962	-	-
Pinjaman bertempoh:				
- Pinjaman Bertempoh RM (Nota (b))	218,767	167,955	218,767	167,955
- Pinjaman Bertempoh USD - USD330 juta (Nota (b))	121,241	84,315	121,241	84,315
	340,008	252,270	340,008	252,270
Tolak: Kos pengeluaran hutang	(7,053)	(7,540)	(7,053)	(7,540)
Pinjaman bertempoh, kos pengeluaran hutang bersih	332,955	244,730	332,955	244,730
	400,081	301,692	332,955	244,730

Bukan Semasa

Liabiliti pembiayaan pajakan kewangan (Nota (a))	571,889	603,989	-	-
Pinjaman bertempoh:				
- Pinjaman Bertempoh RM (Nota (b))	1,600,000	1,800,000	1,600,000	1,800,000
- Pinjaman Bertempoh USD - USD330 juta (Nota (b))	952,512	985,891	952,512	985,891
	2,552,512	2,785,891	2,552,512	2,785,891
Tolak: Kos pengeluaran hutang	(21,104)	(28,073)	(21,104)	(28,073)
Pinjaman bertempoh, kos pengeluaran hutang bersih	2,531,408	2,757,818	2,531,408	2,757,818
	3,103,297	3,361,807	2,531,408	2,757,818
	3,503,378	3,663,499	2,864,363	3,002,548

(a) Liabiliti pembiayaan pajakan kewangan

Liabiliti pembiayaan pajakan kewangan merangkumi pajakan transponder pada satelit MEASAT 3 ("M3"), MEASAT 3T11 (M3-T11") dan MEASAT 3a ("M3a") daripada MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd., iaitu pihak berkaitan. Liabiliti ini adalah dalam denominasi RM. Kadar faedah berkesan bagi pembiayaan pajakan kewangan pada akhir tahun kewangan adalah masing-masing 6.2% (2014: 6.2%), 4.6% (2014: Sifar) dan 12.5% (2014: 12.5%) setahun, bagi M3, M3-T11 dan M3a.

25 Pinjaman (Samb.)**(a) Liabiliti pembiayaan pajakan kewangan (Samb.)**

Berikut adalah ringkasan pembayaran pajakan minimum:

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Obligasi sewa pajakan		
Bayaran pajakan minimum:		
- Tidak melebihi 1 tahun	115,735	108,105
- Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	113,357	110,212
- Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	335,716	314,372
- Melebihi 5 tahun	313,682	412,553
	878,490	945,242
Caj kewangan masa depan	(239,475)	(284,291)
Nilai kini obligasi pembiayaan pajakan kewangan	639,015	660,951

(b) Pinjaman bertempoh (tanpa cagaran dan dikenakan faedah)

Pada 12 Mei 2011, Kumpulan dan Syarikat telah mendapat pembiayaan bagi membantu menyempurnakan penyusunan semula seperti yang telah dinyatakan dalam Nota 28. Pembiayaan merangkumi tranche berikut:

- (i) Pinjaman bertempoh dalam Ringgit sebanyak RM2,010 juta ("2B") dan RM1,000 juta ("1B") (secara kolektifnya "Kemudahan Pinjaman Bertempoh RM"); dan
- (ii) Pinjaman bertempoh dalam Dolar US ("USD") sebanyak USD330 juta ("Kemudahan Pinjaman Bertempoh USD")

Kedua-dua tranche 2B dan Kemudahan Pinjaman Bertempoh USD mempunyai tempoh kematangan 10 tahun, di mana masing-masing matang pada 19 Mei 2021 serta 8 Jun 2021, dan pinjaman telah digunakan sepenuhnya pada 10 Jun 2011.

Pada 18 Mei 2012, pinjaman RM500,000,000 telah digunakan daripada tranche 1B. Jumlah pinjaman yang tinggal belum digunakan sebanyak RM500,000,000 sengaja dibiarkan luput pada tempoh ketersediaan lanjutan terakhir. Tranche 1B ini mencapai kematangan pada 19 Mei 2021.

Jumlah penggunaan pinjaman di bawah Kemudahan Pinjaman Bertempoh 2B RM dan USD telah dilindung nilai sepenuhnya pada 31 Januari 2015. Kadar terapung KLIBOR di bawah Kemudahan Pinjaman Bertempoh telah ditukar kepada instrumen tetap pada purata kadar tetap 4.15% (2014: 4.15%) dan Kemudahan Pinjaman Bertempoh USD telah ditukarkan kepada RM pada purata kadar pertukaran dan faedah tetap USD/RM3.0189 (2014: USD/RM3.0189) dan 4.19% (termasuk margin 1%) (2014: 4.19% (termasuk margin 1%)). Penggunaan Pinjaman RM500,000,000 daripada Kemudahan Pinjaman Bertempoh RM 1B kekal tanpa lindung nilai, dengan kadar faedah antara 4.56% hingga 5.16% (termasuk margin 1%) (2014: 4.54% hingga 5.04% (termasuk margin 1% hingga 1.5%)) setahun. Margin faedah yang boleh diguna pakai di bawah kedua-dua Kemudahan Pinjaman Bertempoh RM dan USD berbeza daripada 1.0% hingga 1.75% (2014: 1.0% hingga 1.75%) berdasarkan nisbah hutang bersih kepada EBITDA terlaras (seperti yang ditetapkan dalam perjanjian kemudahan), iaitu kurang daripada 2.0 kali hingga lebih daripada 4.0 kali (2014: kurang daripada 2.0 kali hingga lebih daripada 4.0 kali).

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

25 Pinjaman (Samb.)

(b) Pinjaman bertempoh (tanpa cagaran dan dikenakan faedah) (Samb.)

Berikut adalah ringkasan tempoh pembayaran balik:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Pembayaran balik pinjaman bertempoh (termasuk caj kewangan):		
- Tidak melebihi 1 tahun	423,389	346,136
- Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	493,843	414,514
- Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	1,613,718	1,543,719
- Melebihi 5 tahun	745,292	1,228,259
	3,276,242	3,532,628
Caj kewangan masa depan	(383,722)	(494,467)
Nilai kini pinjaman bertempoh	2,892,520	3,038,161

26 (Liabiliti)/Aset Cukai Tertunda

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang untuk tolak selesai aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda berkait dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Jumlah berikut, yang ditentukan selepas melakukan pengimbangan yang bersesuaian, dikemukakan dalam kunci kira-kira:

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Tertakluk kepada cukai pendapatan:				
Aset cukai tertunda:				
- Aset cukai tertunda akan didapatkan semula selepas lebih daripada 12 bulan	33,609	29,405	-	-
- Aset cukai tertunda akan didapatkan semula dalam masa 12 bulan	20,525	20,165	-	-
	54,134	49,570	-	-
Liabiliti cukai tertunda:				
- Liabiliti cukai tertunda perlu diselesaikan selepas lebih daripada 12 bulan	(56,102)	(106,301)	-	-
- Liabiliti cukai tertunda perlu diselesaikan dalam masa 12 bulan	(26,087)	(14,822)	-	-
	(82,189)	(121,123)	-	-
Liabiliti cukai tertunda bersih	(28,055)	(71,553)	-	-

26 (Liabiliti)/Aset Cukai Tertunda (Samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada awal tahun kewangan	(71,553)	(104,238)	-	-
Dikreditkan/(dica) kepada penyata pendapatan (Nota 10):				
Peruntukan dan akruan	(7,434)	(2,003)	-	-
Kerugian cukai	(67)	10,879	-	-
Hartanah, loji dan peralatan	55,862	41,751	-	-
Aset tak ketara	5,582	(8,353)	-	-
Kejejasan belum terima	(16,554)	(10,239)	-	-
Lain-lain	7,546	650	-	-
	44,935	32,685	-	-
Pergerakan lain:				
Pengambilalihan subsidiari (Nota 37(b))	(1,437)	-	-	-
Pada akhir tahun kewangan	(28,055)	(71,553)	-	-
Tertakluk kepada cukai pendapatan:				
Aset cukai tertunda (sebelum pengimbangan):				
Peruntukan dan akruan	22,510	29,944	-	-
Kerugian cukai	36,158	36,225	-	-
Hartanah, loji dan peralatan	36,894	16,522	-	-
Kejejasan belum terima	22,510	39,064	-	-
Lain-lain	8,484	650	-	-
	126,556	122,405	-	-
Pengimbangan	(72,422)	(72,835)	-	-
Aset cukai tertunda (selepas pengimbangan)	54,134	49,570	-	-
Liabiliti cukai tertunda (sebelum pengimbangan):				
Hartanah, loji dan peralatan	(8,672)	(44,162)	-	-
Aset tak ketara	(145,651)	(149,796)	-	-
Lain-lain	(288)	-	-	-
	(154,611)	(193,958)	-	-
Pengimbangan	72,422	72,835	-	-
Liabiliti cukai tertunda (selepas pengimbangan)	(82,189)	(121,123)	-	-

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

26 (Liabiliti)/Aset Cukai Tertunda (Samb.)

Aset cukai tertunda tidak teriktiraf bagi perkara berikut (dinyatakan pada jumlah kasar):

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Kerugian dari cukai dibawa ke hadapan	112,356	125,271
Elaun modal bawa ke hadapan	1,334	18
Perbezaan sementara yang lain bawa ke hadapan	2,271	2,895
Elaun cukai pelaburan tidak diserap	25	25
	115,986	128,209

Faedah kerugian cukai belum guna, elaun modal, perbezaan sementara yang lain serta elaun cukai pelaburan boleh dibawa ke hadapan bagi tempoh masa tidak pasti dan akan diperolehi apabila subsidiari berkaitan memperoleh pendapatan boleh taksir di masa hadapan dalam bentuk dan jumlah yang mencukupi di mana kerugian cukai, elaun modal, perbezaan sementara yang lain serta elaun cukai pelaburan yang dibawa ke hadapan ini boleh digunakan.

27 Modal Saham

	Kumpulan dan Syarikat			
	Bilangan Saham	Jumlah	Bilangan Saham	Jumlah
	2015	2015	2014	2015
	'000	RM'000	'000	RM'000
Dibenarkan:				
<i>Saham biasa bernilai RM0.10 sesaham</i>				
Pada awal dan akhir tahun kewangan	10,000,000	1,000,000	10,000,000	1,000,000
RPS bernilai RM0.10 sesaham	10	1	10	1
Diterbitkan dan dibayar sepenuhnya:				
<i>Saham biasa bernilai RM0.10 sesaham</i>				
Pada awal tahun kewangan	5,198,300	519,830	5,198,300	519,830
Diterbitkan semasa tahun kewangan:				
- Geran saham dilaksanakan	3,428	343	-	-
Pada akhir tahun kewangan	5,201,728	520,173	5,198,300	519,830

27 Modal Saham (Samb.)Saham Premium

	Kumpulan dan Syarikat	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Pada 1 Februari	6,165,374	6,165,374
Pergerakan sepanjang tahun:		
- Geran saham dilaksanakan	9,294	-
Pada 31 Januari	6,174,668	6,165,374

Pada 20 Oktober 2014, Syarikat telah menerbitkan dan memperuntukkan 3,428,400 saham biasa bernilai RM0.10 dalam Syarikat untuk para eksekutif atau kakitangan yang layak, menurut surat tawaran bertarikh 11 Oktober 2012 ("Surat Tawaran") dan selaras dengan Undang-undang Kecil Skim Saham Syarikat.

Selepas peristiwa di atas, modal saham yang diterbitkan dan berbayar Syarikat telah meningkat kepada 5,201,728,400 saham biasa bernilai RM0.10 sesaham.

28 Rizab Penyusunan Semula Modal

Syarikat telah mengambil alih keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. ("MBNS") yang merangkumi 260,217,142 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan 10,000 Saham Keutamaan Boleh Tebus Kelas A bernilai RM1.00 sesaham untuk balasan berjumlah RM6,795,540,152 pada 5 April 2011. Pengambilalihan ini telah dimasukkan kira sebagai penyusunan semula modal MBNS.

Perbezaan antara jumlah balasan oleh Syarikat dan aset bersih MBNS yang telah diambil alih telah dimasukkan kira sebagai rizab penyusunan semula modal.

29 Rizab Lindung Nilai

Ini menggambarkan perubahan dalam nilai wajar instrumen lindung nilai, diwakili oleh swap kadar faedah dan pertukaran kadar faedah mata wang silang yang disertai oleh Kumpulan semasa tahun kewangan, yang ditunda dalam rizab lindung nilai sehingga perkara lindung nilai memberi kesan terhadap penyata pendapatan (Nota 24).

30 Rizab Nilai Saksama

Ini menggambarkan perubahan bersih kumulatif dalam nilai wajar aset kewangan sedia jualan sehingga pengiktirafan pelaburan ditarik balik atau terjejas.

31 Rizab Skim Saham

Ini menggambarkan nilai kumulatif perkhidmatan kakitangan yang diberikan untuk pemberian saham. Apabila pemberian dilaksanakan, jumlah daripada rizab skim saham dipindahkan kepada saham premium dan meningkatkan modal saham. Apabila pemberian saham luput, jumlah daripada rizab skim saham dipindahkan kepada perolehan tertahan. Pemberian saham dikemukakan dalam Nota 7(a).

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

32 Urus Niaga Bukan Tunai

Urus niaga bukan tunai yang utama sepanjang tahun kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

- (a) Pemerolehan hartanah, loji dan peralatan dengan cara pajakan kewangan sebanyak RM35,026,000 (2014: RM6,601,000).
- (b) Pemerolehan hartanah, loji dan peralatan dengan cara pembiayaan vendor sebanyak RM244,197,000 (2014: RM702,919,000).
- (c) Pemerolehan inventori dengan cara pembiayaan vendor RM15,137,000 (2014: RM3,473,000).

33 Iltizam Modal

- (a) Iltizam modal untuk hartanah, loji dan peralatan yang tidak diperuntukkan bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan	2,874,684	2,868,457
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	275,058	185,666
	3,149,742	3,054,123

Termasuk dalam iltizam yang telah diluluskan dan dikontrakkan setakat 31 Januari 2015 ialah transponder satelit dengan MEASAT International (South Asia) Ltd. serta MEASAT Satellite System Sdn. Bhd. yang kedua-duanya adalah pihak berkaitan, pada satelit MEASAT-3B dan MEASAT-3C, masing-masing berjumlah RM1,941,104,000 (2014: RM1,785,891,000) dan RM600,371,200 (2014: RM552,364,800). MSS merupakan subsidiari kepada sebuah syarikat di mana pemegang saham yang besar, Ananda Krishnan Tatparanandam ("TAK") mempunyai 99% kepentingan ekuiti langsung.

- (b) Iltizam pemrograman untuk hak program yang tidak diperuntukkan bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan	907,938	1,227,174
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	796,454	466,763
	1,704,392	1,693,937

- (c) Iltizam terhadap perisian yang tidak diperuntukkan bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan	188,086	258,248
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	62,939	98,399
	251,025	356,647

34 Iltizam Pajakan Operasi Tidak Boleh Batal

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Perlu bayar dalam masa 1 tahun	1,969	2,039
Perlu bayar antara 1 dan 5 tahun	5,895	6,390
Perlu bayar selepas 5 tahun	52,319	53,793
	60,183	62,222

Buat masa ini Kumpulan mempunyai perjanjian 60 tahun untuk memajak tanah yang melibatkan All Asia Broadcast Centre yang bermula pada 1996.

35 Pendedahan Penting tentang Pihak Berkaitan

Kumpulan mempunyai beberapa urusan niaga pihak berkaitan dengan syarikat yang dikawal secara langsung atau tidak langsung atau berkait dengan Usaha Tegas Sdn. Bhd. ("UTSB") serta syarikat atau entiti yang dikawal secara langsung atau tidak langsung atau berkait dengan Ananda Krishnan Tatparanandam ("TAK") atau di mana beliau dianggap mempunyai kepentingan, yang mana kedua-duanya dianggap pemegang saham besar Syarikat.

UTSB mempunyai 24.01% kepentingan tidak langsung dalam Syarikat menerusi subsidiari milik sepenuhnya, All Asia Media Equities Limited dan Usaha Tegas Entertainment Systems Sdn Bhd. Syarikat induk muktamad UTSB ialah PanOcean Management Limited ("PanOcean"). PanOcean merupakan pemegang amanah bagi amanah budi bicara, di mana pemegang amanah adalah anggota keluarga TAK serta yayasan yang termasuk untuk tujuan amal. Sungguhpun PanOcean dan TAK dianggap mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat, mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi atau benefisial ke atas saham sedemikian kerana saham sedemikian adalah tertakluk kepada syarat amanah budi bicara.

TAK juga dianggap mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat melalui entiti yang merupakan pemegang saham langsung Syarikat dan dimiliki oleh syarikat yang secara mutlak dikawal oleh TAK.

Selain daripada pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan, di bawah ini dikemukakan urusan niaga dan baki penting yang lain. Urusan niaga pihak berkaitan yang diuraikan di bawah telah dijalankan mengikut syarat yang dipersetujui dengan pihak berkaitan.

Pihak berkaitan yang penting, di mana Kumpulan dan Syarikat berurusan dengannya, merangkumi syarikat berikut:

Pihak Berkaitan

Astro Awani Network Sdn. Bhd. ("AANSB")
 Astro Group Services Sdn. Bhd. ("AGS")
 Astro Productions Sdn. Bhd. ("APSB")
 Astro Shaw Sdn. Bhd. ("ASSB")
 Astro Retail Ventures Sdn. Bhd. ("ARV")
 Astro Digital 5 Sdn. Bhd. ("AD5SB")
 Astro Arena Sdn. Bhd. ("AASB")
 Astro Sports Marketing Sdn. Bhd. ("ASM")
 MEASAT Broadcast Network Systems Sdn. Bhd. ("MBNS")
 Kristal-Astro Sdn. Bhd.
 Endemol Malaysia Entertainment Group Sdn. Bhd.

Hubungan

Subsidiari Syarikat
 Subsidiari Syarikat
 Subsidiari Syarikat
 Subsidiari Syarikat
 Subsidiari Syarikat
 Subsidiari ADSB
 Subsidiari AESB
 Subsidiari AESB
 Subsidiari Syarikat
 Syarikat bersekutu Syarikat
 Usaha sama Syarikat

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

35 Pendedahan Penting tentang Pihak Berkaitan (Samb.)

Pihak Berkaitan	Hubungan
ASTRO Overseas Limited ("AOL")	Subsidiari Astro Holdings Sdn Bhd ("AHSB"), sebuah syarikat yang dikawal bersama oleh UTSB dan Khazanah Nasional Berhad, menurut persetujuan para pemegang saham berhubung dengan AHSB
Celestial Movie Channel Limited	Syarikat bersekutu AOL
Media Innovations Pty Ltd	Subsidiari AOL
Tiger Gate Entertainment Limited	Syarikat bersekutu AOL
Sun TV Network Limited	Rakan usaha sama AOL
Maxis Broadband Sdn. Bhd.	Subsidiari bagi usaha sama UTSB
Maxis Mobile Services Sdn. Bhd.	Subsidiari bagi usaha sama UTSB
Maxis Mobile Sdn. Bhd.	Subsidiari bagi usaha sama UTSB
UTSB Management Sdn. Bhd.	Subsidiari UTSB
MEASAT Satellite Systems Sdn. Bhd. ("MSS")	Subsidiari sebuah syarikat di mana TAK mempunyai 99% kepentingan ekuiti secara langsung
GS Home Shopping Inc.	Pemegang saham utama Astro GS Shop Sdn. Bhd., sebuah subsidiari milikan 60% Syarikat

(a) Penjualan barangan dan perkhidmatan

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
<u>Penjualan barangan dan perkhidmatan kepada pihak berkaitan:</u>		
Maxis Mobile Services Sdn. Bhd.		
- Penjualan multimedia dan interaktif	8,740	10,898
Maxis Mobile Sdn. Bhd.		
- Penjualan masa siaran	6,883	2,012
Maxis Broadband Sdn. Bhd.		
- Pelesenan saluran	17,083	12,632
MSS		
- Pampasan untuk tempoh lanjutan	29,348	5,609
AOL		
- Yuran pengurusan	12,970	-
<u>Penjualan barangan dan perkhidmatan kepada syarikat bersekutu:</u>		
Kristal-Astro Sdn. Bhd.		
- Perkhidmatan program dan hak penjualan, sokongan teknikal dan penyewaan kad pintar	29,744	19,169
<u>Yuran pengurusan dicajkan kepada syarikat berkaitan:</u>		
AOL	-	12,982

35 Pendedahan Penting tentang Pihak Berkaitan (Samb.)

(a) Penjualan barangan dan perkhidmatan (Samb.)

	Syarikat	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
<u>Pendapatan faedah ke atas pendahuluan kepada subsidiari:</u>		
MBNS	90,117	89,172
APSB	11,763	15,295
<u>Pembayaran berasaskan saham dicajkan kepada subsidiari:</u>		
MBNS	12,940	9,236

(b) Pembelian barangan dan perkhidmatan

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
<u>Pembelian barangan dan perkhidmatan daripada pihak berkaitan:</u>		
UTSB Management Sdn. Bhd.		
- Perkhidmatan sokongan kakitangan, strategik dan khidmat perundingan yang lain	12,064	17,867
Maxis Broadband Sdn. Bhd.		
- Perkhidmatan telekomunikasi	69,488	48,295
MSS		
- Perbelanjaan berkaitan dengan pajakan kewangan	55,348	58,271
GS Home Shopping Inc.		
- Pembelian aset	6,556	-
Celestial Movie Channel Limited		
- Hak penyiaran program	17,069	-
Sun TV Network Limited		
- Hak penyiaran program	32,706	-
Tiger Gate Entertainment Limited		
- Hak penyiaran program	11,980	-
Media Innovations Pty Ltd		
- Perkhidmatan mereka bentuk, membina dan mentauliah	10,881	-

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

35 Pendedahan Penting tentang Pihak Berkaitan (Samb.)

(b) Pembelian barangan dan perkhidmatan (Samb.)

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
<u>Pembelian barangan dan perkhidmatan daripada rakan usaha sama</u>		
Endemol Malaysia Entertainment Group Sdn. Bhd.		
- Hak program	-	4,603
<u>Pembelian barangan dan perkhidmatan daripada syarikat berkaitan:</u>		
Celestial Movie Channel Limited		
- Hak penyiaran program	-	15,606
Sun TV Network Limited		
- Hak penyiaran program	-	31,419
Tiger Gate Entertainment Limited		
- Hak penyiaran program	-	11,149
Media Innovations Pty Ltd		
- Perkhidmatan mereka bentuk, membina dan mentauliah	-	3,264
	Syarikat	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
<u>Yuran pengurusan korporat dicaj oleh subsidiari:</u>		
AGS	4,107	4,091

(c) Baki hujung tahun yang timbul daripada penjualan/pembelian bernilai barangan dan perkhidmatan (dinyatakan pada nilai kasar)

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Belum terima daripada pihak berkaitan^				
Maxis Broadband Sdn. Bhd.	4,146	7,472	-	-
Maxis Mobile Services Sdn. Bhd.	5,188	4,255	-	-
MSS	20,249	1,635	-	-
Belum terima daripada syarikat berkaitan				
AOL	-	6,982	-	-
Belum terima daripada syarikat bersekutu				
Kristal-Astro Sdn. Bhd.	6,019	5,727	-	-

35 Pendedahan Penting tentang Pihak Berkaitan (Samb.)

- (c) Baki hujung tahun yang timbul daripada penjualan/pembelian bernilai barangan dan perkhidmatan (dinyatakan pada nilai kasar) (Samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Belum terima daripada usaha sama				
Endemol Malaysia Entertainment Group Sdn. Bhd.	-	4,920	-	-
Belum terima daripada subsidiari				
MBNS	-	-	155,677	15,420
Belum bayar kepada pihak berkaitan				
UTSB Management Sdn. Bhd.	1,839	3,236	-	-
Maxis Broadband Sdn. Bhd.	21,099	15,826	-	-
MSS	166	23,534	-	-
GS Home Shopping Inc.	5,546	-	-	-
Media Innovations Pty Ltd	11,159	-	-	-
Celestial Movie Channel Limited	1,671	-	-	-
Sun TV Network Limited	7,749	-	-	-
Tiger Gate Entertainment Limited	2,328	-	-	-
Belum bayar kepada syarikat berkaitan				
Celestial Movie Channel Limited	-	1,572	-	-
Sun TV Network Limited	-	7,499	-	-
Tiger Gate Entertainment Limited	-	1,265	-	-
Pendahuluan kepada subsidiari				
MBNS	-	-	1,838,926	1,529,097
APSB	-	-	209,244	226,530
AASB	-	-	53,449	32,861
AANSB	-	-	707	707
ASSB	-	-	6,054	2,133
ASM	-	-	30,535	7,468
ARV	-	-	34,080	-
AD5SB	-	-	3,425	-

[^] Kejejasan ke atas belum terima daripada pihak berkaitan dinyatakan dalam Nota 21 penyata kewangan.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

35 Pendedahan Penting tentang Pihak Berkaitan (Samb.)

(d) Imbuhan dan emolumen kakitangan pengurusan utama

Imbuhan kakitangan pengurusan utama semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Yuran dan elaun mesyuarat para Pengarah	2,022	1,804	2,022	1,804
Gaji dan bonus	20,142	21,193	-	2,128
Pelan caruman wajib	2,685	2,794	-	319
Anggaran nilai wang bagi manfaat barangan	433	103	35	32
Bayaran berasaskan saham (Nota 7(a))	2,822	-	-	-
Faedah kakitangan yang lain	100	60	-	-
	28,204	25,954	2,057	4,283

Kakitangan pengurusan utama terdiri daripada para Pengarah dan anggota pasukan pengurusan kanan yang bertanggungjawab secara langsung terhadap dasar dan keputusan kewangan serta operasi Kumpulan dan Syarikat.

(e) Entiti berkaitan Kerajaan

Khazanah Nasional Berhad ("KNB") dianggap mempunyai kepentingan 20.72% dalam saham Syarikat yang dimiliki oleh subsidiarinya, Pantai Cahaya Bulan Ventures Sdn Bhd ("PCBV"). KNB merupakan dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia. Kecuali untuk satu (1) saham yang dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, iaitu sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Pemerbadanan), 1957 kesemua saham biasa KNB dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan, sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan), 1957 ("MoF Inc.").

Semua urusan niaga yang disertai oleh Kumpulan dengan entiti berkaitan kerajaan dikendalikan dalam perjalanan biasa urusan Kumpulan berdasarkan syarat yang telah dirundingkan.

(i) Urus niaga yang penting secara kolektif, tetapi bukan secara individu

Kumpulan mempunyai urusan niaga dengan entiti berkaitan kerajaan yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada penggunaan utiliti awam.

Urus niaga ini dikendalikan dalam perjalanan biasa urusan Kumpulan berdasarkan syarat yang telah dirundingkan.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015, pihak pengurusan menganggarkan bahawa jumlah agregat urusan niaga penting Kumpulan dengan entiti berkaitan kerajaan ialah 2.7% (2014: 2.0%) daripada jumlah perbelanjaan pentadbirannya dan 1.8% (2014: 1.1%) daripada jumlah hasilnya.

36 Instrumen Kewangan

(a) Risiko kredit

Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada risiko kredit yang timbul daripada aset kewangan Kumpulan yang meliputi belum terima, tunai dan kesamaan tunai serta instrumen kewangan derivatif.

Perdagangan belum terima

Tumpuan risiko kredit yang berkaitan dengan dagangan belum terima adalah terhad disebabkan oleh bilangan pelanggan Kumpulan yang besar. Para Pengarah percaya bahawa tiada pertambahan kepada pendedahan kredit yang melebihi jumlah yang telah pun diperuntukkan.

Kualiti kredit dagangan belum terima yang tidak melampaui tempoh mahupun terjejas pada tarikh kunci kira-kira, boleh ditaksirakan dengan merujuk kepada maklumat mengikut sejarah yang berkaitan dengan kadar kemungkiran pihak bertentangan:

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Pelanggan tanpa kemungkiran pada masa lalu	81,012	77,518
Pelanggan dengan kemungkiran pada masa lalu (semua kemungkiran telah didapatkan semula sepenuhnya)	260,382	283,442
	341,394	360,960

Setakat 31 Januari 2015, analisis bagi dagangan tahunan belum terima yang melampaui tempoh tetapi tidak terjejas serta melampaui tempoh dan terjejas adalah seperti berikut:

	Tidak lebih daripada 30 hari RM'000	Antara 31 dan 60 hari RM'000	Antara 61 dan 90 hari RM'000	Melebihi 90 hari RM'000	Jumlah RM'000
--	---	------------------------------------	------------------------------------	-------------------------------	------------------

Kumpulan**Pada 31 Januari 2015**

Melampaui tempoh tetapi tidak terjejas	74,794	29,508	15,316	26,506	146,124
Melampaui tempoh dan terjejas	-	-	-	85,777	85,777
	74,794	29,508	15,316	112,283	231,901

Pada 31 Januari 2014

Melampaui tempoh tetapi tidak terjejas	66,107	18,945	15,602	20,940	121,594
Melampaui tempoh dan terjejas	-	-	-	144,147	144,147
	66,107	18,945	15,602	165,087	265,741

Perdagangan belum terima di atas adalah lampau tempoh tetapi tidak terjejas kerana berdasarkan trend pungutan masa lalu, pihak pengurusan percaya bahawa baki ini boleh didapatkan semula. Selain itu, dagangan belum terima yang khusus dan tertentu dimuktamadkan atas dasar barter dan pungutan adalah berasaskan syarat yang dikontrakkan antara kedua pihak.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(a) Risiko kredit (Samb.)

Dagangan belum terima (Samb.)

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Dagangan belum terima	573,295	626,701
Tolak: Kejejasan belum terima (Nota 21)	(85,777)	(144,147)
	487,518	482,554

Pergerakan dalam kejejasan belum terima:

Pada awal tahun kewangan	(144,147)	(178,747)
Caj bagi tahun kewangan	(75,850)	(63,259)
Dihapus kira	134,220	97,859
Pada akhir tahun kewangan	(85,777)	(144,147)

Kejejasan terhadap belum terima telah dibuat dengan menimbangkan kesan trend pungutan mengikut sejarah, syarat kredit, syarat pembayaran dan penilaian kredit bagi jumlah belum lunas yang kena bayar.

Belum terima yang lain

Setakat 31 Januari 2015, analisis tahunan bagi belum terima yang lain adalah seperti berikut:

	Semasa	Tidak lebih daripada 30 hari	Antara 31 dan 60 hari	Antara 61 dan 90 hari	Melebihi 90 hari	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000

Kumpulan

Pada 31 Januari 2015

Tidak melampaui tempoh mahupun terjejas	15,022	-	-	-	-	15,022
Melampaui tempoh tetapi tidak terjejas	-	12,222	1,293	1,820	7,913	23,248
Melampaui tempoh dan terjejas	-	-	-	-	5,911	5,911
	15,022	12,222	1,293	1,820	13,824	44,181

Pada 31 Januari 2014

Tidak melampaui tempoh mahupun terjejas	18,139	-	-	-	-	18,139
Melampaui tempoh tetapi tidak terjejas	-	17,363	1,973	3,108	293	22,737
Melampaui tempoh dan terjejas	-	-	-	-	20,138	20,138
	18,139	17,363	1,973	3,108	20,431	61,014

36 Instrumen Kewangan (Samb.)**(a) Risiko kredit (Samb.)****Aset kewangan yang lain**

Berhubung dengan risiko kredit yang timbul daripada aset kewangan lain milik Kumpulan, pendedahan Kumpulan kepada risiko kredit timbul daripada kemungkiran pihak bertentangan, dengan pendedahan maksimum menyamai jumlah bawaan instrumen ini.

Di samping itu, sebahagian besar daripada deposit Kumpulan ditempatkan di institusi kewangan dengan penarafan kredit yang teguh di Malaysia. Pelaburan dalam unit amanah dilakukan dalam bentuk tunai/pasaran wang, iaitu dana yang teramat cair. Pelaburan dalam bon tidak tercatat dibuat dalam bon dengan penarafan kredit AAA oleh RAM.

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko di mana Kumpulan dan Syarikat tidak dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila ia perlu dilunaskan. Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kecairan wujud daripada pelbagai belum bayar dan pinjaman.

Kumpulan dan Syarikat mengekalkan tahap tunai dan kesamaan tunai serta kemudahan bank yang dianggap memadai oleh pihak pengurusan untuk memastikan, seboleh mungkin, bahawa ia mempunyai kecairan yang mencukupi bagi memenuhi liabilitinya apabila ia perlu dilunaskan.

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan (pinjaman dan belum bayar, tidak termasuk hasil belum diperolehi) Kumpulan dan Syarikat pada 31 Januari 2015 dan 31 Januari 2014 berdasarkan bayaran berkontrak tidak didiskaun:

	Dalam masa 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan				
Pada 31 Januari 2015				
Pinjaman	539,124	2,556,634	1,058,974	4,154,732
Belum bayar	1,513,631	634,021	-	2,147,652
Instrumen kewangan derivatif - liabiliti kewangan	2,949	8,512	3,213	14,674
	2,055,704	3,199,167	1,062,187	6,317,058
Pada 31 Januari 2014				
Pinjaman	454,241	2,382,817	1,640,812	4,477,870
Belum bayar	1,210,545	1,281,037	-	2,491,582
Instrumen kewangan derivatif - liabiliti kewangan	4,718	4,529	3,100	12,347
	1,669,504	3,668,383	1,643,912	6,981,799

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(b) Risiko kecairan (Samb.)

Syarikat	Dalam masa 1 tahun RM'000	Antara 1 dan 5 tahun RM'000	Melebihi 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Januari 2015				
Pinjaman	423,389	2,107,561	745,292	3,276,242
Belum bayar	4,435	-	-	4,435
Instrumen kewangan derivatif - liabiliti kewangan	2,214	8,213	3,214	13,641
	430,038	2,115,774	748,506	3,294,318
Pada 31 Januari 2014				
Pinjaman	346,136	1,958,233	1,228,259	3,532,628
Belum bayar	4,411	-	-	4,411
Instrumen kewangan derivatif - liabiliti kewangan	3,249	4,339	3,100	10,688
	353,796	1,962,572	1,231,359	3,547,727

(c) Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko perubahan dalam harga pasaran, seperti kadar pertukaran asing, kadar faedah dan harga lain yang akan menjejaskan kedudukan kewangan atau aliran tunai Kumpulan.

Kepekaan mata wang asing

Kumpulan terdedah kepada risiko mata wang asing melalui penjualan, pembelian dan pinjaman dalam denominasi mata wang selain daripada mata wang fungsian entiti masing-masing dalam Kumpulan. Mata wang yang menimbulkan risiko utama ini ialah USD.

Kumpulan melindungi nilai mata wang asingnya yang mendominasi perdagangan belum bayar. Kumpulan menggunakan kontrak pertukaran mata wang asing hadapan untuk melindungi nilai risiko mata wang asingnya. Kebanyakan kontrak pertukaran mata wang asing hadapan mempunyai kematangan kurang daripada setahun selepas penghujung tarikh kunci kira-kira. Sekiranya perlu, kontrak pertukaran mata wang asing hadapan dibiayai semula apabila matang. Kumpulan juga menyertai Pertukaran Kadar Faedah Mata Wang Bersilang ("CCIRS") untuk mengurangkan risiko kewangan yang timbul daripada turun naik yang kurang baik dalam kadar faedah dan pertukaran.

Jumlah utama dan profil kematangan bagi kontrak pertukaran mata wang asing hadapan yang belum lunas setakat 31 Januari 2015 dan CCIRS dinyatakan dalam Nota 24 penyata kewangan.

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(c) Risiko pasaran (Samb.)

Kepekaan mata wang asing (Samb.)

Pendedahan mata wang bagi aset kewangan serta liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat dalam denominasi USD dikemukakan di bawah:

	Dalam denominasi USD	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Kumpulan		
Deposit dengan bank berlesen	29,044	-
Belum terima	104,855	116,808
Belum bayar	(834,375)	(660,170)
Pinjaman	(1,073,753)	(1,070,206)
Syarikat		
Belum bayar	-	(83)
Pinjaman	(1,073,753)	(1,070,206)

Jadual di bawah menghuraikan tentang kepekaan yang secara munasabahnyanya berkemungkinan menyebabkan perubahan dalam kadar pertukaran USD dengan mengambil kira impak perlindungan nilai dan semua pemboleh ubah yang lain adalah malar, bagi keuntungan atau kerugian Kumpulan dan Syarikat sebelum cukai. Analisis kepekaan ini merangkumi perkara kewangan dalam denominasi mata wang asing yang belum lunas serta melaraskan terjemahan mereka pada akhir tahun untuk 10% perubahan dalam kadar pertukaran.

	Kenaikan/ (penurunan) dalam kadar USD	Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai RM'000	Kesan ke atas ekuiti RM'000
Kumpulan			
31 Januari 2015	+10%	(33,054)	53,283
	-10%	33,054	(53,283)
31 Januari 2014	+10%	(32,778)	45,947
	-10%	32,778	(45,947)
Syarikat			
31 Januari 2015	+10%	-	3,838
	-10%	-	(3,838)
31 Januari 2014	+10%	(8)	(2,641)
	-10%	8	2,641

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(c) Risiko pasaran (Samb.)

Kepekaan kadar faedah

Kadar pemboleh ubah pinjaman Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada risiko perubahan dalam aliran tunai disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah. Pelaburan dalam sekuriti ekuiti dan belum terima serta belum bayar jangka pendek tidak terdedah dengan ketara kepada risiko kadar faedah.

Kumpulan dan Syarikat menerima pakai polisi dasar untuk melindungi nilai antara 50% dan 100% pendedahan kadar faedah pinjaman dan pembiayaan vendornya daripada asas kadar terapung kepada kadar tetap. Kumpulan telah menyertai kontrak pertukaran Kadar Faedah ("IRS") untuk kemudahan tranche RM bernilai RM2,010,000,000 bagi menetapkan kadar faedah terapung pada kadar purata berwajaran 4.15%, CCIRS untuk kemudahan tranche USD bernilai USD330,000,000 bagi menetapkan kadar faedah terapung USD pada kadar purata berwajaran RM 4.19%, kontrak pertukaran Kadar Faedah RM dan Dolar US untuk pembiayaan vendor bagi menetapkan kadar faedah terapung pada kadar purata berwajaran, iaitu masing-masing 3.606% dan 0.447% serta CCIRS untuk kemudahan pembiayaan vendor USD yang baharu bagi menetapkan kadar faedah terapung USD pada kadar purata berwajaran RM 4.279%. IRS dan CCIRS untuk pinjaman akan matang, masing-masing pada 19 Mei 2021 dan 8 Jun 2021, manakala IRS dan CCIRS untuk pembiayaan vendor mempunyai tarikh matang purata 3 tahun.

Jumlah utama dan profil kematangan bagi kedua-dua IRS dan CCIRS dinyatakan dalam Nota 24 penyata kewangan.

Profil kadar faedah Kumpulan dan Syarikat bagi instrumen kewangan yang dikenakan faedah kadar terapung, berdasarkan jumlah bawaan dibentangkan di bawah:

	2015 RM'000	2014 RM'000
Kumpulan		
Pendahuluan jangka panjang kepada syarikat bersekutu	29,068	28,847
Pendahuluan jangka panjang kepada usaha sama	-	4,214
Belum bayar	(1,103,797)	(1,442,489)
Pinjaman	(2,871,576)	(3,018,049)
Syarikat		
Pendahuluan kepada subsidiari	2,125,732	1,772,789
Pinjaman	(2,871,576)	(3,018,049)

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(c) Risiko pasaran (Samb.)

Kepekaan kadar faedah (Samb.)

Jadual di bawah menghuraikan tentang kepekaan yang secara munasabahnyanya berkemungkinan menyebabkan perubahan dalam kadar faedah, dengan mengambil kira impak perlindungan nilai dan semua pemboleh ubah yang lain adalah malar, bagi keuntungan atau kerugian Kumpulan dan Syarikat sebelum cukai. Analisis kepekaan ditentu berdasarkan impak terhadap instrumen kewangan kadar terapung pada tarikh akhir kunci kira-kira.

	Kenaikan/ (penurunan) dalam mata asas	Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai RM'000	Kesan ke atas ekuiti RM'000
Kumpulan			
31 Januari 2015	+100	(15,239)	84,106
	-100	15,239	(84,106)
31 Januari 2014	+100	(18,959)	117,789
	-100	18,959	(117,789)
Syarikat			
31 Januari 2015	+100	16,757	101,064
	-100	(16,757)	(101,064)
31 Januari 2014	+100	12,853	144,669
	-100	(12,853)	(144,669)

Risiko harga

Pelaburan Kumpulan dalam unit amanah terdedah kepada risiko harga memandangkan pelaburan dibawa pada nilai wajar dalam kunci kira-kira, dengan perubahan nilai wajar memberi impak terhadap ekuiti. Bagi menguruskan risiko harganya yang wujud daripada pelaburan dalam unit amanah, Kumpulan mempelbagaikan portfolionya dalam berbagai institusi kewangan.

Jadual di bawah meringkaskan impak kenaikan/penurunan harga saham dalam ekuiti Kumpulan. Analisis ini adalah berdasarkan andaian bahawa harga saham telah naik/turun sebanyak 0.5% dengan semua pemboleh ubah yang lain kekal malar.

	Kenaikan/ (penurunan) dalam harga saham	Kesan ke atas ekuiti RM'000
Kumpulan/Syarikat		
31 Januari 2014	+0.5%	2,464
	-0.5%	(2,464)

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(c) Risiko pasaran (Samb.)

Pengurusan risiko modal

Matlamat Kumpulan dan Syarikat apabila menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk meneruskan sebagai usaha berterusan agar dapat memberi pulangan kepada para pemegang saham serta manfaat buat pihak berkepentingan yang lain di samping mengekalkan struktur modal yang optimum untuk mengurangkan kos modal. Tiada perubahan dibuat terhadap matlamat, dasar atau proses semasa tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015.

Kumpulan dan Syarikat akan mengimbangkan struktur modal mereka secara keseluruhan melalui bayaran dividen, penerbitan saham baharu serta penerbitan hutang baharu atau pembayaran balik pinjaman sedia ada.

Struktur modal Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada pinjaman, deposit, tunai dan baki bank serta jumlah ekuiti, yang merangkumi modal saham diterbitkan, rizab dan kepentingan bukan kawalan seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Jumlah pinjaman	3,503,378	3,663,499	2,864,363	3,002,548
Tolak: Deposit, tunai dan baki bank	(1,353,605)	(1,105,246)	(281,486)	(553,365)
	2,149,773	2,558,253	2,582,877	2,449,183
Jumlah ekuiti	714,215	617,113	6,939,347	7,012,830
Jumlah modal	2,863,988	3,175,366	9,522,224	9,462,013

Kumpulan perlu mengekalkan jumlah hutang bersih kepada perolehan terlaras sebelum faedah, pencukaian, susut nilai dan pelunasan ("EBITDA"), seperti yang ditakrifkan dalam perjanjian kemudahan, yang tidak melebihi 4 kali ganda dan pelarasan EBITDA kepada faedah bersih tidak kurang daripada 2 kali ganda bagi tujuan perjanjian pinjaman. Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan telah mematuhi semua keperluan ini.

(d) Nilai wajar

Nilai wajar instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran aktif ditentukan dengan mengguna pelbagai teknik penilaian. Kumpulan dan Syarikat menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Anggaran aliran tunai terdiskaun digunakan untuk menentukan nilai wajar instrumen kewangan. Nilai wajar bagi kontrak pertukaran mata wang asing hadapan ditentukan dengan mengguna kadar pertukaran hadapan yang tercatat pada tarikh kunci kira-kira.

Kumpulan dan Syarikat menggunakan hierarki berikut untuk menentukan dan mendedahkan nilai wajar instrumen kewangan menurut teknik penilaian:

Tahap 1: Sebut harga tidak dilaras dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2: Teknik lain di mana semua input yang mempunyai kesan ketara terhadap nilai wajar yang direkodkan dan ia boleh diperhatikan, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu terbit dari harga).

Tahap 3: Teknik yang menggunakan input yang mempunyai kesan ketara terhadap nilai wajar yang direkodkan tetapi tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan.

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(d) Nilai wajar (Samb.)

Aset/(Liabiliti) diukur pada kos terlunas:

Jumlah bawaan bagi aset dan liabiliti kewangan Kumpulan pada tarikh kunci kira-kira dianggarkan pada nilai wajar mereka kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

Kumpulan	Jumlah bawaan RM'000	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000
Pada 31 Januari 2015				
Pelaburan lain - Bon	45,000	-	44,599	-
Pinjaman:				
Liabiliti pajakan kewangan	(639,015)	-	(698,865)	-

Pada 31 Januari 2014

Pelaburan lain - Bon	35,000	-	35,240	-
Pinjaman:				
Liabiliti pajakan kewangan	(660,951)	-	(771,420)	-

Nilai wajar instrumen kewangan yang dikategorikan pada Tahap 2 ditentukan berdasarkan analisis aliran tunai terdiskaun, menggunakan aliran tunai berkontrak dan kadar faedah pasaran.

Aset/(Liabiliti) diukur pada nilai saksama:

Kumpulan dan Syarikat memegang instrumen kewangan berikut yang diukur pada nilai wajar.

Kumpulan	Jumlah bawaan RM'000	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000
Pada 31 Januari 2015				
Pelaburan lain:				
- Saham keutamaan dalam syarikat tidak tercatat	12,444	-	12,444	-
Kontrak pertukaran mata wang asing hadapan – perlindungan nilai aliran tunai	94,890	-	94,890	-
Pertukaran kadar faedah – perlindungan nilai aliran tunai	(13,737)	-	(13,737)	-
Pertukaran kadar faedah mata wang silang – perlindungan nilai aliran tunai	201,448	-	201,448	-

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(d) Nilai wajar (Samb.)

Aset/(Liabiliti) diukur pada nilai wajar (Samb.):

	Jumlah bawaan RM'000	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000
Kumpulan (Samb.)				
Pada 31 Januari 2014				
Pelaburan lain:				
- Pelaburan dalam unit amanah	529,276	529,276	-	-
- Saham keutamaan Siri A-1 dalam syarikat tidak tercatat	5,825	-	5,825	-
Kontrak pertukaran mata wang asing hadapan – perlindungan nilai aliran tunai	15,673	-	15,673	-
Pertukaran kadar faedah – perlindungan nilai aliran tunai	(10,823)	-	(10,823)	-
Pertukaran kadar faedah mata wang silang – perlindungan nilai aliran tunai	111,731	-	111,731	-

Syarikat**Pada 31 Januari 2015**

Pertukaran kadar faedah – perlindungan nilai aliran tunai	(13,641)	-	(13,641)	-
Pertukaran kadar faedah mata wang silang – perlindungan nilai aliran tunai	182,870	-	182,870	-

Pada 31 Januari 2014

Pelaburan lain:				
- Pelaburan dalam unit amanah	529,276	529,276	-	-
Pertukaran kadar faedah – perlindungan nilai aliran tunai	(10,688)	-	(10,688)	-
Pertukaran kadar faedah mata wang silang – perlindungan nilai aliran tunai	110,769	-	110,769	-

Nilai wajar instrumen kewangan derivatif pada Tahap 2 ditentukan menggunakan teknik penilaian.

Teknik penilaian ini memaksimakan penggunaan data pasaran yang boleh diperhatikan dan yang mana tersedia, serta bergantung sedikit mungkin terhadap anggapan yang khusus kepada entiti. Kontrak pertukaran mata wang asing hadapan dinilai menggunakan kadar pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira, dengan nilai yang terhasil didiskaunkan kembali kepada nilai semasa.

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(d) Nilai wajar (Samb.)

Aset/(Liabiliti) diukur pada nilai wajar (Samb):

Nilai wajar CCIRS dan IRS dikira menggunakan kadar faedah pasaran yang boleh diperhatikan dan lekuk hasil dengan menganggarkan aliran tunai masa hadapan mengikut nilai semasa.

Nilai wajar pelaburan lain pada Tahap 2 ditentukan dengan merujuk kepada harga jualan terkini bagi urus niaga bersama pihak ketiga yang boleh dibandingkan.

Semasa tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015, tidak terdapat sebarang pemindahan antara pengukuran nilai wajar Tahap 1 dan Tahap 2, dan tidak ada pemindahan ke dalam dan keluar daripada pengukuran nilai wajar Tahap 3.

(e) Instrumen kewangan mengikut kategori

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<u>31 Januari 2015</u>		
<u>Aset kewangan sedia dijual</u>		
Aset kewangan mengikut kunci kira-kira		
Pelaburan lain	12,444	-
<u>Pinjaman dan belum terima</u>		
Aset kewangan mengikut kunci kira-kira		
Deposit, tunai dan baki bank	1,353,605	281,486
Pelaburan lain	45,000	-
Dagangan belum terima, belum terima yang lain dan deposit tidak termasuk bayaran muka dan bayaran terdahulu	608,087	970
Pendahuluan jangka panjang kepada syarikat bersekutu	29,068	-
Jumlah kena bayar daripada syarikat berkaitan	6,188	-
Jumlah kena bayar daripada pihak berkaitan	51,067	2
Jumlah kena bayar daripada subsidiari	-	162,346
Instrumen kewangan derivatif	297,275	182,870
	2,390,290	627,674
<u>Liabiliti kewangan pada kos terlunas</u>		
Liabiliti kewangan mengikut kunci kira-kira		
Dagangan belum bayar dan belum bayar yang lain tidak termasuk hasil belum diperoleh	2,037,544	1,344
Jumlah kena bayar kepada pihak berkaitan	61,843	146
Jumlah kena bayar kepada subsidiari	-	2,944
Instrumen kewangan derivatif	14,674	13,641
Pinjaman	3,503,378	2,864,363
	5,617,439	2,882,438

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

36 Instrumen Kewangan (Samb.)

(e) Instrumen kewangan mengikut kategori (Samb.)

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
<u>31 Januari 2014</u>		
<u>Aset kewangan sedia dijual</u>		
Aset kewangan mengikut kunci kira-kira		
Pelaburan lain	535,101	529,276
<u>Pinjaman dan belum terima</u>		
Aset kewangan mengikut kunci kira-kira		
Depositi, tunai dan baki bank	1,105,246	553,365
Pelaburan lain	35,000	-
Dagangan belum terima, belum terima yang lain dan deposit tidak termasuk bayaran muka dan bayaran terdahulu	666,760	2,420
Pendahuluan jangka panjang kepada syarikat bersekutu	28,847	-
Pendahuluan jangka panjang kepada usaha sama	4,214	-
Jumlah kena bayar daripada syarikat bersekutu	-	11
Jumlah kena bayar daripada syarikat induk	3,623	54
Jumlah kena bayar daripada syarikat berkaitan	6,673	8
Jumlah kena bayar daripada pihak berkaitan	27,028	-
Jumlah kena bayar daripada subsidiari	-	18,058
Instrumen kewangan derivatif	128,928	110,769
	2,006,319	684,685
<u>Liabiliti kewangan pada kos terlunas</u>		
Liabiliti kewangan mengikut kunci kira-kira		
Dagangan belum bayar dan belum bayar yang lain tidak termasuk hasil belum diperoleh	2,351,581	1,900
Jumlah kena bayar kepada pihak berkaitan	57,894	20
Jumlah kena bayar kepada subsidiari	-	2,215
Jumlah kena bayar kepada syarikat berkaitan	19,361	276
Instrumen kewangan derivatif	12,347	10,688
Pinjaman	3,663,499	3,002,548
	6,104,682	3,017,647

37 Gabungan Perniagaan**(a) Astro GS Shop Sdn. Bhd.**

Pada 11 Februari 2014, Astro Retail Ventures Sdn. Bhd. ("ARV") memeterai Perjanjian Pemegang Saham ("SHA") dengan GS Home Shopping Inc. ("GSHS") bagi menubuhkan sebuah perniagaan membeli-belah dari rumah di Malaysia menerusi Astro GS Shop Sdn. Bhd. ("AGSSB").

AGSSB kemudiannya telah diperbadankan pada 18 Februari 2014 dengan modal saham diterbitkan dan berbayar pada peringkat awal sebanyak RM10.00 yang merangkumi 10 saham biasa bernilai RM1 sesaham, diterbitkan kepada ARV dan GSHS, masing-masing mengikut kadar 60% dan 40%. Selaras dengan SHA, pada tarikh-tarikh yang berikutnya, ARV dan GSHS telah melanggan untuk menambah saham biasa dalam AGSSB, yang berkadar dengan kepentingan pemegang saham mereka masing-masing, iaitu 60% dan 40%:

- (i) pada 4 Mac 2014, ARV dan GSHS, masing-masing telah melanggan 2,999,994 dan 1,999,996 saham biasa bernilai RM1 sesaham dalam AGSSB;
- (ii) pada 5 Mei 2014, ARV dan GSHS, masing-masing telah melanggan 9,000,000 dan 6,000,000 saham biasa bernilai RM1 sesaham dalam AGSSB; dan
- (iii) pada 30 Jun 2014, ARV dan GSHS, masing-masing telah melanggan 21,000,000 dan 14,000,000 saham biasa bernilai RM1 sesaham dalam AGSSB;

(b) Asia Sports Ventures Pte. Ltd.

Pada 21 Februari 2014, Astro Sports Marketing Sdn. Bhd. ("ASM") telah memperolehi baki 50% kepentingan ekuiti dalam modal saham Asia Sports Ventures Pte. Ltd. ("ASV") yang merangkumi 2,000,000 saham biasa bernilai SGD1 sesaham dan 1,000,000 saham keutamaan boleh tukar boleh tebus bernilai SGD1 sesaham. Rentetan dari itu, ASV menjadi subsidiari milik penuh ASM dan secara tidak langsung, milik Syarikat. Penglibatan utama ASV adalah dalam pembangunan dan pengkomersilan global sukan sepak takraw dan Kumpulan dijangka meraih faedah daripada hak tunggal dan eksklusif terhadap pemilikan sukan.

Butiran aset, liabiliti dan aliran tunai bersih yang boleh dikenal pasti dan timbul daripada pengambilalihan subsidiari adalah seperti berikut:

	Nilai wajar RM'000
Loji dan peralatan (Nota 13)	59
Aset tak ketara (Nota 19)	17,909
Tunai dan kesamaan tunai	1,794
Belum terima yang lain	533
Belum bayar yang lain	(497)
Pendahuluan daripada ASM	(2,461)
Liabiliti cukai tertunda (Nota 26)	(1,437)
Jumlah aset bersih boleh dikenal pasti	15,900
Tambah: Muhibah (Nota 19)	10,230
Tolak: Nilai wajar kepentingan terdahulu	(13,065)
Aliran keluar tunai ke atas pengambilalihan	13,065
Tolak: Tunai dan kesamaan tunai subsidiari yang diambil alih	(1,794)
Aliran keluar tunai bersih ke atas pengambilalihan subsidiari	11,271

Kumpulan mengiktiraf nilai wajar sebanyak RM8,989,000 berikutan pengukuran nilai wajar 50% kepentingan ekuiti miliknya dalam ASV sebelum gabungan perniagaan. Nilai wajar tersebut termasuk dalam "pendapatan lain" dalam penyata pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

37 Gabungan Perniagaan (Samb.)

(b) Asia Sports Ventures Pte. Ltd. (Samb.)

Hasil yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan sejak 21 Februari 2014 yang disumbang oleh ASV adalah sebanyak RM841,400 manakala sumbangannya kepada keuntungan Kumpulan merupakan kerugian berjumlah RM7,994,100. Jika pengambilalihan telah berlaku pada 1 Februari 2014, hasil yang dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan adalah RM841,400 manakala sumbangannya kepada keuntungan Kumpulan adalah kerugian sebanyak RM8,464,300.

(c) Astro Production Services Sdn. Bhd. (sebelum ini dikenali sebagai Matinee Productions Sdn. Bhd.) ("APSSB")

Pada 18 Disember 2014, Syarikat telah memperolehi keseluruhan modal saham diterbitkan dan membayar APSSB untuk jumlah balasan sebanyak RM2.00. Kegiatan utama APSSB adalah penerbitan dan pengedaran program televisyen dan perkhidmatan berkaitan.

38 Peristiwa Penting Semasa Tahun Kewangan

Peristiwa penting semasa tahun kewangan dikemukakan dalam Nota 16 dan 37 penyata kewangan.

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material

(a) Indemniti dan jaminan

Butiran tentang indemniti dan jaminan Kumpulan pada akhir tahun kewangan, di mana tiada peruntukan dibuat dalam penyata kewangan dikemukakan di bawah:

	Kumpulan	
	2015	2014
	RM'000	RM'000
Indemniti diberikan kepada institusi kewangan berhubung dengan jaminan bank yang dikeluarkan - tanpa cagaran		
- Vendor hak program ⁽¹⁾	166,493	166,678
- Lain-lain ⁽²⁾	15,748	12,863
Indemniti lain:		
- Jaminan Syarikat Induk Muktamad terhadap vendor hak program ⁽¹⁾	1,072,500	110,650
- Indemniti kepada Maxis menurut obligasi pemegang saham berhubung dengan Advance Wireless Technologies Sdn. Bhd.	6,250	6,250
	1,260,991	296,441

Nota:

- (1) Termasuk sebagai sebahagian daripada iltizam pemrograman bagi hak program seperti dinyatakan dalam Nota 33(b).
 (2) Terdiri daripada jaminan bank yang sebahagian besarnya dikeluarkan kepada Kastam Diraja Malaysia, syarikat utiliti dan antara lain untuk Kementerian Kesihatan Malaysia dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)**(b) Aset luar jangka**

Buat masa ini Kumpulan sedang berbincang dengan MSS tentang jumlah penyelesaian yang belum terima untuk kelewatan pemulangan transponder T-11 dari tarikh pemulangan asal (31 Julai 2014). Transponder tersebut kini telahpun dipulangkan pada Januari 2015.

(c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan.

(i) Pada 12 Oktober 2010, MBNS telah diserahkan dengan satu tuntutan oleh AV Asia Sdn Bhd ("AV Asia"). Tele System Electronic (M) Sdn Bhd ("Tele System") telah dinamakan sebagai defendan kedua. AV Asia mendakwa bahawa MBNS telah melanggar terma Perjanjian Bersama Tanpa Pendedahan bertarikh 1 Ogos 2008 ("MNDA") dan meminta remedi berikut:

- (a) satu injunksi menghalang MBNS daripada menggunakan sebarang maklumat sulit dan daripada membekalkan piring satelit kepada pelanggannya yang didakwa dihasilkan menggunakan maklumat sulit tersebut;
- (b) satu injunksi terhadap Tele System daripada menggunakan sebarang maklumat sulit dan daripada membekalkan piring satelit kepada MBNS dan/atau pelanggan MBNS yang didakwa dihasilkan menggunakan maklumat sulit tersebut;
- (c) ganti rugi sebanyak RM4,410,000 bagi kajian dan pembangunan dan kos bongkah acuan;
- (d) ganti rugi bagi kehilangan pengkomersilan berjumlah RM1,342,032,000;
- (e) penyerahan dokumen yang mengandungi maklumat sulit;
- (f) selanjutnya dan/atau sebagai alternatif suatu siasatan tentang kerugian yang ditanggung atau AV Asia boleh memilih untuk mendapatkan pengiraan keuntungan yang dibuat dengan menggunakan maklumat sulit tersebut;
- (g) ganti rugi teladan dan/atau ganti rugi teruk; dan
- (h) tambahan atau relief dan kos lain.

Pada 27 Oktober 2010, AV Asia telah memfailkan permohonan injunksi interlokutori menghalang MBNS dan Tele Systems daripada menggunakan sebarang maklumat sulit yang dibekalkan oleh AV Asia dan daripada membekalkan piring satelit yang dihasilkan kepada pelanggan MBNS sama ada secara langsung atau tidak langsung di mana maklumat sulit tersebut telah digunakan.

Pada 19 Oktober 2010 MBNS telah memfailkan satu permohonan bagi menggantung prosiding sementara menunggu rujukan kepada timbang tara menurut Seksyen 10 Akta Timbang Tara, 2005 (disebabkan wujudnya fasal timbang tara yang ditemui dalam MNDA) dan permohonan ini telah dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi pada 10 Disember 2010. AV Asia membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan untuk menolak keputusan Mahkamah Tinggi pada 13 Disember 2010. Rayuan itu didengar dan ditolak dengan kos oleh Mahkamah Rayuan pada 12 Mei 2011. Setelah itu, AV Asia telah memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan telah menetapkan tarikh perbicaraan kebenaran untuk merayu pada 28 Ogos 2012.

Pada 24 Disember 2010, AV Asia turut memfailkan permohonan bagi injunksi interlokutori sebagai membantu timbang tara menurut Seksyen 11 Akta Timbang Tara, 2005 terhadap MBNS. Apabila permohonan ini ditolak pada 27 Mei 2011, AV Asia merayu kepada Mahkamah Rayuan pada 3 Jun 2011. Rayuan AV Asia telah didengar dan ditolak pada 12 September 2011. AV Asia kemudiannya memfailkan permohonan untuk kebenaran merayu kepada Mahkamah Persekutuan. Perbicaraan untuk permohonan ini juga telah ditetapkan pada 28 Ogos 2012.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)

- (i) (Samb.)

Pada 28 Ogos 2012, Mahkamah Persekutuan telah menolak permohonan kebenaran untuk merayu terhadap penggantungan prosiding mahkamah sementara menunggu rujukan kepada timbang tara. Pertikaian ini kini harus ditentukan secara timbang tara.

Mahkamah Persekutuan membenarkan permohonan AV Asia bagi kebenaran untuk merayu terhadap penolakan injuksi interlokutori pada Ogos 2012. Walau bagaimanapun, apabila mendengar rayuan AV Asia pada 29 Ogos 2013, Mahkamah Persekutuan menolak rayuan dengan kos.

Pada 23 Oktober 2012, MBNS memfailkan notis timbang tara di KLRCA, antara lain memohon satu pengisytiharan bahawa MBNS tidak melanggar MNDA dan memohon supaya 3 penimbang tara dilantik berdasarkan Peraturan KLRCA.

Prosiding timbang tara telah berlangsung di KLRCA bermula 14 Julai 2014 sehingga 18 Julai 2014.

Tribunal Timbang Tara memutuskan bahawa MBNS tidak melanggar MNDA dan menolak Tuntutan Balas AV Asia. Tribunal Timbang Tara turut memerintahkan AV Asia membayar kos berjumlah USD1,051,544 kepada MBNS ("Keputusan Timbang Tara").

Menerusi peguam caranya, pada 21 Januari 2015, MBNS telah memperolehi perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengiktiraf Keputusan Timbang Tara sebagai terikat dan dengan ini dikuatkuasakan dengan memasukkan penghakiman Mahkamah Tinggi Malaya ke dalam terma Keputusan Timbang Tara tersebut.

- (ii) Pada 11 Mac 2005, AOL (sebuah syarikat subsidiari milik penuh Astro All Asia Networks Limited (sebelum ini dikenali sebagai ASTRO ALL ASIA NETWORKS plc)) ("AAAN") dan syarikat gabungannya yang tertentu ("Syarikat AOL") dan PT Ayunda Prima Mitra ("PT APM"), PT First Media Tbk ("PT FM") dan PT Direct Vision ("PT DV") telah memeterai Perjanjian Langgan dan Pemegangan Saham ("SSA") untuk menubuhkan perniagaan TV DTH berbayar di Indonesia dan akan dilancarkan oleh PT DV. PT APM merupakan pemegang saham PT DV dan PT FM merupakan syarikat induk PT APM.

Sambil menunggu proses usaha sama diselesaikan dan atas permintaan PT APM dan PT FM, Syarikat AOL bersetuju untuk memberikan dan/atau mendapatkan peruntukan kepada dana dan perkhidmatan untuk PT DV melancarkan perniagaan TV berbayar PT DV pada bulan Februari 2006, dengan sokongan perkhidmatan dan peralatan daripada AAAN, MBNS dan All Asia Multimedia Networks FZ-LLC ("AAMN") (berikutan penyusunan semula Kumpulan AHSB, MBNS menjadi sebahagian daripada Kumpulan. AAAN, AAMN dan AOL bukan sebahagian daripada Kumpulan).

Syarat terdahulu kepada SSA tidak pernah dipenuhi dan SSA luput pada 31 Julai 2006. Pihak-pihak tersebut kemudiannya memulakan perundingan untuk menyusun semula cadangan usaha sama tersebut.

Apabila jelas bahawa penyusunan semula usaha sama tidak dapat diselesaikan, AAAN, AAMN dan MBNS mengambil keputusan untuk menamatkan peruntukan semua sokongan dan perkhidmatan kepada PT DV pada Oktober 2008.

Pada September 2008, PT APM memfailkan tuntutan melalui tindakan guaman sivil di Mahkamah Daerah Jakarta Selatan ("SJDC") dan menamakan AAAN, MBNS, AAMN, Augustus Ralph Marshall ("ARM") dan sembilan yang lain sebagai defendan.

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)

(ii) (Samb.)

PT APM mendakwa bahawa AAAN, MBNS dan AAMN (secara kolektifnya "Defendan Astro") berserta defendan-defendan lain, telah mengambil tindakan tidak mengikut undang-undang dan memohon, selain relief lain, untuk memaksa meneruskan penyediaan perkhidmatan dan peralatan kepada PT DV untuk tempoh tidak had dan menghalang AAAN daripada menghentikan penyediaan perkhidmatan kepada PT DV dan/atau membentuk sebarang kerjasama dengan mana-mana pihak lain berkaitan dengan langganan TV berbayar di Indonesia, dan satu ganti rugi kerosakan berjumlah kira-kira USD1.75 juta termasuk faedah pada kadar 6% setahun. Defendan Astro telah memfailkan cabaran dengan menyatakan SJDC tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tuntutan ini dan tuntutan ini berada dalam ruang lingkup perjanjian timbang tara yang mengikat seperti yang dinyatakan dalam SSA.

Pada 13 Mei 2009, SJDC menolak cabaran Defendan Astro bahawa tuntutan PT APM adalah dalam ruang lingkup perjanjian timbang tara yang mengikat seperti yang dinyatakan dalam SSA dan memutuskan bahawa ia adalah di bawah bidang kuasanya untuk mendengar pertikaian tersebut dan kemudiannya, pada 17 September 2009 SJDC telah menolak tuntutan PT APM atas alasan PT APM tidak mempunyai hak perundangan untuk mengambil tindakan terhadap Defendan Astro.

PT APM memfailkan rayuan terhadap keputusan SJDC untuk menolak tuntutan mereka. Defendan Astro turut memfailkan rayuan terhadap dapatan SJDC tentang bidang kuasa mahkamah tersebut.

Pada September 2011, Mahkamah Tinggi Jakarta telah membuat keputusan mempertahankan keputusan SJDC yang masing-masing dibuat pada 13 Mei 2009 dan 17 September 2009.

Rentetan dari itu, kedua-dua Defendan Astro dan PT AMPH telah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Agung dan rayuan tersebut sedang menunggu untuk ditentukan.

- (iii) Menurut SSA, pihak yang berkaitan dengan SSA telah bersetuju bahawa sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan cadangan pelaburan dalam PT DV hendaklah diselesaikan dengan cara timbang tara yang dimulakan oleh mana-mana pihak yang berkaitan dengan SSA melalui Pusat Timbang Tara Antarabangsa Singapura ("SIAC"), yang mana keputusan adalah muktamad dan mengikat kesemua mereka.

Pada Oktober 2008, Astro Nusantara International BV ("Pihak Menuntut Pertama"), Astro Nusantara Holdings BV ("Pihak Menuntut Kedua"), Astro Multimedia Corporations NV ("Pihak Menuntut Ketiga"), Astro Multimedia NV ("Pihak Menuntut Keempat"), AOL ("Pihak Menuntut Kelima"), AAAN ("Pihak Menuntut Keenam"), MBNS ("Pihak Menuntut Ketujuh") dan AAMN ("Pihak Menuntut Kelapan") ("Pihak Menuntut") telah memulakan timbang tara di bawah Peraturan Timbang Tara SIAC terhadap PT APM, PT DV dan PT FM ("Responden") yang menuntut relief injunksi dan pengisytiharan, kerugian dan mendapatkan semula semua wang yang kena bayar kepada Pihak Menuntut bagi penyediaan perkhidmatan dan/atau jumlah yang telah dibelanjakan atau dibayar kepada PT DV, termasuk faedah dan kos.

Setelah menerima bukti dan mendengar pembelaan kedua-dua pihak, tribunal timbang tara telah membuat keputusan sebulat suara yang memihak kepada Pihak Menuntut dan membuat keputusan berikut:

- (a) Keputusan ke atas isu permulaan mengenai bidang kuasa, injunksi antisaman interim dan penggabungan bertarikh 7 Mei 2009 ("Keputusan Permulaan") yang antara lain, mengarahkan PT APM dengan segera menghentikan samannya di SJDC, antara lain terhadap AAAN, MBNS, AAMN dan ARM (lihat (ii) di atas);
- (b) Selanjutnya, Keputusan Separa bertarikh 3 Oktober 2009 di mana tribunal timbang tara mengisytiharkan SSA (yang tidak pernah disempurnakan) merupakan satu-satunya kontrak usaha sama yang efektif bagi PT DV dan ia membentuk keseluruhan perjanjian antara pihak yang terlibat dalam usaha sama PT DV, dan Pihak Menuntut sendiri atau melalui sekutu mereka tidak terikat untuk terus menyediakan pendahuluan tunai atau perkhidmatan kepada PT DV;
- (c) Keputusan ke atas kos bertarikh 5 Februari 2010 bagi perbicaraan permulaan yang berlangsung dari 20 hingga 24 April 2009, di mana tribunal timbang tara memutuskan kos kepada Pihak Menuntut dan mengarahkan Responden membayar Pihak Menuntut, kos perbicaraan permulaan, yang bersamaan kira-kira RM2,147,854 dengan kadar faedah 5.33% setahun berkuat kuasa mulai 6 Oktober 2009;

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)

(iii) (Samb.)

- (d) Keputusan Interim Muktamad bertarikh 16 Februari 2010, mengarahkan Responden membayar kira-kira USD234.5 juta sebagai pembayaran kembali. Daripada jumlah ini, PT APM dan PT FM bertanggungjawab secara bersama dan berasingan dengan PT DV untuk jumlah wang sekitar USD98.3 juta. Tribunal timbang tara seterusnya mengarahkan sebagai injunksi muktamad, bahawa PT APM menghentikan saman sivilnya di SJDC (lihat item (ii) di atas), dan tidak memulakan sebarang prosiding di Indonesia atau di tempat lain terhadap semua defendan dalam saman tersebut (termasuk Defendan Astro) berhubung dengan usaha sama PT DV. PT APM dan PT FM juga bertanggungjawab secara bersama dan berasingan terhadap Pihak Menuntut Pertama dan Pihak Menuntut Kedua untuk jumlah wang sekitar USD695,591.96 untuk kerugian yang timbul daripada prosiding di Indonesia. PT APM dan PT FM selanjutnya diarahkan untuk membayar ganti rugi kepada Pihak Menuntut Pertama dan Pihak Menuntut Kedua, bagi manfaat AAAN, AAMN dan MBNS, terhadap sebarang kerugian yang ditanggung disebabkan PT APM masih melanjutkan atau meneruskan sebarang prosiding di Indonesia atau sebarang prosiding gantian terhadap Pihak Menuntut selagi mana ia berkaitan dengan perjanjian usaha sama tersebut; dan
- (e) Keputusan Muktamad bertarikh 3 Ogos 2010 berkenaan faedah dan kos, yang memerlukan Responden membayar faedah kepada Pihak Menuntut pada kadar 9% setiap setengah tahun, 100% kos timbang tara dan 80% kos guaman yang dituntut. Keputusan untuk kos dan faedah ini adalah sekitar USD68.6 juta, di mana liabiliti PT FM adalah sekitar USD28.6 juta;

(keputusan yang dirujuk dalam (b), (c), (d) dan (e) adalah secara kolektifnya dirujuk sebagai “Baki Keputusan”. Keputusan Permulaan dan Baki Keputusan adalah secara kolektifnya dirujuk sebagai “Keputusan”).

PT FM menolak untuk membayar mana-mana bahagian Keputusan tersebut, dan Keputusan tersebut masih belum dipenuhi.

Pihak Menuntut sedang mengambil langkah untuk menguatkuasakan Keputusan tersebut di Indonesia dan di wilayah lain yang bersesuaian yang merupakan penandatanganan kepada Konvensyen Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Keputusan Timbang Tara Asing. Sehingga kini Keputusan Permulaan telah didaftarkan di England dan Wales, dan Keputusan tersebut telah didaftarkan juga di Malaysia, Singapura, Hong Kong dan Indonesia, dan Responden telah mencabar dan/atau sedang mencabar usaha penguatkuasaan di Singapura, Hong Kong dan Indonesia.

- (iv) Di Indonesia, Pihak Menuntut membuat permohonan kepada Ketua Mahkamah Daerah Jakarta Pusat (“Ketua CJDC”) untuk perintah menguatkuasakan Keputusan Permulaan. Permohonan Pihak Menuntut telah ditolak oleh Ketua CJDC, keputusan yang dipertahankan oleh Mahkamah Agung Indonesia. Atas nasihat peguam, Pihak Menuntut memfailkan semakan kehakiman bagi keputusan Mahkamah Agung Indonesia pada 19 April 2011. Keputusan permohonan masih belum diterima. Pihak Menuntut berpendapat, berikutan nasihat daripada peguam mereka, bahawa keputusan Ketua CJDC dan Mahkamah Agung Indonesia adalah tidak berdasarkan pertimbangan undang-undang yang kuat. Walau bagaimanapun, keputusan Mahkamah Agung Indonesia adalah mukamad dan terikat, dan peluang untuk mendapatkan keputusan yang berpihak kepada Pihak Menuntut menerusi semakan kehakiman adalah tipis. Dalam sebarang keadaan, oleh kerana ini adalah tindakan penguatkuasaan, keputusan yang tidak berpihak kepada Pihak Menuntut tidak akan mempunyai sebarang implikasi dari segi kewangan terhadap Pihak Menuntut.

Berhubung dengan perkara di atas, PT DV dan PT APM telah memfailkan saman bersama pada Jun 2010 di Mahkamah Daerah Jakarta Pusat (“CJDC”) memohon untuk membatalkan Baki Keputusan. PT DV juga memfailkan saman yang berasingan memohon keengganan penguatkuasaan Baki Keputusan. Kedua-dua permohonan ini kemudiannya ditolak oleh CJDC.

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)

(iv) (Samb.)

PT DV dan PT APM membuat rayuan bersama terhadap keputusan CJDC untuk tidak membatalkan Baki Keputusan dan rayuan ini masih belum diberikan keputusan oleh Mahkamah Agung. PT DV juga merayu kepada Mahkamah Agung Indonesia terhadap keputusan CJDC untuk menolak permohonan bagi keengganan menguatkuasakan Baki Keputusan. Pada 28 Jun 2012, Mahkamah Agung Indonesia menolak rayuan PT DV dan sekali gus mempertahankan keputusan CJDC untuk menolak permohonan PT DV bagi tidak menguatkuasakan Keputusan. Berhubung dengan rayuan yang masih menunggu keputusan Mahkamah Agung, setelah berunding dengan peguam mereka, Pihak Menuntut berpendapat bahawa Mahkamah Agung berkemungkinan memberikan keputusan yang menyokong Pihak Menuntut kerana pertimbangan undang-undang yang dibuat oleh para hakim di CJDC adalah kuat, disokong oleh fakta dan mempunyai asas undang-undang yang cukup.

Pada Disember 2011, Pihak Menuntut memfailkan permohonan untuk penguatkuasaan semua keputusan kewangan di Indonesia. Pada 11 September 2012, CJDC menolak permohonan Pihak Menuntut, dengan keputusan bahawa semua keputusan timbang tara tidak boleh dikuatkuasakan di Indonesia. Pihak Menuntut memfailkan rayuan pada 25 Oktober 2012 terhadap keputusan CJDC, dan pada September 2013, Mahkamah Agung Indonesia telah menolak rayuan tersebut, antara lain, atas sebab bahawa Keputusan tersebut:

- (a) bertentangan dengan arahan umum;
- (b) menimbulkan campur tangan terhadap proses kehakiman Indonesia; dan
- (c) mencabuli prinsip Negara dan kedaulatan undang-undang Indonesia.

Oleh itu, Keputusan tersebut kekal tidak boleh dilaksanakan di Indonesia.

Atas nasihat peguamnya, MBNS dan Pihak Menuntut yang lain telah memfailkan permohonan di Mahkamah Agung Indonesia bagi semakan kehakiman pada 28 Februari 2014.

- (v) Di Singapura, kebenaran untuk menguatkuasakan Keputusan tersebut telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi Singapura pada bulan Ogos dan September 2010, dan Pihak Menuntut memasukkan penghakiman dari segi Keputusan pada Mac 2011.

Pada Julai 2011, Pihak Menuntut memperoleh injunksi antarabangsa Mareva untuk menyekat PT FM daripada melupuskan asetnya dan menghendaki PT FM mengisytiharkan kesemua asetnya. PT FM gagal dalam permohonannya untuk mengenenepikan perintah injunksi Mareva.

Pada Mei 2011, PT FM memohon untuk mencabar hak Pihak Menuntut untuk menguatkuasakan Keputusan menurut penghakiman mahkamah Singapura. Permohonan PT FM untuk mengenenepikan penghakiman mahkamah Singapura dibenarkan, dan Pihak Menuntut telah memfailkan rayuan terhadap keputusan ini ("Rayuan Pihak Menuntut").

Pada September 2011, PT FM memohon untuk mengenenepikan perintah Mahkamah Tinggi Singapura yang memberikan kebenaran menguatkuasakan Keputusan ("Permohonan PTFM Untuk Pengenenepian") dan perbicaraan bagi permohonan tersebut berlangsung selama tiga hari dari 23 hingga 25 Julai 2012.

Dalam keputusan yang dikeluarkan pada 23 Oktober 2012, Mahkamah Tinggi Singapura menolak Permohonan PTFM Untuk Pengenenepian dan mengesahkan kelayakan untuk menguatkuasakan Keputusan tersebut di Singapura. Dalam keputusan yang sama, mahkamah juga menolak Rayuan Pihak Menuntut, kerana berdasarkan fakta tidak terdapat sebarang perkhidmatan berkesan terhadap PT FM.

Setelah itu, PT FM memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan Singapura ("COA Singapura") terhadap penolakan Permohonan PTFM Untuk Pengenenepian oleh Mahkamah Tinggi Singapura ("Rayuan PTFM"). Rayuan PTFM dibicarakan oleh COA Singapura dari 10 hingga 12 April 2013.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)
- (v) (Samb.)

Pada 31 Oktober 2013, COA Singapura telah membenarkan rayuan PTFM sehingga ke tahap penguatkuasaan Keputusan telah ditolak berhubung dengan perintah yang dibuat yang bermaksud untuk diguna pakai sebagai pengantara PT FM dan AAAN ("Pihak Menuntut Keenam"), MBNS ("Pihak Menuntut Ketujuh") dan AAMN ("Pihak Menuntut Kelapan"). Untuk kemudahan rujukan, lapan pihak menuntut dalam timbang tara SIAC adalah Astro Nusantara International BV ("Pihak Menuntut Pertama"), Astro Nusantara Holdings BV ("Pihak Menuntut Kedua"), Astro Multimedia Corporations NV ("Pihak Menuntut Ketiga"), Astro Multimedia NV ("Pihak Menuntut Keempat"), AOL ("Pihak Menuntut Kelima"), AAAN ("Pihak Menuntut Keenam"), MBNS ("Pihak Menuntut Ketujuh") dan AAMN ("Pihak Menuntut Kelapan") (Pihak Menuntut Pertama hingga Kelapan secara kolektifnya dikenali sebagai "Astro").

Keputusan penghakiman COA Singapura bermaksud MBNS beserta Pihak Menuntut Keenam dan Kelapan tidak boleh menguatkuasakan ganti rugi kewangan yang berpihak kepada mereka terhadap PT FM menurut Keputusan tersebut di Singapura. Walau bagaimanapun, Keputusan tersebut tetap sah kerana ia tidak (dan tidak boleh) diketepikan. Selain itu, Keputusan tersebut masih boleh dikuatkuasakan terhadap PT FM bagi Pihak Menuntut Pertama hingga Kelima. Keputusan tersebut juga adalah muktamad, mengikat dan konklusif dari segi kewujudan dan kuat kuasa undang-undang terhadap PT APM dan PT DV kerana dua syarikat ini tidak memohon untuk mengeneipikan atau mencabar kebolehuatkuasaan keputusan di Singapura.

Perlu dimaklumi bahawa penghakiman COA Singapura tidak menjejaskan walau dalam apa cara sekalipun penemuan tribunal timbang tara yang memihak dan mengikat berhubung dengan perlakuan Astro dalam cadangan usaha sama yang gagal untuk menubuhkan perniagaan TV DTH berbayar di Indonesia. Penghakiman yang dimasukkan kekal berpihak kepada Astro dalam setiap aspek di bawah dan juga telah dimasukkan ke dalam rekod Mahkamah di England, Malaysia dan Hong Kong.

Pengisytiharan berikut yang secara khusus telah dibuat oleh tribunal penimbang tara dalam Keputusan Separa Lanjutan bertarikh 3 Oktober 2009 kekal sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap PT APM, PT FM dan PT DV:

- (i) tidak terdapat perjanjian usaha sama yang terus mengikat bagi PT DV sama ada menurut syarat SSA atau syarat yang dipinda atau disusun semula atau mengikut syarat sama ada dengan cara menambah atau menggantikan pihak yang terlibat;
- (ii) SSA merupakan satu-satunya kontrak usaha sama yang efektif untuk PT DV dan ia membentuk keseluruhan perjanjian bagi semua pihak dalam usaha sama PT DV dan menggantikan sebarang dakwaan perjanjian lisan tentang usaha sama tersebut sebelumnya.
- (iii) Pihak Menuntut Pertama hingga Kelima sendiri atau melalui sekutu mereka tidak terikat untuk terus memberikan pendahuluan tunai dan perkhidmatan kepada PT DV; dan
- (iv) tidak ada penyelesaian untuk SSA.

Seterusnya, Keputusan Muktamad Interim bertarikh 16 Februari 2010 memerintahkan bahawa PT APM tidak boleh secara sendiri atau menerusi mana-mana syarikat atau orang, memulakan atau meneruskan selanjutnya prosiding atau prosiding lain di Indonesia atau di tempat lain terhadap Pihak Menuntut berhubung atau berkaitan dengan kewujudan atau sebaliknya perjanjian usaha sama yang mengikat untuk PT DV atau sebarang relief kewangan berkenaannya kekal sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap PT APM. Oleh itu, sehubungan dengan prosiding di SJDC berkaitan dengan Kes 533 (rujuk item (vii) di bawah) yang telah dikemukakan oleh PT APM melalui PT DV, prosiding tersebut kekal melanggar perintah Keputusan Muktamad Interim bertarikh 16 Februari 2010 yang kekal sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap PT APM. Selain itu, prosiding dalam kes 553 juga bertentangan dengan pengisytiharan yang dibuat oleh tribunal timbang tara dalam Keputusan Separa Lanjutan bertarikh 3 Oktober 2009 seperti yang dinyatakan di atas.

Tidak ada peruntukan perlu dibuat berikutan penghakiman COA Singapura kerana kerugian dasar daripada usaha sama yang gagal tersebut telah diperuntukkan sepenuhnya dalam akaun Syarikat.

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)

- (v) (Samb.)

Berikutan keputusan COA Singapura, injuksi antarabangsa Mareva yang diperolehi oleh Pihak Menuntut pada Julai 2011, telah terhenti berkuat kuasa. Sejak itu PT FM telah menfailkan permohonan di mahkamah untuk menentukan sama ada ia boleh menuntut sebarang ganti rugi akibat Injunksi Mareva. Permohonan ini ditentang oleh Pihak Menuntut.

- (vi) Di Hong Kong, kebenaran untuk menguatkuasakan Keputusan di Hong Kong telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong pada bulan Ogos dan September 2010, dan Pihak Menuntut memasukkan penghakiman berkenaan Keputusan tersebut pada Disember 2010.

Pada Julai 2011 Pihak Menuntut mendapatkan Garnishee order nisi berkenaan dengan wang yang dipinjamkan oleh PT FM kepada pemegang sahamnya (iaitu AcrossAsia Limited) di Hong Kong ("Garnishee"), yang akan, apabila dijadikan perintah sah, memerlukan Garnishee membayar sejumlah yang relevan kepada Pihak Menuntut sebagai sebahagian daripada penyelesaian hutang daripada PT FM di bawah Keputusan.

Pada Januari 2012, PT FM memohon untuk mengenenpikan perintah Hong Kong pada bulan Ogos dan September 2010 serta penghakiman pada Disember 2010 yang menguatkuasakan Keputusan ("Permohonan Pengehentian HK") PT FM dan Garnishee juga mencabar prosiding Garnishee atas dasar bidang kuasa. Perbicaraan untuk mengenenpikan permohonan di Hong Kong ditangguhkan sementara menunggu keputusan permohonan pengenenpian Singapura (seperti yang dinyatakan dalam item (v) di atas).

Sementara menunggu keputusan permohonan pengenenpian Singapura, pada 21 Mac 2012, Mahkamah Tinggi Hong Kong mengarahkan Garnishee untuk membayar kepada mahkamah semua jumlah yang terhutang dan kena bayar kepada PT FM di bawah pinjaman ("Perintah Bayaran"). Garnishee membuat rayuan terhadap Perintah Bayaran tersebut, tetapi rayuan itu ditolak oleh Mahkamah Rayuan.

Pada 14 September 2012, Garnishee mendedahkan kewujudan sebuah keputusan timbang tara Indonesia yang memerintahkan Garnishee membayar balik jumlah pinjaman kepada PT FM. Pada 24 September 2012, Garnishee memfailkan permohonannya untuk melaksanakan Perintah Bayaran dan melaksanakan Garnishee order nisi (secara kolektifnya, "Permohonan Pelaksanaan").

Prosiding Garnishee dan Permohonan Pelaksanaan yang substantif telah ditetapkan untuk perbicaraan dari 9 hingga 13 September 2013.

Pada Disember 2012, dengan merujuk kepada keputusan timbang tara Indonesia, PT FM meneruskan prosiding terhadap Garnishee di Indonesia di bawah undang-undang kebangkrutan.

Untuk mengekalkan prosiding di atas, semasa berlangsungnya perbicaraan pada 24 Januari, 4 dan 6 Februari 2013, Pihak Menuntut telah memohon dan memperolehi injunksi terhadap Garnishee dan PT FM bagi menghalang mereka, secara individu ataupun bersama, sehingga diberikan perintah selanjutnya oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong, daripada mengambil sebarang tindakan di Indonesia atau di mana-mana yang mempunyai kesan pelaksanaan (secara keseluruhan atau sebahagian, termasuk sebarang pengimbangan atau kompromi), melupuskan, berurusan dengan atau menyusutkan nilai hutang Garnishee, dan dari mengambil sebarang tindakan lanjut dalam prosiding Indonesia di Mahkamah Indonesia kecuali dengan kebenaran Mahkamah Tinggi Hong Kong. Injunksi ini dibenarkan dengan Pihak Menuntut memberi aku janji layak berhubung dengan ganti rugi pada 6 Februari 2013.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)

(vi) (Samb.)

Oleh kerana Perintah Bayaran masih belum dijelaskan pada 4 Februari 2013, Mahkamah Tinggi Hong Kong turut mengarahkan Garnishee untuk membayar kepada mahkamah sebanyak USD46,774,403 sebelum 18 Februari 2013. Walau bagaimanapun, disebabkan terdapat prosiding di Indonesia, tarikh akhir untuk membuat bayaran dilanjutkan sehingga 7 Mac 2013.

Garnishee juga telah memfailkan rayuan terhadap perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong pada 4 dan 6 Februari 2013.

Perbicaraan bagi permohonan kebenaran membuat rayuan oleh Garnishee terhadap perintah Mahkamah Tinggi Hong Kong bertarikh 4 dan 6 Februari 2013 telah ditangguhkan pada 11 Mac 2013 untuk tempoh yang tidak pasti dengan memberi kebebasan kepada semua pihak yang terlibat untuk pulih dan perbicaraan untuk memberi arahan akan ditetapkan tidak lewat dari 14 Jun 2013.

Dalam suatu pengumuman bertarikh 5 Mac 2013 kepada Bursa Saham Hong Kong, Garnishee mendedahkan bahawa mahkamah Indonesia telah mengeluarkan perintah bankrap terhadapnya. Pada 7 Mac 2013, Garnishee tidak mematuhi Perintah Bayaran. Dalam pengumuman bertarikh 11 Mac 2013, Garnishee mengumumkan bahawa sehingga saat tersebut, mereka gagal mematuhi Perintah Bayaran memandangkan perintah kebangkrutan yang dikeluarkan terhadap mereka di Indonesia pada 5 Mac 2013 dan mereka akan memfailkan rayuan di Indonesia. Garnishee telah memfailkan rayuannya, dan penolakan rayuan tersebut telah diumumkan pada 31 Julai 2013 dalam laman web Mahkamah Agung. Garnishee mengumumkan pada 28 November 2013 bahawa mereka “masih menunggu notis rasmi tentang penolakan oleh Mahkamah Agung Indonesia berkenaan rayuan Garnishee terhadap Perintah Kebankrapan Indonesia”.

Selepas pengeluaran perintah kebangkrutan pada 5 Mac 2013, Pihak Menuntut memohon injuksi untuk melindungi kepentingan Pihak Menuntut berkaitan Perintah Bayaran. Permohonan Pihak Menuntut walau bagaimanapun telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong, dan Perintah Bayaran masih kekal.

Pada 31 Oktober 2013, Mahkamah Tinggi Hong Kong telah memberikan penghakiman yang berpihak kepada Pihak Menuntut di mana:

1. Garnishee order nisi bertarikh 22 Julai 2011 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong menjadi mutlak;
2. permohonan Garnishee untuk mengenyepikan Garnishee dan menolak pelaksanaan Perintah Bayaran bertarikh 21 Mac 2012 (seperti yang dipinda pada 19 April 2012) yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong; dan
3. satu order nisi dibuat untuk kos Pihak Menuntut, (iaitu Pihak Menuntut akan dibayar bagi kos prosiding Garnishee dengan semata-mata tertakluk kepada Mahkamah diminta dalam tempoh 14 hari untuk mengubah perintah tersebut)

Prosiding garnishee membentuk sebahagian daripada usaha Pihak Menuntut untuk menguatkuasakan Keputusan yang berpihak kepada Pihak Menuntut dan dikeluarkan oleh tribunal timbang tara yang ditubuhkan di bawah naungan SIAC terhadap PT FM dan yang lain. PT FM dan Garnishee memohon untuk menentang prosiding Garnishee dengan merujuk kepada beberapa siri tindakan yang berlaku di Indonesia. Mahkamah Tinggi Hong Kong menolak cabaran oleh PT FM dan Garnishee dalam prosiding Garnishee dan terus menjadikan perintah Garnishee mutlak.

Mahkamah Tinggi Hong Kong mendapati ia mempunyai bidang kuasa untuk memberikan Garnishee perintah mutlak dan patut berbuat demikian berdasarkan fakta. Khususnya, Mahkamah Tinggi Hong Kong mendapati terdapat “satu pakatan sulit oleh kumpulan syarikat Lippo” di mana tindakan yang diambil adalah “satu kepura-puraan”. Akhirnya Mahkamah Tinggi Hong Kong juga menyatakan bahawa tidak ada sebab untuk mempercayai timbulnya sebarang persoalan tentang pendakwaan dua kali dan kalaupun ia berlaku, ia adalah “disengajakan”.

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)

(vi) (Samb.)

Selepas penghakiman oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong pada 31 Oktober 2013 dan berikutan keputusan COA Singapura, Garnishee dan PT FM telah memfailkan rayuan terhadap keputusan yang dibuat dan mendapat penangguhan tanpa syarat bagi pelaksanaan perintah mutlak Garnishee yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi Hong Kong kepada Garnishee dan PT FM. Permohonan ini telahpun ditolak oleh Mahkamah Tinggi. Pada 4 April 2014, Pihak Menuntut memperbaharui permohonan kebenaran untuk merayu ini, kali ini kepada Mahkamah Rayuan.

Pada 17 Februari 2015 Mahkamah Tinggi Hong Kong telah memutuskan Permohonan Pengehentian HK berpihak kepada Pihak Menuntut. Antara lain, Mahkamah Tinggi Hong Kong mendapati bahawa:

- (i) PT FM tidak dibenarkan menentang penguatkuasaan Keputusan kerana ia telah bertindak atas prinsip melanggar niat baik dalam perlakuannya dalam Timbang Tara;
- (ii) PT FM dengan sengaja membuat keputusan untuk tidak mengambil tindakan dalam tempoh masa terhadap untuk mencabar penguatkuasaan Keputusan di Hong Kong;
- (iii) Keputusan kekal sah dan mengikat walaupun PT FM berjaya menentang penguatkuasaan Keputusan di Singapura.

Mahkamah Tinggi Hong Kong menolak untuk menggunakan budi bicaranya untuk memberikan pelanjutan masa kepada PT FM bagi memohon penghentian Keputusan.

Akibatnya, Permohonan Pengehentian HK oleh PT FM telah ditolak secara keseluruhannya.

- (vii) Pada 14 November 2012 MBNS menerima surat daripada Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur dengan menyertakan apa yang dimaksudkan sebagai saman mahkamah berhubung dengan dakwaan yang dibuat oleh PTDV di SJDC terhadap AAAN dan lain-lain sebagai defendan ("Kes 533"). MBNS dinamakan sebagai Defendan II. Dakwaan yang dibuat oleh PTDV, menurut tuduhan adalah kerana tindakan yang tidak mengikut undang-undang atau tort. Surat itu menyatakan bahawa Defendan diperintah untuk menghadirkan diri di SJDC pada 10 Januari 2013. Tidak ada huraian lanjut yang diberikan dalam saman tersebut.

Perbicaraan pada 10 Januari 2013 telah ditangguhkan kepada 10 April 2013 bagi membolehkan pelbagai proses formal undang-undang dijalankan. Pada 10 April 2013, mahkamah berpuas hati kerana semua Defendan telah menghadirkan diri dan menangguhkan kes tersebut kepada minggu seterusnya iaitu pada 17 April 2013 untuk semua pihak melalui proses pengantaraan yang dimandatkan. Pada 24 April 2013, MBNS telah diserahkan secara rasmi penyata tuntutan dan proses pengantaraan dikatakan telahpun bermula secara rasmi.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

39 Indemniti, Jaminan, Aset Luar Jangka dan Litigasi Material (Samb.)

- (c) Selain daripada apa yang dinyatakan di bawah, Syarikat mahupun syarikat subsidiarinya tidak pernah ataupun sedang terlibat dalam sebarang litigasi, tuntutan atau timbang tara material sama ada sebagai plaintif atau defendan. (Samb.)

(vii) (Samb.)

Saman tersebut dilakukan oleh PT DV kerana kerugian untuk tindakan yang tidak mengikut undang-undang (iaitu tort) yang didakwa telah dilakukan oleh AAAN, AOL, AAMN, ARM, beberapa individu tertentu serta MBNS (secara kolektifnya, "Defendan"), yang timbul daripada pertikaian pada tahun 2008 tentang cadangan perniagaan TV DTH berbayar di Indonesia ("Cadangan Usaha Sama Indonesia"). PT DV membuat tuntutan atas dasar secara bersama dan berasingan daripada MBNS serta Defendan lain, antara lain untuk kerugian bukan material sebanyak USD20 bilion beserta faedah.

Berikutan nasihat daripada peguam, MBNS berpendapat bahawa dakwaan PT DV terhadap MBNS tidak disokong dengan asas yang kukuh dan kuantum kerugian yang ingin didapatkan adalah tidak wajar. Syarikat ingin menjelaskan selanjutnya bahawa dakwaan PTDV adalah berkaitan dengan dan berpunca daripada pertikaian yang sedang berlaku berhubung dengan Cadangan Usaha Sama Indonesia yang merupakan kandungan litigasi dan prosiding timbang tara sebelum ini sejak 2008 (seperti yang dinyatakan dalam perenggan (ii) hingga (vi) di atas).

Atas nasihat peguam, MBNS bersama dengan defendan lain, telah memfailkan permohonan mencabar bidang kuasa SJDC untuk mendengar kes tersebut.

Cabaran tersebut dibuat berasaskan undang-undang di mana kandungan kepada saman sivil ini harus ditentukan dengan cara timbang tara di bawah peraturan SIAC seperti yang ditetapkan di bawah SSA. Perkara ini sudah didengari dan ditentukan oleh penimbang tara SIAC dan keputusan yang diberikan memihak kepada MBNS dan entiti Astro yang lain tentang isu yang sama. Penghakiman ini telah dimasukkan dari segi terma Keputusan di Singapura, Malaysia, Hong Kong dan England.

Pada 28 Ogos 2013, SJDC telah menolak cabaran MBNS dan membuat keputusan bahawa mereka mempunyai bidang kuasa dalam pertikaian tersebut. Keputusan ini hanya berkaitan dengan cabaran terhadap bidang kuasa dan SJDC akan meneruskan untuk mendengar merit tentang kes ini sepenuhnya.

MBNS telah memfailkan rayuan terhadap keputusan SJDC pada 9 September 2013.

Pada 5 Jun 2014, SJDC telah mengenyahkan tuntutan yang difailkan oleh PT DV.

Setelah memeriksa bukti yang dikemukakan kepada mahkamah, SJDC memutuskan bahawa tuntutan tersebut berasal daripada SSA yang mengandungi fasal timbang tara untuk menyelesaikan pertikaian. SJDC memutuskan bahawa fasal timbang tara dalam SSA adalah mengikat dan boleh diguna pakai dan oleh itu kes tersebut hendaklah ditentukan dengan cara timbang tara di bawah naungan SIAC. Mengikut undang-undang Indonesia, SJDC menetapkan bahawa ia tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes tersebut dan dengan sewajarnya menolak tuntutan tersebut. Berdasarkan latar belakang, pertikaian ini telahpun didengari dan akhirnya ditentukan dengan cara timbang tara sebelum SIAC dan beberapa keputusan yang dibuat oleh Tribunal Timbang Tara memihak kepada MBNS serta entiti Astro yang lain pada 2009 dan 2010 ("Keputusan SIAC") (Sila lihat perenggan (iii) di atas. Keputusan SIAC ini telah didaftarkan di Malaysia.

PT DV dipercayai telah membuat rayuan terhadap penghakiman SJDC..

40 Maklumat Segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut unit perniagaan berdasarkan perkhidmatan mereka, dan mempunyai dua segmen yang berbeza berdasarkan segmen operasi seperti berikut:

- I. Segmen televisyen adalah penyedia perkhidmatan televisyen termasuk kandungan televisyen, penghasilan, pengumpulan dan pengedarannya, penerbitan dan pengedaran majalah serta perkhidmatan interaktif multimedia;
- II. Segmen radio adalah penyedia perkhidmatan siaran radio; dan
- III. Segmen lain yang tidak perlu dilaporkan

Fungsi korporat adalah berkaitan dengan perbendaharaan dan perkhidmatan pengurusan dan bukan sebuah segmen operasi. Fungsi korporat dibentangkan sebagai sebahagian daripada penyesuaian kepada jumlah yang disatukan. Sebahagian besar aset dan liabiliti fungsi korporat merangkumi deposit, tunai dan baki bank, pelaburan dan pinjaman lain.

Urus niaga antara segmen dijalankan berdasarkan persetujuan bersama. Kesan urus niaga antara segmen tersebut dihapuskan semasa disatukan. Asas pengukuran dan klasifikasi adalah konsisten dengan apa yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya.

Prestasi diukur berdasarkan keuntungan segmen, iaitu keuntungan sebelum cukai, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang disemak oleh Ketua Pembuat Keputusan Operasi yang terdiri daripada Lembaga Pengarah. Keuntungan segmen digunakan untuk mengukur prestasi kerana pihak pengurusan percaya bahawa maklumat sedemikian merupakan yang paling relevan dalam menilai keputusan. Cukai pendapatan diuruskan pada peringkat kumpulan dan tidak diperuntukkan kepada segmen operasi. Unit perniagaan kumpulan kebanyakannya beroperasi di Malaysia.

Harga pemindahan antara segmen operasi adalah berdasarkan persetujuan bersama dengan cara yang serupa dengan urus niaga dengan pihak ketiga.

Aset segmen

Jumlah aset segmen diukur berdasarkan semua aset (termasuk muhibah dan tidak termasuk aset cukai tertunda) segmen, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang disemak oleh Lembaga Pengarah.

Liabiliti segmen

Jumlah liabiliti segmen diukur berdasarkan semua liabiliti (tidak termasuk liabiliti cukai) segmen, seperti yang dimasukkan dalam laporan pengurusan dalaman yang disemak oleh Lembaga Pengarah.

Aset dan liabiliti yang tidak diperuntukkan

Aset dan liabiliti yang tidak diperuntukkan terdiri daripada aset cukai tertunda, liabiliti cukai dan liabiliti cukai tertunda.

Penyingkiran

Item penyingkiran terutamanya merangkumi belum terima dan belum bayar antara syarikat.

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

40 Maklumat Segmen (Samb.)

	Televisyen RM'000	Radio RM'000	Lain-lain RM'000	Fungsi Korporat RM'000	Penyingkiran RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Januari 2015						
Hasil						
Jumlah hasil	4,941,803	264,709	36,406	34,598	-	5,277,516
Hasil antara segmen ⁽¹⁾	(10,455)	(3,396)	(11,283)	(20,938)	-	(46,072)
Hasil luar	4,931,348	261,313	25,123	13,660	-	5,231,444
Keputusan						
Pendapatan faedah	32,397	2,087	3,524	127,857	(108,962)	56,903
Perbelanjaan faedah	(195,746)	(227)	(3,411)	(111,019)	108,962	(201,441)
Susut nilai dan pelunasan	(1,228,706)	(5,509)	(1,561)	(5,170)	30,596	(1,210,350)
Bahagian keputusan syarikat bersekutu/usaha sama	(11,449)	-	4,802	-	-	(6,647)
Keuntungan/(kerugian) segmen – Keuntungan/ (kerugian) sebelum cukai	616,080	142,217	(17,063)	(29,440)	9,094	720,888
Aset/Liabiliti						
Pelaburan dalam syarikat bersekutu/usaha sama	-	-	48,851	-	-	48,851
Penambahan kepada aset bukan semasa ⁽²⁾	971,796	3,139	18,618	5,414	-	998,967
Aset segmen	5,383,271	1,402,654	124,663	529,712	(763,107)	6,677,193
Aset tidak diperuntukkan						54,134
Jumlah aset						6,731,327
Liabiliti segmen	3,370,915	277,110	52,219	2,892,808	(726,996)	5,866,056
Liabiliti tidak diperuntukkan						151,056
Jumlah Liabiliti						6,017,112

40 Maklumat Segmen (Samb.)

	Televisyen RM'000	Radio RM'000	Lain-lain RM'000	Fungsi Korporat RM'000	Penyingkiran RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Januari 2014						
Hasil						
Jumlah hasil	4,533,002	249,978	18,000	33,628	-	4,834,608
Hasil antara segmen ⁽¹⁾	(3,677)	(3,184)	(18,000)	(19,005)	-	(43,866)
Hasil luar	4,529,325	246,794	-	14,623	-	4,790,742
Keputusan						
Pendapatan faedah	23,000	2,417	2,265	137,577	(110,817)	54,442
Perbelanjaan faedah	(204,011)	-	(2,355)	(114,374)	110,817	(209,923)
Susut nilai dan pelunasan	(1,219,991)	(4,575)	-	(4,815)	42,615	(1,186,766)
Bahagian keputusan syarikat bersekutu/usaha sama	(3,107)	-	7,140	-	-	4,033
Keuntungan/(kerugian) segmen – Keuntungan/ (kerugian) sebelum cukai	438,096	133,260	1,789	(28,342)	24,428	569,231
Aset/Liabiliti						
Pelaburan dalam syarikat bersekutu/usaha sama	13,913	-	44,043	-	-	57,956
Penambahan kepada aset bukan semasa ⁽²⁾	1,429,102	13,488	-	7,924	-	1,450,514
Aset segmen	5,062,503	1,236,592	50,369	1,272,932	(568,437)	7,053,959
Aset tidak diperuntukkan						49,570
Jumlah aset						7,103,529
Liabiliti segmen	3,676,698	156,139	16,918	3,036,025	(534,516)	6,351,264
Liabiliti tidak diperuntukkan						135,152
Jumlah Liabiliti						6,486,416

Nota:⁽¹⁾ Hasil antara-segmen dilupuskan semasa disatukan.⁽²⁾ Penambahan kepada aset bukan semasa terdiri daripada penambahan kepada hartanah, loji dan peralatan serta aset tak ketara (tidak termasuk pengambilalihan subsidiari).

Nota Penyata Kewangan

31 Januari 2015

41 Peristiwa Penting Selepas Kunci Kira-Kira

Pada 24 Februari 2015, Syarikat telah membuat langganan yang selanjutnya untuk penambahan 99,998 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam APSSB untuk balasan tunai berjumlah RM99,998.

42 Kelulusan Penyata Kewangan

Penyata kewangan telah diluluskan untuk penerbitan menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 30 Mac 2015.

43 Maklumat Tambahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad**Perolehan Terealisasi dan Belum Terealisasi**

Analisis berikut tentang perolehan tertahan terealisasi dan belum terealisasi di peringkat entiti yang sah disediakan menurut Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, Penentuan Untung atau Rugi Terealisasi dan Belum Terealisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang diterbitkan oleh Institut Akauntan Malaysia, manakala pendedahan di peringkat Kumpulan adalah berdasarkan format yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

	Kumpulan		Syarikat	
	2015	2014	2015	2014
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah (kerugian terkumpul)/perolehan tertahan:				
- Terealisasi	(175,765)	(215,673)	222,191	302,207
- Belum terealisasi	(16,395)	32,808	-	-
	(192,160)	(182,865)	222,191	302,207
Bahagian perolehan tertahan syarikat bersekutu dan usaha sama:				
- Terealisasi	7,517	14,163	-	-
- Belum terealisasi	-	-	-	-
	(184,643)	(168,702)	222,191	302,207
Tolak: Penyelarasan disatukan	(449,892)	(478,294)	-	-
Jumlah (kerugian terkumpul)/perolehan tertahan:	(634,535)	(646,996)	222,191	302,207

Analisis Pemegangan Saham

Setakat 30 April 2015

MODAL SAHAM

Dibenarkan : RM1,000,000,000 dibahagikan kepada 10,000,000,000 saham biasa bernilai RM0.10 sesaham
 Diterbitkan dan berbayar : RM520,172,840 dibahagikan kepada 5,201,728,400 saham biasa bernilai RM0.10 sesaham
 Hak undian : Satu undi bagi setiap saham biasa

PENGAGIHAN PEMEGANGAN SAHAM

setakat 30 April 2015 (Berdasarkan Rekod Pendeposit Syarikat)

Saiz pemegangan saham	Bil. pemegang saham	% pemegang saham	Bil. saham	% saham diterbitkan
1 hingga 99	308	2.49	3,046	0.00
100 hingga 1,000	2,398	19.37	1,983,621	0.04
1,001 hingga 10,000	7,938	64.10	30,300,165	0.58
10,001 hingga 100,000	1,302	10.51	37,020,117	0.71
100,001 hingga 260,086,419*	434	3.51	2,619,448,527	50.36
260,086,420 dan ke atas**	3	0.02	2,512,972,924	48.31
JUMLAH	12,383	100.00	5,201,728,400	100.00

Nota:

* kurang daripada 5% modal saham diterbitkan

** 5% dan ke atas bagi modal saham diterbitkan

Saiz pemegangan saham	Bil. pemegang saham	% pemegang saham	Bil. saham	% saham diterbitkan
Individu	10,907	88.08	63,120,264	1.21
Bank/Syarikat Kewangan	17	0.14	173,079,800	3.33
Pelaburan Amanah/Yayasan/Badan Amal	0	0.00	0	0.00
Jenis Syarikat yang Lain	110	0.89	3,682,128,600	70.79
Agensi/Institusi Kerajaan	3	0.02	1,330,000	0.02
Nomini	1,346	10.87	1,282,069,736	24.65
Lain-lain	0	0.00	0	0.00
JUMLAH	12,383	100.00	5,201,728,400	100.00

Analisis Pemegangan Saham

Setakat 30 April 2015

30 PEMEGANG SAHAM TERBESAR

setakat 30 April 2015 (Berdasarkan Rekod Pendeposit Syarikat)

Bil.	Nama	Bil. saham biasa	% saham diterbitkan
1.	Pantai Cahaya Bulan Ventures Sdn Bhd	1,077,735,927	20.72
2.	All Asia Media Equities Limited	1,013,297,290	19.48
3.	East Asia Broadcast Network Systems N.V.	421,939,707	8.11
4.	Usaha Tegas Entertainment Systems Sdn Bhd	235,778,182	4.53
5.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Nomini Dibenarkan Berkecuali untuk JPMorgan Chase Bank, National Association (Resident USA-2)	196,528,000	3.78
6.	Pacific Broadcast Systems N.V.	140,646,620	2.70
7.	Berkat Nusantara Sdn Bhd	140,646,568	2.70
8.	Home View Limited N.V.	140,646,568	2.70
9.	Nusantara Cempaka Sdn Bhd	140,646,568	2.70
10.	Nusantara Delima Sdn Bhd	140,646,568	2.70
11.	Southpac Investments Limited N.V.	140,646,568	2.70
12.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Nomini Dibenarkan Berkecuali untuk JPMorgan Chase Bank, National Association (U.S.A.)	105,878,859	2.04
13.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	99,167,900	1.91
14.	Amanahraya Trustees Berhad - Skim Amanah Saham Bumiputera	90,923,000	1.75
15.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Nomini Dibenarkan Berkecuali untuk JPMorgan Chase Bank, National Association (U.K.)	41,068,000	0.79
16.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd - Nomini Dibenarkan Berkecuali untuk State Street Bank & Trust Company (West CLT 0D67)	39,160,900	0.75
17.	Amanahraya Trustees Berhad - Amanah Saham Wawasan 2020	35,484,700	0.68
18.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - BBH And Co Boston untuk Vanguard Emerging Markets Stock Index Fund	30,219,000	0.58
19.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Nomura)	28,239,800	0.54
20.	Cartaban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Nomini Dibenarkan Berkecuali untuk Eastspring Investments Berhad	21,480,000	0.41
21.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - BNYM SA/NV untuk Magna Emerging Markets Dividend Fund (Magna UMBER FD P)	20,577,855	0.40
22.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - TNTC untuk Saudi Arabian Monetary Agency	20,080,700	0.39

Analisis Pemegangan Saham

Setakat 30 April 2015

No.	Name	Bil. saham biasa	% saham diterbitkan
23.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Nomini Dibenarkan Berkecuali untuk J.P. Morgan Bank Luxembourg S.A.	18,293,752	0.35
24.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Nomini Dibenarkan Berkecuali untuk J.P. Morgan Bank Luxembourg S.A. (2)	18,235,600	0.35
25.	RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - OSK Capital Sdn Bhd untuk Yayasan Islam Terengganu	17,000,000	0.33
26.	Mujur Nusantara Sdn Bhd	16,073,887	0.31
27.	Cimsec Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - CIMB Untuk Tiara Gateway Sdn. Bhd. (PB)	15,726,720	0.30
28.	Amanahraya Trustees Berhad - Sebagai 1Malaysia	15,564,400	0.30
29.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Nomini Dibenarkan Berkecuali untuk JPMorgan Chase Bank, National Association (BVI)	15,449,700	0.30
30.	Sanjung Nusantara Sdn Bhd	14,734,417	0.28
JUMLAH		4,452,517,756	85.58

PEMEGANG SAHAM PENTING

setakat 30 April 2015 (Berdasarkan Daftar Pemegang Saham Penting Syarikat)

Nama	Nota	Langsung	%	Tidak Langsung	%
		Bil. Saham Dipegang		Bil. Saham Dipegang	
Pantai Cahaya Bulan Ventures Sdn Bhd ("PCBV")		1,077,735,927	20.72	-	-
Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah")	(1)	-	-	1,077,735,927	20.72
All Asia Media Equities Limited ("AAME")		1,013,297,290	19.48	-	-
Usaha Tegas Entertainment Systems Sdn Bhd ("UTES")	(2)	235,778,182	4.53	1,013,297,290	19.48
Usaha Tegas Sdn Bhd ("UTSB")	(3)	-	-	1,249,075,472	24.01
Pacific States Investment Limited ("PSIL")	(4)	-	-	1,249,075,472	24.01
Excorp Holdings N.V. ("Excorp")	(5)	-	-	1,249,075,472	24.01
PanOcean Management Limited ("PanOcean")	(5)	-	-	1,249,075,472	24.01
Ananda Krishnan Tatparanandam ("TAK")	(6)	-	-	2,133,139,626	41.01
T. Rowe Price Associates, Inc. ("TRowe")	(7)	-	-	265,028,800	5.10

Nota:

- (1) Khazanah dianggap mempunyai kepentingan dalam saham biasa Astro Malaysia Holdings Berhad ("Saham AMH") bernilai RM0.10 sesaham oleh sebab PCBV merupakan subsidiari milik penuh Khazanah.

Analisis Pemegangan Saham

Setakat 30 April 2015

- (2) UTES dianggap mempunyai kepentingan dalam kesemua Saham AMH di mana AAME mempunyai kepentingan, oleh sebab UTES memegang 100% kepentingan ekuiti dalam AAME. Selain daripada anggapan kepentingan yang dipegang melalui AAME dalam AMH, UTES memegang secara langsung 235,778,182 Saham AMH yang mewakili 4.53% kepentingan ekuiti dalam AMH.
- (3) UTSB dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH oleh sebab UTSB memegang 100% kepentingan ekuiti dalam UTES. Sila rujuk Nota (2) di atas untuk kepentingan langsung dan anggapan kepentingan UTES dalam Saham AMH.
- (4) PSIL dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH oleh sebab PSIL memegang 99.999% kepentingan ekuiti dalam UTSB. Sila rujuk Nota (3) di atas untuk anggapan kepentingan UTSB dalam Saham AMH.
- (5) PanOcean memegang 100% kepentingan ekuiti dalam Excorp yang memegang 100% kepentingan ekuiti dalam PSIL. Sila rujuk Nota (4) di atas untuk anggapan kepentingan PSIL dalam Saham AMH. PanOcean merupakan pemegang amanah bagi sebuah tabung amanah budi bicara, di mana pemegang amanahnya adalah anggota keluarga TAK dan yaysan termasuk untuk tujuan amal. Sungguhpun PanOcen dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH, ia tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi ataupun manfaat dalam Saham AMH itu, kerana kepentingan tersebut dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara tersebut.
- (6) TAK dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH oleh sebab keadaan berikut:
- (i) Anggapan kepentingan PanOcean sebanyak 1,249,075,472 Saham AMH yang mewakili 24.01% kepentingan ekuiti dalam AMH dipegang secara langsung oleh UTES dan AAME;

Walaupun TAK dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH namun beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi ataupun manfaat dalam Saham AMH itu, kerana kepentingan tersebut dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara tersebut yang dirujuk dalam Nota (5) di atas;
 - (ii) kepentingan East Asia Broadcast Network Systems N.V. ("EABNS"), Pacific Broadcast Systems N.V. ("PBS"), Home View Limited N.V. ("HVL"), Southpac Investments Limited N.V. ("SIL"), Ujud Cergas Sdn Bhd ("UCSB"), Metro Ujud Sdn Bhd ("MUSB"), Mujur Sanjung Sdn Bhd ("MSSB"), Prisma Gergasi Sdn Bhd ("PGSB") dan Ujud Murni Sdn Bhd ("UMSB") yang secara kolektifnya memegang secara langsung 884,064,154 Saham AMH yang mewakili 17% kepentingan ekuiti dalam AMH. TAK dianggap mempunyai kepentingan dalam 884,064,154 Saham AMH yang dipegang secara kolektif oleh EABNS, PBS, HVL, SIL, UCSB, MUSB, MSSB, PGSB dan UMSB oleh sebab beliau memegang 100% kepentingan ekuiti dalam syarikat induk muktamad mereka masing-masing, iaitu Tucson N.V., Orient Systems Limited N.V., Home View Holdings N.V., Southpac Holdings N.V., All Asia Radio Broadcast N.V., Global Radio Systems N.V., Maestra International Broadcast N.V., Maestra Global Radio N.V. dan Global Broadcast Systems N.V.
- (7) TRowe merupakan penasihat pelaburan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S dan bertindak sebagai pengurus pelaburan budi bicara bagi pihak pelbagai klien.

KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM

setakat 30 April 2015 (Berdasarkan Daftar Pemegangan Saham Para Pengarah Syarikat)

Kepentingan Pengarah dalam saham Syarikat adalah seperti berikut:

Nama	Bil. pegangan saham		% saham diterbitkan	
	Langsung	Tidak Langsung	Langsung	Tidak Langsung
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi	1,000,000	-	0.02	-
Augustus Ralph Marshall	8,500,000	-	0.16	-
Dato' Rohana Rozhan	4,040,000	-	0.08	-
Datuk Chin Kwai Yoong	1,000,000	-	0.02	-
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican	855,600	-	0.02	-
Bernard Anthony Cragg	-	-	-	-
Quah Bee Fong	-	-	-	-
Datuk Yvonne Chia	-	-	-	-
Lim Ghee Keong (silih ganti kepada Augustus Ralph Marshall)	1,000,000	-	0.02	-

Sila rujuk muka surat 250 dalam Laporan Tahunan ini untuk kepentingan Dato' Rohana Rozhan dalam saham Syarikat yang belum diterbitkan menurut Skim Saham.

Senarai Pegangan Hartanah

No.	Geran/Lokasi	Perihal Hartanah	Anggaran Usia Bangunan	Tempoh/ Tarikh Pengambil-alihan	Baki Tempoh Pajakan (Tarikh Tamat Pajakan)	Penggunaan Semasa	Keluasan Tanah (meter persegi)	Kawasan Binaan (meter persegi)	Nilai Buku Bersih pada 31 Januari 2015
1.	HSD 34194 (dahulunya dipegang di bawah HSD 7038), PT 12002, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Negeri Selangor	Tanah dan bangunan	Sedang dalam pembinaan	Tanah pegangan kekal/ 31 Mac 2004	Tidak berkenaan	Sedang dalam pembinaan	18,267	Tidak berkenaan	74,330
2.	No unit 165-1-1, 165-1-2 dan 165-1-3 dan 165-2-1, Wisma Mutiara (Blok B), No. 165, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur	Lot Kedai/ Pejabat	14 tahun	Tanah pegangan kekal/ 31 Mac 2005	Tidak berkenaan	Kosong	Tidak berkenaan	753.8	1,056
3.	HSD 116030 PT13820 (dahulunya dikenalpasti sebagai No Lot. 11301, 17778, 5800 dan sebahagian lot 7966, 8093 dan 14985) di Mukim Petaling, Daerah Kuala Lumpur, Negeri Wilayah Persekutuan, Tingkat 3 Bangunan Pentadbiran All Asia Broadcast Centre, Taman Teknologi Malaysia, Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur	Tanah dan bangunan	18 tahun	Tanah dan bangunan subpajakan/ 1 Ogos 1995	10 tahun (31 Julai 2025, dengan pilihan untuk membaharui bagi tempoh 30 tahun selanjutnya sehingga Julai 2055)	Pusat Media Televisyen, Radio dan Data serta Pejabat	117,419	32,533	94,179
4.	GRN 50043 Lot 54268 (dahulunya masing-masing dipegang di bawah HSD 80870, PT 4043 dan HSD 80871, PT 4044), Mukim dan Daerah Kuala Lumpur, Negeri Wilayah Persekutuan	Tanah kosong	Tidak berkenaan	Subpajakan	12 tahun (1 April 2027)	Kosong	412,780	Tidak berkenaan	Pajakan operasi

Pendedahan Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa berlangsung pada 3 Julai 2013 dan 19 Jun 2014, Syarikat telah memperoleh mandat para pemegang saham untuk membenarkan Kumpulan terlibat dalam urus niaga berulang pihak berkaitan ("RPPT") yang mendatangkan hasil atau dalam bentuk dagangan ("Mandat Pemegang Saham").

Sebagai mematuhi Perenggan 10.09(2)(b) dan Perenggan 3.1.5 Nota Amalan 12 Keperluan Penyenaaran Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities, butiran tentang RPPT yang dijalankan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015 menurut Mandat Para Pemegang Saham di mana nilai agregat RPPT adalah bersamaan dengan atau melebihi RM1.0 juta atau 1% daripada nisbah peratusan yang relevan bagi urus niaga sedemikian, mengikut yang mana lebih tinggi, seperti berikut:

No.	Syarikat dalam Kumpulan kami yang terlibat	Pihak Berkaitan yang Berurus Niaga	Bentuk Urus Niaga	Mandat 2013	Mandat 2014	Nilai agregat urus niaga sepanjang tahun kewangan (RM'000)	Pihak Berkaitan yang Berkepentingan	
				Nilai sebenar urus niaga dari 1 Februari 2014 hingga 18 Februari 2014 (RM'000)	Nilai sebenar urus niaga dari 19 Jun 2014 hingga 31 Januari 2015 (RM'000)		Nama	Bentuk dan takat kepentingan
(A) Kumpulan UTSB								
1.	AMH dan/ atau subsidiarinya	UTP	Penyediaan perkhidmatan pengurusan projek dan perundingan	731	816	1,547	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 1
2.	AMH dan/ atau subsidiarinya	UTSBM	Penyediaan perkhidmatan perundingan dan sokongan kepada AMH dan/atau subsidiarinya	6,856	7,107	13,963	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 1
3.	AMH dan/ atau subsidiarinya	Tanjong plc dan/atau subsidiarinya	Penggunaan pusat sumber dan pusat data di Menara Maxis sebagai sebahagian daripada rancangan kesinambungan perniagaan Kumpulan AMH	73	117	190	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 1
4.	Tayangan Unggul dan/atau sekutunya	TGV	Penyewaan dewan pawagam oleh Tayangan Unggul dan/atau sekutunya	-	33	33	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 1

Pendedahan Urus Niaga **Berulang Pihak Berkaitan**

No.	Syarikat dalam Kumpulan kami yang terlibat	Pihak Berkaitan yang Berurus Niaga	Bentuk Urus Niaga	Mandat 2013	Mandat 2014	Nilai agregat urus niaga sepanjang tahun kewangan (RM'000)	Pihak Berkaitan yang Berkepentingan	
				Nilai sebenar urus niaga dari 1 Februari 2014 hingga 18 Februari 2014 (RM'000)	Nilai sebenar urus niaga dari 19 Jun 2014 hingga 31 Januari 2015 (RM'000)		Nama	Bentuk dan takat kepentingan
5.	Astro Radio dan/atau sekutunya	TGV dan/atau sekutunya	Penjualan masa siaran, penajaan dan penjenamaan laman sesawang atas talian oleh Astro Radio dan/atau sekutunya	Tidak berkenaan*	397	397	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 1
6.	MBNS dan/atau sekutunya	TGVP dan/atau sekutunya	Pemberian hak dan lesen untuk filem kepada MBNS dan/atau sekutunya	Tidak berkenaan*	13	13	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 1
7.	Astro Digital Publications dan/atau sekutunya	Tanjong plc dan/atau sekutunya	Penjualan ruang pengiklanan dalam majalah (cetak dan digital) serta laman sesawang oleh Astro Digital Publications dan/atau sekutunya	5	Tidak berkenaan#	5	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 1
Nilai Agregat Urus Niaga dengan Kumpulan UTSB				7,665	8,483	16,148		
(B) Kumpulan Maxis								
8.	AMH dan/atau subsidiarinya	Maxis Broadband dan/atau sekutunya	Penyediaan perkhidmatan telefon premium kepada AMH dan/atau subsidiarinya	2,713	555	3,268	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
9.	MBNS dan/atau sekutunya	Maxis Broadband dan/atau sekutunya	Penyediaan pajakan litar persendirian kepada MBNS dan/atau sekutunya	434	607	1,041	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2

Pendedahan Urus Niaga **Berulang Pihak Berkaitan**

No.	Syarikat dalam Kumpulan kami yang terlibat	Pihak Berkaitan yang Berurus Niaga	Bentuk Urus Niaga	Mandat 2013	Mandat 2014	Nilai agregat urus niaga sepanjang tahun kewangan (RM'000)	Pihak Berkaitan yang Berkepentingan	
				Nilai sebenar urus niaga dari 1 Februari 2014 hingga 18 Februari 2014 (RM'000)	Nilai sebenar urus niaga dari 19 Jun 2014 hingga 31 Januari 2015 (RM'000)		Nama	Bentuk dan takat kepentingan
10.	MBNS dan/atau sekutunya	Maxis Broadband dan/atau sekutunya	Penyediaan perkhidmatan komunikasi terus kepada MBNS dan/atau sekutunya	11,456	17,225	28,681	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
11.	Astro Radio dan/atau sekutunya	Maxis Mobile dan/atau sekutunya	Penjualan masa siaran, penajaan dan penjenamaan laman sesawang atas talian oleh Astro Radio dan/atau sekutunya	5,004	19,974	24,978	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
12.	MBNS dan/atau sekutunya	Maxis Mobile dan/atau sekutunya	Penyediaan kandungan oleh MBNS dan/atau sekutunya	717	1,136	1,853	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
13.	AMH dan/atau subsidiarinya	Maxis Mobile dan/atau sekutunya	Penyediaan perkhidmatan penerbitan dan pengiklanan oleh AMH dan/atau subsidiarinya	2,638	3,338	5,976	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
14.	MBNS dan/atau sekutunya	Maxis Broadband dan/atau sekutunya	Kerjasama berhubung dengan IPTV, kandungan, jalur lebar, suara dan perkhidmatan sampingan	15,775	34,769	50,544	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2

Pendedahan Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan

No.	Syarikat dalam Kumpulan kami yang terlibat	Pihak Berkaitan yang Berurus Niaga	Bentuk Urus Niaga	Mandat 2013	Mandat 2014	Nilai agregat urus niaga sepanjang tahun kewangan (RM'000)	Pihak Berkaitan yang Berkepentingan	
				Nilai sebenar urus niaga dari 1 Februari 2014 hingga 18 Februari 2014 (RM'000)	Nilai sebenar urus niaga dari 19 Jun 2014 hingga 31 Januari 2015 (RM'000)		Nama	Bentuk dan takat kepentingan
15.	Astro Awani dan/atau sekutunya	Maxis Broadband dan/atau sekutunya	Penyediaan Perkhidmatan Pengumpulan Berita Digital secara "Langsung" melalui Perkhidmatan Penyiaran Terminal Aperture Teramat Kecil (VSAT) kepada Astro Awani dan/atau sekutunya	25	-	25	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
16.	AMH dan/atau subsidiarinya	Maxis dan/atau sekutunya	Penyediaan sistem sambungan komunikasi kepada MBNS dan/atau sekutunya	905	Tidak berkenaan [#]	905	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
17.	AMH dan/atau subsidiarinya	Maxis dan/atau sekutunya	Perkongsian hasil dengan menyediakan khidmat penyewaan kod ringkas, Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), Perkhidmatan Pesanan Multimedia (MMS) serta perkhidmatan Protokol Aplikasi Wayarles (WAP)	77	480	557	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
18.	Astro Radio dan/atau sekutunya	Maxis Mobile dan/atau sekutunya	Penyediaan perkhidmatan pajakan talian kepada Astro Radio dan/atau sekutunya	65	111	176	<u>Pemegang Saham Utama</u> UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 2
Nilai Agregat Urus Niaga dengan Kumpulan Maxis				39,809	78,195	118,004		
(C) Kumpulan MGB								
19.	MBNS dan/atau sekutunya	MSS	Pajakan transponder satelit M3 untuk perkhidmatan sementara oleh MBNS dan/atau sekutunya dibayar atas dasar bulanan atau suku tahunan	678	1,216	1,894	<u>Pemegang Saham Utama</u> TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 3

Pendedahan Urus Niaga **Berulang Pihak Berkaitan**

No.	Syarikat dalam Kumpulan kami yang terlibat	Pihak Berkaitan yang Berurus Niaga	Bentuk Urus Niaga	Mandat 2013	Mandat 2014	Nilai agregat urus niaga sepanjang tahun kewangan (RM'000)	Pihak Berkaitan yang Berkepentingan	
				Nilai sebenar urus niaga dari 1 Februari 2014 hingga 18 Februari 2014 (RM'000)	Nilai sebenar urus niaga dari 19 Jun 2014 hingga 31 Januari 2015 (RM'000)		Nama	Bentuk dan takat kepentingan
20.	MBNS dan/ atau sekutunya	MSS	Penyediaan perkhidmatan laluan menaik dan transponder kepada MBNS dan/atau sekutunya	287	655	942	<u>Pemegang Saham Utama</u> TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 3
21.	AMH dan/ atau subsidiarinya	MGB dan/ atau subsidiarinya	Penyewaan bangunan oleh AMH dan/atau subsidiarinya dibayar atas dasar bulanan	1,045	Tidak berkenaan [#]	1,045	<u>Pemegang Saham Utama</u> TAK <u>Pengarah</u> ARM dan LGK	Sila rujuk Nota 3
Nilai Agregat Urus Niaga dengan Kumpulan MGB				2,010	1,871	3,881		
(D) Kumpulan AHSB								
22.	MBNS dan/ atau sekutunya	CMCL dan/ atau sekutunya	Penyediaan perkhidmatan transmisi siaran dan perkhidmatan lain berkaitan transmisi oleh MBNS dan/ atau sekutunya	96	28	124	<u>Pemegang Saham Utama</u> PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM, DCKY, DKM, BAC, QBF, HZM, DRR dan LGK	Sila rujuk Nota 4
23.	MBNS dan/ atau sekutunya	CMCL dan/ atau sekutunya	Penyediaan hak dan lesen tidak eksklusif untuk filem kepada MBNS dan/ atau sekutunya	140	Tidak berkenaan [#]	140	<u>Pemegang Saham Utama</u> PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM, DCKY, DKM, BAC, QBF, HZM, DRR dan LGK	Sila rujuk Nota 4

Pendedahan Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan

No.	Syarikat dalam kumpulan kami yang terlibat	Pihak Berkaitan yang Berurus Niaga	Bentuk Urus Niaga	Mandat 2013	Mandat 2014	Nilai agregat urus niaga sepanjang tahun kewangan (RM'000)	Pihak Berkaitan yang Berkepentingan	
				Nilai sebenar urus niaga dari 1 Februari 2014 hingga 18 Februari 2014 (RM'000)	Nilai sebenar urus niaga dari 19 Jun 2014 hingga 31 Januari 2015 (RM'000)		Nama	Bentuk dan takat kepentingan
24.	MBNS dan/atau sekutunya	CMCL dan/atau sekutunya	Penyediaan hak dan lesen untuk filem kepada MBNS dan/atau sekutunya	Tidak berkenaan*	84	84	<u>Pemegang Saham Utama</u> PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM, DCKY, DKM, BAC, QBF, HZM, DRR dan LGK	Sila rujuk Nota 4
25.	MBNS dan/atau sekutunya	CMCL dan/atau sekutunya	Penyediaan hak eksklusif sebagai pembawa saluran Kix HD & Celestial(SD & HD) kepada MBNS dan/Atau sekutunya	10,682	17,628	28,310	<u>Pemegang Saham Utama</u> PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM, DCKY, DKM, BAC, QBF, HZM, DRR dan LGK	Sila rujuk Nota 4
26.	AMH dan/atau subsidiarinya	AHSB dan/atau subsidiarinya	Penyediaan perkhidmatan pengurusan korporat dan perkhidmatan lain kepada AHSB dan/atau subsidiarinya	6,114	7,924	14,038	<u>Pemegang Saham Utama</u> PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM, DCKY, DKM, BAC, QBF, HZM, DRR dan LGK	Sila rujuk Nota 4

Pendedahan Urus Niaga **Berulang Pihak Berkaitan**

No.	Syarikat dalam Kumpulan kami yang terlibat	Pihak Berkaitan yang Berurus Niaga	Bentuk Urus Niaga	Mandat 2013	Mandat 2014	Nilai agregat urus niaga sepanjang tahun kewangan (RM'000)	Pihak Berkaitan yang Berkepentingan	
				Nilai sebenar urus niaga dari 1 Februari 2014 hingga 18 Februari 2014 (RM'000)	Nilai sebenar urus niaga dari 19 Jun 2014 hingga 31 Januari 2015 (RM'000)		Nama	Bentuk dan takat kepentingan
27.	Astro Radio dan/atau sekutunya	CMCL dan/atau sekutunya	Penjualan masa siaran, penajaan dan penjenamaan laman sesawang atas talian oleh Astro Radio dan/atau sekutunya	75	47	122	<u>Pemegang Saham Utama</u> PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM, DCKY, DKM, BAC, QBF, HZM, DRR dan LGK	Sila rujuk Nota 4
28.	MBNS dan/atau sekutunya	MIPL dan/atau sekutunya	Penyediaan perkhidmatan yang berkaitan dengan mereka bentuk, membina dan mentauliah penyelesaian <i>Over-the-Top</i> (OTT) kepada MBNS dan/atau sekutunya	3,462	8,607	12,069	<u>Pemegang Saham Utama</u> PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM, DCKY, DKM, BAC, QBF, HZM, DRR dan LGK	Sila rujuk Nota 4
Nilai Agregat Urus Niaga dengan Kumpulan AHSB				20,569	34,318	54,887		
(E) Sun TV								
29.	AMH dan/atau subsidiarinya	Sun TV dan/atau subsidiarinya	Penyediaan hak saluran kepada AMH dan/atau subsidiarinya	12,259	20,333	32,592	<u>Pemegang Saham Utama</u> PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK <u>Pengarah</u> DHB, ARM, DCKY, DKM, BAC, QBF, HZM, DRR dan LGK	Sila rujuk Nota 5
Nilai Agregat Urus Niaga dengan Kumpulan AHSB				12,259	20,333	32,592		

* Urus niaga diluluskan di bawah Mandat 2014

Urus niaga diluluskan di bawah Mandat 2013 tetapi tidak diperbaharui di bawah Mandat 2014

Pendedahan Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan

NOTA (setakat 30 April 2015):

1. Kumpulan UTSB

MBNS, Tayangan Unggul, Astro Radio dan Astro Digital Publications merupakan subsidiari milik penuh AMH. UTP dan UTSBM adalah subsidiari milik penuh UTSB manakala Tanjong plc, TGV dan TGVP adalah subsidiari milik penuh TCSB. UTP, UTSBM, Tanjong plc, TGV dan TGVP adalah individu yang berkaitan dengan UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK.

Setiap satu UTSB, PSIL, Excorp dan PanOcean merupakan Pemegang Saham Utama dengan anggapan kepentingan ke atas 1,249,075,472 Saham AMH yang mewakili 24.01% kepentingan ekuiti dalam AMH melalui subsidiari milik penuh UTSB, iaitu UTES dan AAME, di mana masing-masing memegang 235,778,182 Saham AMH serta 1,013,297,290 Saham AMH dan secara langsung mewakili 4.53% dan 19.48% kepentingan ekuiti dalam AMH.

PanOcean memegang 100% kepentingan ekuiti dalam Excorp yang memegang 100% kepentingan ekuiti dalam PSIL. PSIL memegang 99.999% kepentingan ekuiti dalam UTSB. PanOcean merupakan pemegang amanah bagi amanah budi bicara, di mana pemegang amanahnya adalah keluarga TAK serta yayasan yang termasuk untuk tujuan amal.

TAK yang menjadi Pemegang Saham Utama dengan anggapan kepentingan ke atas 2,133,139,626 Saham AMH untuk mewakili 41.01% kepentingan ekuiti dalam AMH, turut merupakan pengarah PanOcean, Excorp, PSIL dan UTSB. Sungguhpun TAK dan PanOcean dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH seperti yang diuraikan di atas, namun mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi atau manfaat terhadap saham tersebut kerana kepentingan tersebut dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara.

UTSB memegang sejumlah 124,688,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam TCSB ("Saham TCSB") yang mewakili 65.84% kepentingan ekuiti dalam TCSB, di mana 71,000,000 Saham TCSB yang membentuk 37.49% kepentingan ekuiti dalam TCSB dipegang secara langsung, manakala 53,688,000 Saham TCSB yang mewakili 28.35% kepentingan ekuiti dalam TCSB dipegang secara tidak langsung melalui subsidiari milik penuhnya, Usaha Tegas Resources Sdn Bhd. Setiap satu dari PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK mempunyai anggapan kepentingan ke atas 124,688,000 Saham TCSB untuk membentuk 65.84% kepentingan ekuiti dalam TCSB menerusi UTSB.

Walaupun TAK dan PanOcean dianggap mempunyai kepentingan dalam 124,688,000 Saham TCSB yang dipegang melalui UTSB, mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi atau manfaat ke atas saham tersebut, kerana kepentingan itu adalah tertakluk kepada syarat amanah budi bicara.

Di samping itu, TAK dianggap mempunyai kepentingan terhadap 47,792,803 Saham TCSB yang membentuk 25.23% kepentingan ekuiti dalam TCSB di mana MAI Sdn Berhad ("MAI") mempunyai kepentingan disebabkan oleh 99.999% kepentingan ekuiti langsungnya dalam MAI menerusi subsidiari milik penuhnya.

ARM, yang menjadi Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, turut merupakan pengarah UTSBM, Excorp, PSIL dan pengarah eksekutif UTSB serta Tanjong plc. ARM mempunyai kepentingan ekuiti secara langsung ke atas 8,500,000 Saham AMH yang mewakili 0.16% kepentingan ekuiti dalam AMH. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam Tanjong plc, TGV, TGVP, Kumpulan UTSB serta subsidiari AHM.

LGK, Pengarah silih ganti kepada ARM dalam AMH, turut menjadi pengarah PSIL, Excorp, PanOcean, UTSBM, TCSB, Tanjong plc dan beberapa subsidiari UTSB serta Tanjong plc yang lain. LGK juga merupakan ketua pegawai operasi UTSB dan mempunyai kepentingan ekuiti secara langsung terhadap 1,000,000 Saham AMH yang membentuk 0.02% kepentingan ekuiti dalam AMH. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam Tanjong plc, TGV, TGVP, Kumpulan UTSB serta subsidiari AMH.

2. Kumpulan Maxis

Maxis Broadband dan Maxis Mobile adalah subsidiari milik penuh Maxis yang seterusnya adalah subsidiari dengan pemilikan 64.93% secara tidak langsung oleh MCB.

Setiap satu daripada UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK adalah Pemegang Saham Utama dan turut menjadi pemegang saham utama Maxis dengan anggapan kepentingan ke atas 4,875,000,000 saham biasa bernilai RM0.10 sesaham dalam Maxis ("Saham Maxis") untuk membentuk 64.96% kepentingan ekuiti dalam Maxis, oleh sebab anggapan kepentingannya dalam BGSM yang memegang 100% kepentingan ekuiti dalam MCB yang seterusnya memegang 100% kepentingan ekuiti dalam BGSM Management Sdn Bhd ("BGSM Management"). BGSM Management memegang 100% kepentingan ekuiti dalam BGSM Equity Holdings Sdn Bhd ("BGSM Equity") yang seterusnya memiliki 64.93% kepentingan ekuiti dalam Maxis. Anggapan kepentingan UTSB dalam saham sedemikian timbul menerusi subsidiari milik penuhnya, iaitu Wilayah Resources Sdn Bhd, Tegas Puri Sdn Bhd, Besitang Barat Sdn Bhd dan Besitang Selatan Sdn Bhd, yang memegang sebanyak 37% kepentingan ekuiti dalam BGSM.

Pendedahan Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan

PanOcean memegang 100% kepentingan ekuiti dalam Excorp yang seterusnya memiliki 100% kepentingan ekuiti dalam PSIL. PSIL memegang 99.999% kepentingan ekuiti dalam UTSB. PanOcean merupakan pemegang amanah bagi amanah budi bicara, di mana pemegang amanahnya adalah keluarga TAK serta yayasan yang termasuk untuk tujuan amal. Sungguhpun TAK dan PanOcean dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham Maxis seperti yang diuraikan di atas, mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi atau benefisial ke atas saham tersebut, kerana kepentingan itu adalah tertakluk kepada syarat amanah budi bicara. Sila rujuk Nota 1 untuk kepentingan masing-masing, iaitu UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK dalam AMH.

ARM, yang merupakan Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, serta Pengarah bagi beberapa subsidiari AMH termasuk MBNS dan Astro Radio, turut menjadi pengarah Excorp, PSIL, UTSB, BGSM, MCB dan Maxis. ARM mempunyai kepentingan ekuiti secara langsung terhadap 750,000 Saham Maxis yang membentuk 0.01% kepentingan ekuiti dalam Maxis. ARM tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam subsidiari Maxis dan subsidiari AMH. Sila rujuk Nota 1 untuk kepentingan ARM dalam AMH.

LGK, Pengarah silih ganti kepada ARM dalam AMH, turut menjadi pengarah PSIL, Excorp, PanOcean, Maxis dan beberapa subsidiari Maxis. LGK tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam Kumpulan Maxis serta subsidiari AMH. Sila rujuk Nota 1 untuk kepentingan LGK dalam AMH.

DHB adalah pengarah MBNS. Beliau dianggap mempunyai kepentingan ke atas 462,124,447 Saham AMH yang mewakili 8.88% kepentingan ekuiti dalam AMH, di mana HTSB mempunyai kepentingan disebabkan oleh 25% kepentingan ekuiti secara langsungnya dalam HTSB. Anggaran kepentingan HTSB dalam Saham AMH itu timbul melalui subsidiari milik penuhnya, iaitu Berkat Nusantara Sdn Bhd ("BNSB"), Nusantara Cempaka Sdn Bhd ("NCSB"), Nusantara Delima Sdn Bhd ("NDSB"), Mujur Nusantara Sdn Bhd ("MNSB"), Gerak Nusantara Sdn Bhd ("GNSB") serta Sanjung Nusantara Sdn Bhd ("SNSB") (secara kolektifnya, "Subsidiari HTSB"). Subsidiari HTSB memegang Saham AMH itu di bawah amanah budi bicara bagi objek Bumiputera. Justeru itu beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi dalam Saham AMH yang sedemikian memandangkan kepentingan tersebut dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara. Selain itu, DHB mempunyai anggaran kepentingan ke atas 1,000,000 Saham AMH yang mewakili 0.01% kepentingan ekuiti dalam AMH, disebabkan oleh 99% kepentingan ekuiti secara langsungnya dalam Casa Saga Sdn Bhd ("CSSB").

DHB merupakan pemegang saham utama Maxis dengan anggaran kepentingan terhadap 4,875,000,000 Saham Maxis yang membentuk 64.93% kepentingan ekuiti dalam Maxis disebabkan oleh 25% kepentingan ekuiti secara langsung beliau dalam Harapan Nusantara Sdn Bhd ("HNSB"). Anggaran kepentingan HNSB dalam Saham Maxis terbit menerusi subsidiari milik penuhnya, iaitu Mujur Anggun Sdn Bhd, Cabaran Mujur Sdn Bhd, Anak Samudra Sdn Bhd, Dumai Maju Sdn Bhd, Nusantara Makmur Sdn Bhd, Usaha Kenanga Sdn Bhd dan Tegas Sari Sdn Bhd (secara kolektifnya, "Subsidiari HNSB"), yang memegang sejumlah 30% kepentingan ekuiti dalam BGSM. Subsidiari HNSB memegang anggaran kepentingan mereka dalam Saham Maxis yang sedemikian di bawah amanah budi bicara bagi objek Bumiputera. Justeru itu, DHB tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi ke atas Saham Maxis yang sedemikian kerana kepentingan tersebut adalah tertakluk kepada syarat amanah budi bicara.

3. Kumpulan MGB

MSS adalah subsidiari milik penuh MGB.

TAK adalah Pemegang Saham Utama MGB dengan anggaran kepentingan ke atas 389,933,155 saham biasa bernilai RM0.78 sesaham yang mewakili 100% kepentingan ekuiti dalam MGB yang dipegang melalui MEASAT Global Network Systems Sdn Bhd ("MGNS"), sebuah subsidiari milik penuh MAI Holdings Sdn Bhd di mana beliau mempunyai 99.999% kepentingan ekuiti secara langsung. Oleh itu, TAK juga mempunyai anggaran kepentingan terhadap MSS. Sila rujuk Nota 1 bagi kepentingan TAK dalam AMH.

ARM, yang merupakan Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, serta pengarah bagi beberapa subsidiari AMH termasuk MBNS, turut menjadi pengarah MGB. LGK, pengarah silih ganti kepada ARM dalam AMH, turut menjadi pengarah MBNS. ARM dan LGK tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam saham MGB dan MSS. Sila rujuk Nota 1 di atas bagi kepentingan ARM dan LGK dalam AMH.

4. Kumpulan AHSB

MIPL adalah subsidiari 71.85% milik AOL yang seterusnya dimiliki sepenuhnya oleh AHSB melalui AAAN. CMCL dan CTE pula adalah syarikat bersekutu AOL.

Khazanah merupakan Pemegang Saham Utama dengan anggaran kepentingan ke atas 1,077,735,927 Saham AMH yang membentuk 20.72% kepentingan ekuiti dalam AMH menerusi subsidiari milik penuhnya, PCBV. PCBV dan Khazanah adalah Pemegang Saham Utama AHSB oleh sebab 29.34% kepentingan ekuiti secara langsung PCBV dalam AHSB.

Setiap satu daripada UTSB, PSIL, Excorp dan PanOcean adalah pemegang saham utama AHSB, dengan anggaran kepentingan terhadap 479,619,973 saham biasa bernilai RM0.10 sesaham dalam AHSB ("Saham AHSB") yang mewakili 34.01% kepentingan ekuiti dalam AHSB, dipegang melalui subsidiari milik penuh UTSB, iaitu UTES dan AAME. Sila rujuk Nota 1 di atas untuk kepentingan AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp dan PanOcean dalam AMH.

Pendedahan Urus Niaga **Berulang Pihak Berkaitan**

TAK yang menjadi Pemegang Saham Utama, turut merupakan pemegang saham utama AHSB dengan anggapan kepentingan ke atas 819,082,908 Saham AHSB yang mewakili 58.08% kepentingan ekuiti dalam AHSB. Sila rujuk Nota 1 untuk kepentingan TAK dalam AMH.

DHB yang merupakan Pengarah MBNS, adalah juga Pengarah AHSB, ANM dan AOL. DHB dianggap mempunyai kepentingan terhadap 177,446,535 Saham AHSB yang mewakili 12.58% kepentingan ekuiti dalam AHSB oleh sebab kepentingan ekuiti secara langsung sebanyak 25% dalam HTSB. Anggapan kepentingan HTSB dalam Saham AHSB muncul menerusi Subsidiari HTSB. Subsidiari HTSB memiliki Saham AHSB tersebut di bawah amanah budi bicara untuk objek Bumiputera. Justeru itu, beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam Saham AHSB memandangkan kepentingan sedemikian dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara tersebut. Sila rujuk Nota 2 di atas bagi kepentingan DHB dalam AMH.

ARM yang merupakan Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, turut menjadi pengarah dan ketua pegawai eksekutif kumpulan AHSB dan pengarah Kumpulan AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AHSB dan AOL. Sila rujuk Nota 1 bagi kepentingan ARM dalam AMH.

DRR yang menjadi Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif AMH adalah juga pengarah AOL dan MIPL. Beliau mempunyai kepentingan ekuiti secara langsung ke atas 4,040,000 Saham AMH yang membentuk 0.08% kepentingan ekuiti dalam AMH. Selain itu, beliau mempunyai kepentingan terhadap 3,936,200 Saham AMH yang belum diterbitkan menurut Skim Saham AMH. DRR tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AHSB dan AOL.

DCKY, DKM dan BAC yang merupakan Pengarah AMH, turut menjadi Pengarah AOL. DCKY dan DKM masing-masing mempunyai kepentingan ekuiti secara langsung ke atas 1,000,000 dan 855,600 Saham AMH di mana setiap satu mewakili 0.02% kepentingan ekuiti dalam AMH. BAC tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AMH. DCKY, DKM dan BAC tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AHSB dan AOL.

QBF yang merupakan Pengarah AMH, adalah juga Pengarah AHSB dan PCBV, serta pengarah silih ganti kepada DHB dalam AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AMH, AHSB, AOL dan PCBV. HZM yang pernah menjadi Pengarah AMH, adalah juga Pengarah AHSB dan PCBV, serta pengarah silih ganti kepada DHB dalam AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AMH, AHSB, AOL dan PCBV.

LGK yang merupakan Pengarah silih ganti ARM dalam AMH, turut menjadi pengarah AHSB dan pengarah silih ganti kepada ARM dalam AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AHSB dan AOL. Sila rujuk Nota 1 untuk kepentingan LGK dalam AMH.

5. **Sun TV dan/atau sekutunya**

Sun TV dianggap sebagai Individu yang Berkait dengan AOL menerusi pengaturan usaha sama antara sebuah subsidiari milik penuh AOL dan Sun TV. AOL seterusnya adalah subsidiari milik penuh AHSB.

Setiap satu daripada PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK merupakan pemegang saham utama AHSB. Sila rujuk Nota 1 dan 4 di atas untuk kepentingan PCBV, Khazanah, AAME, UTES, UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK dalam AMH. Mereka tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam Sun TV.

DHB yang menjadi pengarah MBNS, turut merupakan pengarah AHSB dan AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam AHSB, AOL dan Sun TV. Sila rujuk kepada Nota 2 bagi kepentingan DHB dalam AMH.

ARM yang merupakan Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, adalah juga pengarah dan ketua pegawai eksekutif AHSB serta pengarah Kumpulan AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AHSB, AOL dan SunTV. Sila rujuk Nota 1 di atas untuk kepentingan ARM dalam AMH.

DRR yang menjadi Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif AMH, turut merupakan Pengarah AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam AHSB, AOL dan Sun TV. Sila rujuk Nota 4 untuk kepentingan DRR dalam AMH.

DCKY, DKM dan BAC yang merupakan Pengarah AMH, turut menjadi Pengarah AOL. DCKY, DKM dan BAC tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AHSB, AOL dan Sun TV. Sila rujuk Nota 4 untuk kepentingan DCKY, DKM dan BAC dalam AMH.

QBF yang merupakan Pengarah AMH, adalah juga Pengarah AHSB dan PCBV, serta pengarah silih ganti kepada DHB dalam AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AMH, AHSB, AOL, PCBV dan Sun. HZM yang pernah menjadi Pengarah AMH, adalah juga pengarah AHSB dan PCBV, serta pengarah silih ganti kepada DHB dalam AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AMH, AHSB, AOL, PCBV dan Sun TV.

LGK yang merupakan Pengarah silih ganti kepada ARM dalam AMH, turut menjadi pengarah AHSB dan pengarah silih ganti kepada ARM dalam AOL. Beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekuiti dalam AHSB, AOL, dan Sun TV. Sila rujuk kepada Nota 1 bagi kepentingan LGK dalam AMH.

Pendedahan Tambahan

KONTRAK MATERIAL YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN PARA PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Butiran tentang kontrak material yang disertai oleh Kumpulan dan melibatkan para pengarah serta pemegang saham utama dan sama ada masih lagi wujud setakat 31 Januari 2015 atau jika tidak lagi wujud, tetapi dimeterai sejak akhir tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 adalah seperti berikut⁽¹⁾:

	Pihak		Ciri-ciri Umum	Balasan kepada atau daripada Kumpulan AMH	Tarikh Perjanjian/ Tarikh Berkuat kuasa	Kaedah Pembayaran Balasan	Hubungan
	Kumpulan AMH	Pihak Berurus Niaga					
1.	MBNS Multimedia Technologies Sdn Bhd ("MMT")	Advanced Wireless Technologies Sdn Bhd ("AWT")	Pinjaman pemegang saham sebanyak RM33,059,601.83 diberikan oleh MMT kepada AWT	Bekaitan dengan pinjaman pemegang saham yang diberikan oleh MMT kepada AWT: pinjaman berjumlah RM33,059,601.83	24 November 2005 (dipinda oleh perlanjutan perjanjian bertarikh 15 Disember 2010)	Bekaitan dengan pinjaman pemegang saham yang diberikan oleh MMT kepada AWT: Pendahuluan tunai awal sebanyak RM24,166,666 diikuti oleh permodalan faedah terakru sebanyak RM8,892,935.83 menurut perjanjian perlanjutan yang turut melanjutkan pinjaman untuk tempoh lanjutan 5 tahun sehingga 9 Disember 2015.	Sila rujuk Nota 1 di bawah.
		Maxis	Indemniti oleh MMT berpihak kepada bahagian Maxis sebanyak 25% dalam pemegangan saham AWT, bergantung kepada liabiliti maksimum sebanyak RM6,250,000.00, berkaitan dengan jaminan bank yang diberikan kepada Maxis berkenaan obligasi UMTS (Malaysia) Sdn Bhd's (subsidiari milik penuh AWT).	Bekaitan dengan indemniti oleh MMT yang berpihak kepada Maxis: Aku janji dan indemniti oleh MMT terkandung dalam surat indemniti tersebut	20 Ogos 2012	Bekaitan dengan indemniti oleh MMT yang berpihak kepada Maxis: Aku janji dan indemniti oleh MMT terkandung dalam surat indemniti tersebut.	
2.	MBNS	MSS	Pembekalan kapasiti kepada 13 transponder pada satelit MEASAT-3	Yuran perlu dibayar oleh MBNS kepada MSS	18 Jun 2007	Tunai	Sila rujuk Nota 2 di bawah.
3.	MBNS	MSS	Pembekalan kapasiti kepada 6 transponder pada satelit MEASAT-3a	Yuran perlu dibayar oleh MBNS kepada MSS	18 Mei 2009	Tunai	Sila rujuk Nota 2 di bawah.

Pendedahan **Tambahan**

	Pihak		Ciri-ciri Umum	Balasan kepada atau daripada Kumpulan AMH	Tarikh Perjanjian/ Tarikh Berkuat kuasa	Kaedah Pembayaran Balasan	Hubungan
	Kumpulan AMH	Pihak Berurus Niaga					
4.	MBNS	MEASAT International (South Asia) Ltd ("MISA")	Pembekalan kapasiti kepada 18 transponder pada satelit MEASAT-3b	Yuran perlu dibayar oleh MBNS kepada Measat International (South Asia) Ltd	11 Mei 2012	Tunai	Sila rujuk Nota 2 di bawah.
5.	MBNS	MSS	Pembekalan kapasiti kepada 6 transponder pada satelit MEASAT-3c	Yuran perlu dibayar oleh MBNS kepada MSS	15 Mei 2013	Tunai	Sila rujuk Nota 2 di bawah.

⁽¹⁾ Sila ambil perhatian bahawa urus niaga yang bersifat berulang yang disertai oleh Kumpulan AMH antara 1 Februari 2014 dan 31 Januari 2015 yang melibatkan kepentingan para pengarah atau pemegang saham utama kami telah dinyatakan pada muka surat 237 – 246 dalam Laporan Tahunan ini.

Pendedahan lanjut berkaitan dengan pinjaman para pemegang saham yang disediakan oleh MMT kepada AWT dikenal pasti pada item 1 dalam jadual di atas:

Pihak		Tujuan Pinjaman	Jumlah Pinjaman	Kadar Faedah	Syarat tentang pembayaran faedah dan pembayaran balik pinjaman pokok	Hubungan
Pemberi Pinjaman	Peminjam					
MMT	AWT	Pinjaman pemegang saham	RM33,059,601.83	1% setahun melebihi kadar pinjaman asas Malayan Banking Berhad	Pembayaran balik pinjaman pokok dan faedah atas permintaan selaras dengan syarat aku janji (seperti yang diuraikan di bawah) atau sehingga dituntut, pada 9 Disember 2015 yang merupakan ulang tahun kelima bermulanya lanjutan tempoh berikutan perlanjutan perjanjian pinjaman. MMT boleh menuntut dengan memberi enam (6) bulan notis kepada AWT: (a) pembayaran balik sepenuhnya jika: (i) MMT tidak lagi menjadi pemegang saham AWT melainkan pemindahan saham adalah pemindahan yang dibenarkan kepada sekutunya menurut perjanjian pemegang saham berhubung dengan saham AWT; atau (ii) MMT mendapat nasihat perundangan bahawa pinjaman ini melanggar undang-undang atau garis panduan kerajaan; (b) pembayaran balik yang mengikut kadar jika MMT mengurangkan pemilikan sahamnya dalam AWT secara sepadan.	Sila rujuk Nota 1 di bawah

NOTA KEPADA PENDEDAHAN KONTRAK MATERIAL (setakat 30 April 2015):

1. Kumpulan Maxis

AWT adalah subsidiari 75% milik Maxis dengan 25% baki kepentingan ekuiti dimiliki oleh MMT, sebuah subsidiari milik penuh AMH. Maxis pula adalah subsidiari 64.93% milik MCB.

UTSB, PSIL, Excorp, PanOcean dan TAK yang merupakan Pemegang Saham Utama, adalah juga pemegang saham utama Maxis. Sila rujuk Nota 1 dan 2 pada muka surat 244 dan 245 berkenaan kepentingan mereka masing-masing dalam AMH dan Maxis.

ARM yang menjadi Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, turut merupakan Pengarah Maxis. Sila rujuk Nota 1 dan 2 pada muka surat 244 dan 245 berkenaan kepentingan ARM dalam AMH dan Maxis.

LGK yang merupakan Pengarah silih ganti kepada ARM dalam AMH, adalah juga pengarah Maxis. Sila rujuk Nota 1 dan 2 pada muka surat 244 dan 245 berkenaan kepentingan LGK dalam AMH dan Maxis.

2. Kumpulan MGB

MSS dan MISA adalah subsidiari milik penuh MGB. MBNS merupakan subsidiari milik penuh AMH.

TAK, yang menjadi Pemegang Saham Utama AMH, adalah juga pemegang saham utama MGB. Sila rujuk Nota 1 dan 3 pada muka surat 244 dan 245 berkenaan kepentingan TAK dalam AMH dan Kumpulan MGB.

ARM yang merupakan Pengarah dan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif AMH, turut menjadi pengarah MGB. Sila rujuk Nota 1 dan 3 pada muka surat 244 dan 245 berkenaan kepentingan ARM dalam AMH dan Kumpulan MGB.

LGK yang merupakan Pengarah silih ganti kepada ARM dalam AMH, adalah juga pengarah MEASAT Global Network Systems Sdn Bhd (syarikat induk MGB). Sila rujuk Nota 1 dan 3 pada muka surat 244 dan 245 berkenaan kepentingan LGK dalam AMH dan Kumpulan MGB.

Pendedahan Tambahan

SKIM SAHAM PENGURUSAN

Maklumat terperinci mengenai Skim Saham Syarikat dikemukakan dalam Nota 7 Penyata Kewangan diaudit bagi TK15 pada muka surat 165 hingga 169 dalam Laporan Tahunan ini.

Menurut Lampiran 9C Bahagian A Seksyen 27*a) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, jumlah bilangan saham yang diberikan, diletak hak dan diterbitkan menurut Skim Saham Syarikat sejak ia bermula sehingga TK15 adalah seperti berikut:

Jumlah bilangan saham diberikan : 38,440,600
 Jumlah bilangan saham diletak hak : 3,428,400
 Jumlah bilangan saham diterbitkan : 28,352,500⁽¹⁾

Dengan pengecualian terhadap Dato' Rohana Rozhan, Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Syarikat (seperti yang dinyatakan di bawah), tidak ada Pengarah Syarikat yang lain diberikan saham menurut Skim Saham:

Nama	Diberi	Diletak Hak	Diterbitkan
Dato' Rohana Rozhan	5,376,200	1,440,000	3,936,200

(1) Tidak termasuk saham yang diberikan kepada kakitangan disebabkan tidak menerima tawaran, meletak jawatan dan pemberhentian kerja, kakitangan yang tidak memenuhi penarafan prestasi individu dan di bawah kes tatatertib yang selaras dengan Undang-undang Kecil yang mentadbir Skim Saham Pengurusan.

Butiran tentang saham yang diberikan di bawah Skim Saham kepada Pengarah Eksekutif/CEO dan pihak pengurusan kanan sejak bermulanya Skim Saham dan semasa TK15 adalah seperti berikut:

- Terdapat peruntukan maksimum yang boleh diguna pakai kepada para Pengarah dan pihak pengurusan kanan. Walau bagaimanapun, Seksyen 4.1 Undang-undang Kecil yang mentadbir Skim Saham mensyaratkan bahawa tidak lebih daripada 10% saham yang tersedia di bawah Skim Saham hendaklah diperuntukkan kepada mana-mana individu kakitangan yang layak, sama ada secara orang perseorangan atau secara kolektif dengan orang yang berkait, memegang 20% atau lebih modal saham diterbitkan dan membayar Syarikat.
- Peratus sebenar yang diberikan kepada Pengarah Eksekutif/CEO dan pihak pengurusan kanan sejak bermulanya Skim Saham dan semasa TK15 adalah masing-masing sebanyak 29.84% dan 39.80%.

PENGUNAAN HASIL PEROLEHAN DARIPADA CADANGAN KORPORAT

Pada 19 Oktober 2012, keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan membayar AMH telah tersenarai di Pasaran Utama Bursa Securities. AMH menerima perolehan kasar sebanyak RM1,422.9 juta daripada terbitan awam tersebut. Pada 30 April 2015, hasil perolehan kasar berjumlah RM1,422.9 juta daripada terbitan awam tersebut digunakan secara berikut:

Pembayaran balik peminjaman bank : RM500.0 juta
 Perbelanjaan modal : RM690.0 juta
 Modal kerja : RM112.9 juta
 Perbelanjaan untuk IPO dan penyenaraian : RM60.0 juta

Penggunaan ini adalah selaras dengan kelulusan yang diberikan oleh Suruhanjaya Securities bertarikh 19 September 2012.

PENGENAAN SEKATAN/DENDA

Pada 9 May 2014, MCMC telah mengeluarkan kepada MBSB, sebuah subsidiari milik penuh AMH, kompaun sebanyak RM10,000 kerana melanggar Seksyen 6.1 syarat lesen dan Seksyen 3 subseksyen 4.1 (xviii) Kod Kandungan. MBNS telah membuat rayuan terhadap kompaun tersebut pada 19 Mei 2014 dan sehingga kini, tidak ada tindakan lanjut oleh MCMC.

Pada 16 Mac 2015, MCMC telah mengenakan kompaun RM10,000 terhadap MBNS kerana melanggar Seksyen 3 subseksyen 5.1 Kod Kandungan dan kompaun ini telahpun dibayar. Pada tarikh yang sama, MCMC telah mengenakan kompaun sebanyak RM20,000 terhadap MBSB kerana melanggar (i) Seksyen 10.2 syarat lesen khas dan (ii) melanggar subseksyen 206(3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. MBNS telah membuat rayuan terhadap kompaun ini pada 2 April 2015 dan sehingga kini, tiada sebarang perkembangan lanjut.

Kecuali seperti apa yang dinyatakan di atas, tidak ada sekatan dan denda yang dikenakan terhadap Kumpulan, para Pengarah atau pihak Pengurusan oleh badan kawal selia yang berkaitan.

Glosari

AAAN	Astro All Asia Networks Limited
AAME	All Asia Media Equities Limited
AC	Jawatankuasa Audit
Adex	Perbelanjaan pengiklanan. Umumnya digunakan untuk merujuk kepada jumlah perbelanjaan pengiklanan dalam pasaran secara keseluruhan
AESB	Astro Entertainment Sdn Bhd
AGM	Mesyuarat Agung Tahunan
AGSB	Astro GS Shop Sdn Bhd
AHSB	Astro Holdings Sdn Bhd
AOD	Astro on Demand
AOL	ASTRO Overseas Limited
AOTG	Astro on the Go, perkhidmatan yang melebihi kebiasaan (over-the-top) bagi menonton kandungan linear dan atas permintaan Astro pada PC dan peranti pintar
App	Aplikasi, digunakan bagi merujuk kepada aplikasi digital pada PC dan peranti pintar
APSB	Astro Productions Sdn Bhd
ARM	Augustus Ralph Marshall
ARPU	Hasil Purata Setiap Pengguna. ARPU ialah hasil purata bulanan setiap kediaman pelanggan TV berbayar (tidak termasuk NJOI, pelanggan TV satelit bukan langganan kami). ARPU dikira dengan membahagikan hasil purata bulanan yang diperolehi daripada pelanggan kediaman TV berbayar yang aktif sepanjang tahun/tempoh kewangan dengan bilangan purata bulanan pelanggan kediaman TV berbayar yang aktif semasa tahun/tempoh kewangan
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
Astro Arena	Astro Arena Sdn Bhd
Astro Awani	Astro Awani Network Sdn Bhd
Astro Digital Publications/ADPSB	Astro Digital Publications Sdn Bhd
Astro Radio	Astro Radio Sdn Bhd
Astro Shaw	Astro Shaw Sdn Bhd
Astro/AMH/Company	Astro Malaysia Holdings Berhad
B2B	Perniagaan ke perniagaan
B2C	Daripada perniagaan kepada pengguna
BAC	Bernard Anthony Cragg
BEE	Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah
BGSM	Binariang GSM Sdn Bhd
Lembaga	Board of Directors of AMH
Bursa Securities	Bursa Malaysia Securities Berhad
CA	Jaminan Korporat
CAGR	Kadar pertumbuhan tahunan terkompau
Capex	Perbelanjaan modal
CEO	Ketua Pegawai Eksekutif
CG	Tadbir Urus Korporat
Pulangan Pelanggan	Bilangan pelanggan sepanjang tempoh yang diberikan di mana langganan mereka telah ditamatkan sama ada secara sukarela atau secara terpaksa (kerana tidak membayar), tanpa memasukkan penyambungan semula dalam tempoh masa yang diberikan
CMCL	Celestial Movie Channel Limited
COBE	Tataetika Perniagaan

CPM	Kos per seribu. Suatu metrik bagi mengira kos relatif bagi sesebuah kempen pengiklanan atau sesuatu iklan mengikut mediumnya
CTE	Celestial Tiger Entertainment Limited
DCKY	Datuk Chin Kwai Yoong
DHB	Dato' Haji Badri Bin Haji Masri
DKM	Dato' Mohamed Khadar Bin Merican
DRR	Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan
DTH	Terus ke Rumah
Satelit DTH	Sebuah satelit yang boleh berupaya memancarkan khidmat siaran kepada peralatan penerimaan di premis pengguna akhir. Satelit ini secara umumnya berada dalam orbit geopegun dan menggunakan frekuensi dalam jalur Ku berkuasa tinggi, yang membenarkan penerimaan langsung menggunakan piring satelit kecil yang telah terpasang
E-dagang	Elektronik dagang adalah istilah transaksi perniagaan atau perdagangan yang melibatkan pemindahan maklumat merentasi Internet
EBIT	Perolehan sebelum faedah dan cukai
EBITDA	Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (tetapi tidak termasuk pelunasan perpustakaan filem dan hak program yang dibelanjakan sebagai sebahagian daripada kos jualan) dan perkongsian keputusan selepas cukai daripada pelaburan yang dimasukkan kira menggunakan kaedah ekuiti
EPG	Panduan Program Elektronik
Excorp	Excorp Holdings N.V.
FCF	Aliran tunai bebas
Jalur lebar gentian optik	Jalur lebar yang disampaikan melalui rangkaian gentian optik, dengan had arus yang praktikal sehinggalah 1000 Mbps, tetapi lazimnya diguna untuk menyampaikan jalur lebar di bawah 30 hingga 40 Mbps
FM	Modulasi frekuensi yang biasanya merujuk kepada penyampaian muzik dan ucapan melalui siaran radio terrestrial
TK14	Tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014
TK15	Tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015
TK16	Tahun kewangan berakhir 31 Januari 2016
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
Kumpulan	Astro Malaysia Holdings Berhad dan subsidiarinya
HD	Berdefinisi tinggi, lazimnya merujuk kepada TV atau video pada resolusi sama ada 720p, 1080i atau 1080
HTSB	Harapan Terus Sdn Bhd
HZM	Hisham Bin Zainal Mokhtar
INED	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Internet	Suatu rangkaian komputeryang amat luas menghubungkan rangkaian komputer yang lebih kecil di serata dunia. Internet meliputi rangkaian komersial, pendidikan, kerajaan dan rangkaian lain, di mana kesemuanya menggunakan set protokol komunikasi yang sama
IP	Harta intelek
IPO	Tawaran awam awal sehingga 1,518,300,000 saham biasa dalam AMH, merangkumi terbitan awam dan tawaran untuk jualan
IPTV	TV Protokol Internet, secara umumnya merujuk kepada TV digital berbilang saluran yang disebarkan menerusi rangkaian protokol Internet terurus dengan pengendalian kualiti perkhidmatan dan lebar jalur khusus

IR	Perhubungan Pelabur
IT	Teknologi Maklumat
Khazanah	Khazanah Nasional Berhad
Ku band	Spektrum frekuensi gelombang mikro dalam julat 10.7 GHz hingga 14.8 GHz, lazimnya dikhaskan dan digunakan untuk komunikasi berasaskan satelit dan perkhidmatan penyiaran, seperti perkhidmatan TV satelit DTH
LGK	Lim Ghee Keong
Keperluan Penyenaraian	Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities
Pemegang Saham Utama	Pemegang saham utama Kumpulan seperti yang ditakrifkan dalam Bab 1 Keperluan Penyenaraian
Pulangan Pelanggan MAT	Pulangan Pelanggan MAT (jumlah tahunan bergerak) dikira dengan membahagikan jumlah Pulangan Pelanggan sepanjang tempoh 12 bulan yang lalu dengan purata pangkalan pelanggan kediaman yang aktif selama tempoh yang sama
Maxis	Maxis Berhad
Maxis Broadband	Maxis Broadband Sdn Bhd
Maxis Mobile	Maxis Mobile Services Sdn Bhd
MBNS	MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd
MCB	Maxis Communications Berhad
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MEASAT-3/M3	Satelit-3 Asia Timur Malaysia yang pada masa ini menyiarkan perkhidmatan TV langganan dan bukan langganan pelbagai saluran DTH Astro Malaysia kepada Malaysia dan Brunei, pada kedudukan 91.5 darjah ke timur orbit geopegun
MEASAT-3a	Satelit yang berkongsi kedudukan dengan MEASAT-3
MEASAT-3b	Satelit yang berkongsi kedudukan dengan MEASAT-3 dan MEASAT-3a
MEASAT-3c	Satelit yang akan dilancarkan tidak lama lagi, berkongsi kedudukan dengan MEASAT-3, MEASAT-3a dan MEASAT-3b
MFRS	Piawain Pelaporan Kewangan Malaysia
MGB	MEASAT Global Berhad
MIPL	Media Innovations Pte Ltd
MSS	MEASAT Satellite Systems Sdn Bhd
NCGC	Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat
NED	Pengarah Bukan Eksekutif
NJOI	Perkhidmatan TV satelit DTH percuma bukan berasaskan langganan Astro
Opex	Perbelanjaan operasi
OTT	<i>Over-the-Top</i> , merujuk kepada keupayaan untuk menyampaikan perkhidmatan kepada pengguna akhir melalui rangkaian pihak ketiga atau Internet terbuka, lazimnya merujuk kepada perkhidmatan video
PanOcean	PanOcean Management Limited
PAT	Keuntungan selepas cukai
PATAMI	Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti
PBT	Keuntungan sebelum cukai
PC	Komputer peribadi
PCBV	Pantai Cahaya Bulan Ventures Sdn Bhd
Individu yang Berkait	Orang yang Berkait dengan seseorang Pengarah atau Pemegang Saham Utama Kumpulan seperti yang ditakrifkan dalam Bab 1 Keperluan Penyenaraian
PIMS	Pinewood Iskandar Malaysia Studios
PSIL	Pacific States Investment Limited

PSU	Unit Saham Prestasi
PVR	Perakam Video Peribadi, merujuk kepada STB dengan pemacu cakera keras dipasang di dalamnya, di mana rakaman isyarat siaran TV merentasi STB boleh disimpan dan ditonton kemudiannya
QBF	Quah Bee Fong
Radex	Perbelanjaan pengiklanan radio. Secara umumnya digunakan untuk merujuk kepada jumlah perbelanjaan pengiklanan dalam pasaran radio secara keseluruhannya
RC	Jawatankuasa Imbuhan
RM	Ringgit Malaysia
RPT	Urus Niaga Pihak Berkaitan
RRPT	Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan
RSU	Unit Saham Terbatas
SD	Definisi standard, lazimnya merujuk kepada TV atau video dengan resolusi 625 garis resolusi selang-seli, diperolehi daripada Garis Ulang-Alik Fasa ("PAL") yang dibangunkan di Eropah serta Sistem Memori Urutan Warna dan 525 garis selang-seli berdasarkan sistem Jawatankuasa Sistem Televisyen Kebangsaan Amerika. Garis 625 PAL telah diguna pakai sebagai standard SD di Malaysia
PKS	Perusahaan bersaiz kecil dan sederhana
SMS	Perkhidmatan pesanan ringkas; suatu perkhidmatan di mana pengguna telefon mudah alih boleh menghantar dan menerima pesanan teks
STB	Kotak set-top
STL	Liga Sepak Takraw
Sun TV	Sun TV Network Limited
SVOD	Video langganan atas permintaan
TAK	Ananda Krishnan Tatparanandam
Tanjong plc	Tanjong Public Limited Company
Tayangan Unggul	Tayangan Unggul Sdn Bhd
TCSB	Tanjong Capital Sdn Bhd
TGV	TGV Cinemas Sdn Bhd
TGVP	TGV Pictures Sdn Bhd
TIME	TT dotCom Sdn Bhd
Jumlah Pinjaman	Pinjaman bertempoh dan pajakan kewangan, tidak termasuk pembiayaan vendor
Transponder	Peranti yang dilekap kepada satelit yang menerima, menukar dan memancar semula isyarat frekuensi radio
TV	Televisyen
Isi Rumah TV	Isi rumah dengan sekurang-kurangnya satu set TV
UTES	Usaha Tegas Entertainment Systems Sdn Bhd
UTP	UT Projects Sdn Bhd
UTSB	Usaha Tegas Sdn Bhd
UTSBM	UTSB Management Sdn Bhd
VOD	Video-on-Demand (Video atas Permintaan) adalah ungkapan yang lazim untuk perkhidmatan di mana pengguna boleh memilih program daripada menu atau senarai, dan boleh segera menontonnya dari mula. Penyampaian VOD ini biasanya ialah unisair - kaedah penyampaian satu kepada satu, berlawanan dengan siaran, di mana kaedah penyampaiannya adalah satu kepada ramai
YoY	Tahun ke Tahun
24/7	24 jam sehari, tujuh hari seminggu
3D	Tiga dimensi merujuk kepada program yang menyampaikan penglihatan timbul buat penonton

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (“Syarikat”) akan diadakan pada hari Rabu, 17 Jun 2015 pada pukul 9.30 pagi di Grand Ballroom, Aras 3A, Connexion@Nexus, Nexus, Bangsar South City, No. 7, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur bagi tujuan-tujuan berikut:

SEBAGAI URUSAN BIASA

1. Untuk mempertimbangkan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit.
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 1)
2. Untuk mengisytiharkan Dividen Akhir Peringkat Satu sebanyak 2.0 sen seunit saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015. **Resolusi 1**
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 2)
3. Untuk melantik semula Pengarah Syarikat berikut, yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 111 Tataurus Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk perantikan semula:
 - (i) Bernard Anthony Cragg **Resolusi 2**
 - (ii) Dato’ Mohamed Khadar Bin Merican **Resolusi 3**
 - (iii) Datuk Chin Kwai Yoong **Resolusi 4**
 (Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 3)
4. Untuk melantik semula Quah Bee Fong yang telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 24 April 2015 menurut Artikel 118 Tataurus Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan dirinya untuk perantikan semula. **Resolusi 5**
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 3)
5. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat untuk memegang jawatan daripada tempoh tamatnya mesyuarat ini sehingga berakhirnya mesyuarat agung tahunan yang berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **Resolusi 6**
(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 4)

SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya difikirkan wajar, meluluskan Resolusi-resolusi Biasa berikut, dengan atau tanpa pengubahsuaian:

6. Pengekalan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif . **Resolusi 7**
 “BAHAWA kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada Dato’ Mohamed Khadar Bin Merican, yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif selama tempoh kumulatif yang melebihi sembilan (9) tahun, bagi beliau terus memainkan peranan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat sehingga berakhirnya mesyuarat agung tahunan yang berikutnya”.
 (Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 5)
7. Pengekalan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif . **Resolusi 8**
 “BAHAWA kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada Datuk Chin Kwai Yoong yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif selama tempoh kumulatif yang melebihi sembilan (9) tahun, bagi beliau terus memainkan peranan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat sehingga berakhirnya mesyuarat agung tahunan yang berikutnya”.
 (Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 5)

8. Pembaharuan Kuasa bagi para Pengarah untuk menerbitkan saham biasa menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965.

Resolusi 9

“BAHAWA tertakluk kepada Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 (“Akta”), Tataurusan Syarikat, dan kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa kerajaan/pengawalseliaan yang berkaitan di mana kelulusan sedemikian diperlukan, para Pengarah Syarikat adalah dan dengan ini dibenarkan serta diberi kuasa untuk menerbitkan dan memperuntukkan saham biasa baharu dalam Syarikat:

- (i) pada bila-bila masa, berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat serta untuk tujuan-tujuan sedemikian menurut budi bicara mutlak para Pengarah sebagaimana yang dianggap sesuai; dan/atau
- (ii) menurut sebarang tawaran, perjanjian, opsyen, atau sebarang instrumen lain (secara kolektif dinyatakan sebagai “Instrumen”) yang akan dilaksanakan, diberikan atau diterbitkan oleh mereka (mengikut mana yang berkenaan), sambil kelulusan di bawah resolusi ini kekal berkuat kuasa, DAN BAHAWA para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa selanjutnya untuk melaksanakan, memberikan atau menerbitkan Instrumen tersebut yang akan atau mungkin memerlukan saham biasa baru yang diterbitkan dalam Syarikat selepas luputnya kelulusan ini;

dengan syarat bahawa

- (i) nilai nominal agregat saham yang akan diterbitkan selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah resolusi ini, dan/atau saham yang mampu diterbitkan daripada Instrumen sepanjang 12 bulan sebelumnya (dikira mengikut Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”)), tidak melebihi 10% daripada nilai nominal modal saham terbitan dan berbayar Syarikat (tidak termasuk saham perbendaharaan) pada masa penerbitan saham atau semasa penerbitan, pelaksanaan atau pemberian Instrumen, dan
- (ii) bagi tujuan menentukan bilangan saham yang mampu diterbitkan daripada Instrumen tersebut, setiap Instrumen dianggap sebagai peningkatan terhadap bilangan maksimum saham di mana ia boleh ditukar atau dilaksanakan,

dan penguatkuasaan tersebut di bawah resolusi ini akan terus berlanjutan sehingga berakhirnya mesyuarat agung tahunan Syarikat yang berikutnya atau apabila ia disyaratkan oleh undang-undang untuk mengadakan mesyuarat agung, yang mana lebih awal, dan bahawa:

- (a) kelulusan dan kuasa diberikan kepada para Pengarah Syarikat untuk mengambil sebarang tindakan yang mungkin perlu dan/atau wajar untuk menguatkuasakan resolusi ini dan sehubungan dengan itu untuk mempersetujui dan melaksanakan sebarang instrumen, perjanjian dan/atau persetujuan bagi pihak Syarikat dengan mana-mana pihak, dan dengan kuasa penuh mempersetujui sebarang syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan (jika ada) yang berkaitan dengannya; dan
- (b) para Pengarah Syarikat adalah dan turut diberi kuasa untuk mendapatkan, jika perlu, kelulusan bagi penyenaraian dan sebut harga bagi saham tambahan yang akan atau telah diterbitkan oleh Bursa Securities.”

(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 6)

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

9. Pembaharuan Kuasa Kepada Syarikat Untuk Membeli Saham Syarikat Sendiri sehingga 10% daripada Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar. **Resolution 10**

“BAHAWA, tertakluk kepada pematuhan terhadap semua undang-undang yang boleh diterima pakai (sepertimana yang mungkin dipinda, diubahsuai atau digubal semula dari semasa ke semasa), tataurusan Syarikat, serta peraturan-peraturan dan garis panduan yang diguna pakai oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) dari semasa ke semasa dan/atau mana-mana pihak pengawalselia lain yang berkaitan:

- (a) kelulusan adalah dan dengan ini diberi kepada Syarikat untuk membeli saham-saham biasa yang diterbitkan dan berbayar dalam Syarikat (“Saham”) yang disenaraikan di Bursa Securities (sepertimana yang ditentukan oleh para Pengarah Syarikat) (“Cadangan Pembelian Balik Saham”) mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh para Pengarah Syarikat menurut pertimbangan mereka yang wajar dan perlu demi kepentingan Syarikat dengan syarat bahawa:
 - (i) bilangan agregat Saham yang akan dibeli dan/atau dipegang oleh Syarikat menurut resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah modal saham terbitan dan berbayar Syarikat pada masa pembelian; dan
 - (ii) jumlah maksimum dana yang akan digunakan untuk tujuan Cadangan Pembelian Balik Saham tidak melebihi agregat keuntungan Syarikat dan/atau akaun premium saham Syarikat;
- (b) kelulusan yang diberikan oleh resolusi ini akan terus berkuatkuasa sehingga:
 - (i) berakhirnya mesyuarat agung tahunan Syarikat yang berikutnya;
 - (ii) luputnya tempoh di mana mesyuarat agung tahunan Syarikat yang berikutnya perlu diadakan menurut undang-undang; atau
 - (iii) kelulusan ini ditarik balik atau diubah menerusi resolusi biasa yang diluluskan oleh para pemegang saham Syarikat pada mesyuarat agung, yang mana lebih awal;
- (c) kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada para Pengarah Syarikat mengikut budi bicara mutlak mereka untuk menguruskan Saham yang dibeli oleh Syarikat mengikut cara-cara berikut:
 - (i) untuk membatalkan kesemua atau sebahagian daripada Saham sedemikian;
 - (ii) untuk mengekalkan kesemua atau sebahagian daripada Saham tersebut sebagai saham perbendaharaan;
 - (iii) untuk mengekalkan kesemua atau sebahagian daripada Saham tersebut sebagai saham perbendaharaan dan kemudiannya membatalkan, menjual semula di Bursa Securities atau mengedarkannya sebagai dividen, kesemua atau sebahagian daripada saham perbendaharaan tersebut; dan/atau
 - (iv) untuk menguruskan menerusi sebarang cara lain sepertimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang yang boleh diguna pakai dan/atau peraturan-peraturan dan garis panduan yang digunakan dari semasa ke semasa oleh Bursa Securities dan/atau mana-mana pihak berkuasa lain yang berkuatkuasa pada masa itu;

Notis **Mesyyuarat Agung Tahunan**

- (d) kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada para Pengarah Syarikat untuk mengambil semua tindakan yang diperlukan dan/atau wajar bagi menguatkuasakan resolusi ini dan, yang berkaitan dengannya:
- (i) untuk memeterai dan melaksanakan, menandatangani dan menyampaikan bagi pihak Syarikat, sebarang dokumen, perjanjian dan/atau pengaturan dengan mana-mana pihak, dan dengan kuasa penuh dalam semua keadaan memiliki kuasa penuh untuk mempersetujui kepada sebarang syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan kepadanya, sebagaimana para Pengarah beranggapan wajar dan perlu demi kepentingan terbaik Syarikat; dan
 - (ii) untuk melakukan segala tindakan dan perkara yang dianggap sesuai serta wajar oleh para Pengarah Syarikat demi kepentingan terbaik Syarikat.

(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 7)

NOTIS KELAYAKAN DIVIDEN DAN TARIKH PEMBAYARAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham Syarikat pada Mesyyuarat Agung Tahunan Ketiga ("AGM") yang akan diadakan pada 17 Jun 2015, dividen akhir peringkat satu sebanyak 2.0 sen sesaham biasa bernilai 10.0 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015 akan dibayar pada 16 Julai 2015 kepada para Pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada waktu penutupan urusaniaga pada 2 Julai 2015.

Pendeposit akan layak untuk menerima dividen hanya sekiranya:

- (a) saham-saham yang dipindahkan kepada akaun sekuriti Pendeposit sebelum pukul 4.00 petang pada 2 Julai 2015 berkaitan dengan pemindahan; dan
- (b) saham-saham yang dibeli di Bursa Securities berasaskan kelayakan menurut Peraturan Bursa Securities.

MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

LIEW WEI YEE SHARON (LS7908)
Setiasaha Syarikat

19 Mei 2015
Kuala Lumpur

NOTA-NOTA PENJELASAN**1) Penyata Kewangan Beraudit serta Laporan Pengarah dan Juruaudit**

Akta Syarikat, 1965 mengkehendaki para Pengarah membentangkan kepada Syarikat dalam mesyyuarat agung, Penyata Kewangan Beraudit (yang terdiri daripada akaun untung rugi, kunci kira-kira serta laporan Pengarah dan Juruaudit yang dilampirkan bersama). Penyata kewangan beraudit serta laporan Pengarah dan Juruaudit akan dibentangkan sewajarnya di hadapan Syarikat pada mesyyuarat agung tahunan ("AGM") ini untuk pertimbangan para pemegang saham. Para pemegang saham tidak perlu meluluskan sebarang dokumen tersebut dan oleh itu, perkara tersebut tidak akan diketengahkan untuk undian.

2) Dividen Akhir Peringkat Satu

Para Pengarah telah mencadangkan Dividen Akhir Peringkat Satu sebanyak 2.0 sen sesaham biasa berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015. Sekiranya diluluskan, dividen ini akan dibayar pada 16 Julai 2015 kepada para pemegang saham yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit pada waktu penutupan urusaniaga pada 2 Julai 2015.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

3) Pelantikan Semula Pengarah

Menurut Perkara 111 Tataurusyen Syarikat, Bernard Anthony Cragg, Dato' Mohamed Khadar Bin Merican dan Datuk Chin Kwai Yoong, akan bersara mengikut giliran pada AGM ini dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula.

Lembaga Pengarah telah menilai terhadap Pengarah-pengarah masing-masing menerusi penilaian keberkesanan lembaga pengarah tahunan, dan ia merupakan pendapat kolektif bahawa mereka telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan bertindak demi kepentingan Syarikat.

Quah Bee Fong yang telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 24 April 2015. Menurut Perkara 118 Tataurusyen Syarikat, beliau akan bersara pada AGM ini dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk pelantikan semula.

Sila rujuk kepada Bahagian A Penyata Mengiringi Notis AGM.

4) Pelantikan Semula Juruaudit

Pada setiap mesyuarat agung, sesebuah syarikat hendaklah melantik seseorang untuk menjadi juruaudit Syarikat tersebut dan mana-mana juruaudit yang dilantik hendaklah berkhidmat sehingga berakhirnya AGM syarikat yang berikutnya. PricewaterhouseCoopers ("PwC"), juruaudit Syarikat telah bersetuju untuk dilantik semula sebagai juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Januari 2016. Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Audit, telah mengkaji prestasi dan kebebasan PwC dan telah mencadangkan agar mereka dikekalkan sebagai juruaudit Syarikat untuk memegang jawatan sebagai juruaudit Syarikat dari tamatnya AGM ini sehinggalah berakhirnya AGM yang berikutnya.

5) Pengekalan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Mohamed Khadar Bin Merican ("DKM") dan Datuk Chin Kwai Yoong ("DCKY") merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Astro All Asia Networks Limited ("AAAN"), masing-masing sejak Ogos 2003 dan Mac 2006. AAAN merupakan bekas syarikat pegangan yang memiliki pegangan majoriti perniagaan kumpulan sebelum penubuhan Syarikat pada Mac 2011. Selaras dengan tujuan dan maksud Cadangan 3.3 dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012, tempoh pelantikan DKM dan DCKY sebagai Pengarah Bebas dianggap telah melepasi tempoh terkumpul selama sembilan (9) tahun.

Pada mesyuarat agung tahunan yang lepas yang diadakan pada 19 Jun 2014, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan pengekalan DKM sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sehingga berakhirnya AGM ini.

Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat, telah menjalani penilaian terhadap kebebasan para Pengarah Bebas Syarikat, termasuk DKM dan DCKY daripada penilaian keberkesanan lembaga tahunan. Berdasarkan penilaian tersebut, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa DKM dan DCKY terus mengekalkan kebebasan atas dasar berikut:

- (i) mereka dapat membuat pertimbangan secara bebas dan bertindak demi kepentingan Syarikat;
- (ii) mereka memiliki pengetahuan yang terperinci tentang perniagaan syarikat dan telah membuktikan komitmen, pengalaman dan kecekapan untuk menasihati dan memantau pengurusan Syarikat dengan berkesan;
- (iii) mereka adalah bebas daripada pihak pengurusan dan bebas daripada mana-mana perniagaan atau hubungan lain yang boleh mengganggu pelaksanaan pertimbangan secara bebas atau keupayaan untuk bertindak demi kepentingan Syarikat; dan
- (iv) secara sukarela mereka telah menarik diri daripada menyertai sebarang perbincangan dan dalam membuat keputusan tentang perkara-perkara di mana mereka mempunyai konflik kepentingan.

Untuk tujuan penjelasan, tertakluk kepada kelulusan Resolusi 3 dan 4, DKM dan DCKY akan dilantik semula sebagai Pengarah-pengarah Bukan Bebas Eksekutif Bukan Syarikat sekiranya kelulusan untuk Resolusi 7 dan 8 ditahan atas apa juga sebab.

6) Pembaharuan Kuasa bagi para Pengarah untuk Menerbitkan Saham Biasa

Pada mesyuarat agung tahunan yang diadakan pada 19 Jun 2014, para pemegang saham Syarikat telah meluluskan satu resolusi untuk memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbitkan saham biasa baru dalam Syarikat, menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, sehingga agregat yang tidak melebihi 10% daripada modal saham Syarikat terbitan dan berbayar (tidak termasuk saham perbendaharaan), buat masa ini bagi tujuan sepertimana yang dianggap oleh para Pengarah demi kepentingan Syarikat ("Mandat Am").

Sekiranya Resolusi 9 diluluskan, ia akan memperbaharui kuasa dan terus memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 untuk menerbitkan saham biasa baru dalam Syarikat.

Sila rujuk kepada Bahagian B Penyata Mengiringi Notis AGM untuk butiran lanjut tentang cadangan pembaharuan Mandat Am.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan

7) Pembaharuan Kuasa untuk Syarikat Membeli Sahamnya Sendiri

Sekiranya Resolusi 10 diluluskan, ia akan memperbaharui kuasa dan terus memberi kuasa kepada para Pengarah Syarikat untuk membeli saham Syarikat melalui Bursa Securities sehingga 10% daripada modal saham terbitan dan berbayar Syarikat ("Cadangan Pembelian Balik Saham").

Sila rujuk kepada Bahagian C Penyata Mengiringi Notis AGM untuk butiran lanjut tentang Cadangan Pembelian Balik Saham.

NOTA-NOTA BERKENAAN PROKSI

- (1) Setiap ahli Syarikat yang berhak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat ini berhak melantik seorang atau lebih proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya, dengan syarat bilangan proksi yang dilantik tidak melebihi dua orang kecuali dalam situasi yang dinyatakan dalam Nota 2 dan 3. Proksi boleh, tidak semestinya ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak diguna pakai terhadap Syarikat. Tidak terdapat sebarang batasan yang dikenakan ke atas kelayakan proksi.
- (2) Di mana seorang ahli Syarikat adalah penama yang diberi kuasa, beliau boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegangnya di mana saham biasa dalam Syarikat adalah dikreditkan. Setiap pelantikan proksi oleh penama yang diberi kuasa boleh dilakukan secara berasingan atau dalam satu instrumen proksi, butir-butir nombor akaun sekuriti serta nama pemilik manfaat yang diwakili oleh penama yang diberi kuasa tersebut perlu dinyatakan. Bagi penama yang diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang saham-saham biasa dalam Syarikat untuk beberapa pemilik manfaat dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tidak ada had dikenakan ke atas bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama diberi kuasa dikecualikan bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya.
- (3) Surat cara pelantikan proksi hendaklah:
 - (i) sekiranya seseorang individu, ditandatangani oleh pelantik atau oleh wakil kuasa beliau; dan
 - (ii) sekiranya sebuah perbadanan, di bawah meterai rasmi syarikat atau ditandatangani oleh wakil kuasa syarikat atau seorang pegawai yang mewakili pihak perbadanan tersebut.
- (4) Sekiranya ahli melantik lebih daripada seorang proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan beliau menetapkan kadar pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
- (5) Surat cara pelantikan proksi yang asal mesti didepositkan di **pejabat pendaftar saham Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn Bhd di Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan** untuk mengadakan mesyuarat atau penangguhan mesyuarat atau sekiranya ada undian, tidak kurang daripada 24 jam sebelum undian diadakan; jika tidak borang proksi tersebut adalah dianggap tidak sah dan sehubungan dengan itu sesiapa yang dinamakan tidak akan diberi hak untuk mengundi. Salinan faks bagi borang proksi yang telah diisi dengan sewajarnya tidak diterima.
- (6) Setiap proksi boleh mengundi dengan cara mengangkat tangan atau dalam kertas undian. Sekiranya borang proksi dikembalikan tanpa menyatakan kaedah pengundian proksi ke atas sebarang perkara tertentu, proksi tersebut boleh menggunakan budi bicara beliau untuk mengundi sebagaimana yang beliau dikehendaki.
- (7) Penyerahan borang proksi yang telah dilengkapkan tidak menghalang seseorang ahli daripada menghadiri dan mengundi secara sendiri di mesyuarat tersebut sekiranya ahli berkenaan ingin berbuat demikian. Seseorang proksi yang dilantik untuk menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat ini mempunyai hak yang sama seperti ahli untuk berucap semasa mesyuarat dan instrumen pelantikan seseorang proksi akan dianggap memberi kuasa untuk meminta atau menyertai dalam menuntut pungutan suara. Sekiranya anda kemudiannya membuat keputusan untuk menghadiri AGM, anda diminta untuk membatalkan pelantikan proksi sebelum ini dan memaklumkan pendaftar saham kami secepat mungkin.

AHLI YANG BERHAK HADIR

Untuk tujuan menentukan ahli yang berhak untuk menghadiri AGM ini selaras dengan Tataurusian Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Syarikat akan meminta permohonan kepada Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd untuk menerbitkan Rekod Pendeposit ("ROD") setakat 11 Jun 2015. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam ROD setakat 11 Jun 2015 adalah berhak untuk menghadiri AGM ini atau melantik proksi untuk hadir dan/atau mengundi bagi pihak pendeposit tersebut.

Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

PENYATA MENGIRINGI NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KETIGA ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD ("Syarikat") menurut perenggan 8.27(2) dan 12.06(2)(a) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

BAHAGIAN A (Resolusi 2 hingga 5)

PEMILIHAN SEMULA PENGARAH MENURUT TATAURUSAN PERTUBUHAN SYARIKAT

Profil Pengarah yang tampil untuk pemilihan semula mengikut Resolusi Biasa 2 hingga 5 seperti yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga ("AGM"), dikemukakan pada muka surat 40 hingga 43 dalam Laporan Tahunan 2015.

BAHAGIAN B (Resolusi 9)

PEMBAHARUAN KUASA UNTUK PENGARAH MENERBITKAN SAHAM BIASA MENURUT SEKSYEN 132D AKTA SYARIKAT, 1965 ("Akta")

Para pemegang saham Syarikat telah meluluskan resolusi untuk memberi kuasa kepada Pengarah kita menerbitkan saham biasa baharu dalam Syarikat menurut Seksyen 132D Akta ("Mandat Am") semasa AGM terakhir pada 19 Jun 2014.

Syarikat kita belum menerbitkan sebarang saham baharu menurut Mandat Am yang akan luput apabila berakhirnya AGM ini.

Sekiranya Resolusi 9 diluluskan, ia akan memperbaharui kuasa dan terus memberi para Pengarah kita kuasa, menurut Seksyen 132D Akta, bagi menerbitkan saham biasa baharu dalam Syarikat sehingga bilangan agregat yang tidak melebihi 10% daripada modal saham Syarikat yang diterbitkan buat masa ini dari tarikh AGM ini sehingga mesyuarat agung tahunan berikutnya untuk tujuan sedemikian mengikut pertimbangan para Pengarah kami adalah demi kepentingan Syarikat. Mandat Am tersebut akan memberi kelonggaran kepada Syarikat kita untuk sebarang kegiatan mengumpul dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada penempatan saham bagi tujuan memberikan pelaburan, modal kerja, dan/atau pengambilalihan pada masa hadapan. Dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah ("Lembaga") kita akan menggunakan kuasanya untuk menerbitkan saham hanya jika ia menganggap bahawa ia adalah demi kepentingan Syarikat.

BAHAGIAN C (Resolusi 10)

PEMBAHARUAN KUASA UNTUK SYARIKAT MEMBELI SAHAMNYA SENDIRI SEHINGGA 10% DARIPADA MODAL SAHAM DITERBITKAN DAN BERBAYARNYA ("CADANGAN PEMBAHARUAN KUASA UNTUK PEMBELIAN BALIK SAHAM")

1. PENGENALAN

Pada 19 Jun 2014, kami telah memperolehi kelulusan anda untuk kuasa bagi Syarikat membeli saham kita sendiri sehingga 10% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar. Kelulusan tersebut hendaklah, menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, luput semasa berakhirnya AGM Ketiga akan datang yang dijadualkan pada 17 Jun 2015.

Pada 30 Mac 2015, kami telah mengumumkan hasrat untuk mendapatkan kelulusan anda bagi Cadangan Pembaharuan Kuasa Pembelian Balik Saham pada AGM akan datang.

Tujuan Penyata ini adalah untuk memberikan anda maklumat yang relevan berkenaan Cadangan Pembaharuan Kuasa Pembelian Balik Saham dan mendapatkan kelulusan anda untuk resolusi yang berkaitan dengan Cadangan Pembaharuan Kuasa Pembelian Balik Saham yang akan dibentangkan pada AGM akan datang.

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA PENYATA INI DENGAN CERMAT SEBELUM MENGUNDI TERHADAP RESOLUSI YANG BERKAITAN DENGAN CADANGAN PEMBAHARUAN KUASA UNTUK PEMBELIAN BALIK SAHAM YANG AKAN DIBENTANGKAN PADA AGM KITA YANG AKAN DATANG.

Penyata Mengiringi Notis **Mesyuarat Agung Tahunan**

2. BUTIRAN TENTANG CADANGAN PEMBAHARUAN KUASA UNTUK PEMBELIAN BALIK SAHAM

2.1 Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Pembelian Balik Saham

Kami mencadang untuk mendapatkan kelulusan anda bagi pembaharuan kuasa untuk diberikan kepada Syarikat kita bagi pembelian saham biasa Syarikat yang bernilai RM0.10 sesaham ("Saham AMH") sehingga 10% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar ("Cadangan Pembelian Balik Saham") kita, dengan tertakluk kepada pematuhan terhadap Seksyen 67A Akta, Memorandum dan Tataurus Pertubuhan, Keperluan Penyenaraian Bursa Securities serta sebarang undang-undang dan peraturan yang wujud, pengawalseliaan, arahan, garis panduan serta keperluan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan sewaktu pembelian.

Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Pembelian Balik Saham, jika diberikan oleh para pemegang saham kita, hendaklah berkuat kuasa apabila resolusi biasa diluluskan pada AGM akan datang sehingga:

- (a) berakhirnya AGM kami yang berikutnya;
- (b) luputnya tempoh yang mana mengikut undang-undang dalam masa tersebut AGM kita yang berikutnya perlu diadakan; atau
- (c) ditarik balik atau diubah oleh suatu resolusi biasa yang diluluskan oleh para pemegang saham kita pada mesyuarat agung, bergantung kepada yang mana terawal.

2.2 Pendanaan

Ia merupakan hasrat kami untuk menjana dana secara dalaman bagi membiayai pembelian Saham AMH dan sebarang keputusan oleh Lembaga Pengarah kita untuk membeli, antara lain, adalah bergantung kepada ketersediaan dana di samping keadaan dan sentimen pasaran.

Walau apapun, jumlah dana maksimum untuk digunakan bagi membeli Saham AMH menurut Cadangan Pembelian Balik Saham tidak harus melebihi agregat perolehan tertahan dan akaun premium saham kita. Berdasarkan Penyata Kewangan Beraudit kita yang terbaharu, setakat 13 Januari 2015, perolehan tertahan dan akaun premium saham Syarikat kita, masing-masing adalah sebanyak RM222.2 juta dan RM6,174.7 juta.

3. RASIONAL BAGI CADANGAN PEMBELIAN BALIK SAHAM

Kuasa untuk Cadangan Pembelian Balik Saham akan memberikan Syarikat kami fleksibiliti tambahan berhubung dengan inisiatif pengurusan modal kami, di mana jika dilaksanakan, Syarikat mempunyai pilihan untuk menggunakan apa-apa dana lebihan secara cekap bagi membeli Saham AMH daripada pasaran terbuka. Cadangan Pembelian Balik Saham, sekiranya dilaksanakan, boleh juga membantu memantapkan penawaran dan permintaan serta harga pasaran Saham AMH.

Selanjutnya, pembelian saham Syarikat kami sendiri dijangka akan mengakibatkan penambahbaikan terhadap perolehan sesaham ("EPS") Syarikat (oleh kerana berlakunya kemerosotan dalam asas saham yang diguna untuk mengira perkara tersebut), dan ini pula akan memberi manfaat kepada pemegang saham kami. Sebagai pilihan, sebarang pembelian Saham AMH yang tertahan sebagai saham perbendaharaan boleh dijual semula di Bursa Securities dengan potensi untuk menjualnya pada harga lebih tinggi dan/atau diagihkan sebagai dividen saham kepada pemegang saham kami.

4. POTENSI KELEBIHAN DAN KEKURANGAN BAGI CADANGAN PEMBELIAN BALIK SAHAM

- 4.1 Sekiranya Cadangan Pembelian Balik Saham ini dilaksanakan, ia boleh membantu memantapkan penawaran dan permintaan Saham AMH yang didagang di Pasaran Utama Bursa Securities dan seterusnya boleh mengurangkan ketidaktentuan harga pasaran Saham AMH untuk jangka pendek dan dari sudut pandangan kami ia dapat menyokong nilai intrinsik Syarikat kami.

Lembaga Pengarah boleh mengekalkan Saham AMH yang dibeli sebagai saham perbendaharaan dan kemudian mengagihkannya sebagai dividen saham kepada pemegang saham kami atau membatalkan saham perbendaharaan.

Penyata Mengiringi Notis **Mesyuarat Agung Tahunan**

Di samping itu, Syarikat kami boleh berpeluang merealisasikan potensi nilai modal wajar jika Saham AMH yang dibeli itu dijual semula pada harga yang lebih tinggi daripada harga belian dan hasil jualan boleh digunakan kemudiannya untuk peluang pelaburan yang timbul di masa hadapan, sebagai modal kerja dan/atau diagihkan sebagai dividen kepada pemegang saham kami.

- 4.2 Walau bagaimanapun, sekiranya Cadangan Pembelian Balik Saham dilaksanakan, ia akan mengurangkan jumlah sumber kewangan yang tersedia untuk diagihkan kepada pemegang saham dan boleh menyebabkan Kumpulan kami perlu melepaskan peluang pelaburan yang lain yang mungkin timbul pada masa hadapan, atau menyebabkan Kumpulan kehilangan pendapatan faedah yang boleh diraih daripada dana yang digunakan untuk sebarang pembelian Saham AMH. Selain itu, sebarang pembelian Saham AMH akan mengurangkan aliran tunai Kumpulan mengikut nilai pembelian Saham AMH.

Penyusutan yang sedemikian dalam sumber kewangan Kumpulan kami boleh dikurangkan memandangkan Saham AMH yang dibeli dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan boleh dijual semula kemudiannya.

- 4.3 Lembaga Pengarah kami tidak menjangkakan Cadangan Pembelian Balik Saham ini menyebabkan sebarang kekurangan material kepada Syarikat dan pemegang saham kami kerana ia akan dilaksanakan hanya selepas pertimbangan yang sewajarnya tentang sumber kewangan Kumpulan dan kesan yang terhasil terhadap Syarikat dan pemegang saham kami. Dalam membuat sebarang keputusan untuk membeli Saham AMH, Lembaga Pengarah sentiasa prihatin tentang kepentingan Syarikat dan pemegang saham.

5. KESAN CADANGAN PEMBELIAN BALIK SAHAM

5.1 Modal Saham

Cadangan Pembelian Balik Saham tidak mempunyai sebarang kesan terhadap modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat melainkan Saham AMH yang dibeli dibatalkan.

Untuk tujuan penjelasan, berdasarkan modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat pada 31 Januari 2015 dan mengandaikan bilangan maksimum Saham AMH yang dibenarkan untuk dibeli oleh Syarikat menurut Cadangan Pembelian Balik Saham ("Pembelian Maksimum") dan pembatalan kesemua saham yang dibeli kemudiannya, modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat akan merosot dari RM520.2 juta kepada RM468.2 juta.

5.2 Perolehan Sesaham - EPS

Kesan Cadangan Pembelian Balik Saham terhadap perolehan dan EPS Kumpulan kami akan bergantung kepada pelbagai faktor termasuk bilangan Saham AMH yang dibeli serta sebarang pendapatan lepas yang berkaitan dengan pendanaan pembelian tersebut. Walau bagaimanapun, seperti yang diketengahkan dalam Sekyen 3 di atas, pembelian Saham AMH akan mengakibatkan bilangan saham yang lebih rendah dimasukkan kira bagi tujuan pengiraan EPS, yang dijangka akan memperbaiki EPS Kumpulan kami.

5.3 Aset Bersih dan Aset Bersih sesaham

Jika Cadangan Pembelian Balik Saham dilaksanakan, aset bersih yang boleh diatributkan kepada pemegang ekuiti ("NA") Kumpulan kami akan berkurangan dengan nilai pembelian Saham AMH apabila dibeli. Jika saham perbendaharaan dibatalkan dan/atau diagihkan sebagai dividen saham, tidak ada kesan tambahan ke atas NA Kumpulan kami. Jika saham perbendaharaan dijual semula, NA Kumpulan akan bertambah oleh nilai jualan Saham AMH. Apabila pembelian dan penjualan semula Saham AMH diambil secara keseluruhan, akan berlaku peningkatan bersih dalam NA Kumpulan jika nilai penjualan semula adalah lebih tinggi daripada nilai pembelian serta kemerosotan bersih jika nilai penjualan semula adalah lebih rendah daripada nilai pembelian.

Seterusnya, NA sesaham Kumpulan kami akan meningkat jika harga pembelian Saham AMH adalah kurang daripada NA sesaham pada masa pembelian, dan akan merosot jika harga pembelian Saham AMH adalah lebih daripada NA sesaham pada masa pembelian. Kesan berlawanan akan turut terpakai jika saham perbendaharaan dijual semula kemudiannya.

5.4 Modal Kerja

Cadangan Pembelian Balik Saham tidak dijangka mempunyai kesan material terhadap modal kerja Kumpulan memandangkan Syarikat kami hanya akan membeli saham kami sendiri jika Syarikat mempunyai dana lebihan, setelah mengambil kira perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja Kumpulan kami.

Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

5.5 Kesan Proforma terhadap pegangan saham oleh Pemegang Saham Penting dan Pengarah

Berdasarkan Daftar Pemegang Saham Penting, Daftar Pegangan Saham Pengarah dan modal saham diterbitkan serta berbayar pada 30 April 2015, kesan proforma bagi Cadangan Pembelian Balik Saham terhadap Pemegang Saham Penting dan pegangan saham Pengarah dalam Syarikat (mengandaikan Pembelian Maksimum daripada pemegang saham Syarikat selain daripada pemegang saham penting dan Pengarah) adalah seperti berikut:

		Setakat 30 April 2015				Selepas Pembelian Maksimum menurut Cadangan Pembelian Balik Saham			
		Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
	Nota	Bil. Saham AMH	%	Bil. Saham AMH	%	Bil. Saham AMH	%	Bil. Saham AMH	%
Pemegang Saham Utama:									
Pantai Cahaya Bulan Ventures Sdn Bhd ("PCBV")		1,077,735,927	20.72	-	-	1,077,735,927	23.02	-	-
Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah")	1	-	-	1,077,735,927	20.72	-	-	1,077,735,927	23.02
All Asia Media Equities Limited ("AAME")		1,013,297,290	19.48	-	-	1,013,297,290	21.64	-	-
Usaha Tegas Entertainment Systems Sdn Bhd ("UTES")	2	235,778,182	4.53	1,013,297,290	19.48	235,778,182	5.04	1,013,297,290	21.64
Usaha Tegas Sdn Bhd ("UTSB")	3	-	-	1,249,075,472	24.01	-	-	1,249,075,472	26.68
Pacific States Investment Limited ("PSIL")	4	-	-	1,249,075,472	24.01	-	-	1,249,075,472	26.68
Excorp Holdings N.V. ("Excorp")	5	-	-	1,249,075,472	24.01	-	-	1,249,075,472	26.68
PanOcean Management Limited ("PanOcean")	5	-	-	1,249,075,472	24.01	-	-	1,249,075,472	26.68
Ananda Krishnan Tatparanandam ("TAK")	6	-	-	2,133,139,626	41.01	-	-	2,133,139,626	45.56
Harapan Terus Sdn Bhd ("HTSB")	7	-	-	462,124,447	8.88	-	-	462,124,447	9.87
Tun Haji Mohammed Hanif Bin Omar	8	-	-	462,124,447	8.88	-	-	462,124,447	9.87
Mohamad Shahrin Bin Merican	8	-	-	462,124,447	8.88	-	-	462,124,447	9.87
Dato' Haji Badri Bin Haji Masri ("DHB")	9	-	-	462,624,447	8.89	-	-	462,624,447	9.88
T.Rowe Price Associates, Inc.	10	-	-	265,028,800	5.10	-	-	265,028,800	5.66
Pengarah:									
Tun Dato' Seri Zaki Bin Tun Azmi ("TZ")		1,000,000	0.02	-	-	1,000,000	0.02	-	-
Augustus Ralph Marshall ("ARM")		8,500,000	0.16	-	-	8,500,000	0.18	-	-
Dato' Rohana Binti Tan Sri Datuk Haji Rozhan ("DRR")	11	4,040,000	0.08	-	-	4,040,000	0.09	-	-
Datuk Chin Kwai Yoong ("DCKY")		1,000,000	0.02	-	-	1,000,000	0.02	-	-
Dato' Mohamed Khadar Bin Merican ("DKM")		855,600	0.02	-	-	855,600	0.02	-	-

Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

		Setakat 30 April 2015				Selepas Pembelian Maksimum menurut Cadangan Pembelian Balik Saham			
		Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
	Nota	Bil. Saham AMH	%	Bil. Saham AMH	%	Bil. Saham AMH	%	Bil. Saham AMH	%
Bernard Anthony Cragg ("BAC")		-	-	-	-	-	-	-	-
Quah Bee Fong ("QBF")		-	-	-	-	-	-	-	-
Datuk Yvonne Chia ("DYC")		-	-	-	-	-	-	-	-
Lim Ghee Keong ("LGK")		1,000,000	0.02	-	-	1,000,000	0.02	-	-

Nota:

- (1) Khazanah dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH oleh sebab PCBV merupakan subsidiari milik penuh Khazanah.
- (2) UTES dianggap mempunyai kepentingan dalam kesemua Saham AMH di mana AAME mempunyai kepentingan, oleh sebab UTES memegang 100% kepentingan ekuiti dalam AAME. Selain daripada anggapan kepentingan yang dipegang melalui AAME dalam AMH, UTES memegang secara langsung 235,778,182 Saham AMH yang mewakili 4.53% kepentingan ekuiti dalam AMH.
- (3) UTSB dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH oleh sebab UTSB memegang 100% kepentingan ekuiti dalam UTES. Sila rujuk Nota (2) di atas untuk kepentingan langsung dan anggapan kepentingan UTES dalam Saham AMH.
- (4) PSIL dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH oleh sebab PSIL memegang 99.999% kepentingan ekuiti dalam UTSB. Sila rujuk Nota (3) di atas untuk anggapan kepentingan UTSB dalam Saham AMH.
- (5) PanOcean memegang 100% kepentingan ekuiti dalam Excorp yang memegang 100% kepentingan ekuiti dalam PSIL. Sila rujuk Nota (4) di atas untuk anggapan kepentingan PSIL dalam Saham AMH. PanOcean merupakan pemegang amanah bagi sebuah tabung amanah budi bicara, di mana pemegang amanahnya adalah anggota keluarga TAK dan yayasan termasuk untuk tujuan amal. Sungguhpun PanOcen dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH, ia tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi ataupun manfaat dalam Saham AMH itu, kerana kepentingan tersebut dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara tersebut.
- (6) TAK dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH oleh sebab keadaan berikut:
 - (i) Anggapan kepentingan PanOcean sebanyak 1,249,075,472 Saham AMH yang mewakili 24.01% kepentingan ekuiti dalam AMH dipegang secara langsung oleh UTES dan AAME;

Walaupun TAK dianggap mempunyai kepentingan dalam Saham AMH namun beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi ataupun manfaat dalam Saham AMH itu, kerana kepentingan tersebut dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara tersebut yang dirujuk dalam Nota (5) di atas;
 - (ii) kepentingan East Asia Broadcast Network Systems N.V. ("EABNS"), Pacific Broadcast Systems N.V. ("PBS"), Home View Limited N.V. ("HVL"), Southpac Investments Limited N.V. ("SIL"), Ujud Cergas Sdn Bhd ("UCSB"), Metro Ujud Sdn Bhd ("MUSB"), Mujur Sanjung Sdn Bhd ("MSSB"), Prisma Gergasi Sdn Bhd ("PGSB") dan Ujud Murni Sdn Bhd ("UMSB") yang secara kolektifnya memegang secara langsung 884,064,154 Saham AMH yang mewakili 17% kepentingan ekuiti dalam AMH. TAK dianggap mempunyai kepentingan dalam 884,064,154 Saham AMH yang dipegang secara kolektif oleh EABNS, PBS, HVL, SIL, UCSB, MUSB, MSSB, PGSB dan UMSB oleh sebab beliau memegang 100% kepentingan ekuiti dalam syarikat induk muktamad mereka masing-masing, iaitu Tucson N.V., Orient Systems Limited N.V., Home View Holdings N.V., Southpac Holdings N.V., All Asia Radio Broadcast N.V., Global Radio Systems N.V., Maestra International Broadcast N.V., Maestra Global Radio N.V. dan Global Broadcast Systems N.V.
- (7) Anggapan kepentingan HTSB dalam Saham AMH timbul menerusi subsidiari milik penuhnya, iaitu Berkat Nusantara Sdn. Bhd., Nusantara Cempaka Sdn. Bhd., Nusantara Delima Sdn. Bhd., Mujur Nusantara Sdn. Bhd., Sanjung Nusantara Sdn. Bhd. Dan Gerak Nusantara Sdn. Bhd. ("Subsidiari HTSB").

Subsidiari HTSB memegang Saham AMH itu di bawah amanah budi bicara bagi objek Bumiputera. Justeru itu beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi dalam Saham AMH yang sedemikian memandangkan kepentingan tersebut dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara.

Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

- (8) Dianggap mempunyai kepentingan ke atas 462,124,447 Saham AMH yang mewakili 8.88% kepentingan ekuiti dalam AMH disebabkan oleh 25% kepentingan ekuiti secara langsungnya dalam HTSB. Sila rujuk Nota (7) untuk anggapan kepentingan HTSB dalam Saham AMH.
- (9) DHB dianggap mempunyai kepentingan ke atas 462,624,447 Saham AMH yang mewakili 8.89% kepentingan ekuiti dalam AMH disebabkan oleh yang berikut:
 - (i) anggapan kepentingan beliau ke atas 500,000 Saham AMH yang mewakili 0.01% kepentingan ekuiti dalam AMH yang dipegang oleh Casa Saga Sdn Bhd ("CSSB") oleh sebab 99% kepentingan ekuiti langsungnya dalam CSSB.
 - (ii) anggapan kepentingan beliau ke atas 462,124,447 Saham AMH yang mewakili 8.88% kepentingan ekuiti dalam AMH di mana HTSB mempunyai kepentingan oleh sebab 25% kepentingan ekuiti langsungnya dalam HTSB. Anggapan kepentingan HTSB dalam Saham AMH timbul menerusi Subsidiari HTSB.

Subsidiari HTSB memegang Saham AMH itu di bawah amanah budi bicara bagi objek Bumiputera. Justeru itu beliau tidak mempunyai sebarang kepentingan ekonomi dalam Saham AMH yang sedemikian memandangkan kepentingan tersebut dipegang dengan tertakluk kepada syarat amanah budi bicara.
- (10) TRowe merupakan penasihat pelaburan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S dan bertindak sebagai pengurus pelaburan budi bicara bagi pihak pelbagai klien.
- (11) DRR juga mempunyai kepentingan ke atas 3,936,200 Saham AMH yang belum diterbitkan menurut Skim Saham Syarikat.

Setakat 30 April 2015, berdasarkan Rekod Pendeposit, pengedaran pegangan saham umum kami adalah 29%.

6. IMPLIKASI KOD MALAYSIA KE ATAS PENGAMBILALIHAN DAN PENGGABUNGAN, 2010

Di bawah subperenggan 10.1, Nota Amalan 9 Kod Malaysia mengenai Pengambilalihan dan Penggabungan, 2010, ("Kod"), obligasi tawaran mandatori di bawah Bahagian III Kod ("MGO") timbul apabila:

- (a) seseorang mendapat kawalan dalam syarikat akibat daripada skim beli balik saham syarikat;
- (b) seseorang (yang memegang lebih daripada 33% tetapi tidak lebih daripada 50% saham mengundi atau hak mengundi sesebuah syarikat) akibat daripada skim beli balik saham oleh syarikat, meningkatkan pegangan beliau dalam saham pengundian atau hak mengundi syarikat sebanyak lebih daripada 2% dalam mana-mana tempoh enam bulan; atau
- (c) seseorang (yang memegang lebih daripada 33% tetapi tidak lebih daripada 50% saham mengundi atau hak mengundi sesebuah syarikat) memperoleh lebih daripada 2% saham mengundi atau hak mengundi syarikat apabila beliau tahu atau secara wajarnya patut tahu bahawa syarikat akan melaksanakan skim beli balik.

Pembelian selanjutnya oleh Syarikat kami bagi Saham AMH menurut Cadangan Pembelian Balik Saham boleh mengakibatkan UTSB dan/atau syarikat sekutunya mencetuskan obligasi untuk melakukan MGO. Ia merupakan hasrat Lembaga Pengarah untuk melaksanakan Cadangan Pembelian Balik Saham dengan cara yang tidak akan menyebabkan mana-mana pemegang saham kami perlu melaksanakan MGO menurut Kod.

7. PEMBELIAN SAHAM AMH SEMASA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 JANUARI 2015

Syarikat kami tidak membeli sebarang Saham AMH semasa tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015.

8. KEPENTINGAN PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM PENTING

Kecuali untuk meningkatkan peratusan pegangan saham dan/atau hak mengundi dalam Syarikat kami yang timbul daripada pelaksanaan Cadangan Pembelian Balik Saham, tidak ada mana-mana Pengarah serta Pemegang Saham Penting dan/atau individu yang dikaitkan dengan mereka mempunyai sebarang kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, dalam Cadangan Pembelian Balik Saham atau penjualan semula saham perbendaharaan di masa hadapan (jika ada).

Penyata Mengiringi Notis **Mesyuarat Agung Tahunan****9. CADANGAN PENGARAH**

Setelah mempertimbangkan segala aspek yang relevan, para Pengarah kami berpendapat bahawa Cadangan Pembelian Balik Saham adalah demi kepentingan Syarikat dan mencadangkan anda untuk mengundi dengan menyokong resolusi yang berkaitan dengan Cadangan Pembaharuan Kuasa untuk Pembelian Balik Saham yang akan dibentangkan pada AGM kami yang akan datang.

10. KENYATAAN OLEH BURSA SECURITIES

Bursa Securities tidak bertanggungjawab terhadap kandungan Penyata ini, tidak membuat perwakilan berkenaan ketepatan atau kelengkapannya serta dengan jelas menafikan sebarang liabiliti apa juga pun untuk sebarang kerugian walau macam mana sekalipun ia timbul daripada atau dengan bersandarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Penyata ini.

Borang Proksi



Bilangan saham yang dipegang	No akaun CDS

Saya*/Kami, _____ *No. K/P/*Pasport/*Syarikat _____
(nama penuh dalam huruf besar) (wajib)

Beralamat di _____
(alamat penuh ahli dalam huruf besar)

dan no telefon. _____, sebagai ahli Astro Malaysia Holdings Berhad ("Syarikat"), dengan ini melantik nama(-nama) di bawah sebagai proksi saya/kami:

1.	_____ (NAMA PENUH PROKSI DALAM HURUF BESAR) ("PROKSI 1")	*No.K/P/*Pasport _____ (WAJIB)
2.	_____ (NAMA PENUH PROKSI DALAM HURUF BESAR) ("PROKSI 1")	*No.K/P/*Pasport _____ (WAJIB)

atau sekiranya beliau tidak dapat hadir, Pengerusi Mesyuarat sebagai proksi*saya/kami untuk mengundi bagi pihak *saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga Syarikat yang akan diadakan pada hari Rabu, 17 Jun 2015 pada 9.30 pagi di Grand Ballroom, Aras 3A, Connexion@Nexus, Nexus, Bangsar South City, No.7, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia dan sebarang penangguhnya.

*Saya/Kami menandatangani dengan "x" pada ruang di bawah tentang bagaimana *saya/kami ingin undian dibuat:

Bil.	Resolusi Biasa	Sokong	Bantah	Berkecuali
1.	Pengisytiharan dividen setingkat akhir bernilai 2.0 sen seunit saham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2015			
2.	Pelantikan semula Bernard Anthony Cragg sebagai Pengarah Syarikat			
3.	Pelantikan semula Dato' Mohamed Khadar Bin Merican sebagai Pengarah Syarikat			
4.	Pelantikan semula Datuk Chin Kwai Yoong sebagai Pengarah Syarikat			
5.	Pelantikan semula Quah Bee Fong sebagai Pengarah Syarikat			
6.	Pelantikan semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat			
7.	Pengekalan Dato' Mohamed Khadar Bin Merican sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat			
8.	Pengekalan Datuk Chin Kwai Yoong sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas Syarikat			
9.	Cadangan Pembaharuan Kuasa Pengarah untuk Menerbitkan Saham Biasa			
10.	Cadangan Pembaharuan Kuasa Pengarah untuk Syarikat Membeli Sahamnya Sendiri			

Berdasarkan arahan mengundi di atas, proksi *saya/kami boleh mengundi atau memilih untuk berkecuali dalam sebarang resolusi yang dirasakan sesuai.

Bertarikh hari ini _____ 2015

Bahagian pemegang saham untuk diwakili oleh proksi *saya/kami adalah seperti berikut:

	Jumlah saham	Peratus
Jumlah pegangan saham		100%
Proksi 1		
Proksi 2		

Tandatangan (jika individu)/
Cop Meterai (jika perbadanan)

Nota:

- (1) Seseorang ahli Syarikat yang berhak hadir dan mengundi pada mesyuarat ini berhak melantik seorang atau lebih proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya selagi jumlah proksi yang dilantik tidak melebihi dua orang kecuali dalam keadaan yang dinyatakan dalam Nota 2 dan 3. Seorang proksi tidak semestinya ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak diguna pakai terhadap Syarikat. Tidak ada sebarang halangan tentang kelayakan proksi.
- (2) Di mana ahli Syarikat adalah nomini yang dibenarkan, beliau boleh melantik seorang proksi bagi setiap akaun sekuriti yang dipegang di mana saham biasa Syarikat dikreditkan. Setiap pelantikan proksi oleh seorang nomini yang dibenarkan boleh dilakukan secara berasingan atau dalam satu instrumen proksi dengan menjelaskan nombor akaun sekuriti dan nama pemilik kepentingan yang mana diwakili oleh nomini yang dibenarkan tersebut. Bagi nomini terkecuali yang dibenarkan yang memegang saham Syarikat untuk berbilang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti ("akaun omnibus"), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini terkecuali yang dibenarkan berhubung dengan setiap akaun omnibus yang dipegangnya.
- (3) Surat cara pelantikan proksi hendaklah:-
 - (i) dalam hal individu, ditandatangani oleh pelantik atau oleh peguamnya; dan
 - (ii) dalam hal sebuah perbadanan, sama ada di bawah meterai rasmi atau ditandatangani oleh peguamnya atau seorang pegawai bagi pihak perbadanan tersebut.
- (4) Apabila ahli melantik lebih dari satu proksi, pelantikan tersebut akan menjadi tidak sah melainkan beliau menjelaskan jumlah pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
- (5) Surat cara pelantikan proksi yang asal mesti didepositkan di **pejabat Pendaftar Saham, Symphony Share Registrars Sdn Bhd di Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, tidak kurang dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk mengadakan Mesyuarat** atau sebarang penangguhannya atau sekiranya ada undian, tidak kurang dari 24 jam sebelum undian diadakan; jika tidak borang proksi tersebut tidak akan dikira sah dan sesiapa yang dinamakan tidak akan diberikan hak untuk membuat undian. Salinan faks bagi borang proksi tidak diterima.
- (6) Proksi boleh mengundi dengan mengangkat tangan atau di atas kertas undi. Sekiranya borang proksi dikembalikan tanpa sebarang petunjuk tentang bagaimana proksi tersebut boleh mengundi sebarang resolusi, proksi tersebut boleh membuat keputusan sama ada ingin membuat undian atau tidak, dan sekiranya ya, bagaimana.
- (7) Penyerahan borang proksi yang lengkap tidak menghalang ahli dari menghadiri diri dan membuat undian sendiri semasa mesyuarat tersebut sekiranya beliau membuat keputusan sedemikian. Proksi yang dilantik untuk menghadiri dan membuat undi pada mesyuarat ini akan mempunyai hak yang sama dengan ahli untuk bersuara semasa mesyuarat dan instrumen yang digunakan untuk melantik proksi akan menjadi bukti hak untuk meminta atau menyertai undian. Sekiranya anda kemudian membuat keputusan untuk menghadiri AGM, anda diminta untuk membatalkan pelantikan proksi sebelum ini dan memaklumkan pendaftar saham kami dengan segera.

Ahli yang Berhak Hadir

Bagi menentukan ahli yang layak untuk menghadiri AGM ini, Syarikat akan membuat permohonan terhadap Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, menurut Artikel 57 Tataurusn Pertubuhan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Pendepositan Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit atau Record of Depositors ("ROD") pada 11 Jun 2015. Only a depositor whose name appears on the ROD as at 11 Jun 2015 shall be entitled to attend the meeting or appoint a proxy(ies) to attend and/or vote on such depositor's behalf. Hanya pendeposit yang namanya tertera dalam Rekod Pendeposit pada 11 Jun 2015 adalah berhak menghadiri mesyuarat atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau bagi pihak pendeposit.

KERAHSIAAN DATA PERIBADI

Dengan mengemukakan maklumat dalam borang ini, anda mengizinkan Astro Malaysia Holdings Berhad (932533-V) memproses data peribadi anda dengan cara yang telah disyaratkan dalam Notis Kerahsiaan untuk Pemegang Saham yang dibentangkan di <http://www.astromalaysia.com.my/PrivacyNoticeShareholders.aspx>, dan mewajarkan keizinan bagi proksi(-proksi) dan/atau wakil(-wakil) yang mana data peribadi yang anda berikan turut diperolehi sewajarnya dan mereka telahpun dimaklumkan tentang notis kerahsiaan.

Sila lipat di sini



Symphony Share Registrars Sdn Bhd
Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Sila lipat di sini



KEPELBAGAIAN HIBURAN

astro
Television

astro
Radio

astro
Digital Publications

GO
SHOP

ASTRO MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (932533-V)
All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia,
Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil,
57000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: +603 9543 6688 Fax: +603 9543 6877

www.astromalaysia.com.my | www.astro.com.my